




# LAPORAN TAHUNAN 2018

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA



## ISI KANDUNGAN.

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Perutusan Pengarah Kesihatan Negeri	ii
Pengurusan Tertinggi JKWPKL&P	iii
Sidang Pengarang	iv
Sidang Editorial	v
Carta Organisasi	vi
Visi Dan Misi	viii
Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti	ix
Piagam Pelanggan	xi
Profil Kesihatan JKWPKL&P	xiii
Bahagian Pengurusan	1
Bahagian Perubatan	35
Bahagian Kesihatan Awam	78
Bahagian Farmasi	211
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan	259
Bahagian Pergigian	288
Sekalung budi	424
Aktiviti JKWPKL&P Sepanjang Tahun	430
Catatan	434


## PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Laporan Tahunan 2018 merupakan informasi berguna kepada semua peringkat samada peringkat jabatan, kementerian dan agensi-agensi lain. Diharapkan laporan ini dapat membantu seluruh warga JKWPKL&P menilai usaha-usaha yang telah dibuat sepanjang tahun 2018 dan diharapkan ia dapat memberi gambaran yang jelas berhubung dengan peranan dan tanggungjawab jabatan ini dalam hal-ehwal pengurusan kesihatan di Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Seterusnya ia dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi usaha dan pencapaian pada masa hadapan.

Saya berharap agar semua warga JKWPKL&P untuk terus berusaha meningkatkan kompetensi dan profesionalisme perkhidmatan penjawat awam ke tahap yang lebih tinggi seriring . Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JKWPKL&P yang terlibat dalam membantu bahagian mencapai segala perancangan yang diimpikan.

Akhir kata, semoga pencapaian yang digariskan di sini boleh dijadikan kayu pengukur untuk terus mengatur langkah dan mencatur strategi bagi peningkatan prestasi program dari semasa ke semasa.

  
Dr. Zainudin Bin Abdul Wahab  
Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Putrajaya



## PENGURUSAN TERTINGGI JKWPKL&P 2018



**Dr. Zainudin Bin Abdul Wahab**  
Pengarah Jabatan Kesihatan  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
dan Putrajaya



**Dr. Hjh Shahrum Binti Ismail**  
Timbalan Pengarah Kesihatan  
Negeri (Perubatan)



**Dr Chia Jit Chie**  
Timbalan Pengarah Kesihatan  
Negeri (Pergigian)



**Dr. Sirajuddin bin Hashim**  
Timbalan Pengarah Kesihatan  
Negeri (Kesihatan Awam)



**Puan Sharizat Binti Hj. Ahmad**  
Timbalan Pengarah Kesihatan  
Negeri (Keselamatan dan  
Kualiti Makanan)



**Pn. Nazrahtul Aini  
Binti Baharum**  
Timbalan Pengarah Kesihatan  
Negeri (Pengurusan)



**Tn. Syed Fadzli Bin  
Syed Sailuddin**  
Timbalan Pengarah Kesihatan  
Negeri (Farmasi)

## SIDANG PENGARANG

### **PENASIHAT**

**Dr. Zainudin Bin Abdul Wahab**

Pengarah Jabatan Kesihatan

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

### **PENGERUSI**

**Dr. Ghazi Bin Abd Manaf**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

### **TIMBALAN PENGERUSI**

**Dr. Sirajuddin Bin Hashim**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

(Kesihatan Awam)

**Dr Chia Jit Chie**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

(Pergigian)

**Tuan Syed Fadzli Bin Syed Sailuddin**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

(Farmasi)

**Puan Nazrahtul Aini Binti Baharum**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

(Pengurusan)

**Puan Sharizat Binti Hj. Ahmad**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

(Keselamatan dan Kualiti Makanan)

## SIDANG EDITORIAL

**Penasihat**

Dr. Zainudin Bin Abdul Wahab

**Ketua Editor**

Dr. Ghazi Bin Abd Manaf

**Penolong Ketua Editor**

Dr Hj Mohd Akmal Bin Dato' Dahlan

**Editor Bahagian Kesihatan Awam**

Dr. Khairun Syafinaz bt. Abdul Rahman

**Editor Bahagian Perubatan**

Pn. Nur Amanina Bt. Alias

Pn. Nur Syazana Bt Abdullah

**Editor Bahagian Farmasi**

En Hasryn Azzuar Bin Mohd Khairy

Pn Azliza Binti Abdol Aziz

**Editor Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan**

Pn Nurul Asyikin bt. Ismail

**Editor Bahagian Pengurusan**


Pn Komathi Mohana Dass


**Editor Bahagian Pergigian**

Dr. Siti Zuriana Bt M. Zamzur

**CARTA ORGANISASI**  
**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA 2018**

PENGARAH JABATAN KESIHATAN  
 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
 DAN PUTRAJAYA





## VISI

### JKWPKL&P

Mengembleng Tenaga  
Ke Arah Kesihatan Yang Lebih Baik

## MISI

### JKWPKL&P

**i. Untuk membolehkan dan memudahkan penduduk Kuala Lumpur**

- Mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- Menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

**ii. Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu**

- Mengutamakan pelanggan
- Saksama
- Tidak membebankan
- Cekap
- Wajar mengikut teknologi
- Boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- Inovatif

**iii. Dengan menekankan**

- Sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- Sifat menghormati maruah insan
- Penglibatan masyarakat

## DASAR KUALITI

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada semua lapisan masyarakat dengan penekanan kepada aspek promosi, pencegahan, rawatan dan rehabilitasi yang memenuhi system pengurusan kualiti dan penambahbaikan berterusan.

## OBJEKTIF KUALITI

### Bahagian Pengurusan

- ❖ Sebarang pembayaran bil dan tuntutan akan dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan.
- ❖ Sebarang aduan yang diterima direkod dan dimaklumkan untuk tindakan susulan dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.
- ❖ Sebarang Penyata Perubatan Mengenai Pendapatan Seorang Pegawai (Kew.8) bagi anggota lantikan baru disediakan dan dikemukakan kepada kewangan dalam tempoh 14 hari bekerja.
- ❖ Laman web JKWPKL&P dikemaskini setiap minggu

### Bahagian Kesihatan Awam

- ❖ Laporan pelaksanaan pemantauan indicator aktiviti di Bahagian Kesihatan Awam
- ❖ Kesihatan Awam dibentangkan di dalam Mesyuarat Bahagian Kesihatan Awam setiap 6 bulan

### Bahagian Perubatan

- ❖ Pemeriksaan dan laporan untuk pembaharuan lesen hospital (untuk permohonan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan iaitu enam (6) bulan sebelum tarikh tamat lesen) siap dikemukakan kepada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia tiga (3) bulan sebelum tamat lesen.
- ❖ Lawatan pemantauan dilakukan oleh pasukan penyeliaan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali.

- ❖ Memastikan semua acara yang diluluskan mempunyai pasukan perlindungan perubatan.

### **Bahagian Farmasi**

#### **Penguatkuasa Farmasi**

- ❖ Pengeluaran lesen baru jenis A/B/C dan Permit NaOH dikeluarkan dalam masa 10 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.

#### **Pengurusan Farmasi**

- ❖ Memastikan modal insan dan perancangan latihan diuruskan secara optima mengikut keperluan selain pengurusan kewangan yang mantap mengikut peraturan yang ditetapkan.

#### **Amalan Dan Perkembangan Farmasi**

Memastikan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui Amalan Farmasi yang berkesan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Farmasi di Malaysia supaya standing dengan kemajuan Perkembangan Perkhidmatan Farmasi di Negara-negara maju.

## PIAGAM PELANGGAN

Bil	PERKARA
1	<p>Pelanggan akan mula menerima perkhidmatan di Klinik Kesihatan/ Farmasi dalam masa 30 minit selepas pendaftaran atau kad diimbas.:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Klinik Kesihatan</li> <li>ii) Farmasi</li> <li>iii) &gt; 75% Pesakit Luar di Klinik Pergigian Mendapat Rawatan Dalam Masa 30 minit</li> </ul>
2	<p>Di Jabatan Kecemasan, pelanggan akan dikategorikan mengikut keutamaan kes kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Zon Merah : Pesakit akan dirawat <b>serta-merta</b>.</li> <li>ii. Zon Kuning : Pesakit akan diperiksa dalam masa <b>15 minit</b>.</li> </ul>
3	<p>Sijil Kesihatan dikeluarkan setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi daripada syarikat yang memohon dalam masa :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>3 hari bekerja</b> (sekiranya produk mempunyai sijil HACCP dari Kementerian Kesihatan).</li> <li>- <b>21 hari bekerja</b> (sekiranya produk tiada sijil HACCP).</li> </ul>
4	<p>Sijil Jualan Bebas dikeluarkan kepada Syarikat yang memohon dalam masa <b>24 jam</b> setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi.</p>
5	<p>Selepas menerima permohonan baru yang lengkap daripada pelanggan ;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lawatan ke premis pemohon bagi tujuan lesen hospital dan klinik akan dilakukan dalam masa <b>14 hari bekerja</b>.</li> <li>ii. Pengeluaran lesen / permit baru ( racun jenis A, B, E, Permit Naoh dan Permit Psikotropik) yang dikeluarkan dibawah Akta Racun 1952 dalam tempoh <b>10 hari bekerja</b>.</li> </ul>

6	Kawalan pencegahan wabak dalam tempoh <b>24 jam</b> dari tarikh notifikasi yang diterima bagi semua penyakit berjangkit.
7	Siasatan kes kematian akibat penyakit berjangkit adalah dalam tempoh <b>24 jam</b> dari tarikh notifikasi diterima.
8	Pengurusan aduan pelanggan direkod dan dimaklumkan penerimaannya dalam tempoh <b>3 hari bekerja</b> dan dijawab kepada pengadu tentang tindakan yang telah dibuat dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.
9	Pengurusan pembayaran Bil dan Tuntutan dijelaskan dalam tempoh masa <b>14 hari</b> daripada tarikh pengesahan kelulusan pembayaran.

# PROFILE JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

## PENDAHULUAN

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan secara tidak rasmi pada Jun 2001. Memulakan operasi di Jalan Dungun, Damansara Heights, Kuala Lumpur. Berpindah ke Blok E, Bangunan Kesihatan, Jalan Cenderasari Kuala Lumpur.

Mula beroperasi pada 1 Januari 2002. Berpindah ke Blok D, Kompleks Pejabat-pejabat Kesihatan, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur. Perpindahan meliputi Bahagian Perubatan, Bahagian Pengurusan, Bahagian Kesihatan Awam dan Bahagian Farmasi, Bahagian Pergigian mengekalkan kedudukannya di Bangunan Cahaya Suria, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur.

## KEPENDUDUKAN

**Jadual 1: Bilangan penduduk dan peratus penduduk mengikut daerah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya 2018**

	Kuala Lumpur			Putrajaya			Kuala Lumpur & Putrajaya		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
<b>Jumlah populasi</b>	973,900	906,300	1,880,200	42,900	48,900	91,800	1,022,800	955,200	1,978,000

**Sumber:** Jabatan Perangkaan Malaysia

## KEMUDAHAN KESIHATAN

**Jadual 2: Jumlah Kemudahan Hospital di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2018**

Hospital	Bil Katil
Hospital Putrajaya	341
Hospital Rehabilitasi Cheras	166

## TARAF KESIHATAN

**Jadual 3: Kadar kelahiran dan Kematian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2018**

	Kuala Lumpur	Putrajaya
Kadar Kasar Kelahiran (per 1000 penduduk)	13.5	27.4
Kadar Kasar Kematian (per 1000 penduduk)	4.7	2.2
Kadar Kesuburan (per 1000 penduduk)	1.5	2.6
Kadar Kelahiran Mati (per 1000 kelahiran)	5.0	5.8
Kadar Kematian Perinatal (per 1000 kelahiran hidup)	194	23
Kadar Kematian Neonatal (per 1000 kelahiran hidup)	98	12
Kadar Kematian Bayi (per 1000 kelahiran hidup)	150	22
Kadar Kematian Todler (per 1000 populasi 1-4 tahun)	27	5
Kadar Kematian Bawah-5 Tahun (per 1000 kelahiran hidup)	7.3	27
Nisbah Kematian Ibu (per 100000 kelahiran hidup)	27.2	0

**Sumber:** Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 4: Jumlah Kemudahan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2017**

Nama Pejabat Kesihatan Daerah / Klinik	Bil Kemudahan Kesihatan	
	Klinik Kesihatan	Klinik 1 Malaysia
PK Lembah Pantai	2	7
PK Cheras	4	6
PK Titiwangsa	3	8
PK Kepong	3	7
PKD Putrajaya	4	0
Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam	1	0
Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita Puspanita	1	0
Klinik Pergigian	109	0
Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA)	18	0

**Sumber:** Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

## 1.0 BAHAGIAN PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan merupakan tulang belakang kepada JKWPKL&P yang memainkan peranan penting dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan mencapai piawaian yang ditetapkan.

Bahagian Pengurusan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari segi proses prosedur kerja bagi meningkatkan kualiti kerja dari semasa ke semasa demi mencapai KPI jabatan. Bahagian ini juga menyediakan program latihan bagi meningkatkan kompetensi penjawat awam dan dalam masa yang sama turut menyediakan khidmat kaunseling kepada penjawat awam yang bermasalah. Berikut adalah senarai unit yang terdapat di Bahagian Pengurusan JKWPKL&P

1. Unit Sumber Manusia
2. Unit Kewangan
3. Unit Pengurusan Maklumat
4. Unit Pembangunan
5. Unit Psikologi dan Kaunseling
6. Unit Latihan dan Inovasi
7. Unit Perolehan
8. Unit Aset dan Stor
9. Unit Kejururawatan
10. Unit Penyelia Penolong Pegawai Perubatan

### 1.1 UNIT SUMBER MANUSIA

Bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan sumber manusia di JKWPKL&P dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berkualiti selaras dengan pekeliling dan peraturan perkhidmatan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Berperanan Dalam Memberi Perkhidmatan Sokongan Dari Segi Penyelarasan Dan Perancangan Khidmat Pelanggan (Aduan Dan Kaunter), Kenderaan, Pengurusan Rekod, Keselamatan Dan Utiliti Di Samping Urusan Housekeeping. Terdapat Lima (5) Seksyen Yang Menyokong Fungsi Unit Ini iaitu:

- i. Seksyen pengangkutan: memantau dan menyelaras tempahan dan penyelenggaraan kenderaan di samping kawasan letak kereta.
- ii. Seksyen daftaran dan rekod: memantau dan menyelaras pengurusan rekod dan fail di ibu pejabat dan bahagian pengurusan termasuk kad perakam waktu.
- iii. Seksyen pengurusan keselamatan dan kuarters: memantau dan menyelaras pengurusan keselamatan perlindungan dan fizikal di ibu pejabat.
- iv. Seksyen perkhidmatan: memantau dan menyelaras perkhidmatan pembersihan dan keselamatan di ibu pejabat serta pengurusan dan penyelenggaraan talian telefon, faks dan mesin fotostat.
- v. Seksyen khidmat pelanggan: memantau dan menyelaras pengurusan kaunter dan aduan di jabatan.

Sehingga tahun 2018, jumlah perjawatan yang telah diluluskan di JKWP&P adalah sebanyak 7,080 jawatan yang dibahagikan mengikut kategori kumpulan jawatan iaitu kumpulan Pengurusan dan Profesional, kumpulan Paramedik dan Aukiliari serta kumpulan Gunasama dan Sokongan dengan jumlah pengisian sebanyak 6,630 jawatan (94%). Senarai perjawatan dan pengisian mengikut kategori adalah seperti **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1: Perjawatan Mengikut Kategori**

Bil	Kategori Kumpulan Jawatan	Bil. Perjawatan	Pengisian		Kosong	
			BIL	%	BIL	%
1	Pengurusan Tertinggi (JUSA)	34	27	80%	7	20%
2	Profesional & Pengurusan	1,604	1,527	95%	77	5%

3	Paramedik & Auksiliari	4,550	4,290	94%	260	6%
4	Sokongan & Gunasama	892	808	91%	84	9%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>7,080</b>	<b>6,652</b>	<b>94%</b>	<b>428</b>	<b>6%</b>

Bagi tahun 2018, hanya 1 KPI dari Unit Sumber Manusia yang menyumbang kepada KPI Pengarah Kesihatan Negeri iaitu Pencapaian KPI HRMIS Ketua Jabatan JKN yang merangkumi 7 modul seperti **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2: Pencapaian Kpi Hrmis Ketua Jabatan JKWPKL&P Tahun 2018 (Sehingga 31 Dis 2018)**

Jabatan/ Institusi/ IPKKM	Bil Co	Perjawatan Hrmis	Data Berintegriti	SKT 2018	LNPT 2018	Perisytiharan Harta	Penamatan Perhidmtn	Sub Modul Cuti Rehat	Jumlah %
JKWPK L&P	6492	99.98%	99.63%	97.33%	99.951%	100%	100%	99.03%	99.43%

Sehingga akhir Disember 2018, pencapaian KPI HRMIS bagi Jabatan Kesihatan WPKL dan Putrajaya telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Jumlah keseluruhan markah yang diperolehi adalah 99.43% sekaligus dianugerahkan Sijil Penghargaan 5 Bintang Bagi Tahun 2018.

## 1.2 UNIT KEWANGAN

Secara amnya, unit ini bertanggungjawab dalam aspek pengurusan kewangan terutamanya dalam melaksanakan tugas-tugas seperti penyaluran waran peruntukan, penyelarasan perjanjian program bagi program pengurusan dan laporan perbelanjaan mengurus dan pembangunan, pembayaran emolumen, pungutan hasil, pembayaran bil serta hal-hal yang berkaitan kewangan.

Secara keseluruhannya, unit ini bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan pembayaran hendaklah mematuhi arahan, peraturan dan pekeling-pekeling yang berkuatkuasa seperti ditetapkan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara.

Unit Kewangan JKWPKL&P berfungsi untuk memantau semua peruntukan yang diterima dan dibelanjakan oleh 2 PTJ di bawah JKWPKL&P dalam menguruskan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- i. Pengurusan peruntukan belanja mengurus.
- ii. Menyediakan laporan-laporan kewangan.
- iii. Memproses perolehan secara pembelian terus, sebut harga (e-bidding dan eP) dan tender.
- iv. Memproses tuntutan/pinjaman.
- v. Memproses bayaran.
- vi. Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Projek e-Perolehan peringkat JKWPKL&P
- vii. Penyelarasan perjanjian program bagi program pengurusan

Secara keseluruhannya, Unit ini bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan pembayaran hendaklah mematuhi arahan, peraturan dan pekeling-pekeling yang berkuatkuasa seperti ditetapkan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara.

### **Peruntukan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya**

Secara keseluruhannya, JKWPKL&P telah diperuntukkan sebanyak RM630,845,287.00 di bawah peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2018 yang merangkumi dasar sedia ada sebanyak RM556,647,305.00, RM15,284,373.00 di bawah program dasar baru, dan sebanyak

RM58,913,609.00 di bawah program khusus. Manakala, sebanyak RM10,899,828.00 diperuntukkan di bawah belanja pembangunan.

### **Prestasi Perbelanjaan Mengurus**

Peruntukan asal yang diluluskan di bawah Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2018 adalah sebanyak RM630,845,287.00 iaitu pertambahan sebanyak RM79,022,146.00 berbanding tahun 2017 (kadar pertambahan adalah 14.32%). Keseluruhan prestasi Perbelanjaan Mengurus JKWPKL&P sehingga 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM651,564,508.00 atau 103% daripada keseluruhan peruntukan. Perbelanjaan melebihi peruntukan adalah disebabkan oleh perbelanjaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK). Jadual 1.1 di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

**Jadual 1.3: Jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan**

<b>Maksud Perbelanjaan</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (RM)</b>	<b>Peratusan Perbelanjaan (%)</b>
Emolumen	406,802,200.00	429,759,468.00	105.57
Perkhidmatan dan Bekalan	223,331,421.00	221,223,323.00	99.06
Aset	610,666.00	525,761.00	86.10
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	101,000.00	55,960.00	55.41

### **Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan**

Pada keseluruhannya, JKWPKL&P telah diperuntukkan sebanyak RM10,899,828.00 untuk projek-projek pembangunan. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JKWPKL&P sehingga 31 Disember 2018 adalah berjumlah

RM10,790,938.00 atau 99% daripada keseluruhan peruntukan. **Jadual 1.4** menunjukkan projek yang diluluskan bagi tahun 2018.

**Jadual 1.4: Projek Pembangunan yang diluluskan bagi tahun 2018**

Bil	Aktiviti		Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus	Baki (RM)
1	Ubahsuai, naiktaraf dan pembaikan	00600	3,406,558.00	3,403,910.00	99.92	2,648.00
2	Pembaikan & Naiktaraf Sistem Pendawaian di Fasiliti KKM	00200	50,000.00	49,500.00	99.00	500.00
3	Perolehan dan penyelenggaraan tanah	00700	26,775.00	24,939.00	93.14	1,836.00
4	Peruntukan Penyelidikan (NIH)	00500	51,006.00	29,858.00	58.54	21,148.00
5	Latihan dalam perkhidmatan	00105	346,623.00	299,755.00	86.48	46,868.00
6	Naiktaraf Peralatan Perubatan, Ambulans dan Kenderaan	01100	6,692,524.00	6,656,635.00	99.46	35,889.00
<b>JUMLAH</b>			<b>10,573,486.00</b>	<b>10,464,597.00</b>	<b>98.97</b>	<b>108,889.00</b>

**Kutipan Hasil Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Jumlah hasil Keseluruhan JKWP&P yang diterima bagi bulan Januari hingga Disember 2018 adalah sebanyak **RM30,396,250.16** berbanding 2017 sebanyak **RM26,887,125.96**. Pengelasan mengikut penjenisan kod adalah seperti Jadual 1.3 berikut:

**Jadual 1.5: Jenis-Jenis Hasil**

<b>Bil</b>	<b>Penjenisan Kod</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	72110 Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit luar – Warganegara Malaysia	419,694.40
2	72113 Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit luar – Warganegara Asing	627,352.97
3	72117 - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit dalam – Warganegara Malaysia 72127	5,961,172.00
4	72131 - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit dalam – Warganegara Asing 72145	530,118.00
5	72111 Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan untuk pesakit luar - Warganegara Malaysia	1,179,515.21
6	72114 Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan untuk pesakit luar - Warganegara Asing	1,754,990.40
7	72112 Bayaran Perkhidmatan Pergigian untuk pesakit luar - Warganegara Malaysia	1,481,238.00
8	72115 Bayaran Perkhidmatan Pergigian untuk pesakit luar - Warganegara Asing	77,864.50
9	Pelbagai Bayaran (Kompaun rokok, denggi, lesen, sewa dan lain-lain)	18,364,304.68
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30,396,250.16</b>

**1.3 UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT**

## Fungsi Unit:

- i. Mengurus dan menyelenggara rangkaian, perkakasan, perisian dan perkhidmatan berkaitan ICT;
- ii. Mengendali latihan kepada penggunaan sistem yang dibekalkan sekiranya ada;
- iii. Menyelenggara dan mengemaskini laman web serta laman sosial Jabatan;
- iv. Menyedia khidmat nasihat serta bantuan teknikal ICT dari semasa ke semasa;
- v. Mengurus dan memantau pelaksanaan projek-projek ICT termasuk pelaksanaan Aplikasi Kerajaan
- vi. Elektronik dan Aplikasi KKM;
- vii. Menjaga keselamatan sistem maklumat kerajaan;
- viii. Bertindak sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan.

Secara ringkasnya, skop kerja Unit Pengurusan Maklumat adalah untuk mengurus, menyelenggara dan menyelaras prasarana ICT seperti infrastruktur, peralatan dan perisian supaya ianya dapat berjalan dengan lancar bagi menyokong objektif Jabatan.

### **Status Penggunaan Emel MyGovUC di JKWPKL&P**

MyGovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, *instant messaging* serta Sistem Pengurusan Identiti. MyGovUC dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif yang mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh MyGovUC. Jumlah pengguna di JKWPKL&P adalah seperti Jadual 1 berikut:


### **Jadual 1.6: Jumlah Pengguna Emel MyGovUC di JKWPKL&P**

Pengguna	Jumlah Pengguna
JKWPKL&P, Pk Kepong, Pk Titiwangsa, Pk Cheras, Pk Lembah Pantai	1261
Hospital Rehabilitasi Cheras	282
PKD Putrajaya	427
Hospital Putrajaya	21
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1991</b>

**Aduan ICT**

Sepanjang Tahun 2018, masalah yang dilaporkan oleh pengguna berkaitan perisian/sistem aplikasi dan perkakasan adalah seperti yang digambarkan pada Rajah 1 dibawah:

**Rajah 1.7: Laporan Aduan Kerosakan ICT**



**Pengurusan Persembahan Multimedia dan Bantuan Teknikal**

Unit IT juga diberi tanggungjawab untuk menghasilkan persembahan multimedia dan memberi bantuan teknikal untuk Majlis Rasmi JKWPKL&P seperti **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8: Persembahan Multimedia dan Bantuan Teknikal ICT**

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1	Majlis Perhimpunan Bulanan JKWPKL&P	Setiap Bulan	Foyer, JKWPKL
2	Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat JKWPKL&P	03 Julai 2018	Masjid Putra, Putrajaya
3	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Jasamu Dikenang	11 Julai 2018	Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL Cheras
4	Konvensyen Health Promotion In Learning Institutions peringkat Kebangsaan 2018	24 – 27 Julai 2018	Universiti Islam Antarabangsa
5	National AIDS Conference	28 September 2018	Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur
6	Program FB Live Santai BESS	10 Disember 2018	Restoran Rebung

### **Kursus/Latihan ICT**

Sepanjang Tahun 2018, Unit Pengurusan Maklumat telah melaksanakan kursus/latihan ICT seperti **Jadual 1.9**.

**Jadual 1.9: Kursus/Latihan ICT**

Bil	Nama Kursus	Tarikh
1	Kursus Programming PHP Siri I	05-06 September 2018

2	OKursus Programming PHP Siri II	19-20 September 2018
3	Kursus Pangkalan Data	02 - 04 Oktober 2018
4	Bengkel Pengemaskinian Laman Web/Portal	31 Okt 2018 - 01 Nov2018

#### 1.4 UNIT PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya adalah di bawah Bahagian Pengurusan dan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (KPP) - Kewangan Dan Pembangunan.

##### **Fungsi :**

- i. Merancang dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), projek-projek di bawah peruntukan pembangunan eg. Naiktaraf, Ubahsuai dan Pembaikan (BP00600), Penyelenggaraan Kuarters KKM (BP00900), Penyelenggaraan Tanah (BP00700), serta Projek-Projek khas.
- ii. Merancang dan menguruskan peruntukan pembangunan jabatan eg. BP00203, BP00600, BP00700, BP00900, dan BP01100;
- iii. Menguruskan permohonan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf klinik;
- iv. Menguruskan hal-ehwal penyewaan ruang pejabat di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan klinik/pejabat;
- v. Menguruskan hal-ehwal penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis) di bawah pentadbiran JKWP&P;
- vi. Memantau dan mengemaskini maklumat pelaksanaan projek pembangunan di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII);
- vii. Bertindak sebagai pengantara dengan agensi pelaksana pembangunan;

- viii. Mengendalikan urusan berkaitan tanah di bawah seliaan JKWPKL&P
- ix. Menguruskan perolehan sebutharga kerja dan perkhidmatan taska di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya; dan
- x. Menyelaras laporan kajian penilaian *outcome* projek-projek pembangunan di bawah JKWPKL&P

**Aktiviti :**

- i. Menyelaras permohonan projek-projek baru dan sambungan di bawah *Rolling Plan* Ke-4 RMK-11 (RP4 RMK-11) Memantau prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RP3 RMK11 yang telah diluluskan supaya mengikut jadual yang telah ditetapkan Memastikan sebanyak 31 lot tanah yang telah disah milik diselia dan dipantau dengan sempurna
- ii. Memastikan urusan penyewaan ruang pejabat dengan syarikat dan agensi tertentu diuruskan dengan segera iaitu sebanyak 21 buah klinik di bawah JKWPKL&P seperti Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak dan Klinik 1Malaysia
- iii. Memastikan urusan penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis) diuruskan dengan sempurna di mana sebanyak 15 penyewa direkodkan di bawah JKWPKL&P
- iv. Memastikan peruntukan pembangunan dan projek di bawah BP00203, BP00600, BP00700, dan BP01100 dilaksanakan dan diuruskan mengikut perancangan dan prosedur yang ditetapkan
- v. Menyelaras cadangan laporan penilaian *outcome* bagi tahun 2018

**Program yang dijalankan:**

- i. Lawatan tapak bersama Pengarah JKWPKL&P ke klinik-klinik dan tanah-tanah di bawah seliaan JKWPKL&P
- ii. Mengadakan Mesyuarat Pembangunan JKWPKL&P sebanyak 3 kali setahun
- iii. Menghadiri Mesyuarat Tapak projek-projek pembangunan RMK-11
- iv. Lawatan SUBK Bahagian Pembangunan, KKM ke tapak cadangan Klinik Kesihatan Pantai Dalam dan Pejabat Kesihatan Lembah Pantai
- v. Majlis Penyerahan Projek Pembaikan Bumbung Blok D Klinik Kesihatan Tanglin
- vi. Lawatan Tapak KSU KWP ke Klinik Kesihatan Petaling Bahagia
- vii. Lawatan Tapak Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR Ke Tapak Projek Klinik Kesihatan Taman Batu Muda
- viii. Lawatan Pemantauan Tanah-Tanah Kosong Di Bawah Seliaan JKWPKL&P

**1.5 UNIT PSIKOLOGI KAUNSELING**

Unit Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mula beroperasi dengan rasminya pada 3 Disember 2007. Unit Psikologi Kaunseling diwujudkan dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 1, 1999 yang memaklumkan kepada ketua jabatan mengenai kepentingan mewujudkan perkhidmatan kaunseling di agensi masing-masing.

Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu fungsi pengurusan personel yang amat penting. Pengurusan kaunseling yang berkesan mampu membantu seseorang anggota itu menghindarkan diri mereka daripada terjerumus dalam pelbagai masalah peribadi, kerjaya, keluarga dan

hubungan interpersonal dengan menyediakan program bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang telah terjebak dengan masalah tersebut. Perkhidmatan kaunseling yang berkesan juga dapat membantu anggota perkhidmatan awam khususnya di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya meningkatkan pembangunan diri masing-masing bagi mencapai tahap kefungsi psikologi yang tinggi serta penghasilan kerja yang produktif dan berkualiti.

### **Jenis Perkhidmatan Yang Ditawarkan**

Perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah :

- a) kaunseling individu
- b) kaunseling kelompok
- c) Kaunseling Keluarga & Pekahwinan
- d) Ujian Psikometrik,
- e) Pendidikan psikososial dan program pembangunan insan.

Isu yang sering dikendalikan oleh pegawai psikologi dan menjadi rujukan kakitangan unit masing-masing adalah dari segi masalah disiplin, interpersonal, tatatertib, profiling kewangan dan masalah psikologi.

### **KPI Pengurusan Kes Unit Psikologi Kaunseling**

Unit ini berusaha untuk melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang terbaik dan efektif kepada semua pelanggan dengan memastikan setiap kes yang dirujuk akan diambil tindakan dalam tempoh **lima (5)** hari waktu bekerja.

#### **Jadual 1.10: Kes Kaunseling Yang Dirujuk Dikalangan Pesakit Ke Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2018**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah kes</b>	<b>Peratus (%)</b>
Rujukan Kes Baru	35	37.23

Kes Susulan	59	62.77
<b>JUMLAH</b>	<b>94</b>	<b>100%</b>

### Aktiviti Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi

- i. Kaunseling Individu (Staff/Outpateint)
- ii. Kaunseling Kelompok ( Saringan Kewangan)
- iii. Intervensi Program AKRAB (Sesi Bimbingan/ Pentauliahahan AKRAB Care)
- iv. Intervensi Pementoran
- v. Saringan & Pemerhatian Dasar Pemisah 2017

**Jadual 1.11: Bilangan Kes Kaunseling Yang Dirujuk Dikalangan Staff Ke Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2018**

Tahun	Jumlah Kes	Peratus (%)
Kes Baru	29	60.42
Kes Susulan	19	39.58
<b>JUMLAH</b>	<b>48</b>	<b>100%</b>

**Jadual 1.12: Bilangan Sesi Kaunseling Yang Dijalankan Oleh Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2018**

Jenis Sesi Kaunseling	Bilangan Sesi	Peratus (%)
Sesi Kaunseling dikalangan Pesakit dirujuk	153	41.24
Sesi Kaunseling di kalangan staff dirujuk	218	58.76
<b>JUMLAH</b>	<b>371</b>	<b>100%</b>

**Jadual 1.13: Saringan & Pemerhatian Dasar Pemisah 2017/Pemerhatian 2018**

<b>Aktiviti</b>	<b>PYD 2017</b>
Saringan dasar pemisah	4
Pemerhatian dasar pemisah 2018	2

**Aktiviti Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel**

- i. Bengkel Nilai-Nilai Murni
- ii. Bengkel Pengurusan Stress
- iii. Program Cinemateraphy
- iv. Program Pengukuhan AKRAB
- v. Program Kesedaran Kewangan
- vi. Program JOM Relaks

**AKRAB – Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam JKWPKL & P.**

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sekerja sepertimana dikehendaki dalam Pekeliling Perkhidmatan 18/2005. Rakan Pembimbing merupakan agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam perkhidmatan awam. Ia diwujudkan dengan objektif bagi menyediakan perantaraan untuk memberi peluang pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurus Sumber Manusia di agensi. Disamping itu, Rakan Pembimbing juga bervisi menjadi penyumbang kepada usaha modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia. AKRAB membawa maksud **Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak** dan **Bestari** yang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang rakan pembimbing. Secara rasminya, ahli-ahli AKRAB ini telah diberi pentauliahahan pada tahun 2014.

**Jadual 1.14: Jumlah ahli AKRAB dan sesi bimbingan 2018**

Aktiviti	Jumlah
AKRAB	39 orang
Sesi bimbingan	45 sesi

## **PEMENTORAN**

Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam merupakan salah satu program yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.18 Tahun 2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.8 Tahun 2010: Panduan Perlaksanaan Pementoran Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

Pementoran dalam perkhidmatan awam merupakan pendekatan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan dengan menerapkan elemen psikologi dan kaunseling secara profesional yang diberikan oleh mentor kepada mentee bertujuan meningkatkan pembangunan dan kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial bagi pegawai lantikan baru dan dinaikkan pangkat. Bermula pada tahun 2014 program ini menjadi program rasmi bagi Unit Psikologi Kaunseling, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## **1.6 UNIT LATIHAN & INOVASI**

Unit Latihan & Inovasi merupakan gabungan dua portfolio, iaitu Inovasi dan Latihan. Pada asalnya Unit Latihan dan Unit Inovasi merupakan dua unit yang berlainan. Pada tahun 2011, kedua-dua unit ini digabungkan dan diletakkan di bawah seliaan seorang Penolong Pengarah Kanan M44.

### **Fungsi Unit**

- i. Menyelaras dan memantau urusan kursus/bengkel/seminar (termasuk Program Transformasi Minda).
- ii. Menguruskan permohonan bagi kursus dan peperiksaan anjuran pihak luar termasuk Kursus Pos Basik, ujian menaip.
- iii. Menyelaras perolehan kemudahan latihan secara pakej – *Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.4 Tahun 2012.*
- iv. Urusetia ISO, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, Majlis APC dan Jasamu Dikenang, KIK dan Inovasi.

### **1.7 UNIT PEROLEHAN**

Selaras dengan objektif penubuhan Unit Perolehan, unit ini bertanggungjawab dalam urusan pembelian sama ada barangan ataupun perkhidmatan untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.

#### **Fungsi Unit Perolehan**

Bertanggungjawab di dalam menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dari segi pengurusan perolehan di Jabatan dengan:

- i. Menguruskan Perolehan Secara Pembelian Terus (Bekalan/Perkhidmata)
- ii. Menguruskan Perolehan Secara Sebutharga (Bekalan/Perkhidmatan).
- iii. Menguruskan Perolehan Secara Tender (Bekalan/Perkhidmatan).
- iv. Menguruskan Perolehan Fabrik Pakaian Seragam dan Pengagihan.
- v. Menguruskan urusan pendaftaran syarikat pembekal di Jabatan.

### **1.8 UNIT ASET DAN STOR**

Unit Aset dan Stor di bawah Bahagian Pengurusan, JKWPKL&P. Bertanggungjawab mengurus dan memastikan Pengurusan Aset dan Stor

dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan mengikut tatacara/pekeliling berkuatkuasa yang telah ditetapkan.

### **Fungsi Unit Aset**

Bertanggungjawab sebagai urusetia bagi menguruskan semua Aset Alih Kerajaan iaitu Aset Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah (ABR) meliputi:-

- i. Mengurus Penerimaan dan Pendaftaran Aset Alih
- ii. Mengurus Pemeriksaan Aset Alih
- iii. Mengurus Pindahan Aset Alih
- iv. Mengurus Pelupusan Aset Alih
- v. Mengurus Kehilangan Dan Hapus Kira Aset Alih

### **Fungsi Unit Stor**

Bertanggungjawab mengurus dan membekal barang kepada pelanggan untuk keperluan dan melaksanakan perkara berikut:

- i. Mengurus Penerimaan Stok
- ii. Merekod Stok
- iii. Menyimpan Stok
- iv. Pengeluaran Stok
- v. Pemeriksaan Stok

### **Aktiviti Unit Aset:-**

- i. Bertanggungjawab sebagai urusetia memastikan setiap aset alih diurus tadbir secara terbaik bermula dari proses penerimaan, pendaftaran, penggunaan/ penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapuskira.
- ii. Sebagai urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) peringkat PTK mengikut sukuan sebanyak 4 kali setahun serta menyediakan maklumat laporan untuk agenda mesyuarat setiap suku tahun semasa selaras dengan 1 Pekeliling

Perbendaharaan (1PP) Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan seperti berikut:-

- Laporan kedudukan semasa aset alih Kerajaan
  - Laporan hasil pemeriksaan aset alih Kerajaan
  - Laporan tindakan pelupusan aset Kerajaan
  - Laporan tindakan hapuskira aset Kerajaan/ Surcaj/ Tatatertib
  - Laporan pengurusan Stor Kerajaan
  - Masalah/ Isu berkaitan pengurusan aset alih Kerajaan.
- iii. Menyelaras pelantikan tugas-tugas berkaitan pengurusan aset alih Kerajaan meliputi, Pegawai Aset, Pemeriksa Aset Alih, Lembaga Pemeriksa Pelupusan dan Pemverifikasi Stor.
- iv. Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan Pengurusan Aset & Stor Kerajaan seperti berikut:-
- Laporan Harta Modal dan Inventori KEW.PA-8 beserta KEW.PA-4/5
  - Sijil Tahunan Pemeriksaan Aset Alih KEW.PA-12 beserta KEW.PA-10/11
  - Laporan Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-20
  - Laporan Tindakan Surcaj/Tatatertib Kehilangan Aset Kerajaan KEW.PA-32
  - Laporan Pengurusan Stor Kerajaan KEW.PS-13/14/15/16/20/22

#### **Aktiviti Unit Stor:-**

Menyelaras Pengurusan Stor di semua Stor Utama Jabatan meliputi (Stor Alatulis, Stor Cetak, Stok Vektor ) mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan.

- i. Bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelia aktiviti Stor Utama Alatulis untuk pemesanan dan pembekalan barang-barang alat tulis/ bekalan pejabat di bawah JKWPKL&P.
- ii. Menyelaras pelaksanaan pemeriksaan stor secara mengejut dan berkala oleh Ketua Jabatan di Stor di bawah JKWPKL&P
- iii. Menyelaras pelantikan Pegawai Pemeriksa Stok dan Pemverifikasi Stor di semua Stor Utama.
- iv. Merancang aktiviti pemeriksaan stok di semua Stor Utama dan memastikan verifikasi stor dapat dijalankan dengan teratur berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa.
- v. Membuat semakan dan kompilasi semua laporan berkaitan dengan pemeriksaan stok dan verifikasi stor di semua Stor Utama.

## 1.8 UNIT PENTADBIRAN

Secara amnya, Unit Pentadbiran bertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran pejabat dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua bahagian di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur&Putrajaya. Unit Pentadbiran bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi-fungsi berikut :

- a. Mengendalikan surat keluar masuk
- b. Mengendalikan pengurusan fail
- c. Menguruskan penyelenggaraan dan kebersihan pejabat
- d. Menguruskan keselamatan pejabat
- e. Mengendalikan pengurusan mesyuarat
- f. Mengendalikan laporan kehadiran
- g. Mengendalikan pengurusan kuarters dibawah JKWPKL&P
- h. Menguruskan agihan bekalan kenderaan.
- i. Menguruskan permohonan penggunaan kenderaan
- j. Menguruskan majlis-majlis rasmi.
- k. Mengendalikan aduan di JKWPKL&P

**Jadual 1.15: Pengendalian Majlis – Majlis Rasmi Jabatan Bagi Tahun 2018**

Bil	Majlis Rasmi
1	Perhimpunan Bulanan
2	Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat JKWPKL&P
3	Majlis Hari Raya JKWPKL&P
4	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

**Jadual 1.16 : Jenis Laporan dan Jenis Maklum Balas**

Bil	Butiran	Terima		Dalam Tindakan		Selesai		Selesai Dalam Tempoh	
		Terima	%	Dalam Tindakan	%	Selesai	%	15 Hari	%
1	Aduan	542	100.00	0	0.00	542	100.00	451	83.21
2	Bukan Aduan	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
3	Swasta	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	<b>Jumlah :</b>	<b>542</b>	<b>100.00</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>	<b>542</b>	<b>100.00</b>	<b>451</b>	<b>83.21</b>

## 1.9 UNIT KEJURURAWATAN

Unit Kejururawatan berada di bawah Bahagian Pengurusan JKWPKL & P telah beroperasi selama 8 tahun bermula tahun 2010. Perkhidmatan kejururawatan yang disediakan terbahagi kepada dua (2) iaitu Perubahan dan Kesihatan Awam.

Perkhidmatan Perubatan di bawah seliaan Bahagian Perubatan terdiri daripada 2 buah hospital iaitu Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Perkhidmatan Kesihatan di bawah seliaan Bahagian Kesihatan Awam mengawal selia lima (5) buah Pejabat Kesihatan iaitu Pejabat Kesihatan Kepong, Pejabat Kesihatan Lembah Pantai, Pejabat Kesihatan Titiwangsa, Pejabat Kesihatan Cheras dan satu (1) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD Putrajaya).

**Jadual 1.17: Menunjukkan Klinik Beroperasi di JKWPKL&P**

Bil	Daerah	Klinik Kesihatan+ MCH	Klinik Kesihatan (OPD)	KKIA	KKOM	K1M
1	Kepong	3		2	5	1
2	Lembah Pantai	2	1	3	5	1
3	Titiwangsa	5		1	4	2
4	Cheras	4		3	4	1
5	Putrajaya	4		-	-	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<b>1</b>	<b>9</b>	<b>18</b>	<b>5</b>

**Jadual 1.18: Menunjukkan Jumlah Klinik yang ada di JKWPKL&P mengikut aktiviti dan perkhidmatan**

Bil	Aktiviti
1	Mesyuarat Teknikal Kejururawatan , JKWPKL & P
2	Mesyuarat Pengurusan Kejururawatan, JKWPKL & P
3	Perjumpaan Bersama Jururawat Peringkat PTJ
4	Mesyuarat IPTA / IPTS Peringkat Jururawat
5	Mesyuarat Komiti Pesara & <i>Nurses Day</i> 2018
6	Program Orientasi Jururawat - Lapor Diri & Penempatan Jururawat Baru & Bertukar Masuk
7	Lawatan Pemantauan & Penyeliaan Klinikal
8	Cawangan Amalan Bahagian Kejururawatan

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengumpulan Data Anggota Kejururawatan</li> <li>- Data <i>Nurses Involved in Accident</i></li> </ul>
9	Cawangan Dasar & Unit Kualiti Bahagian Kejururawatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- KPI DG /PKN/TPKN</li> <li>- National Nursing Audit(Hospital)</li> <li>- National Nursing Audit(Kesihatan)</li> <li>- National Operating Room Nursing audit(NORNA)</li> <li>- Data Program Pementoran</li> <li>- Data NNIA</li> </ul>
10	Unit Pembangunan & Pengubalan Akta & Etika <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aduan Kejururawatan</li> </ul>
11	Reten –Reten lain: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan Penyeliaan &amp; pemantauan</li> <li>- Data Episiotomy &amp; Perineal Tear</li> <li>- IPTA/IPTS</li> <li>- Laporan Pegawai Perubatan Siswazah(PPS)</li> <li>- Pencapaian Jururawat Idamanku</li> <li>- Pencapaian Go Fit Don't Quit(GFDQ)</li> <li>- Data Saringan DASS <i>Test</i></li> <li>- Pelbagai data semasa yang diperlukan oleh Bahagian Kejururawatan</li> </ul>

### Perjawatan Kejururawatan


Jumlah keseluruhan perjawatan di JKWPKL & P adalah 2363 jururawat merangkumi JKN 15 orang, Kesihatan 1067 orang dan Hospital 1281 orang. Sebanyak 2363 (95.9%) perjawatan telah diisi, iaitu Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) 13 orang (86.7%), Kesihatan 1006 (94.3%) jawatan dan hospital 1246 (97.3%) jawatan. Secara amnya terdapat 98 (4.15%) kekosongan dimana 61 (5.7%) kekosongan jawatan di fasiliti kesihatan dan 35 (2.7%) kekosongan jawatan di hospital.

**Rajah 1.19: Menunjukkan Perjawatan Jururawat 2018 di JKWPKL & P**

Bahagian	Jumlah perjawatan	Perjawatan diisi	Perjawatan kosong
JKN	15	15	2
Kesihatan	1067	1006	61
Hospital	1281	1246	35
<b>JUMLAH</b>	<b>2363</b>	<b>2267</b>	<b>98</b>

**Laporan Program Pementoran Di Jkwpl & Putrajaya Bagi Tahun 2018**

Pada bulan Januari hingga Disember 2018, seramai **38 Jururawat Terlatih** lantikan baru telah menjalani program pementoran. Iaitu seramai 30 orang di hospital dan 8 orang di Kesihatan Awam telah berjaya menamatkan program ini.

**Rajah 1.20: Menunjukkan Jururawat yang Telah Mengikuti Program Pementoran di JKWPKL&P bagi Tahun 2018****Kamus Petunjuk Prestasi Utama (KPI )****KPI Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) dan Pengarah Kesihatan Negeri (PKN)**


1. Di bawah Program Perubatan, peratus mentee yang tamat Program Pementoran yang kompeten dalam Perkhidmatan Kejururawatan adalah salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pengarah Kesihatan (KPK), KKM dan Pengarah Kesihatan Negeri(PKN). KPI ini merujuk

kepada pelaksanaan program pementoran kejururawatan yang efektif, sebagai satu usaha untuk menyediakan jururawat lantikan baru yang mahir dalam memberikan perkhidmatan perawatan yang berkualiti dan selamat kepada klien.

- Oleh yang demikian Unit Kejururawatan JKWPkl & Putrajaya perlu menilai kemahiran awal jururawat lantikan baru yang telah tamat program pementoran. Dalam KPI ini ia merujuk kepada prosedur kejururawatan. Kemahiran diukur dengan tahap kebolehan Jururawat lantikan baru dalam menjalankan perawatan pesakit berdasarkan kepada elemen yang ditetapkan serta patuh kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* dan perlu mencapai 85% kepatuhan.

Bagi tahun 2018, peratus menti yang telah tamat Program Post – Pementoran dan kompeten dalam menjalankan perkhidmatan perawatan kejururawatan adalah 100%. iaitu seramai 60 jururawat.

**Rajah 1.21: Mente Yang Tamat Program Pementoran yang Kompeten dalam Perkhidmatan Kejururawatan JKWPkl&P Bagi Tahun 2018**



**Kajian**

Peratus Kajian Peyelidikan yang dihasilkan dalam Tempoh adalah 2 tahun (2016-2018) adalah indikator Utama Pengarah Kesihatan Negeri bagi Tahun 2018. Unit Kejururawatan JKWPkl & Putrajaya menggalakan anggota

Jururawat menjalankan dan terlibat dalam aktiviti penyelidikan. Anggota jururawat juga telah dihantar untuk menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Clinical Research Centre (CRC) Hospital Putrajaya dan Bahagian Kejururawatan KKM dalam menyemaikan minat dan meningkatkan kecenderungan dalam aktiviti penyelidikan. Bagi KPI PKN terdapat 7 penyelidikan yang telah dibuat oleh jururawat iaitu 4 kajian daripada Hospital Putrajaya, Hospital Rehabilitasi Cheras 1 kajian, manakala Kesihatan Awam terdapat 2 penyelidikan iaitu PK Titiwangsa 1 kajian dan PK. Cheras 1 kajian.

Sebanyak 6 kajian telah dibentangkan di peringkat JKWPKL & Putrajaya, peringkat negeri dan peringkat antarabangsa (Malaysia - Singapura dan Indonesia).

### **Kursus Dan *Continuous Nursing Education* (CNE)**

Kursus dan *Continuous Nursing Education* (CNE) telah menjadi salah satu aktiviti kejururawatan JKWPKL & Putrajaya bagi meningkatkan profesion kejururawatan melalui pendidikan yang berterusan.

**Jadual 1.22: Menunjukkan Aktiviti *Continuous Nursing Education* (CNE) Tahun 2018**

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Peserta</b>	<b>Tempat</b>
1	24/5/2018	Bengkel Diabetes & Nurse Educator	50 Orang JT / KJ / PJ	Bilik Seminar Latihan, JKWPKL & P
2	2 - 3/8 /2018	Bengkel Pengukuhan Program Pementoran	50 Orang KUP U32 /KJ / PJ	Bilik Seminar Latihan, JKWPKL & P
3	9/8/2018 & 13 -14/ 8/2018	Bengkel Memperkasakan Kejururawatan	50 Orang KJ / PJ	Bilik Seminar Pemakanan , JKWPKL & P

		Peringkat JKWPKL & P		
4	30/6/2018	Sambutan Hari Jururawat Peringkat JKWPKL & P	461 Orang Semua Kategori Jururawat	Plaza Hotel, Kuala Lumpur
5	11/8/2018	Meraikan Pesaraan Jururawat Bagi Tahun 2018 Peringkat JKWPKL & P	165 Orang Semua Kategori Jururawat	Restoran Pot & Pan, PICC Putrajaya
6	02/07/2018	Taklimat dan Seminar Kuiz PNB	92 Orang Semua Kategori Jururawat	Bilik Seminar Latihan, JKWPKL & P
7	8/2/2018	Penutup 2017 dan pembukaan Go Fit Don't Quit 2018	35 Orang Semua Kategori Jururawat	Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras

### 1.10 UNIT PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Unit Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2014, selaras dengan kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui surat KKM – 87/A5/1/5/0 (14) Jld. 2 bertarikh 23 Januari 2014.

Bertanggungjawab ke atas takbir urus bagi dua perkhidmatan iaitu perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan Perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan yang melibatkan Program Perubatan dan Program

Kesihatan Awam di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya .

**Jadual 1.23: Jumlah perjawatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Wilayah Kesihatan KL & Putrajaya**

Bahagian	Perjawatan diisi	Perjawatan kosong	Jumlah perjawatan
Penolong Pegawai Perubatan Gred U41-U44	10	8	18
Penolong Pegawai Perubatan Gred U29-U36	302	21	323
Pembantu Perawatan Kesihatan U11-U16	535	78	613

### **Fungsi**

Fungsi utama Unit Penolong Pegawai Perubatan JKWPKL & P adalah memberi penumpuan terhadap aspek perkembangan profesion dan pengurusan klinikal ke atas profesionalisme Penolong Pegawai Perubatan terutama dalam aspek-aspek pemberian perkhidmatan promotif, preventif, diagnostik, kuratif dan rehabilitatif kepada semua lapisan masyarakat seperti yang dinyatakan dalam Akta Pembantu Perubatan (Akta 180), Peraturan dan Kod Etika.

Selaras dengan perkembangan teknologi dan Sains Perubatan masa kini, Profesion Penolong Pegawai Perubatan telah menjadi lebih kompleks dalam bidang pengkhususan masing-masing terutama dalam segi kemajuan dan perkembangan kerjaya. Unit Penolong Pegawai Perubatan akan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Perubatan mengikut gred yang tertinggi dikalangan PPP di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan KL & P dalam tahun semasa dengan gelaran Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri

(KPPPN). Kawasan operasi adalah meliputi seluruh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan KL & P jumlah fasiliti kesihatan seperti berikut:

**Jadual 1.24:**

Bil	Kawasan Operasi	Bilangan
1	Pejabat Kesihatan Daerah	5
2	Hospital	2
3	Klinik Kesihatan	16
4	Klinik Komuniti	27
5	Hospital-Hospital Swasta & Pusat Hemodialisis Swasta * <i>Termasuk jawatan yang dipantau oleh Lembaga Pembantu Perubatan dengan kerjasama unit Penolong Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan KL &amp; Putrajayaan</i>	

- Memastikan Penolong Pegawai Perubatan JKWPKL&P mempunyai Annual Renewal Certificate (ARC) yang sah dari Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.
- Memantau tatakelakuan dan prestasi kerja Penolong Pegawai Perubatan JKWPKL&P termasuk pelaksanaan Kod Etika Pembantu Perubatan.
- Memantau dan memberi tunjuk ajar kepada Penolong Pegawai Perubatan yang menjalani Program Penempatan Wajib (PPW).
- Menyiasat aduan berkaitan dengan amalan serta tatakelakuan Penolong Pegawai Perubatan JKWPKL&P.
- Menyediakan Garis Panduan, *Standard Operative Procedures* (SOP) dan Protokol bagi Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan JKWPKL&P.
- Mengadakan Kursus, Bengkel, Latihan, *Continuous Medication Education* (CME), Konfrens untuk Penolong Pegawai Perubatan secara berkala.

- Memastikan Penolong Pegawai Perubatan JKWPKL&P menganggotai Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia (KKPPPSM) dan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM).
- Pembangunan Profesion dan Penilaian berterusan ke atas Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan.
- Melaksana dan keakuran piawaian amalan kerja melalui *Service Standard Medical Assistant No. 25* di bawah *Hospital Accreditation Service Standards (MSQH)*.
- Justifikasi keperluan penambahan jawatan dan kenaikan pangkat Penolong Pegawai Perubatan disemak dari semasa ke semasa dan dikemaskini.
- Perancangan perkembangan kerjaya dan pensiswazahan Penolong Pegawai Perubatan ke dalam beberapa program-program pengajian di IPTA / IPTS.
- Peranan Penolong Pegawai Perubatan di dalam program-program *Expanded & Extended* skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan.
- Memberi input teknikal dan khidmat nasihat di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan.
- Merancang keperluan sumber manusia bagi perkhidmatan yang sedia ada dan baharu.
- Menerapkan amalan penyelidikan dan inovasi kepada ahli profesion.

### **Perkhidmatan dan Aktiviti:**

Perkhidmatan yang akan diberikan merangkumi 3 aspek:

1. Klinikal dan Khidmat Sokongan Perubatan-
  - a. Menguruskan hal-hal berkaitan SOP/CPG dan memastikan Penolong Pegawai Perubatan mengikuti skop yang telah ditetapkan. Audit perlu dilakukan agar ia sentiasa mencapai piawaian yang telah ditetapkan.

- b. Menyelaras dan menyelia MYCPD dan SKT setiap Penolong Pegawai Perubatan.
- c. Melakukan tugas-tugas penyeliaan Klinikal di semua fasiliti kesihatan yang mempunyai Penolong Pegawai Perubatan.
- d. Menyediakan Pasukan Perubatan dan Kecemasan mengikut keperluan.
- e. Pemantauan dan penyeliaan Program Penempatan Wajib (PPW).

## 2. Dokumentasi :

- a. Menyimpan maklumat-maklumat terkini Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya .
- b. Menyediakan dan menyelaras anggaran belanjawan mengurus ABM bagi bahagian Perubatan dan Kesihatan Awam.
- c. Menguruskan perihal berkaitan laporan perjawatan dan Lembaga Pembantu Perubatan.
- d. Menyedia dan melaraskan reten atau statistik beban kerja.
- e. Merekod dan menguruskan pertukaran keluar/masuk Penolong Pegawai Perubatan.
- f. Menyelaraskan rekod dan mengambil tindakan berkaitan disiplin dan tatatertib pegawai.
- g. Menyediakan perolehan dan aset bagi unit ini.

## 3. Pengurusan latihan / modal insan Kajian dan Pembangunan;

- a. Mengelolakan kursus-kursus dan mesyuarat untuk Penolong Pegawai Perubatan di Negeri dan Daerah.
- b. Melaraskan dan menyediakan Credentialing dan Privilleging semua Penolong Pegawai Perubatan.
- c. Menguruskan Program Penempatan Wajib bagi Penolong Pegawai Perubatan Lantikan Baru.
- d. Memilih calon-calon bagi kursus post basic dan menyimpan data yang berkaitan.

4. Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan
  - a. Pengurusan sumber manusia
5. Pengurusan lain-lain Profesion dibawah jagaan

### **Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)**

1. Merancang dan memohon perjawatan PPK mengikut norma dan keperluan mengikut outfit yang disediakan oleh bahagian sumber manusia di hospital dan kesihatan awam mengikut ABM dan dasar baru.
2. Merancang dan menjalankan latihan-latihan dalam perkhidmatan dan Latihan Peningkatan Atendan Kesihatan (SLPAK) Tahap 1 dan Tahap 3 bagi meningkatkan pengetahuan. Kemahiran dan kompetensi atendan kesihatan secara berterusan dengan matlamat jangka panjang untuk melahirkan modal insan yang kompeten dan berkualiti.

**Jadual 1.25: Aktiviti Sepanjang Tahun 2018**

<b>Bulan</b>	<b>Aktiviti / Program</b>
January	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan dan penyeliaan di KK Setapak .</li> <li>• Pemantauan dan penyeliaan Hospital Putra Jaya</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Program Penempatan Wajib (PPW)</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Hospital Rehabilitasi Cheras</li> </ul>
Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Pemantauan dan penyeliaan di Bahagian Primer-Kk Sentul Klinik Satu Malaysia</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Program Penempatan Wajib</li> </ul>
Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penempatan Penolong Pegawai Perubatan melapur diri</li> </ul>
April	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sambutan Hari PPP peringkat JKWP</li> <li>• Pemantauan dan penyeliaan KK Batu</li> </ul>

Mei	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Audit klinikal PPP Hospital Putra Jaya di unit A&amp;E, Haemodylysis, Bilik Plaster of Paris</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Program Penempatan Wajip</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Hospital Rehabilitasi Cheras</li> </ul>
Jun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Pemantauan K1M Intan Baiduri</li> <li>• Lawatan Pemantauan PKD Cheras ,Kk sg besi, KIM Seri Malaysia, KK Cheras</li> </ul>
July	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Pemantauan KK Bandar Tun Razak, KK Sg Besi</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Program Penempatan Wajip</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Hospital Rehabilitasi Cheras</li> </ul>
Ogus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Program Penempatan Wajip</li> <li>• Orientasi untuk Penolong Pegawai Perubatan yang akan menjalankan Penempatan program wajib yang melapur diri</li> </ul>
September	<ul style="list-style-type: none"> <li>• K1M UTC Pudu &amp; Sg Mulia</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan program penempatan wajib (PPW)</li> </ul>
Oktober	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan KK Dato Keramat</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan pemantauan program penempatan wajib (PPW)</li> </ul>
November	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan dan penyeliaan Hospital Rehabilitasi Cheras</li> <li>• Pemantauan dan penyeliaan KK Presint 18</li> </ul>
Disember	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orientasi untuk Penolong Pegawai Perubatan yang akan menjalankan Penempatan program wajib yang melapur diri</li> </ul>

## 2.0 BAHAGIAN PERUBATAN

Bahagian perubatan mempunyai enam fungsi utama iaitu penyelarasan teknikal perkhidmatan rawatan perubatan dan pengawasan pengurusan hospital, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan "Performance Indicator", menyelaraskan pelaksanaan aktiviti Quality Assurance Programme JKWPKL&P menyelaraskan dan memantau aktiviti liputan perlindungan perubatan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan.

Bahagian ini juga menyelia dan memantau pengurusan / statistik maklumat-maklumat kesihatan dan dibekalkan melalui Hospital Putrajaya, Hospital Rehabilitasi Cheras, dan Perkhidmatan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta, menjalankan pemantauan/ penyeliaan aktiviti perkhidmatan perubatan serta pelesenan dan penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan hospital swasta, dan akhir sekali menyelaraskan urusan pentadbiran, kewangan dan latihan bahagian.

Bahagian ini juga mempunyai dua buah hospital dibawah pentadbirannya iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Hospital Putrajaya merupakan hospital berpakar yang mempunyai bilangan katil operasi sebanyak 310 buah. Manakala Hospital Rehabilitasi Cheras mempunyai 134 buah katil yang beroperasi. Selain daripada Hospital kerajaan terdapat juga 31 buah hospital swasta, 9 rumah bersalin swasta, 37 pusat hemodialisis, 4 rumah jagaan kejururawatan dan 1078 buah klinik perubatan swasta yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk di WPKL dan Putrajaya.

### **Objektif Bahagian**

- Menyediakan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti perkhidmatan perubatan yang menyeluruh melalui penjagaan berterusan dari

peringkat akut hingga ke peringkat rehabilitasi melalui kakitangan yang terlatih, teknologi dan bersesuaian dan sumber yang optima.

- Menggalakkan promosi dan penjagaan sendiri kesihatan individu dan masyarakat.
- Memantau dan memastikan pengawalan dan pengawalseliaan kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (akta 586) Perlesenan Tenaga Atom (akta 304)
- Menyelaraskan Pasukan Pelindungan Perubatan bagi acara-acara rasmi dan tidak rasmi kebangsaan dan antarabangsa di kawasan pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.
- Menyelaraskan permohonan lembaga perubatan peringkat negeri.

### **Unit-unit dibawah Bahagian Perubatan**

- i. Unit Pengurusan Perubatan
- ii. Unit Kawalan Amalan Perubatan (UKAPS)
- iii. Unit Rekod Perubatan
- iv. Unit Pengurusan Hospital
- v. Unit Kualiti
- vi. Unit Perlindungan Perubatan

### **2.1 UNIT PENGURUSAN PERUBATAN**

Bertanggungjawab terhadap aspek yang melibatkan :

- a) Pentadbiran
  - Menguruskan urusan pendaftaran surat menyurat keluar & masuk
  - Menyediakan dokumen bagi urusan perkhidmatan anggota bahagian perubatan

- Mengendalikan pengurusan pendaftaran, penyimpanan, pengedaran dan pelupusan rekod-rekod bagi bahagian perubatan
  - Menguruskan pengendalian mesyuarat yang melibatkan bahagian perubatan
  - Merancang, melaksana dan menilai keberkesanan latihan bagi anggota bahagian
  - Menguruskan penyediaan kenderaan bagi aktiviti-aktiviti bahagian
- b) Kewangan
- Menguruskan urusan kewangan dan perolehan yang melibatkan perkhidmatan dan bekalan untuk keperluan bahagian perubatan

Perjawatan Di Bahagian Perubatan terbahagi kepada 3 kumpulan, dimana kumpulan pengurusan dan professional terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai tadbir, ketua penolong pegawai perubatan dan ketua jururawat. Manakala bagi kumpulan sokongan I terdiri daripada penolong pegawai tadbir, pembantu tadbir, jururawat dan penolong pegawai perubatan. Kumpulan sokongan II pula terdiri daripada pemandu dan pembantu am rendah. Jumlah pengisian perjawatan adalah seperti di jadual 2.0.

**Jadual 2.0 : Bilangan perjawatan di bahagian perubatan sehingga 31 Disember 2017.**

Bil	Jawatan	Pengisian		
		Jawatan	Isi	Kosong
1	Pengurusan dan Profesional (GRED 41 – 54)	32	28	4
2	Sokongan I (GRED 17 – 40)	21	17	4
3	Sokongan II (GRED 1 – 16)	7	7	0
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>60</b>	<b>52</b>	<b>8</b>

Bagi peruntukan kewangan bahagian perubatan, **Jadual 2.1** menunjukkan laporan perbelanjaan vot mengurus mengikut objek kawalan bagi tahun kewangan 2018

**Jadual 2.1 : Laporan perbelanjaan vot mengurus mengikut objek kawalan bagi tahun kewangan 2018**

Kod	Objek Am / Sebagai	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Kemaskini (RM)	Perbelanjaan Kemaskini (RM)	Liabiliti Kemaskini (RM)	Baki Kemaskini (RM)
21000	Perjalanan / Sara Hidup	25,000. 00	25,000. 00	20,648. 36		4,351. 64
22000	Pengangkutan Barang	1,000.00	1,000.00	528.00		472.00
23000	Utiliti					
24000	Sewaan					
25000	Bahan Makanan / Minuman					
26000	Bahan Mentah	2,700.00	2,700.00	1,800.00		900.00
27000	Bekalan & Bahan Lain	49,017. 00	49,017. 00	22,314. 00		26,702. 90
28000	Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	529,483. 00	529,483. 00	464,748. 33	32,000. 00	32,734. 67
29000	Perkhidmatan					

	Ikhtisas					
20000	<b>PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</b>	<b>607,200.00</b>	<b>607,200.00</b>	<b>510,038.69</b>	<b>32,000.00</b>	<b>65,161.21</b>

Bagi aktiviti latihan bahagian perubatan di bawah pelan operasi latihan (POL), latihan dalam perkhidmatan (LDP) bagi bahagian perubatan, **Jadual 2.2** menunjukkan maklumat kursus dan peruntukan yang dibelanjakan bagi kursus tersebut. Sebanyak 8 kursus telah dianjurkan di bawah

**Jadual 2.2 : Maklumat POL, LDP bahagian perubatan bagi tahun 2018**

Bil	Nama Kursus/ Bengkel/ Seminar/ Latihan Sangkutan	Tarikh	Tempoh Kursus (Hari)	Tempat Kursus	Skim Perkhidmatan / Kategori Pegawai	Bil Peserta Yang Akan Hadir (Orang)	Anggaran Perbelanjaan (RM)	Mata Cpd
1	Kursus penjagaan luka	9-10 Julai 2018	2 Hari	Bilik Seminar Hrc	Sokongan I & II	46	4,158	A3-10 Pts
2	Bengkel ketepatan dokumenstasi diagnosis klinikal di hospital pakar KKM	4-6 Sept 2018	2 Hari	Auditorium Putra Jaya	P&P, Sokongan I, Sokongan II	152	2,880	A3-10 Pts
<b>Jumlah</b>							<b>7,380.00</b>	

## 2.2 UNIT KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA

Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) ditubuhkan pada Mei 2003 di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya untuk menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) 1998 (Akta 586) dan Peraturan-peraturan 2006 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006. Salah satu tujuan untuk Akta 586 dilaksanakan adalah untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semasa mendapatkan rawatan yang disediakan di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta.

Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) bertanggungjawab dalam:-

- Menguruskan permohonan pendaftaran klinik perubatan swasta
- Pemeriksaan untuk pembaharuan lesen(KPJKS)
- Pemeriksaan pra dan pasca pendaftaran klinik-klinik perubatan dan pergigian swasta
- Pengendalian dan penyiasatan kes aduan terhadap kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta
- Menjalankan serbuan ke atas premis untuk tujuan penguatkuasaan dan membuka kertas siasatan
- Membantu dalam pengumpulan pengkalan data bagi premis yang perlu dilesenkan
- Membantu dalam menjalankan latihan di peringkat negeri bagi anggota jabatan atau pihak swasta seperti BLS/ Kursus Infection Control dan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Kematian Ibu/Kanak-kanak atau Stillbirth peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

**Aktiviti Unit**

- i. Menjalankan pemeriksaan untuk pembaharuan lesen (KPJKS). Memastikan semua klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Jadual 2.3 : Menunjukkan bilangan permohonan pembaharuan lesen pada tahun 2018 dan bilangan yang telah berjaya diperiksa.**

Kategori KPJKS	Jumlah Premis	Jumlah Premis Yang Tamat Lesen Tahun 2016	Bilangan Permohonan Yang Di Terima	Bilangan Premis Yang Telah Di Periksa	Tempoh masa laporan dihantar ke CKAPS	
					<14 Hari	<14 Hari
Premis Yang Dilesenkan	116	49	46	46	46	0

\*\* 1 premis telah lupus dan 2 premis dalam proses permohonan semula di UKAPS

- ii. Menjalankan pemeriksaan pra dan pasca pendaftaran klinik-klinik perubatan dan pergigian swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**Jadual 2.4 : Bilangan pemeriksaan pasca pendaftaran yang telah berjaya di lakukan keatas klinik perubatan swasta yang sedia ada oleh UKAPS.**

Perkara	Bilangan Klinik
Sasaran bilangan klinik untuk pemeriksaan pasca pendaftaran	66
Bilangan premis yang diperiksa	66

Peratus pencapaian

100%

\*\* 2 klinik tidak beroperasi semasa lawatan.

- iii. Menjalankan pemeriksaan surveilan pasca pendaftaran untuk semua klinik perubatan dan klinik pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
- iv. Menjalankan pemeriksaan disemua fasiliti jagaan kesihatan swasta yang berlesen untuk proses memperbaharui lesen
- v. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap semua fasiliti jagaan kesihatan swasta yang melanggar Akta 586 dan peraturan

**Jadual 2.5 : Menunjukkan aktiviti penguatkuasaan UKAPS**

Bil	Jenis kemudahan	Jenis Kesalahan	Hukuman
1.	Klinik Perubatan Swasta	Mengambil anggota yang tidak berkelayakan bekerja	Kompaun RM 20,000.00
2.	Klinik Perubatan Swasta	Melakukan perkhidmatan luar skop	Kompaun RM 50,000.00
3.	Klinik Perubatan Swasta	Beroperasi di luar waktu operasi	Masih dalam proses
4.	Premis Kesihatan tidak berdaftar	Tanpa pendaftaran	Masih dalam proses siasatan
5	Klinik Pergigian tidak berdaftar	Tanpa pendaftaran	Masih dalam proses siasatan
6	Klinik Pergigian tidak berdaftar	Tanpa pendaftaran	Masih dalam proses siasatan

- vi. Menjalankan latihan kepada pihak swasta dan juga anggota UKAPS
- vii. Memproses permohonan pengecualian Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) bagi pembelian peralatan perubatan daripada pihak fasiliti kesihatan swasta
- viii. Menjalankan dan melaporkan siasatan untuk kes-kes aduan yang melibatkan fasiliti jagaan kesihatan swasta
- ix. Laporan aduan & penguatkuasaan dihantar ke Bahagian Amalan Perubatan dalam masa 14 hari bekerja.

**Jadual 2.6 : Menunjukkan aduan yang diterima UKAPS mengikut jenis kesalahan dan tindakan UKAPS**

Bulan	Jenis kemudahan	Jenis Aduan				Tindakan	
		Caj	Perkhidmatan	Sala h Laku	Etik a	Grievance	Laporan ke CKAPS
Januari -Mac	Hospital	2	5	0	0	6	1
	Klinik perubatan	3	9	6	0	5	13
April - Jun	Hospital	2	5	1	1	7	2
	Klinik Perubatan	0	4	0	1	1	4
Julai-September	Hospital	4	4	1	0	9	0
	Klinik Perubatan	3	9	1	2	3	6
Oktober - Disember	Hospital	2	6	1	0	5	1
	Hemodialisis	2	9	1	0	6	1


## 2.3 UNIT REKOD PERUBATAN

Bertanggungjawab untuk menyelaraskan Sistem Pengurusan Data dan Maklumat di peringkat negeri dan menguruskan proses penubuhan lembaga perubatan yang dipohon oleh pihak – pihak yang berkepentingan.

### Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar

Perkhidmatan rawatan pesakit luar disediakan di hospital – hospital dan kemudahan kesihatan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jumlah kedatangan pesakit luar ke kemudahan kesihatan awam lebih tinggi berbanding hospital iaitu sebanyak 2,085,652 pesakit berbanding 279,984 pesakit di hospital seperti di **Jadual 2.7** dan **Jadual 2.8**

**Jadual 2.7 : Jumlah kedatangan pesakit luar ke klinik kesihatan dan klinik komuniti di WPKL&P, 2018**



**Jadual 2.8 : Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital KKM di WPKL&P, 2018**

Fasiliti	Klinik Pakar	Jabatan Kecemasan	Jabatan Pesakit Luar		Jumlah Pesakit Luar
			Klinik Khas	Pesakit Luar Am	
Hospital Putrajaya	203,559	86,550	5,896	-	296,005
Hospital Rehabilitasi Cheras	10,509			-	10,509
<b>JUMLAH</b>	<b>214,068</b>	<b>86,550</b>	<b>5,896</b>	<b>-</b>	<b>306,514</b>

Perkhidmatan pesakit luar hospital disediakan di dua buah hospital di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras.

**Jadual 2.9** menunjukkan jumlah kedatangan pesakit luar mengikut klinik pesakit, luar, klinik pakar dan unit kecemasan bagi tahun 2014 sehingga tahun 2018.

**Jadual 2.9 : Jumlah kedatangan pesakit luar (klinik pesakit, luar, klinik pakar dan unit kecemasan) hospital KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2014-2018**

Tahun	Jabatan Kecemasan	Klinik Pakar	Jabatan Pesakit Luar	Jumlah Pesakit Luar
2014	66,818	179,600	4,706	251,124
2015	65,636	195,021	4,607	265,264
2016	83,258	208,353	5,689	297,300
2017	84,446	213,021	5,970	303,437

2018	86,550	214,068	5,896	306,514
------	--------	---------	-------	---------

### Perkhidmatan Kecemasan

Sebanyak 86,550 kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan dicatatkan pada tahun 2018 seperti di **Jadual 2.10**. Jumlah tahun 2018 mencatatkan kenaikan sebanyak 2.49% berbanding tahun sebelumnya.

**Jadual 2.10: Jumlah kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan**

Fasiliti	Jumlah kedatangan Ke Jabatan Kecemasan		Perbezaan (%)
	2,017	2,018	
Hospital Putrajaya	84,446	86,550	2.49
Hospital Rehabilitasi Cheras	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>84,446</b>	<b>86,550</b>	<b>2.49</b>

**Nota : Hospital Rehabilitasi Cheras tidak mempunyai Jabatan Kecemasan**

**Jadual 2.11** menunjukkan jumlah kedatangan pesakit tahun 2018 mengikut kategori kod di jabatan kecemasan. Jadual 6 pula menunjukkan sepuluh (10) sebab utama kedatangan pesakit baru ke Jabatan Kecemasan pada tahun 2017 mengikut pengelasan ICD10 (international Classification of Diseases Tent Revision).

**Jadual 2.11 : Kedatangan pesakit mengikut kod di Jabatan kecemasan Hospital Putrajaya, 2018**

Fasiliti	Kedatangan Mengikut Kategori Zon			Kedatangan Mengikut Jenis Kes			JUMLAH
	Merah	Kuning	Hijau	Disiplin Utama	Pusat Krisis Setempat	Bukan Kecemasan	
Hospital Putrajaya	1,397	16,491	55,483	73,119	252	13,179	86,550
Hospital Rehabilitasi Cheras	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,397</b>	<b>16,491</b>	<b>55,483</b>	<b>73,119</b>	<b>252</b>	<b>13,179</b>	<b>86,550</b>

**Jadual 2.12: Sebab Utama Kedatangan Pesakit (Baru) ke Jabatan Kecemasan Di Hospital Putrajaya, 2018**

No	Sebab Utama	Jumlah	%
1	Asthma	13003	15.02
2	Fractures	8227	9.51
3	Remainder of symptoms, signs and ill-defined conditions	7421	8.57
4	All other injuries	6495	7.50
5	Dislocations, sprains and strains of specified and multiple body regions	6224	7.19
6	Hypertensive Diseases	5120	5.92
7	Intestinal infectious diseases	4998	5.77
8	Pneumonia	4576	5.29
9	Bronchitis, chronic and unspecified and emphysema	4289	4.96
10	Other joint disorders	3420	3.95

### Perkhidmatan Klinik Pakar

Kedatangan pesakit ke Klinik Pakar secara keseluruhannya meningkat sebanyak 214,068 pesakit pada tahun 2018 berbanding pada tahun 2017 yang mencatatkan 213,021 pesakit seperti di **Jadual 2.13**.

Bagi kedatangan pesakit mengikut kepakaran pula, jumlah kedatangan paling ramai ialah bagi kepakaran perubatan Am yang mencatatkan jumlah pesakit seramai 35,055 pesakit, diikuti dengan Bedah Am seramai 28,545 pesakit bagi tahun 2018 seperti di **Jadual 2.14**.

**Jadual 2.13: Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pakar Di Hospital KKM WPKL&P, 2017 – 2018**

Fasiliti	Jumlah kedatangan Ke Klinik Pakar		Perbezaan (%)
	2017	2018	
Hospital Putrajaya	203,778	203,559	(0.11)
Hospital Rehabilitasi Cheras	9,243	10,509	13.70
<b>JUMLAH</b>	<b>213,021</b>	<b>214,068</b>	<b>13.59</b>

**Jadual 2.14: 10 sebab utama Kedatangan Pesakit Mengikut Subkepakaran Ke Klinik Pakar Di Hospital KKM WPKL&P, 2018**

Kepakaran	2018
Perubatan Am	35,055
Bedah Am	28,545
Ortopedik	28,501
Oftamologi	21,743
Pediatrik	21,917
Obstetrik	16,312
Dermatologi	13,699

Otolaryngologi (ENT)	13,663
Ginekologi	7,578
Pergigian	7,405

**Jadual 2.15** menunjukkan sepuluh (10) sebab utama kedatangan pesakit baru ke klinik pakar di hospital kerajaan di WPKL&P pada tahun 2018 mengikut pengelasan ICD10 (International Classification of Diseases Tent Revision).

**Jadual 2.15: 10 Sebab Utama Kedatangan Pesakit Ke Klinik-Klinik Pakar Di Hospital KKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2018**

**10 Sebab Utama Kedatangan Pesakit Luar Pakar di Hospital Putrajaya Tahun 2018**

No	Sebab Utama	Jumlah	%
1	Remainder of diseases of the ear and mastoid process	5058	13.07
2	Remainder of diseases of the eye and adnexa	4062	10.49
3	Pregnancy, childbirth and the puerperium	4048	10.46
4	Dislocations, sprains and strains of specified and multiple body regions	3475	8.98
5	Other joint disorders	2218	5.73
6	Certain conditions originating in the perinatal period	1820	4.70
7	Remainder of diseases of the genitourinary system	1811	4.68
8	Remainder of certain infectious and parasitic diseases ,including late effects	1659	4.29

9	Pain and other conditions associated with female genital organs and menstrual cycle	1464	3.78
10	Remainder of diseases of the digestive system	1183	3.06

### 10 Sebab Utama Kedatangan Pesakit Luar Pakar di Hospital Rehabilitasi Cheras 2018

No	Sebab Utama	Jumlah	%
1	Disease of the circulatory system	432	25.67
2	Injury, poisoning and certain other consequences of external causes	281	16.70
3	Disease of digestive system	227	13.49
4	Diseases of the Nervous System	226	13.43
5	Endocrine, nutritional and metabolic diseases	121	7.19
6	Diseases of the Musculoskeletal System and Connective Tissue	118	7.01
7	Factors influencing health status and contact with health services	117	6.95
8	Diseases of the eye and adnexa	97	5.76
9	Mental and behavioural disorders	33	1.96
10	Symptoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified	18	1.07

## Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam

### Kemasukan ke hospital

**Jadual 2.16** menunjukkan penurunan bilangan kemasukan pesakit ke hospital pada tahun 2018 iaitu 32,088 pesakit berbanding 31,573 pesakit bagi tahun 2017

**Jadual 2.16: Bilangan Kemasukan ke Hospital KKM di WPKL&P, 2018**

Hospital	Bilangan Kemasukan		Perbezaan (%)
	2017	2018	
Hospital Putrajaya	30,257	30,926	2.21
Hospital Rehabilitasi Cheras	1,316	1,162	-11.70
<b>JUMLAH</b>	<b>31,573</b>	<b>32,088</b>	<b>(9.49)</b>

### Kadar penggunaan katil / Bed Occupancy rate (BOR)

**Jadual 2.17** menunjukkan kadar penggunaan katil (BOR) tertinggi adalah 59.04% bagi Hospital Putrajaya untuk tahun 2017. BOR bagi tahun 2017 menunjukkan penurunan berikutan Hospital Putrajaya mempunyai penambahan dari bagi jumlah katil rasmi dan operasi.

### Purata masa tinggal hospital (ALOS)

**Jadual 2.18** menunjukkan pencapaian ALOS bagi tahun 2017. ALOS yang paling tinggi adalah 43.16 hari di Hospital Rehabilitasi Cheras dimana rawatan utamanya adalah rawatan pemulihan.

**Jadual 2.17 : Kadar penggunaan katil (BOR) di Hospital KKM WPKL&P**

Hospital	Kadar Penggunaan Katil (BOR)	
	2017	2018
Hospital Putrajaya	59.04%	58.78%

Hospital Rehabilitasi Cheras	53.52%	38.69%
------------------------------	--------	--------

**Jadual 2.18 : Statistik pesakit dalam di Hospital KKM, WPKL&P, 2016**

Hospital	Katil Operasi	Jumlah Kemasukan	Purata Kemasukan Harian	Jumlah Discaj	Jumlah Hari Pesakit	Jumlah Kematian	*ALOS
Hospital Putrajaya	470	30,926	84.73	30,596	100,836	368	3.3
Hospital Rehabilitasi Cheras	132	1,162	3.18	1,166	18,643	0	15.99
<b>JUMLAH</b>	<b>602</b>	<b>32,088</b>	<b>88</b>	<b>31,762</b>	<b>119,479</b>	<b>368</b>	<b>19</b>

### Perkhidmatan makmal

Jumlah Perkhidmatan makmal pada tahun 2017 ditunjukkan pada **Jadual 2.19** dan **Jadual 2.20** dimana jumlah keseluruhan ujian yang dijalankan bagi hospital-hospital dan klinik kesihatan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 4,430,590 ujian.

**Jadual 2.19 : Bilangan Ujian Makmal di Hospital KKM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2018**

Hospital	Jenis Ujian						
	Patologi Kimia (Biochemistry)	Mikrobiologi (Microbiology)	Hematologi (Haematology)	Histopatologi (Histopathology)	Sitologi (Cytology)	Forensik (Forensic)	Jumlah
Hospital Putrajaya	299,323	33,651	107, 131	5,139	2,317	0	447,561
Hospital Rehabilitasi Cheras	38,628	0	3,182	0	0	0	41,810
<b>JUMLAH</b>	<b>337, 951</b>	<b>33, 651</b>	<b>110, 313</b>	<b>5,139</b>	<b>2,317</b>	<b>-</b>	<b>489, 371</b>

**Jadual 2.20 : Bilangan Ujian Makmal di Klinik Kesihatan KKM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2017**

Pejabat Kesihatan Daerah	Jenis Ujian						
	Patologi Kimia (Biochemistry)	Mikrobiologi (Microbiology)	Hematologi (Haematology)	Histopatologi (Histopathology)	Sitologi (Cytology)	Forensik (Forensic)	Jumlah
Lembah Pantai	621, 440	15,699	150, 093	0	0	0	787,232
Titiwangsa	713, 089	33,861	195, 580	-	-	-	942,530

Cheras	447, 598	25,134	108, 527	-	-	-	581,259
Kepong	645, 574	18,772	116, 932	-	-	-	781,278
Putrajaya	449, 610	15,515	171, 855	-	-	-	636,980
<b>JUMLAH</b>	<b>2,877, 311</b>	<b>108, 981</b>	<b>742, 987</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3,729, 279</b>

### Perkhidmatan pengimejan diagnostik

**Jadual 2.21** dan **Jadual 2.22** menunjukkan jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik yang dilakukan di hospital – hospital kerajaan dan klinik kesihatan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

#### **Jadual 2.21 : Jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik di hospital – hospital kerajaan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2018**

Hospital	Jenis Perkhidmatan Pengimejan	
	Pemeriksaan Am	Lain - Lain
Hospital Putrajaya	72,647	8,358
Hospital Rehabilitasi Cheras	1,979	273
<b>JUMLAH</b>	<b>74,626</b>	<b>8,631</b>

**Jadual 2.22 : Jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik di klinik kesihatan kerajaan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2018**

Klinik Kesihatan	Jenis Perkhidmatan Pengimejan	
	Pemeriksaan Am	Lain - Lain
KK Tanglin	0	0
KK Jinjang	7927	0
KK Cheras	8797	0
KK Putrajaya	15581	6800
<b>JUMLAH</b>	<b>32,305</b>	<b>6,800</b>

#### **Permohonan laporan perubatan**

Jumlah permohonan laporan perubatan menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Pada tahun 2017 jumlah permohonan laporan perubatan adalah sebanyak 4,501 permohonan. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menguruskan permohonan laporan perubatan yang melibatkan klinik kesihatan, klinik ibu dan anak dan klinik 1 malaysia di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.


**Jadual 2.23 : Jumlah Permohonan Laporan Perubatan Di Fasiliti KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2016 - 2018**

Fasiliti	2016	2017	2018
Hospital Putrajaya	3,438	3,679	3,610
Hospital Rehabilitasi Cheras	236	280	321
Jabatan Kesihatan WP KL & Putrajaya	452	542	547
<b>JUMLAH</b>	<b>4,126</b>	<b>4,501</b>	<b>4,478</b>

### Permohonan penubuhan lembaga perubatan

Lembaga perubatan ditubuhkan berpandukan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 18/2010 bertarikh 4 Jun 2010. Permohonan diterima dari pelbagai agensi termasuk agensi swasta dan badan berkanun. Pada tahun 2017, sejumlah 77 permohonan penubuhan lembaga perubatan diterima oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya.

**Jadual 2.24 : Bilangan penubuhan lembaga perubatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2016 – 2018**



### Pencapaian KPI dan NIA

**Jadual 2.25** sehingga **Jadual 2.28** menunjukkan pencapaian KPI dan NIA bagi rekod perubatan di hospital – hospitak KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2018.

**Jadual 2.25: Percentage of medical reports prepared within the stipulated period :**

**\*State & Specialist Hospitals; < 4 weeks**

**Others hospitals < 2 weeks (%)**

Hospital	Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$ )			
	2015	2016	2017	2018
Hospital Putrajaya	94.75%	91%	88.12%	94%
Hospital Rehabilitasi Cheras	98.61%	99%	98.93%	96%
<b>KESELURUHAN</b>	<b>96.68%</b>	<b>95.00%</b>	<b>93.53%</b>	<b>95.07%</b>

**Jadual 2.26 : Percentage Of Medical Records That Were Dispatched Within 72 Working Hours Of Discharge**

Hospital	Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$ )			
	2015	2016	2017	2018
Hospital Putrajaya	99.48%	99.52%	98.58%	98.94%
Hospital Rehabilitasi Cheras	98.37%	95.38%	98.91%	98.45%
<b>KESELURUHAN</b>	<b>98.93%</b>	<b>97.45%</b>	<b>98.75%</b>	<b>98.70%</b>

**Jadual 2.27 : Percentage Of Completed Requests For Medical Reports That Were Sent To The Doctors Within The Stipulated**

Hospital	Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$ )			
	2015	2016	2017	2018
Hospital Putrajaya	100%	100%	87.71%	97.45%
Hospital Rehabilitasi Cheras	100%	100%	100%	100%
<b>KESELURUHAN</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>94%</b>	<b>99%</b>

**Jadual 2.28 : Percentage Of Medical Records For Specialist Clinic Appointment That Were Traced Within 3 Working Days.**

Hospital	Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$ )			
	2015	2016	2017	2018
Hospital Putrajaya	IT Hospital	IT Hospital	IT Hospital	IT Hospital
Hospital Rehabilitasi Cheras	99.78%	95.38%	100%	100%
<b>KESELURUHAN</b>	<b>99.78%</b>	<b>95.38%</b>	<b>100.00%</b>	<b>100.00%</b>

## 2.4 UNIT PENGURUSAN HOSPITAL

Unit ini bertanggungjawab untuk memantau aktiviti bagi 2 buah hospital dibawah JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) dengan memastikan servis klinikal serta pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan program perubatan, kejururawatan, dan penyeliaan hospital berjalan lancar seiring dengan sasaran yang ditetapkan berdasarkan Pelan Tindakan Program Perubatan untuk tahun semasa.

Unit Pengurusan Hospital :

- i. Menjalankan pemantauan/ penyeliaan aktiviti perkhidmatan perubatan
- ii. Menyelaras keperluan peruntukan dan perjawatan HPJ dan HRC
- iii. Memantau tindakan terhadap aduan yang diterima
- iv. Merancang dan menguruskan operasi hospital baru

### Aktiviti Unit

#### 1. Pemantauan hospital

Pemantauan hospital dirancang sebanyak 4 kali setahun bagi setiap hospital mengikut objektif ISO yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, pemantauan hospital juga dilakukan bagi

keperluan penyelesaian isu berbangkit, aduan, kadar jangkitan yang naik mendadak dan sebagainya. Penjadualan lawatan dibuat semasa perancangan takwim sepanjang tahun. Perbincangan antara ahli pasukan diadakan sebelum lawatan pemantauan dibuat.

Pasukan dibahagi kepada 3 kumpulan berasingan bagi memantau dari sudut yang berbeza. Pemantauan di wad diketuai oleh penyelia jururawat bagi melihat sudut kejururawatan dan jagaan pesakit. Manakala doctor lebih tertumpu kepada aktiviti doktor siswazah, kutipan hasil, aduan semasa dan juga perjalanan klinik pakar.

Penolong pegawai perubatan membuat pemantau di jabatan kecemasan dan bahagian forensik serta meneliti peralatan di bawah seliaan syarikat konsensi dan juga ambulan. Laporan dibuat dan tindakan susulan dibuat pada isu yang memerlukan perhatian dan maklumbalas dari pihak hospital.

Penambahbaikan sentiasa dijalankan supaya perkhidmatan lebih efisien dan efektif untuk mencapai kepuasan pelanggan serta meningkatkan taraf perkhidmatan di Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras.

**Jadual 2.29 : Jadual Pemantauan Hospital Bagi Tahun 2017**

Bil	Hospital Putrajaya	Tarikh	Hospital Rehabilitasi Cheras	Tarikh
1	Klinik Pakar Surgikal Dan Klinik Pakar Ortopedik	16 Jan 2019	Unit CRP Unit Kawalan Infeksi & 2a	15 Jan 2019
2	Oral Surgery TCM Diagnosti Imaging	8 Mei 2019	Unit Teknologi Rehab Unit Rawatan Harian	7 Mei 2019

## 2. Penyelaras Pengurusan Aduan dan Kes Medico-legal

Mesyuarat Medikolegal/Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Bebas diadakan bagi menyiasat kes-kes medikolegal, menyemak dan mengkaji semua laporan yang berlaku di hospital –hospital dan kemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri, serta CML KKM dengan ulasan serta implikasinya mengenai pengurusan kes-kes tersebut, serta mengambil Tindakan Penambahbaikan dan Tindakan Pencegahan terhadap aduan yang diterima.

## 3. Mengadakan Perbincangan Doktor Siswazah Bersama Pengarah JKWPKL&P

Perbincangan ini berlangsung sekali setahun bagi memberi peluang kepada PPS untuk membangkitkan masalah yang dihadapi sepanjang tempoh latihan amali secara terus kepada PKN dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Disamping itu, PKN juga memberi kaunseling serta kata-kata perangsang/ motivasi kepada PPS supaya komited dan cemerlang dalam menjalankan tugas disamping menambahkan ilmu pengetahuan.

## 4. Mengadakan Mesyuarat Tahunan:

- i. Mesyuarat Pakar-Pakar Bersama Pengarah/ TPKNP JKWPKL & P

Diadakan setiap dua kali setahun. Mesyuarat ini diadakan diantara pakar-pakar hospital, klinik kesihatan dan PKN bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh pakar-pakar semasa menjalankan tugas, masalah yang melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah , Pegawai Perubatan dan anggota kesihatan yang lain.

ii. Mesyuarat IPTA/IPTS Bersama Pengarah/TPKNP JKWPKL& P  
Mesyuarat IPTA/IPTS (mempunyai MOU dengan KKM dan yang mempunyai pelatih yang ditempatkan di HPJ dan HRC) bersama PKN diadakan 2 kali setahun. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan isu-isu yang dihadapi serta jalan penyelesaian oleh IPTA/IPTS dan pihak hospital.

iii. Mesyuarat Teknikal Perubatan

Mesyuarat Teknikal Perubatan Negeri JKWPKL&P diadakan dua kali setahun dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Perubatan JKWPKL&P. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan permasalahan yang berlaku di kedua-dua buah hospital yang dihadiri oleh Pengarah hospital, Timbalan Pengarah dan ketua-ketua unit.

iv. Mesyuarat Buku Log PPK

Mesyuarat Buku Log PPK dilaksanakan bagi membincangkan pemarkahan, dan pencapaian latihan amali di hospital. Mesyuarat ini diadakan setiap kali selepas kursus PPK tahap 1 dan tahap 2.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Latihan Peningkatan PPK dilaksanakan bagi membincangkan peruntukan kewangan bagi menganjurkan kursus, dan maklumbalas keberkesanan kursus yang dijalankan diperingkat pelaksanaan.

v. Mesyuarat Medikolegal/Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Bebas

Diadakan bagi menyiasat kes-kes medikolegal, menyemak dan mengkaji semua laporan yang berlaku di hospital-hospital dan kemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri, serta CML KKM dengan ulasan serta implikasinya mengenai pengurusan

kes-kes tersebut, serta mengambil Tindakan Penambahbaikan dan Tindakan Pencegahan terhadap aduan yang diterima.

## **5. Latihan dan kursus yang dijalankan**

### **a. Kursus wajib KKM**

#### **i. Kursus peningkatan tahap kecekapan pembantu perawatan kesihatan (PPK) Tahap 1.**

Kursus ini diadakan sekali setahun bagi melatih PPK bagi prosedur tahap 1 yang telah dirancang oleh KKM dan menjalankan latihan amali di Hospital. Kursus ini adalah bagi memenuhi spesifikasi tugas sebenar PPK. Di samping itu, kursus ini juga dapat memperluaskan tugas dan tanggungjawab PPK supaya lebih efisien dalam memberikan sumbangan kearah meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan pesakit.

#### **ii. Kursus peningkatan tahap kecekapan pembantu perawatan kesihatan (PPK) Tahap 2.**

Kursus ini adalah bagi memenuhi silibus yang ditetapkan oleh KKM dan tambahan tugas PPK dalam membantu perawatan pesakit.

#### **iii. Kursus Basic Life Support**

Memberi pendedahan kes sebenar dan latihan kepada anggota bukan paramedic.

### **b. Kursus asas jabatan**

#### **i. Kursus Pengurusan Aduan**

Kursus ini memberi pendedahan dan melatih anggota dibawah naungan JKWPKL&P dalam pengendalian aduan dan mengenalpasti kes-kes potensi medico-legal dan tindakan yang

perlu dilakukan sebelum terjadinya aduan dan penyelesaian aduan.

**ii. Kursus Perawatan Luka**

Kursus ini dijalankan di HPJ dan penyertaan adalah dari anggota HPJ, HRC dan Kesihatan Awam. Kursus ini diadakan bagi meningkatkan kerjasama antara HPJ, HRC dan Klinik Kesihatan dibawah JKWPKL&P dalam bidang perawatan luka. Disamping itu, juga dapat meningkatkan pengetahuan serta memberi pendedahan mengenai teknologi terkini dalam bidang perawatan dan material dressing yang boleh didapati di Malaysia.

**iii. Kursus One Stop Crisis Center**

Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan tentang cara pengendalian mangsa OSCC di hospital amnya dan di Jabatan Kecemasan dan Trauma khususnya. Menerangkan cara pengendalian dan pengurusan specimen serta bahan bukti pesakit OSCC. Menerangkan kepada anggota kesihatan yang terlibat berkaitan isu medikolegal serta akta dan undang-undang yang digunapakai di Malaysia. Di samping itu juga memberi pendedahan tentang kepentingan dan peranan kumpulan sokongan dalam mengendalikan kes-kes ini.

**iv. Kursus Local Perceptor (LP)**

Kursus ini biasanya dijalankan sekali dalam 2 tahun untuk melatih anggota yang dipilih sebagai Local Perceptor dengan memberi penekanan peranan dan tanggungjawab Local Perceptor dalam latihan peningkatan PPK. Pada tahun ini, kursus ini telah dijalankan di Hotel Akar Beach Resort , Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini telah melibatkan seramai 40 orang peserta yang terdiri dari jawatan penolong pegawai perubatan dan

jururawat yang cukup berpengalaman dan berkualiti dalam melatih PPK. Selain daripada penekanan terhadap modul-modul yang terdapat dalam buku log PPK para peserta turut diberikan ceramah dari penceramah motivasi mengenai pengenalan karakter bagi memudahkan para peserta mengenalpasti cara bimbingan terbaik untuk PPK.

## **6. Aktiviti Organ Transplant**

Aktiviti ini dijalankan bagi mempromosikan cara hidup sihat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Meningkatkan pengetahuan derma organ dari sudut agama dan pengendalian jenazah. Memberi pendedahan kepada ahli anggota kesihatan apa itu derma organ.

## **7. Lean Healthcare Initiative**

Unit Pengurusan Hospital juga terlibat dengan pemantauan Lean Healthcare dengan kerjasama Unit Kualiti. Lean Healthcare telah dilaksanakan di Hospital Putrajaya pada tahun lepas dan bertujuan untuk mengurangkan kesesakan pesakit di jabatan kecemasan dan trauma dan mempercepatkan penghantaran pesakit ke wad.

## **8. Penyelaras Program Halatuju Bahagian Perubatan**

Unit Pengurusan Hospital juga telah dilantik sebagai unit yang menyelaras Program Halatuju Bahagian Perubatan yang dijalankan sekali setahun iaitu pada 16/2/2017 hingga 18/2/2017. Di mana semua unit di dalam Bahagian Perubatan berkumpul dan bermesyuarat bagi membincangkan program halatuju untuk tahun hadapan. Program ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Perubatan.

## 9. Majlis Khatan Peringkat JKWPKL&P

Unit Pengurusan Hospital dan Unit Penyeliaan JKWPKL&P telah mengadakan majlis berkhatan peringkat jabatan pada bulan November 2017. Majlis ini telah mendapat sambutan yang baik dan telah disertai oleh anak-anak yatim dan anak-anak staf jabatan.

### 2.5 UNIT KUALITI


Unit ini telah diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menyelaraskan aktiviti kualiti peringkat JKWPKL&P dan memantau aktiviti kualiti di semua hospital JKWPKL&P.

Unit Kualiti

- Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan "Performance Indicator"
- Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti Quality Assurance Programme JKWPKL&P bagi Bahagian Kesihatan Awam, Pergigian, Farmasi dan Hospital
- Menyelaraskan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti

#### Aktiviti Unit

**Rajah 2.30 : Aktiviti Unit Kualiti, Bahagian Perubatan, JKWPKL&P 2018**



### **1. Mesyuarat Jawatankuasa *Quality Assurance* (QA) Negeri JKWPKL&P**

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras QA Negeri JKWPKL&P Bil 1 & 2 telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Mac dan November 2017. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ketua-ketua Penyelaras QA Bahagian, Ketua Unit Kualiti Hospital dan Fasilitator QA Negeri dan Bahagian. Mesyuarat ini membincangkan mengenai perjalanan tajuk-tajuk kajian yang telah dipilih oleh setiap bahagian. Tajuk-tajuk yang diteruskan akan dipertandingkan di Mini Konvensyen QA Peringkat JKWPKL&P dan pemenang akan dipilih untuk mewakili JKWPKL&P di peringkat Kebangsaan.

### **2. Kursus *Training of Trainers For Quality Assurance* (QA)**

Kursus *Training of Trainers for Quality Assurance* tahun 2017 dianjurkan sebanyak 2 kali pada tahun 2017. Kursus ini dibahagikan kepada 2 bahagian berasingan untuk memantapkan kefahaman peserta tentang *Quality Assurance*. Bahagian Pertama pada bulan April di Hotel Excelsior Ipoh dan Bahagian kedua pada bulan Oktober di Hotel A Famosa Melaka. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan peserta – peserta dengan langkah – langkah dalam menjalankan aktiviti QA, meningkatkan kefahaman serta memberi kesedaran dan menyuntik semangat kerjasama di kalangan ahli kumpulan yang bertanggungjawab di bahagian masing – masing. Kursus ini disertai oleh 56 orang peserta dan telah menghasilkan 13 tajuk kajian.

### **3. Mini Convention QA Kali Ke-4 Peringkat JKWPKL&P**

Mini Konvensyen QA peringkat JKWPKL&P yang diadakan setiap 2 tahun ini telah dilangsungkan pada bulan Mac 2017 di Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras. Sebanyak 15 tajuk kajian telah dipertandingkan dengan diadili oleh 2 orang juri jemputan iaitu Dr. Nor Aishah binti Abu Bakar daripada Bahagian Perkembangan Perubatan dan Dr Marina Binti Abdullah Sani Ketua Unit Kualiti Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Johan

telah mewakili JKWPKL&P bagi kategori Oral manakala, tempat Kedua dan Ketiga bagi Kategori Poster ke Pertandingan Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan 2017 yang berlangsung pada bulan Oktober di Pusat Konvensyen Sungai Siput, Perak. JKWPKL&P telah memenangi tempat Naib Johan dalam Kategori Oral Peringkat Kebangsaan.

#### **4. Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Infeksi Dan Antibiotik (JKKIA) Peringkat Negeri JKWPKL&P**

Mesyuarat JKKIA ini diadakan sebanyak dua (2) kali pada 2017 iaitu pada bulan Februari dan Ogos. Mesyuarat ini membincangkan tentang laporan status aktiviti kawalan infeksi dan antibiotik yang dilakukan di Bhagian Perubatan, Kesihatan Awam, Pergigian, hospital dan klinik-klinik di bawah seliaan JKWPKL&P sepanjang bulan Januari sehingga Jun 2017. Mesyuarat ini di pengurusikan oleh PKN dan pelaporan dibentangkan oleh Dr. Azraai Bahari Pakar Perubatan dari Hospital Putrajaya (HPJ)

#### **5. Seminar Kawalan Infeksi**

Pada 25 September 2017 telah diadakan Seminar Kawalan Infeksi yang bertempat di Auditorium, Hospital Putrajaya. Seminar ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran anggota kesihatan di JKWPKL&P akan kepentingan kawalan infeksi dan pengurusan keselamatan dan perawatan pesakit. Sebanyak 173 Orang peserta hadir ke seminar yang dianjurkan ini. Penceramah jemputan yang telah dipanggil ke seminar ini ialah Dr. Azraai Bahari dan Dr. Aniz Suriani Pakar dari Hospital Putrajaya Dr. Suhaila dari Institut Kanser Negara, Dr. Muhammad Shauqi bin Abd. Kadir dari Hospital Sultanah Bahiyah Kedah.

#### **6. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti Negeri JKWPKL&P**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti JKWPKL&P telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2017 iaitu pada bulan April dan November. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri

dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN) dan Penyelaras Kualiti daripada setiap bahagian dan hospital di bawah seliaan JKWPKL&P. Mesyuarat ini membincangkan mengenai pencapaian KPI Pengarah Kesihatan Negeri (PKN), KPI Klinikal & *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) serta pencapaian aktiviti kualiti di peringkat JKWPKL&P bagi tempoh Julai - Disember 2016 dan Januari- Jun 2017.



**Gambar 2.31: Kehadiran bagi mesyuarat jawatankuasa pemandu kualiti negeri JKWPKL&P.**

## 7. Audit PI/HPIA

Audit Performance Indicator (PI) dan Hospital Performance Indicator Accountability (HPIA) telah dijalankan sebanyak 2 kali bagi tahun 2017 di Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak KKM. Aktiviti Audit ini telah dijalankan oleh juruaudit JKWPKL&P yang telah dilantik oleh KKM. Laporan lengkap pencapaian dan penemuan SIQ dihantar ke KKM dalam tempoh yang ditetapkan. Aktiviti Audit KPI Pengarah Negeri oleh sekretariat KPI KKM

telah dilakukan pada bulan Januari dan Julai, dipengerusikan oleh TPKN Bahagian Perubatan.



**Gambar 2.32: Kehadiran bagi audit PI/HPIA negeri JKWPKL&P**

Terdapat 2 aspek pencapaian Performance Indicator yang dipantau oleh Unit Kualiti iaitu Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA) dan juga KPI klinikal

HPIA merupakan KPI bagi Pengarah Hospital dan juga KPI Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Perubatan. Bagi KPI perkhidmatan klinikal, KPI ini merupakan KPI yang telah dikemaskini dan dipantau di hospital yang mempunyai kepakaran atau subkepakaran dalam perkhidmatan tersebut. HPIA mempunyai enam elemen penting dalam pemantauan yang terdiri daripada **carta 2.33**.

**Carta 2.33: Elemen didalam HPIA yang dipantau****Jadual 2.34 : Pencapaian KPI PKN Program Perubatan Januari-Disember 2017**

Bil	Indikator	Standard Nasional Dan Negeri	Jan-Jun	Jul-Dis
1	Pelaksanaan Budaya Inovasi Di Hospital KKM	2	2	2
2	Peratus jururawat lantikan baru (menti yang telah tamat program pementoran) yang mahir dalam perkhidmatan kejururawatan	≥ 85%	<u>18</u> 18 (100%)	<u>38</u> 38 (100%)
3	<i>Energy Intake ay Least 70% of Recommendation Winthin 5<sup>th</sup> day of Enteral Nutrition Initiation Among Patients in Ward</i>	≥ 80%	<u>79</u> 80 (98.8%)	<u>236</u> 243 (97.12%)
4	Peratus klinik perubatan swasta berdaftar yang dipantau dalam tempoh 12 bulan setelah berdaftar dengan kkm	< 5%	<u>20</u> 21 (95.2%)	<u>43</u> 45 (95.5%)

**Jadual 2.35 : Pencapaian KPI Klinikal dan HPIA 2018**

Hospital	Januari - Jun					
	Total Indikator	KPI HPIA	SIQ HPIA	KPI Klinikal	SIQ Klinikal	Pencapaian
Hospital Putrajaya	150	27	1	123	5	144/150 (96%)
Hospital Rehabilitasi Cheras	21	13	1	8	0	20/21 (95.2%)

Hospital	Julai-Disember					
	Total Indikator	KPI HPIA	SIQ HPIA	KPI Klinikal	SIQ Klinikal	Pencapaian
Hospital Putrajaya	167	35	1	132	8	158/167 (94.6%)
Hospital Rehabilitasi Cheras	29	21	0	8	0	29/29 (100%)

### Pencapaian KPI PKN

Unit Kualiti Bahagian Perubatan juga bertindak sebagai Penyelaras Kualiti Negeri KPI Pengarah Kesihatan Negeri (KPI PKN). Sebanyak 43 indikator dipantau Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.

**Jadual 2.36: Indicator KPI PKN yang dipantau oleh bahagian kualiti JKWPKL&P**

<b>Program</b>	<b>Jumlah Indikator</b>	<b>Jumlah Indikator Fully Comply</b>	<b>Jumlah Indikator Partially Comply</b>	<b>Jumlah Indikator Non Comply</b>
<b>Perubatan</b>	9	6	3	0
<b>Farmasi</b>	5	5	0	0
<b>BKKM</b>	6	5	1	0
<b>Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal</b>	3	3	0	0
<b>Kesihatan Awam</b>	13	12	1	0
<b>Pergigian</b>	7	7	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>43</b>	<b>38</b>	<b>5</b>	<b>0</b>

Rajah 2.37 : Indeks pencapaian audit KPI PKN oleh sekretariat KKM



## 2.6 UNIT PERLINDUNGAN PERUBATAN

Unit Perlindungan Perubatan (UPP) merupakan salah satu unit daripada 6 unit dibawah pentadbiran Bahagian Perubatan JKWPKL&P. Unit ini ditugaskan untuk menyelaraskan permohonan pasukan perlindungan perubatan yang melibatkan aktiviti/ program di peringkat Persekutuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya serta Negeri Selangor.

Unit Perlindungan Perubatan

- Menyelaras dan memantau aktiviti liputan perlindungan perubatan di peringkat antarabangsa, kebangsaan, tempatan dan aktiviti-aktiviti semasa

### Aktiviti Unit

Menyelaras dan Menguruskan Permohonan Pasukan Perlindungan Perubatan Untuk Acara / Majlis Rasmi Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

- i. Menerima permohonan pasukan perlindungan perubatan dari pelbagai agensi.
- ii. Mengadakan sesi lawatan tapak dengan pihak penganjur sebelum majlis/ program diadakan.
- iii. Menyediakan anggaran bajet Jawatankuasa Perubatan Dan Kesihatan dalam Aktiviti/ Program mengikut permintaan pihak Penganjur.
- iv. Membuat mesyuarat khas untuk Jawatankuasa Perubatan dan Kesihatan sekiranya perlu.
- v. Menghantar pasukan perlindungan perubatan ke acara yang telah mendapat kelulusan
- vi. Mengadakan mesyuarat Post-Mortem jika perlu

**Jadual 2.38 : Menunjukkan jumlah bilangan permohonan dan penyediaan pasukan perlindungan perubatan pada tahun 2016-2017 (statistik 2010-2018)**

Tahun	Permohonan			Penyediaan		
	Persekutuan	Selangor	Jumlah	Terima (Medical Standby)	Tolak (Hospital Rujukan)	Jumlah
2010	192	-	192	152	40	192
2011	201	-	201	155	46	201
2012	232	-	232	179	53	232
2013	198	95	293	239	54	293
2014	180	71	251	215	36	251
2015	244	72	316	276	40	316

2016	267	118	385	310	75	385
2017	275	129	404	340	64	404
2018	258	148	406	295	111	406

**Jadual 2.39 : Menunjukkan anggaran peruntukan yang dipohon oleh sekretariat perubatan (UPP) kepada pihak penganjur bagi aktiviti/program yang telah dijalankan pada tahun 2017**

Bil	Anggaran peruntukan	Tarikh	Jumlah peruntukan
1	Cadangan anggaran belanjawan world urban forum (wuf) 2018	07 februari 2018 – 13 februari 2018	RM 40,430
2	Cadangan anggaran belanjawan penganjuran 19th general session of the african-asian rural development organization (aardo) conference	26 februari 2018 – 4 mac 2018	RM 12,724
3	Cadangan anggaran belanjawan mesyuarat menteri-menteri buruh asean ke-25(almm) 2018	4 mei 2018 – 14 mei 2018	RM 11,986
4	Cadangan anggaran belanjawan asean school games 2018(asg2018)	19-27 julai 2018	RM 951,770
5	Cadangan anggaran belanjawan ifla wlic 2018	22 Ogos 2018 - 30 Ogos 2018	RM 4,259
6	Cadangan anggaran belanjawan untuk pasukan perlindungan perubatan bagi sambutan hari kemerdekaan ke-61 tahun	26 Ogos 2018 - 31 Ogos 2018	RM 13,995

	2018		
7	Cadangan anggaran belanjawan penganjuran senior officials meeting on transnational crime (somtc) ke-18	23-28 september 2018	RM 6,178

### **Menghadiri mesyuarat yang melibatkan keperluan pasukan perlindungan perubatan UPP**

Menerima surat mesyuarat dari peringkat Persekutuan dari Kementerian, Agensi Jabatan, Istana Negara dan Korporat termasuk daripada Negeri Selangor iaitu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor, Istana Selangor, Pejabat Kerajaan Tempatan dan Korporat serta agensi-agensi yang berkaitan.

### **Jadual 2.40 : Jumlah mesyuarat yang dihadiri bagi tahun 2018**

#### **Mengadakan Mesyuarat Pengurusan Unit Perlindungan Perubatan 2 kali setahun**

Membincangkan halatuju dan penambahbaikan untuk unit berdasarkan prestasi tahun-tahun yang terdahulu dan juga merancang tugas-tugas bagi tahun yang akan datang.

#### **Melakukan pemeriksaan logistik kenderaan ambulan mengikut jadual yang telah ditetapkan**

Tahun	Mesyuarat			Kehadiran			
	Persekutuan	Selangor	Jumlah	Hadir (UPP)	Wakil (JKNS/Hosp)	Tidak Hadir	Jumlah
2018	216	79	295	251	22	22	295

Semua ambulan adalah tertakluk kepada jadual penyelenggaraan berkala yang telah ditetapkan. Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan semua peralatan dan sistem berada didalam keadaan sempurna.

**Latihan kepada anggota**

Simposium pengurusan etika, protokol dan kecemasan bagi paramedik peringkat KKM. Memberi pendedahan awal kepada semua anggota paramedik yang bakal terlibat dengan pasukan perlindungan perubatan mengenai etika, protokol dan kecemasan semasa acara rasmi diadakan.

### 3.0 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

Bahagian Kesihatan Awam bertanggungjawab menyediakan pelbagai perkhidmatan kesihatan kepada semua lapisan masyarakat melalui penjagaan kesihatan asas dengan memberi fokus kepada Perkhidmatan Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit, Kawalan Mutu Makanan dan Pendidikan serta Promosi Kesihatan. Merupakan bahagian yang terbesar di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. Terdapat 11 cawangan dan 5 Pejabat Kesihatan di bawah struktur organisasi Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P.


#### Fungsi Bahagian

- i. Membantu individu dan komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas.
- ii. Menggalakkan amalan kesihatan di kalangan setiap individu dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- iii. Menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

#### 3.1 CAWANGAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam bertanggungjawab dalam pengurusan keperluan sumber di Bahagian Kesihatan Awam termasuk sumber manusia, peralatan dan infrastruktur bagi meningkatkan taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan. Ia juga berperanan dalam pengurusan perkembangan profesional dan halatuju anggota serta menyelaraskan dan memantau aktiviti berkaitan kualiti di Bahagian Kesihatan Awam. **Rajah 3.1** menunjukkan bilangan anggota Kesihatan Awam, JKWPKL&P mengikut gred perjawatan.

**Rajah 3.1: Sumber Manusia Mengikut Gred Perjawatan Bahagian Kesihatan Awam JKWPKL&P, 2018**




**\*\* Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 56), seramai 226 orang adalah Pegawai Perubatan Apung Gred UD44 - 54.**


**Program Kualiti Bahagian Kesihatan Awam**

- Petunjuk Prestasi Utama Pengarah Kesihatan Negeri & Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Program Kesihatan Awam Tahun 2018**

Bagi tahun 2018, terdapat 12 indikator bagi KPI PKN, dan 13 indikator bagi KPI TPKN(KA). **Rajah 3.2** menunjukkan senarai indikator dan pencapaian.

**Rajah 3.2: Pencapaian KPI Pengarah Kesihatan Negeri Dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Program Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2018**






- **QA / NIA Program Kesihatan Awam**

Pada tahun 2018, 9 daripada 12 sasaran *National Indicator Approach* (NIA) telah tercapai seperti di **Rajah 3.3**. Tindakan penambahbaikan telah diambil bagi indikator yang tidak mematuhi standard.

**Rajah 3.3: Pencapaian NIA Program Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2018**




• **Projek Pendekatan Khusus Daerah**

Sebanyak 1 projek Pendekatan Khusus Daerah telah dihasilkan oleh Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P pada tahun 2018 seperti di **Rajah 3.4**.

**Rajah 3.4: Projek Pendekatan Khusus Daerah, JKWPKL&P, 2018**



*Reduction in the number of SNNJ in MCHC of PK Kepong for 2017, will it be a successful story?*




**\* Akan menyertai Mini Konvensyen QA Peringkat JKWPKL&P pada 20 Mac 2019**

**• Aduan Awam**

**Rajah 3.5** menunjukkan rumusan aduan berkaitan perkhidmatan Bahagian Kesihatan Awam yang diterima melalui SisPAA bagi tahun 2018. Semua aduan telah disiasat dan diambil tindakan susulan yang sewajarnya.

**Rajah 3.5: Rumusan Aduan Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2018**




### Latihan Dalam Perkhidmatan

Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dikhususkan dalam Program Kesihatan Awam JKWPKL&P bagi tahun 2018 telah digunakan sepenuhnya untuk penganjuran kursus dan latihan seperti di **Rajah 3.6**.

### 3.6. Rajah


**3.6: Pelaksanaan Dasar Latihan (Dasar 7 Hari Setahun) Program Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2018**



### Kawalan infeksi

Audit kawalan infeksi telah dijalankan oleh *Link Officers* terlatih pada bulan April dan November 2018 di kemudahan-kemudahan Kesihatan Awam. Secara keseluruhan, semua pejabat kesihatan telah mencapai tahap amalan melebihi 98% kecuali PK Kepong dan PKD Putrajaya (**Rajah 3.7**).


**Rajah 3.7: Pencapaian Audit Kawalan Infeksi di Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**



**Hand Hygiene Compliance**

**Rajah 3.8** menunjukkan pencapaian Audit *Hand Hygiene Compliance* bagi tahun 2018 yang meliputi semua kategori perjawatan. Audit telah dijalankan sekali setahun, sasaran 80% dan berpandukan *opportunities* konsep *5 moments*.

**Rajah 3.8: Pencapaian Audit Hand Hygiene Compliance, JKWPKL&P, 2018**



### 3.2 UNIT INSPEKTORAT DAN PENGUATKUASAAN NEGERI

#### Operasi Penguatkuasaan

Sepanjang tahun 2018, Unit Inspektorat & Penguatkuasaan Negeri (UIPN) telah menyelaraskan pelaksanaan operasi penguatkuasaan bersepadu mengikut Takwim Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan JKWPKL&P Tahun 2018, melibatkan semua Pegawai Berkuasa di JKN, PKD dan hospital di bawah JWPKL&P.


**Rajah 3.9: Bilangan Operasi Unit Inspektorat & Penguatkuasaan Negeri & PKD, Bahagian Kesihatan Awam JKWPKL&P, 2018**



**Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004**

**Rajah 3.10** menunjukkan jumlah pengeluaran notis Seksyen 32B AM 1983 bagi kesalahan di bawah PPKHT 2004, serta pencapaian aktiviti penguatkuasaan pada tahun 2018. Pencapaian mengikut PKD adalah seperti di **Jadual 3.11**. Terdapat peningkatan sebanyak 23 notis (1.25%) berbanding tahun 2017. Bilangan kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2018 ialah sebanyak 1,424 iaitu peningkatan sebanyak 420 (29.55%) berbanding tahun sebelumnya.

**Rajah 3.10: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Di Bawah PPKHT 2004, JKWPKL&P, 2018**



**Jadual 3.11: Pencapaian Bilangan Notis 32B Yang Dikeluarkan Di Bawah PPKHT 2004 Mengikut Tempat-Tempat Dilarang Merokok, JKWPKL&P, 2018**

Daerah	Bilangan Notis 32B					
	(b)	(d)	(e)	(h)	(n)	(w)
<b>PK Cheras</b>	3	6	398	31	70	5
<b>PK Putrajaya</b>	41	0	12	146	79	0
<b>PK Titiwangsa</b>	4	0	0	188	46	1
<b>PK Lembah</b>	5	30	30	37	64	11

<b>Pantai</b>						
<b>PK Kepong</b>	1	0	0	474	39	13
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>36</b>	<b>440</b>	<b>876</b>	<b>298</b>	<b>30</b>

**Nota:**

(b) Di dalam mana-mana pusat hiburan atau teater, kecuali mana-mana pub, kelab malam atau kasino, pada bila-bila masa apabila tempat itu dibuka kepada orang awam.

(d) Di dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin.

(e) Di dalam mana-mana kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam.

(h) Di dalam mana-mana kawasan premis kerajaan.

(n) Di mana-mana kawasan di kompleks membeli-belah.

(w) Dalam mana-mana kawasan taman awam kecuali tempat letak kereta awam terbuka

Jadual 3.12 menunjukkan pencapaian aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan di bawah PPKHT 2004 bagi tahun 2018.

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah Kes (%)</b>
<b>Bil. Notis kesalahan Seksyen 32B dikeluarkan</b>	1843
<b>Bil. Kompaun dikeluarkan</b>	1424
<b>Jumlah Nilai Kompaun ditawarkan</b>	RM346,510.00
<b>Bil. Kompaun Dibayar</b>	1489
<b>Jumlah Nilai Kompaun Dibayar (RM)</b>	RM220,695.00
<b>Bil. Kertas Siasatan didaftar ke mahkamah</b>	307
<b>Bil. Kes berjaya didenda di mahkamah</b>	246
<b>Jumlah Nilai Denda Mahkamah (RM)</b>	RM17,650.00
<b>Bil. Kes dikenakan penjara</b>	0
<b>Bil. Amaran</b>	0
<b>Bil. Kes A&amp;D</b>	0


<b>Bil. Kes DNAA</b>	221
<b>Bil. Kes ditarik balik</b>	11

**Jadual 3.12: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan & Pendakwaan Di Bawah PPKHT 2004, JKWPKL&P, 2018**


**Penguatkuasaan Akta Makanan 1983**

Terdapat 9 pelanggaran di bawah AM 1983 sepanjang tahun 2018 dan semua kes telah dibuka kertas siasatan serta dirujuk ke UIPN untuk semakan. **Rajah 3.13** dan **Rajah 3.14** menunjukkan bilangan pelanggaran dan pendaftaran kes di bawah AM 1983, serta perbandingan pencapaian aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan bagi AM 1983.

**Rajah 3.13: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan & Pendakwaan di bawah AM 1983, JKWPKL&P, 2018**




**Rajah 3.14: Kes Mahkamah Di Bawah AM 1983, JKWPKL&P, 2018**




**Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975**

Pada tahun 2018, sebanyak 350 kompaun telah dikeluarkan untuk kesalahan pembiakan larva *Aedes* yang merangkumi rumah kediaman, sekolah, tapak bina dan kilang. Maklumat pencapaian aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan bagi APSPP 1975 dari tahun 2013 hingga 2018 adalah seperti di **Rajah 3.15** dan **Rajah 3.16**.

**Rajah 3.15: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan & Pendakwaan di bawah APSPP 1975, JKWPKL&P, 2018**



**Rajah 3.16: Bilangan Kompaun Dikeluarkan dan Bilangan Pendaftaran Kes Mahkamah Di Bawah APSPP 1975, JKWPKL&P, 2018**



### 3.3 CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (CDC)

#### Unit Kawalan Penyakit Berjangkit

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 9,876 kes penyakit berjangkit telah didaftarkan di dalam notifikasi JKWPKL&P (**Jadual 3.17**). Semua kes telah dijalankan siasatan, kawalan dan langkah pencegahan.

**Jadual 3.17: Bilangan Kes Penyakit Berjangkit Dilaporkan, JKWPKL&P, 2018**

Penyakit	Bulan												Jumlah	Incidence Rate
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis		
<i>Cholera</i>	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0.05
<i>Dysentery</i>	4	4	3	3	2	0	1	3	6	2	1	1	30	1.5
<i>Food Poisoning</i>	117	47	64	68	45	48	114	29	33	78	51	31	725	36.77

<b>HFMD</b>	170	315	717	786	757	534	1395	1497	588	649	499	380	8287	420.3
<b>Leptospirosis</b>	11	11	4	6	11	10	12	8	8	10	7	14	112	5.7
<b>Pertussis</b>	2	1	5	3	0	3	7	4	7	5	10	7	54	2.73
<b>Typhoid/ Paratyphoid</b>	4	1	0	1	2	1	1	3	0	0	1	2	16	0.81
<b>Hepatitis A</b>	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2	0.10
<b>Hepatitis B</b>	41	23	26	30	23	26	43	26	29	20	26	42	355	18.0
<b>Afp</b>	1	0	1	0	0	0	1	1	0	0	0	0	5	0.25
<b>Measles</b>	10	18	17	19	30	19	18	11	9	8	6	4	169	8.6
<b>Melioidosis</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2	0.10
<b>Brucellosis</b>	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0.15
<b>Jumlah</b>	<b>369</b>	<b>424</b>	<b>850</b>	<b>922</b>	<b>877</b>	<b>644</b>	<b>1605</b>	<b>1598</b>	<b>688</b>	<b>785</b>	<b>610</b>	<b>504</b>	<b>9876</b>	<b>500.7</b>

\* Jumlah Populasi Kuala Lumpur & Putrajaya 2018: 1,971800

#### A. Penyakit Bawaan Makanan Dan Air (FWBD)

Di bawah Akta Kawalan Penyakit 1988, 5 Penyakit FWBD yang perlu dinotifikasi adalah keracunan makanan, tifoid, kolera, disentri dan hepatitis

A.

## Keracunan Makanan


**Jadual 3.18** menunjukkan kes sporadik dan wabak bagi penyakit-penyakit bawaan makanan dan air dilaporkan mengikut daerah. Terdapat 38 episod wabak keracunan makanan dan PKD yang mencatatkan bilangan kejadian wabak tertinggi adalah Kepong (11), Cheras (10) dan Titiwangsa (10). Kes keracunan makanan tertinggi adalah dari daerah Cheras (255) dan Titiwangsa (255).

**Jadual 3.18: Ringkasan Kes Sporadik Dan Wabak Bagi Penyakit-Penyakit Bawaan Makanan Dan Air, JKWP&P, 2018**

Daerah	Disentri		Tifoid		Hepatitis A		Kolera	Keracunan Makanan	
	Sporadik	Wabak	Sporadik	Wabak	Sporadik	Wabak		Wabak	
								Episod	Bil Kes
Lembah Pantai	1	0	4	0	0	0	0	2	46
Kepong	19	1	3	0	1	0	0	11	122
Cheras	0	0	3	0	0	0	0	10	255
Titiwangsa	10	0	6	0	1	0	1	10	255
Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0	5	47
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>1</b>	<b>16</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>38</b>	<b>725</b>

Bagi tahun 2018, bilangan kes keracunan makanan adalah sebanyak 725 kes, peningkatan sebanyak 79.9% berbanding tahun 2017 (**Rajah 3.19**). Daripada 38 wabak keracunan makanan 14 episod melibatkan sekolah, peningkatan 100% berbanding tahun 2017 (7 sekolah).


**Rajah 3.19: Bilangan Kes Dan Kadar Insiden Kejadian Keracunan Makanan, JKWPKL&P, 2012 – 2018**



### Tifoid

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 165 kes tifoid telah dinotifikasi dengan 16 kes (9.7%) disahkan, peningkatan sebanyak 33.3% berbanding tahun 2017 (12 kes). Kadar insiden penyakit tifoid meningkat pada tahun 2018 iaitu 0.81 per 100,000 populasi, berbanding tahun 2017 (0.51) (**Rajah 3.20**).


**Rajah 3.20: Kadar Insiden Penyakit Tifoid, JKWPKL&P, 2011 – 2018**



### Kolera

Pada tahun 2018, sebanyak 6 kes kolera telah dilaporkan namun 5 kes telah diabaikan notifikasi kerana tidak memenuhi syarat daftar kes. 1 kes yang didaftarkan setelah ujian pengesahan lanjutan mendapati organisma yang dikesan adalah dari *Vibrio Cholera serotype* 01/0139. Tindakan kawalan dan pencegahan telah dilakukan dengan segera.

**Rajah 3.21: Perbandingan Kadar Insiden Bagi Kolera, JKWPKL&P, 2014 – 2018**




### Disentri

Terdapat 30 kes disentri dilaporkan sepanjang tahun 2018 iaitu di PK Kepong (19), PK Titiwangsa (10) dan PK Lembah Pantai (1), peningkatan berbanding tahun 2017 (hanya 8 kes dilaporkan). Terdapat 1 kejadian wabak dilaporkan di PK Kepong.

**Hepatitis A** Bagi tahun 2018, 2 kes Hepatitis A telah dilaporkan, penurunan dari 9 kes pada tahun 2017. Kesemua kes adalah kes sporadic dan tiada kejadian wabak.

**Rajah 3.22: Perbandingan Kadar Insiden Bagi Disentri Dan Hepatitis A, JKWPKL&P, 2014 – 2018**




## B. Penyakit Zoonosis

### Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD)

#### Situasi Kes HFMD di Kuala Lumpur & Putrajaya

Sebanyak 8,287 kes HFMD didaftarkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 253.7% berbanding 2017 (2,343). PK Titiwangsa masih lagi mencatatkan kes tertinggi (**Rajah 3.23**).

**Rajah 3.23: Kes HFMD mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2015 – 2018**




#### Situasi Wabak HFMD

Pada tahun 2018, sebanyak 367 kejadian wabak HFMD dilaporkan di seluruh JKWPKL&P. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 424.3% berbanding 2017 (70 wabak) dan yang tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya (**Rajah 3.24**). Pada awal tahun 2018, peningkatan kes bermula pada ME5 melebihi paras *epidemic threshold* dan tren ini berterusan dengan kes tertinggi dilaporkan pada ME31. Kes mula menunjukkan penurunan selepas ME 49 (**Rajah 3.25**). Tren kes meningkat setiap dua tahun dan peningkatan ini boleh dijangka (**Rajah 3.26**).


Majoriti kejadian wabak berlaku di institusi seperti tadika, taska dan prasekolah (70%). Langkah kawalan proaktif telah diambil dengan mengadakan kempen dan sesi *townhall* kepada semua *stakeholder* yang

mempunyai taska / tadika / prasekolah di bawah jagaan mereka. Ops HFMD juga dilakukan kepada semua taska / tadika / prasekolah di seluruh Kuala Lumpur dan Putrajaya.


**Rajah 3.24: Bilangan Kejadian Wabak HFMD, JKWPKL&P, 2011 – 2018**



**Rajah 3.25: Taburan Kes HFMD Mengikut Minggu Epid, JKWPKL&P, 2017 – 2018**



**Rajah 3.26: Bilangan Kes HFMD Mengikut Tahun, JKWPKL&P, 2013 – 2018**



### Leptospirosis

**Rajah 3.27** menunjukkan taburan kes Leptospirosis mengikut pecahan daerah bagi tahun 2018. PK Titiwangsa telah melaporkan kes tertinggi sebanyak 43 kes (38.4%), diikuti PK Cheras (35.7%). Sebanyak 34 kes (30.4%) disahkan makmal manakala 78 kes (69.6%) merupakan kes *probable*, sama ada melalui ujian serologi atau *rapid test*. Bilangan wabak dan kematian adalah seperti **Rajah 3.28**, manakala **Rajah 3.29** menunjukkan kes dan kadar insiden Leptospirosis dari tahun 2011 – 2018.


**Rajah 3.27: Taburan Kes Sah Leptospirosis, JKWPKL&P, 2017 – 2018**

PKD	2017			2018		
	Confirm	Probable	Jumlah	Confirm	Probable	Jumlah
<b>Cheras</b>	14	61	75	9	31	40
<b>Kepong</b>	16	13	29	2	13	15
<b>L.Pantai</b>	15	7	22	5	6	11
<b>Titiwangsa</b>	27	6	33	17	26	43
<b>Putrajaya</b>	1	4	5	1	2	3
<b>Jumlah</b>	<b>73</b>	<b>91</b>	<b>164</b>	<b>34</b>	<b>78</b>	<b>112</b>

**Rajah 3.28: Bilangan Wabak Leptospirosis, JKWPKL&P, 2012 – 2018**

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Bil. Wabak	4	4	5	3	3	3	0
Bil. Kes/Wabak	9-140	2-5	2-47	2-50	2-11	3-10	0
Bil. Kematian	1	2	5	6	6	3	0

**Rajah 3.29: Bilangan Kes dan Kadar Insiden Leptospirosis, JKWPKL&P, 2011 – 2018**



### C. Penyakit Cegahan Vaksin


#### Campak (*Measles*)

Bagi tahun 2018, sebanyak 931 kes *measles* telah didaftarkan notifikasi. Keputusan ujian serologi mendapati bahawa 764 kes (82%) adalah negatif, 169 kes (18%) “laboratory confirmed” dan 2 kes “clinically confirmed” (0.2%) (*Paparan 2-13*). Terdapat sedikit peningkatan bilangan dan kadar insiden *measles* (IR per 100,000 populasi) pada tahun 2018 iaitu 8.6 berbanding 6.6 pada tahun sebelumnya (**Jadual 3.30**). Daerah Titiwangsa mencatatkan kes *measles* tertinggi iaitu 66 kes (40%) diikuti Cheras 34 kes (20%).

**Jadual 3.30: Taburan Kes dan Wabak Measles Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**


Daerah	Measles				
	Sporadik			Jumlah	Wabak
	Lab Confirmed	Clinical Confirmed	Vaccine Associated Measles		
Lembah Pantai	26	0	0	26	2
Kepong	25	0	1	26	1
Cheras	34	0	0	34	3
Titiwangsa	64	2	0	66	5
Putrajaya	20	0	0	20	0
<b>Jumlah</b>	<b>169</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>172</b>	<b>11</b>

**Rajah 3.31: Kes Lab Confirmed Measles dan Kadar Insiden Measles, JKWPKL&P, 2014 – 2018 Analisa Epidemiologi**




Sepuluh daripada kes yang disahkan *measles* berumur <1 tahun (50%) dengan 32.9% berumur 0-9 bulan dan 17.1% berumur 10-12 bulan, diikuti 19.5% kes berumur antara 1 – 6 tahun. Sebanyak 39% kes tidak menerima vaksin atau tidak mengetahui status immunisasi, 30% kes telah menerima immunisasi dan 31% di kalangan kanak-kanak yang masih belum layak menerima immunisasi (**Rajah 3.32** dan **Rajah 3.33**).

**Rajah 3.32: Kes Measles Mengikut Umur, JKWPKL&P, 2018**




**Rajah 3.33: Kes Measles Mengikut Status Imunisasi, JKWPKL&P, 2018**



### Hepatitis B

Pada tahun 2018, sebanyak 355 kes disahkan Hepatitis B, 150 kes (42.2%) adalah warganegara Malaysia manakala 205 kes (57.8%) bukan warganegara (**Rajah 3.34**). Di kalangan warganegara, 24 kes (16%) adalah kes warganegara yang dilahirkan selepas tahun 1989 (tahun diwajibkan imunisasi Hepatitis B untuk kelahiran baru).


**Rajah 3.34: Kes Hepatitis B Mengikut Warganegara, JKWPKL&P, 2018**



**Pertussis**

Pada tahun 2018, sebanyak 54 kes Pertussis didaftarkan di bawah JKWPKL&P. Terdapat peningkatan kes-kes Pertussis sejak tahun 2017; dari 15 kes (2016) kepada 21 kes pada tahun 2017 (peningkatan sebanyak 40%) dan kepada 54 kes pada tahun 2018 (peningkatan sebanyak 157%) (**Rajah 3.35**).

**Rajah 3.35: Bilangan Kes Pertussis dan Kadar Inside, JKWPKL&P, 2014 – 2018**



**Acute Flaccid Paralysis (AFP)**

Objektif surveilan AFP adalah memastikan Malaysia bebas dari *wild poliovirus* agar dapat mengekalkan status negara bebas polio yang telah diiktiraf Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2000. Bagi tahun 2018, sebanyak 5 kes AFP telah dilaporkan, melebihi sasaran kes yang telah ditetapkan bagi seluruh KL & Putrajaya. **Jadual 3.36**

menunjukkan pencapaian JKWPKL&P bagi indikator surveilan AFP bagi tahun 2018. Hampir semua sasaran indikator surveilan AFP di KL & Putrajaya berjaya dicapai seperti yang telah ditetapkan oleh WHO.


**Jadual 3.36: Pencapaian Indikator Survelan AFP, JKWPKL&P, 2018**

<b>Indikator</b>	<b>Target</b>	<b>Lembah Pantai</b>	<b>Cheras</b>	<b>Titiwangsa</b>	<b>Kepong</b>	<b>Putrajaya</b>	<b>JKWPKL&amp;P</b>
<b>Kes AFP bukan polio Per 100,000 populasi &lt;15 tahun</b>	≥1.0 (4 kes)	1 (100%)	2 (100%)	0 (0%)	1 (100%)	1 (100%)	5 (100%)
<b>% AFP Discard 1</b>	≥80%	Pending (ERM)	1 (50%)	0 (0%)	1 (100%)	1 (100%)	3 (60%)
<b>% Siasatan 48 Jam</b>	≥80%	1 (100%)	2 (100%)	0 (100%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (60%)
<b>% Adequate Stool with 2 samples within 14 days onset</b>	≥80%	0 (0%)	1 (50%)	0 (0%)	1 (100%)	1 (100%)	3 (60%)
<b>Follow up at 60 days</b>	≥80%	1 (100%)	2 (100%)	0	1 (100%)	1 (100%)	5 (100%)

**Unit Tibi & Kusta**


▪ **Notifikasi Dan Kadar Insiden Tibi**

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 2,017 kes tibi dengan kadar insiden 105 per 100,000 penduduk berbanding tahun 2017, 2,086 kes dengan kadar insiden 112 per 100,000 penduduk (**Rajah 3.37**).




**Rajah 3.37: Bilangan Kes Tibi Dilaporkan, JKWPKL&P, 2007 – 2018**

Pada tahun 2018, secara purata bilangan kes tibi yang dilaporkan setiap bulan adalah 178 kes/ bulan, penurunan berbanding tahun 2017 (183 kes / bulan kes). Majoriti kes tibi adalah di kalangan warganegara (83.6%) seperti di **Rajah 3.38**. **Rajah 3.39** menunjukkan subdiagnosis semua kes tibi bagi tahun 2018 di mana 55.15% adalah kes *Pulmonary TB Smear Positive*




**Rajah 3.38: Bilangan Kes Tibi Warganegara dan Bukan Warganegara Di WPKL&P, 2018**

**Rajah 3.39: Bilangan Kes Tibi Mengikut Sub Diagnosis Di WPKL&P, 2018**




Pagi tahun 2018, bilangan kes tibi paling tinggi dilaporkan dalam kumpulan umur 25-34 tahun (21%), diikuti kumpulan umur 45-54 tahun (**Rajah 3.40**).

**Rajah 3.40: Pecahan Pesakit Tibi Mengikut Umur Di WPKL&P, 2018**



Kes *Multi Drug Resistance (MDR-TB)* yang dilaporkan adalah kurang dari 0.5% (7 kes) daripada 2,017 kes tibi yang dilaporkan pada tahun 2018 (**Rajah 3.41**).


**Rajah 3.41: Bilangan Kes Multi Drug Resistance (MDR-TB) Di WPKL&P, 2010 – 2018**



### Jangkitan Tibi di Kalangan Kanak-Kanak

Sasaran kes tibi di kalangan kanak-kanak adalah kurang dari 5% daripada jumlah kes yang dilaporkan untuk tahun semasa. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 55 kes (2.75%) tibi di kalangan kanak-kanak telah dilaporkan, penurunan sebanyak 8% berbanding tahun 2017 (60 kes) seperti di **Rajah 3.42**. Kanak-kanak berumur 1 – 6 tahun merupakan penyumbang tertinggi (42%) kepada keseluruhan kes tibi kanak-kanak tahun 2018.


**Rajah 3.42: Bilangan Kes Tuberkulosis Kanak-Kanak Di WPKL&P, 2007 – 2018**



▪ **Notifikasi Kes kusta**


Pada tahun 2018, sebanyak 7 kes kusta telah dilaporkan di JKWPKL&P berbanding 8 kes pada tahun 2017. Sejak tahun 2014 – 2018, bilangan kes kusta yang dilaporkan di JKWPKL&P adalah antara 6 – 11 kes setiap tahun. Bilangan kes kusta paling tinggi dilaporkan bagi tahun 2014, 2017 dan 2018 adalah di daerah Kepong (**Rajah 3.43**).

**Rajah 3.43: Bilangan Kes Kusta mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2014 – 2018**



Secara umum, untuk tujuan rawatan penyakit kusta dibahagikan kepada *paucibacillary* dan *multibacillary*. **Rajah 3.44** menunjukkan bahawa majoriti kes kusta yang dilaporkan sejak tahun 2014 adalah jenis *multibacillary*.


**Rajah 3.44: Bilangan Kes Kusta Mengikut Sub Diagnosis Di WPKL&P, 2014 – 2018**



Majoriti kes yang dilaporkan pada tahun 2018 adalah di kalangan warganegara. Namun begitu, kumulatif kes yang dilaporkan sejak tahun

2014 – 2018 adalah lebih tinggi di kalangan bukan warganegara iaitu 25 kes di kalangan bukan warganegara dibandingkan dengan 18 kes di kalangan warganegara (**Rajah 3.45**).

**Rajah 3.45: Bilangan Kes Kusta Mengikut Warganegara Di WPKL&P, 2014 – 2018**




## Unit HIV & STI

### ▪ Epidemiologi Penyakit HIV


Pada tahun 2018, sebanyak 428 kes baru HIV dilaporkan, penurunan 8.2% berbanding tahun 2017. Kadar notifikasi kes HIV bagi tahun 2018 adalah 21.0 bagi 100,000 penduduk. **Paparan 3.46** menunjukkan tren kadar notifikasi kes baru HIV di KL dan Putrajaya berbanding Malaysia dari tahun 1986 – 2018. Bagi AIDS, sebanyak 124 kes telah didaftarkan pada tahun 2018, penurunan sebanyak 10 kes berbanding tahun sebelumnya. Kumulatif kes HIV dilaporkan bagi KL dan Putrajaya adalah 10,532 dengan 3,276 kematian. Ini menjadikan orang yang hidup dengan HIV adalah 7,256. Sebanyak 93% daripada kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2018 adalah lelaki (**Rajah 3.47**). Majoriti kes adalah kaum Melayu (52%), diikuti kaum Cina dan warga asing (**Rajah 3.48**). **Rajah 3.49** menunjukkan bahawa sebahagian besar kes baru HIV adalah dari golongan yang berumur antara 20 – 39 tahun (79%), diikuti golongan berumur antara 40 – 49 tahun (13%) dan golongan umur 50 tahun dan ke atas (5%). Tiada kes dilaporkan bagi kanak-kanak berumur kurang dari 13 tahun. Terdapat peningkatan

kes HIV terutamanya bagi golongan homoseksual/ biseksual sebanyak 2 kali ganda berbanding tahun 2011. Kes HIV mengikut risiko jangkitan yang lain.


**Rajah 3.46: Kadar Notifikasi Kes HIV Di WPKL&P, 1986 – 2018**




**Rajah 3.47: Taburan Kes HIV Mengikut Jantina, WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.48: Taburan Kes HIV Mengikut Etnik, WPKL&P, 2018**




**Paparan 3.49: Taburan Kes HIV Mengikut Kumpulan Umur, WPKL&P, 2018**



**Program Saringan HIV**

Terdapat 3 program saringan HIV utama di WPKL & Putrajaya iaitu saringan HIV sukarela & tanpa nama, saringan HIV pra-perkahwinan dan saringan HIV bagi Program PMTCT. Jumlah keseluruhan saringan pada tahun 2018 adalah sebanyak 81,376. Terdapat peningkatan sebanyak 14% bagi jumlah saringan pra-perkahwinan, sukarela dan tanpa nama berbanding tahun 2017. Jumlah saringan HIV tertinggi adalah saringan melalui PMTCT sebanyak 52,613 kes dengan 12 kes telah disahkan positif HIV (0.02%), diikuti saringan pra-perkahwinan sebanyak 22,837 kes dengan 4 kes disahkan positif (0.02%). Saringan Sukarela & Tanpa Nama adalah sebanyak 5,926 kes dengan 444 (7.5%) kes didapati positif HIV (Rajah 3.50).

**Rajah 3.50: Jumlah Saringan HIV, JKWPKL&P, 2018**




**Program Pengurangan Mudarat (*Harm Reduction*)**

▪ **Program Terapi Gantian Methadone (*Methadone Maintenance Therapy, MMT*)**

Bilangan klien aktif daripada keseluruhan klien berdaftar (6,224 klien berdaftar) meningkat kepada 2,423 klien berbanding 1,580 klien pada tahun 2017 (*Paparan 2-38*). Daripada keseluruhan fasiliti, hanya 9 fasiliti sahaja di bawah kelolaan JKWPKL&P, iaitu KK Jinjang, KK Batu, KK Cheras, KK Tanglin, KK Putrajaya Presint 9, KK Sentul, KK Petaling Bahagia, KK Setapak dan KKKL. Secara keseluruhan pencapaian kadar pengekalan klien bagi Program Terapi Gantian Methadone bagi WPKL&P adalah sebanyak 52.37% (**Rajah 3.51**). Daripada keseluruhan klien aktif MMT seramai 2,423 orang, 97 (4%) klien berstatus HIV positif dan 87 (90%) klien dalam rawatan ARV. Seramai 600 (25%) klien mempunyai penyakit Hepatitis C.

**Rajah 3.51: Jumlah Klien Aktif program Terapi Gantian Methadone, WPKL&P, 2018**



▪ **Program *Prevention Mother to Child Transmission (PMTCT)***

Pada tahun 2018, Malaysia telah berjaya memperolehi persijilan eliminasi jangkitan HIV dan Sifilis dari ibu-ke-anak (*elimination of mother-to-child-transmission of HIV and Syphilis- eMTCT*) pada 8 Oktober 2018. Kejayaan ini menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di Rantau Pasifik Barat dan juga negara ke-12 di dunia yang telah berjaya mendapat sijil validasi eMTCT

daripada *World Health Organization, WHO*. Bagi pencapaian ibu hamil yang disaring HIV di WPKL & Putrajaya adalah 100% (52,613) pada tahun 2018. Sebanyak 12 kes ibu mengandung dikesan positif HIV dengan 5 kes baru HIV dan 7 kes lama. Kesemua kes ibu mengandung positif HIV mendapat jangkitan melalui hubungan seks. Seramai 9 orang ibu sudah bersalin pada tahun 2018. Kadar jangkitan HIV dan Sifilis dari ibu-ke-anak adalah seperti dalam **Jadual 3.52** dan **Jadual 3.53**.

**Jadual 3.52: Pencapaian Program PMTCT HIV, JKWPKL&P, 2014 – 2018**

No		2014	2015	2016	2017	2018
1	Ibu Positif HIV	28	14	16	18	12
	Warganegara (WN)	12	8	5	12	7
	Bukan Warganegara (BW)	16	6	11	6	5
2	Bayi Positif	1	0	0	0	0
3	Vertical Rate (%)	3.6	0	0	0	0
4	Vertical Rate Per 100,000lb	0	3.49	0	0	0


**Jadual 3.53: Pencapaian Program PMTCT Sifilis, JKWPKL&P, 2014 – 2018**

No		2014	2015	2016	2017	2018
1	Ibu Tpha Positif	0	10	8	11	12
	Warganegara (WN)	0	5	7	8	11
	Bukan Warganegara (BW)	0	5	1	3	1
2	Congenital Syphilis	0	0	2 1WN,1BW	0	0
3	Kelahiran Hidup	30,164	28,658	25,472	41,882	41,818
4	Cong Syphilis / 100,000lb	0	0	7.85	0	0

- **Penyakit Tularan Seks / Sexual Transmitted Illness (STI)**


Bagi tahun 2018, jumlah kes Gonorrhoea terbanyak adalah di Titiwangsa (124 kes), diikuti dengan Cheras, Lembah Pantai dan Kepong. Bagi kes Sifilis, Titiwangsa juga mencatatkan kes tertinggi (110 kes), diikuti dengan Lembah Pantai, Kepong dan Cheras. Putrajaya melaporkan kes terendah (10 kes Gonorrhoea dan 16 kes Sifilis). Tiada kes Chancroid telah didaftarkan (Rajah 3.54).

**Rajah 3.54: Jumlah Kes STI Mengikut Daerah, JKWPKL&P, 2018**



### Penyakit Hepatitis C

**Rajah 3.55: Jumlah Kes Hepatitis C Didaftarkan, JKWPKL&P, 2012 – 2018**



Rajah 3.55 menunjukkan jumlah kes Hepatitis C yang telah didaftarkan dari tahun 2012 – 2018. Kes tertinggi didaftarkan adalah pada tahun 2016.

### 3.4 CAWANGAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR


Cawangan Penyakit Bawaan Vektor (CPBV) bertanggungjawab untuk memastikan kadar morbiditi dan mortaliti dapat dikurangkan serta mencegah kejadian penyakit bawaan vektor yang merangkumi Denggi, Malaria, Chikungunya, Tifus, *Plague*, *Yellow Fever* dan *Japanese Encephalitis* agar tidak menjadi suatu masalah kesihatan awam di KL dan Putrajaya.

#### ▪ Unit Denggi


Denggi merupakan salah satu masalah Kesihatan Awam yang utama di WPKL&P. Kes denggi yang dilaporkan pada tahun 2018 menunjukkan penurunan berbanding pada tahun sebelumnya. Sejumlah 7,591 kes dengan 11 kematian telah dilaporkan, menurun 759 kes (9.1%) berbanding 8,350 kes pada tahun sebelumnya.

Pejabat Kesihatan yang melaporkan kes tertinggi adalah PK Titiwangsa dengan 2,068 kes (27.2%) diikuti dengan PK Kepong 1,893 kes (24.9%), PK Cheras 1,759 kes (23.2%), PK Lembah Pantai 1,418 kes (18.7%), dan PK Putrajaya 453 kes (6.0%). Kadar insiden kes Denggi di WPKL&P pada tahun 2018 adalah 406 per 100,000 penduduk dengan kadar kes kematian 0.14. **(Rajah 3.56, dan Rajah 3.57).**

**Rajah 3.56: Tren Kes Denggi Yang Dilaporkan Di WPKL&P, 2006 – 2018**



**Rajah 3.57: Tren Kes Denggi Yang Dilaporkan Mengikut Minggu Epid Di WPKL&P, 2018**



Jumlah kematian kes denggi yang dilaporkan pada tahun 2018 adalah 11 kes, menurun 8 kes (42.1%) berbanding 19 kematian pada tahun sebelumnya. PK Cheras dan PK Titiwangsa merekodkan jumlah kematian tertinggi dengan masing-masing 4 kematian diikuti dengan PK Kepong (2 kematian) dan PK Lembah Pantai (1 kematian).

Perbandingan kumulatif kes denggi WPKL&P mengikut pejabat kesihatan bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti di **Jadual 3.58**.

**Jadual 3.58: Perbandingan Kes dan Kematian Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2017 dan 2018**

Bil.	Pejabat Kesihatan	Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu epid 52		Perbandingan kenaikan/ Penurunan kes pada tahun 2016 dan 2017
		2017	2018	
1	<b>Cheras</b>	2874 (7)	1759 (4)	-38.8%
2	<b>Kepong</b>	1553 (4)	1893 (2)	+21.9%
3	<b>Lembah Pantai</b>	1240 (3)	1418 (1)	+14.3%
4	<b>Titiwangsa</b>	2130 (4)	2068 (4)	-2.9%

<b>5</b>	<b>Putrajaya</b>	553 (1)	453 (0)	-18.0%
<b>Jumlah</b>		<b>8350 (19)</b>	<b>7591 (11)</b>	<b>-9.1%</b>

**Nota:** ( ) **Bilangan Kematian**

Sebanyak 1,148 wabak denggi dilaporkan di WPKL&P sepanjang tahun 2018, meningkat 8 wabak (0.7%) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 1,140 wabak. Daripada jumlah tersebut, 24 wabak merupakan wabak tak terkawal (WTK) dan 109 wabak telah menjadi lokaliti Hotspot. PK yang melaporkan wabak tertinggi adalah PK Titiwangsa (347 wabak), diikuti PK Kepong (278 wabak), PK Kepong (278 wabak), PK Lembah Pantai (87 wabak) dan PKD Putrajaya (73 wabak) (**Jadual 3.59**).

**Jadual 3.59: Taburan Wabak Denggi Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**

Bil.	Pejabat Kesihatan	Wabak		Kumulatif Wabak
		Wabak Terkawal	Wabak Tidak Terkawal (WTK )	
<b>1</b>	<b>Cheras</b>	207	56 (47)	263
<b>2</b>	<b>Kepong</b>	243	35 (27)	278
<b>3</b>	<b>Lembah Pantai</b>	173	14(10)	187
<b>4</b>	<b>Titiwangsa</b>	329	18 (16)	347
<b>5</b>	<b>Putrajaya</b>	63	10(9)	73
<b>Jumlah</b>		<b>1015</b>	<b>133 (109)</b>	<b>1148</b>

**Nota:**( ) **Bilangan lokaliti hotspot**


**Sumber:** CPBV, JKWPKL&P

### Analisis Virologi

Untuk tahun 2018, sebanyak 529 sampel yang diuji di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mempunyai keputusan serotaip yang positif di mana 72 sampel (13.6%)

positif DEN 1, 235 sampel (44.4%) positif DEN 2, 131 sampel (24.8%) positif DEN 3 dan 6 sampel (1.1%) positif DEN 4 (**Rajah 3.60**).


**Rajah 3.60: Tren Serotaip Denggi Di WPKL&P, 2013 – 2018**



▪ **Unit Malaria & Lain-Lain Penyakit Bawaan Vektor**

Pada tahun 2018, sebanyak 18 kes malaria telah dilaporkan di WPKL&P, peningkatan sebanyak 6 kes (50%) berbanding tahun 2017 (12 kes). Kesemua kes merupakan kes jangkitan import. Bilangan kes malaria tertinggi dilaporkan adalah di PK Titiwangsa (10 kes), diikuti PK Lembah Pantai (4 kes) dan PK Kepong (4 kes). Tiada kematian malaria dilaporkan di WPKL&P untuk tahun 2018 (**Rajah 3.61**). Daripada 18 kes import malaria yang dilaporkan, 13 kes melibatkan warga asing iaitu warganegara Pakistan (4 kes), Sudan (2 kes), Nigeria (2 kes), Nigeria (1 kes), Kanada (1 kes), Afrika (1 kes), Ivory Coast (1 kes), Morocco (1 kes) dan Indonesia (1 kes). 5 kes melibatkan warganegara Malaysia yang berkerja di luar negara iaitu di 2 dari Sierra Leone, West Africa, 1 dari Pakistan, Indonesia dan Nigeria. Pecahan mengikut spesis menunjukkan jangkitan Plasmodium falciparum adalah spesis parasit tertinggi iaitu sebanyak 10 kes, diikuti P. vivax 7 kes dan P. knowlesi 1 kes.

**Rajah 3.61: Kes Malaria Di WPKL&P, 2010 – 2018**



**Sumber: CPBV, JKWPKL&P**

▪ **Filariasis Limfatik**

Tiada kes Filariasis dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2018.

▪ **Pogram Kawalan Tifus**

Tiada kes Tifus dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2018.

▪ **Japanese Encephalitis (JE)**

Tiada kes JE dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2018.

▪ **Chikungunya**

Tiada kes Chikungunya dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2018.

▪ **Zika**

Tiada kes Zika dilaporkan di WPKL&P pada 2018.

**Aktiviti Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, JKWPKL**

▪ **Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Siri 1/2018 dan Siri 2/2018**

Gotong-royong Mega Perangi Aedes Siri 1/2018 Peringkat Kebangsaan telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 28 Julai 2018. Di

peringkat WPKL&P, aktiviti ini telah dilaksanakan di Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kepong dan dirasmikan oleh ahli Parlimen Batu, YB Tuan P. Prabakaran. Seramai 300 orang telah hadir menjayakan program ini yang melibatkan penduduk, DBKL, Alam Flora Sdn. Bhd, SWCorp, pelajar Kolej UNIKOP dan anggota kesihatan. Pada masa yang sama, aktiviti gotong-royong juga telah dilaksanakan Vista Angkasa, Desa Setiawira dan Sekolah Sultan Alam Shah. Manakala di PPR Taman Mulia diadakan pada 29 Julai 2018.

Gotong-royong Mega Bersepadu Perangi Aedes Siri 2/2018 Peringkat Kebangsaan pula telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 11 November 2018. Di peringkat WPKL&P, aktiviti ini telah dilaksanakan di penempatan tentera, Desa Tun Hussein Onn (DTHO), Blok G dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Dato' (Dr) Hj Ya'akob Bin Koming yang mewakili YB Menteri Pertahanan Malaysia. Seramai 500 orang telah hadir menjayakan program ini yang melibatkan penduduk Blok G dan kejurangan lain di DTHO, DBKL, Alam Flora Sdn. Bhd, SWCorp, dan anggota kesihatan. Pada masa yang sama, aktiviti gotong-royong juga telah dilaksanakan di PPR Kg Muhibbah, PPR Pekan Kepong, manakala di Apartmen Fasa 4 Presint 9 diadakan pada 18 November 2018 dan Desa Tasik Polis pula pada 25 November 2018.

#### ▪ Kawalan Vektor Denggi

Aktiviti kawalan vektor dijalankan secara berjadual dan berterusan. Sepanjang tahun 2018, prestasi pencapaian aktiviti kawalan vektor adalah baik. **Jadual 3.62** menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan pembiakan nyamuk Aedes bagi tahun 2017 dan 2018.

Pada tahun 2018, pencapaian bilangan premis diperiksa adalah sebanyak 297,717 premis, menurun 14% berbanding 345,775 premis yang diperiksa pada tahun 2017. Sejumlah 590,491 premis disembur kabus, meningkat


594% berbanding 4,102,283 premis telah disembur pada tahun 2017. Selain itu, sejumlah 171,680 premis telah dibubuh Abate, meningkat 492% berbanding 1,017,862 premis telah dibubuh Abate pada tahun 2017.

**Jadual 3.62: Pencapaian Aktiviti Kawalan Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, JKWPKL&P, 2017 dan 2018**

Aktiviti Kawalan Denggi	2017	2018
Bil. Premis Diperiksa	345,775	297,717
Bil. Premis Disembur Kabus	590,491	4,102,283
Bil. Premis Dilarvasiding	171,680	1,017,862


**Rajah 3.63** menunjukkan pencapaian aktiviti SRT bagi kes wabak berdasarkan Pejabat Kesihatan, di mana sejumlah 3,927 aktiviti dilaksanakan dan 379 aktiviti didapati berkesan dengan peratusan 10%.

**Rajah 3.63: Pencapaian Aktiviti SRT Bagi Kes Wabak Berdasarkan Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**




**Rajah 3.64** menunjukkan pencapaian aktiviti SRT bagi kes satu kes berdasarkan Pejabat Kesihatan, di mana sejumlah 3,475 aktiviti dilaksanakan dan 804 aktiviti didapati berkesan dengan peratusan 23.1%

**Rajah 3.64: Pencapaian Aktiviti SRT Bagi Satu Kes Berdasarkan Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**




Nilai Aedes Indeks bagi tahun 2018 di WPKL&P adalah 5.2% berbanding 1.5% pada tahun 2017. Sejumlah 71.0% spesies yang ditemui adalah *Aedes albopictus* berbanding 29.0% *Aedes aegypti*.

**Rajah 3.65: Peratusan Aedes Albopictus Dan Aedes Aegypti Di WPKL&P, 2018**



Daripada pemeriksaan pembiakan Aedes mendapati, sejumlah 28% premis tapak binaan adalah positif tertinggi, diikuti tanah/ lot kosong (13%), kilang/ gudang (10%) dan tempat ibadat (9%) dan pejabat kerajaan (9%) (**Rajah 3.66**).




Rajah 3.66: Jenis Premis Berisiko Di WPKL&P, 2018

Sumber: Sistem edengueV2, \*Reten Penguatkuasaan APSP 1975

Jenis pembiakan yang utama yang utama pada tahun 2018 adalah tangki air (68.1%), bekas plastic (45.1%), tangki septik (43.3%), akuarium (34%) dan kanvas (31%) di mana peratusan positif pembiakan pemeriksaan bekas-bekas ini adalah tinggi berbanding bekas-bekas lain yang diperiksa (Rajah 3.67).

Rajah 3.67: Jenis Bekas Pembiakan Dan Peratusan Berdasarkan Bekas Positif Di WPKL&P, 2018



### ▪ Unit Entomologi Dan Pest

Sepanjang tahun 2018, sejumlah 406 aktiviti Penyiasatan Entomologi [*Entomology Investigation (EI)*] dan Penilaian Risiko Entomologi [*Entomology Risk Assessment (ERA)*] telah dijalankan bagi menentukan kehadiran dan intensiti vektor dan pest. Objektif aktiviti adalah untuk mengenalpasti tahap risiko entomologi dan *pest* di lokaliti yang dijalankan siasatan atau penilaian risiko serta memberikan cadangan penambahbaikan untuk aktiviti yang sepatutnya dijalankan. Aktiviti kajian entomologi juga dijalankan meliputi pemasangan ovitrap sentinel, ovitrap 48 jam dan MyMat. Pembahagian aktiviti yang dijalankan mengikut kategori adalah seperti **Jadual 3.68**.

**Jadual 3.68: Bilangan Aktiviti Entomologi Dan Pest Meliputi Entomology Investigation, Entomology Risk Assessment, Kajian Entomologi Dan Aduan, JKWP&P, 2018**


Daerah	EI				Jum. EI	Jum. ERA	Jum. EI & ERA	Ovitrap Sentinel		Kajian Ento			
	Mati	Hotspot	(WTK & Aduan					Bil.	%	Ovitrap / MyMat	Bio-assay	MgO	IR
<b>Titiwang</b>	4	18	28	4	54	42	96	-	-	3	-	-	-
<b>Cheras</b>	4	41	21	1	67	33	10	-	-	3	-	-	-
<b>Lembah Pantai</b>	1	10	24	6	41	40	81	2	100	2	-	-	-
<b>Kepong</b>	2	22	29	13	66	24	90	-	-	2	-	-	-
<b>Putrajay</b>	0	8	8	2	18	21	39	5	100	6	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>99</b>	<b>11</b>	<b>26</b>	<b>24</b>	<b>16</b>	<b>40</b>	<b>7</b>	<b>100</b>	<b>16</b>	-	-	-

## CAWANGAN SURVELAN

### Unit Pengurusan Wabak & Bencana

Sepanjang tahun 2018, selain daripada wabak Denggi, sebanyak 458 wabak penyakit berjangkit dilaporkan di WPKL&P. PK Titiwangsa mencatat bilangan wabak terbanyak (145 wabak) diikuti oleh PKD Putrajaya (102 wabak), PK Cheras (82 wabak), PK Kepong (73 wabak) dan PK Lembah Pantai (56 wabak). Secara keseluruhannya, jumlah wabak yang dilaporkan telah meningkat sebanyak 312 wabak (213.6% peningkatan) berbanding tahun 2017 (**Rajah 3.69**).


**Rajah 3.69: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) Mengikut Pejabat Kesihatan Di WPKL&P, 2018**




### *Influenza-like Illness (ILI) dan Severe Acute Respiratory Infection (sARI)*

Kadar konsultasi ILI di klinik-klinik kesihatan di WPKL&P pada tahun 2018 adalah antara 0.123 hingga 0.347, lebih rendah daripada catatan tahun 2012 – 2017 (**Rajah 3.70**). Namun begitu, pada tahun 2018 KL dan Putrajaya telah melaporkan 8 wabak berkaitan *Influenza-like Illness* (ILI), penurunan sebanyak 27% berbanding tahun 2017 di mana 11 wabak ILI telah dilaporkan (**Rajah 3.71**).

**Rajah 3.70: Kadar konsultasi ILI Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.71: Taburan Wabak ILI Mengikut Kategori Tempat Kejadian Di WPKL&P, 2018**




### Gastroenteritis Akut (AGE)


Secara keseluruhan, tren bilangan kes AGE dilihat meningkat dengan ketara berbanding tahun lalu (**Rajah 3.72**). Pada tahun 2018, jumlah kumulatif kes AGE yang dilaporkan adalah sebanyak 14,303 kes berbanding 8,395 kes bagi tahun 2017, peningkatan sebanyak 70.3%.

Kejadian wabak keracunan makanan turut didapati meningkat hampir 72.7% daripada 22 kejadian wabak pada 2017 kepada 38 kejadian wabak pada tahun 2018, di mana 37.5% kejadian wabak keracunan makanan pada tahun 2018 melibatkan premis sekolah (**Rajah 3.73**).

**Rajah 3.72: Bilangan Kes Gastroenteritis Akut (AGE) Yang Dilaporkan Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.73: Taburan Wabak Keracunan Makanan Mengikut Kategori Tempat Kejadian Di WPKL&P, 2018**




### Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji

Pada tahun 2018, sejumlah 1,800 orang bakal jemaah haji yang berdaftar dengan Lembaga Tabung Haji KL & Putrajaya telah menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kesihatan dan klinik swasta di sekitar WPKL&P. Sebanyak 916 orang (51%) daripada bakal jemaah merupakan golongan perempuan (**Rajah 3.74**) dengan majoriti bakal jemaah keseluruhannya berumur dalam lingkungan 40 – 59 tahun (60%). Daripada jumlah tersebut, 53% telah lulus pemeriksaan kesihatan dan 47% telah 'lulus dengan rawatan' dan tiada bakal jemaah yang tidak lulus pemeriksaan kesihatan pada tahun 1439H/2019M (**Rajah 3.75**).

**Rajah 3.74: Bakal Jemaah Haji Mengikut Jantina Tahun 1439H/2018M Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.75: Hasil Pemeriksaan Kesihatan Bakal Jemaah Haji Tahun 1439H/2018M Di WPKL&P, 2018**



Kesemua bakal jemaah haji yang diperiksa seramai 1,800 (100%) telah diberi suntikan vaksin '*Meningococal*' di klinik kesihatan dan klinik swasta. Selain itu, seramai 220 (12.2%) jemaah telah mengambil suntikan '*Influenza*' dan 185 (10.2%) telah mengambil suntikan '*Pneumococcal*'.


▪ **Unit Kesihatan Antarabangsa**

**Saringan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA)**

Tuberkulosis (penemuan X-ray dada yang tidak normal) adalah penyakit berjangkit yang paling banyak dikesan (1,603 kes, 58.3%) diikuti Hepatitis B (797 kes, 29%), Sifilis (256 kes, 9.3%), HIV (95 kes, 3.3%) dan Malaria (2 kes, 0.1%). Untuk penyakit tidak berjangkit, kategori lain-lain adalah

penemuan terbanyak dikesan (3,446 kes, 99.5%) terdiri daripada penyakit jantung, penyakit kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang, diikuti penyakit psikiatri (12 kes, 0.33%), epilepsi (2 kes, 0.06%) dan kanser (4 kes, 0.11%) yang dilaporkan pada tahun 2018 (**Rajah 3.76**).


**Rajah 3.76: Sebab-sebab ‘Tidak Sesuai Bekerja Di Malaysia’ Di Kalangan**



**Pekerja Asing Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2018**

Pada tahun 2018, sebanyak 291 klinik telah didapati gagal menotifikasi penyakit Hepatitis B, Sifilis dan Malaria. PKD Putrajaya telah mengambil tindakan kepada kesemua 3 klinik tersebut (100%), diikuti PK Lembah Pantai (92.5%), PK Titiwangsa (87.3%), PK Cheras (79.2%) dan PK Kepong (44.3%) (**Rajah 3.77**).


**Rajah 3.77: Jumlah Klinik Gagal Menotifikasi Penyakit Hepatitis B, Sifilis, Malaria Dan Bilangan Klinik Telah Diambil Tindakan Oleh Pejabat Kesihatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2018**




### Import Dan Eksport Tinggalan Manusia, Tisu Manusia Dan Organisme

Pada tahun 2018, 1,775 permit import dan eksport mayat telah dikeluarkan daripada WPKL&P dengan peningkatan sebanyak 1.3% berbanding 1,752 permit pada tahun 2017. **Rajah 3.78** menunjukkan tren jumlah mayat yang diimport dan dieksport di Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2016 – 2018. Sebanyak 272 permit import dan eksport tisu, organisma dan bahan patogenik telah dikeluarkan (**Rajah 3.79**).

**Rajah 3.78: Jumlah Mayat yang Diimport dan Dieksport Di WPKL&P, 2016 – 2018**



**Rajah 3.79: Jumlah Tisu, Organisma dan Bahan Patogenik yang Diimport dan Dieksport Di WPKL&P, 2018**




### **CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)**

Cawangan NCD bertanggungjawab menyelaras aktiviti berkaitan pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit iaitu Diabetes, Hipertensi, Kanser, Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), Kesihatan Mental, Penyalahgunaan Substans serta Keganasan dan Kecederaan.


#### **Pencegahan Dan Kawalan Diabetes**

Pada tahun 2018, jumlah pesakit diabetes yang menerima rawatan di klinik kesihatan di bawah JKWPKL&P adalah seramai 34,305 orang (19,532 perempuan dan 14,773 lelaki). Seramai 51,404 klien telah menjalani saringan diabetes di klinik kesihatan, kem kesihatan dan ketika aktiviti KOSPEN. Seramai 8,722 (43%) dari 20,298 klien yang menjalani saringan diabetes di klinik kesihatan didapati berisiko menghidap diabetes, meningkat berbanding tahun 2017 (37.3%). Peningkatan tersebut disebabkan oleh saringan diabetes diberi keutamaan kepada klien yang berisiko tinggi (**Rajah 3.80, Rajah 3.81 dan Rajah 3.82**).


**Rajah 3.80: Pencapaian KPI Diabetes 2018 Mengikut Negeri di Malaysia, 2018**



**Rajah 3.81: Pencapaian Protinuria 2018 Mengikut Negeri di Malaysia, 2018**



**Rajah 3.82: Pencapaian Saringan Kamera Fundus 2018 Mengikut Negeri di Malaysia, 2018**




Melalui audit klinikal diabetes tahun 2018, terdapat peningkatan pencapaian tahap HbA1c terkawal ( $\leq 6.5\%$ ) di KL dan Putrajaya **Jadual 3.83, Rajah 3.84, Rajah 3.85, Rajah 3.86 dan Rajah 3.87**. Sebanyak 12 kursus diabetes telah dilaksanakan, dengan jumlah anggota terlatih seramai 324 orang.


**Jadual 3.83: Perbandingan Pencapaian KPI Diabetes (HbA1c  $\leq 6.5$ ) Mengikut Klinik Kesihatan, JKWPKL&P, 2017 - 2018**

KK/ PKD	% $\leq 6.5$ 2017	% $\leq 6.5$ 2018	PENINGKATAN %
KK Tanglin	28.33	30.43	7.43
KK Petaling Bahagia	20.76	25.20	21.41
PK Lembah Pantai	24.89	28.02	12.58
KK Cheras	29.89	36.53	22.22
KK Cheras Baru	32.18	43.12	33.98
KK Sungai Besi	28.47	22.86	-19.70
KK Bandar Tun Razak	22.94	31.60	37.75
PK Cheras	28.34	33.70	18.91
KK Datuk Keramat	21.43	30.44	42.06
KK Kampung Pandan	31.26	30.78	-1.53
KK Setapak	21.29	31.90	49.84
PK Titiwangsa	24.78	31.10	25.49
KK Jinjang	28.77	31.22	8.50
KK Batu	24.78	32.50	31.17
KK Sentul	23.56	28.64	21.58
PK Kepong	25.94	30.84	18.89
KK Putrajaya P9	27.59	35.56	28.88
KK Putrajaya P11	35.98	37.56	4.39
KK Putrajaya P14	NA	48.89	NA
KK Putrajaya P18	29.01	33.83	16.63
PK Putrajaya	29.35	35.82	22.04
<b>JKWPKL&amp;P</b>	<b>26.62</b>	<b>31.95</b>	<b>20.02</b>


**Rajah 3.84: Pbandingan Pencapaian Tekanan Darah  $\leq 130/80$  mmHg Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2015 – 2018**




**Rajah 3.85: Pbandingan Pencapaian LDL  $\leq 2.6$  mmol/L Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2015 – 2018**



**Rajah 3.86: Pemandangan Pencapaian BMI  $\leq 23\text{kg/m}^2$  Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2015 – 2018**



**Rajah 3.87: Pemandangan Pencapaian Proteinuria Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2015 – 2018**




▪ **Unit Mental, Substance Abuse, Violent & Injury Prevention (MESVIP)**


**Program Pencegahan Dan Kawalan Kesihatan Mental**

Sepanjang tahun 2018, seramai 6,192 pelanggan telah menjalani saringan DASS (*Depression, Anxiety, Stress Scale*), dan telah melebihi sasaran saringan DASS bagi tahun 2018 sebanyak 5,100 (25 saringan/ KK/ Bulan). Saringan telah difokuskan kepada pesakit-pesakit kronik/ postnatal dan *high risk group*. Intervensi diberikan jika klien mengalami stress, anizeti dan kemurungan (**Rajah 3.88**). Terdapat peningkatan dalam bilangan kes baru kesihatan mental yang didiagnosa di klinik kesihatan, iaitu sebanyak 641 kes berbanding 169 kes pada tahun 2017 (**Rajah 3.89** dan **Rajah 3.90**). Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan kompetensi staff klinik memberi rawatan kepada pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental. Antara aktiviti yang telah dijalankan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan kelancaran Program Kesihatan Mental adalah Kursus Pengurusan Kesihatan Mental dan Minda Sihat Peringkat JKWP KLP pada 28 – 30 Mac 2018 (82 peserta), Kursus Bantuan Asas Psikologi pada 29 – 30 Ogos 2018 (74 peserta) serta kerja lapangan di Jabatan Psikiatrik Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Putrajaya (21 peserta). Kursus Kesihatan Mental juga ada dilaksanakan di peringkat Hospital, Pejabat Kesihatan dan klinik kesihatan.


**Rajah 3.88: Peratus Masalah Kesihatan Mental Kategori Teruk Dan Sangat Teruk Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.89: Bilangan Kes Baru Kesihatan Mental Di WPKL&P, 2013 – 2018**



**Rajah 3.90: Bilangan Kes Baru Kesihatan Mental Mengikut Klinik Kesihatan Di WPKL&P, 2013 – 2018**




### **Program Saringan dan Intervensi Alkohol di Klinik Kesihatan dan Komuniti**


Sepanjang tahun 2018, seramai 839 klien telah menjalani saringan audit 10 (sasaran saringan alkohol: 612 saringan setahun) seperti di **Rajah 3.91** dan **Rajah 3.92**. Daripada 839 klien, 176 klien mempunyai saringan audit 10 melebihi skor 7 dan 19 klien mempunyai skor > 20 telah dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur. Secara keseluruhan, hanya seramai 37 klien yang lengkap menjalani saringan audit 10 kali ke-2. *Roadshow* dan audit dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun di setiap klinik kesihatan bagi memastikan saringan alkohol di klinik kesihatan dilaksanakan dengan jayanya.

Terdapat 1 wabak keracunan methanol yang berlaku di KL dan Putrajaya bermula pada 15 September 2018 dan berakhir pada 8 Oktober 2018, melibatkan 17 kes dengan 13 kes kematian (*Case fatality rate* adalah 76.47%).

**Rajah 3.91: Bilangan Saringan Alkohol, JKWPKL&P, 2014 – 2018**



**Rajah 3.92: Bilangan Saringan Alkohol Mengikut Klinik Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**



▪ **Unit KOSPEN & Kanser**


**Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)**

Sebanyak 86 lokaliti KOSPEN telah ditubuhkan dari tahun 2013 – 2016 di WPKL&P; 10 lokaliti KEMAS, 61 lokaliti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan 15 lokaliti Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). Pada tahun 2018, terdapat penangguhan di dalam semua aktiviti berkaitan program KOSPEN kerana dana yang pada asalnya diturunkan untuk menjalankan aktiviti dibekukan pada bulan Mei 2018 dan dipulangkan ke ibu pejabat KKM. Justeru itu, hanya aktiviti-aktiviti yang tidak menggunakan sebarang perbelanjaan sahaja telah diteruskan menyebabkan kekerapan aktiviti menurun dengan signifikan.

**Saringan Kesihatan**


Pada tahun 2018, seramai 19,190 orang telah disaring oleh sukarelawan Gerak Sihat Malaysia (GSiM) yang terlatih. Sasaran saringan bagi lokaliti tahun 2013 – 2014 adalah 70% penduduk berumur  $\geq 18$  tahun disaring, manakala sasaran saringan bagi lokaliti yang ditubuhkan pada tahun 2016 adalah sebanyak 40% penduduk berumur  $\geq 18$  tahun disaring (**Rajah 3.93**).

**Rajah 3.93: Bilangan Penduduk Disaring Faktor Risiko NCD di Lokaliti KOSPEN, JKWPKL&P, 2013 – 2018**



4 aspek utama saringan faktor NCD yang dinilai adalah risiko berlebihan berat badan dan obesiti, tekanan darah, glukos darah dan merokok. Bagi faktor risiko berlebihan berat badan dan obesiti, daripada 19,190 klien yang disaring, 6,774 orang (35.3%) mempunyai BMI  $\geq 25$  kg/m<sup>2</sup> (kategori berlebihan berat badan) dan 1,474 orang (7.68%) dalam kategori obes (BMI  $\geq 35$  kg/m<sup>2</sup>). Bagi faktor risiko tekanan darah, 3,057 (15.79%) daripada 19,355 yang disaring mempunyai tekanan darah  $\geq 140/90$  mmHg, manakala bagi faktor risiko glukos darah, 6,551 orang (33.9%) mempunyai bacaan glukos kapilari  $\geq 5.6$  mmol/L. Bagi faktor risiko merokok pula, seramai 1,306 orang (6.75%) daripada jumlah disaring didapati merokok dan telah dirujuk ke klinik kesihatan terdekat untuk mendapatkan intervensi sewajarnya dan juga digalakkan menyertai program-program KOSPEN di lokaliti masing-masing (**Rajah 3.94**)

**Rajah 3.94: Pencapaian Saringan KOSPEN Bagi Faktor Risiko NCD, JKWPKL&P, 2018**



### **Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR)**

Sasaran adalah setiap lokaliti mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah RBAR (860 RBAR). Pada tahun 2018, sebanyak 532 buah rumah telah bersetuju menjadikan RBAR di semua 86 lokaliti KOSPEN KL dan Putrajaya. Satu lokaliti di bawah PK Cheras iaitu Kampung Malaysia Raya telah terpilih sebagai lokaliti pertama dijadikan Lokaliti Bebas Asap Rokok bagi tahun 2017 dan pada tahun 2018 mendapat pengiktirafan sebagai lokaliti *Blue Ribbon* KOSPEN dari YB Menteri Kesihatan.

### Program Pengurusan Berat Badan



5 lokaliti di KL dan Putrajaya telah menjalankan Program Pengurusan Berat Badan (PBB) KOSPEN selama 6 bulan. Penutup Program Pengurusan Berat Badan KOSPEN 2018 telah dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri JKWPKL&P pada 11 Ogos 2018 di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur.

### Program Pencegahan Dan Kawalan Kanser


#### Program Saringan Kanser Kolorektal

Program Saringan Kanser Kolorektal JKWPKL&P telah menjalankan aktiviti saringan Kanser Kolorektal di 17 klinik kesihatan dan 4 klinik komuniti. Saringan menggunakan ujian *iFOBT* (*Immunological Faecal Occult Blood Test*) ini mensasarkan warga negara Malaysia berumur 50 – 75 tahun tanpa sebarang gejala (**Rajah 3.95**). Klien yang positif ujian *iFOBT* telah dirujuk untuk konsultasi lanjut dan pemeriksaan kolonoskopi di Jabatan Perubatan dan Jabatan Pembedahan di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang, Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. JKWPKL&P juga telah bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan EMPOWERED dalam program saringan kanser kolorektal di KK Kuala Lumpur.

**Rajah 3.95: Bilangan Saringan Kolorektal Dan Pencapaian Saringan Kolorektal Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**




**Rajah 3.96: Pecahan Kes Saringan Kolorektal Sehingga Klien Menjalani Kolonoskopi Di WPKL&P, 2018**




### Registri Kanser Kebangsaan

JKWPKL&P membuat jerayawara secara berkala ke atas *Data Source Providers* (DSP) kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kesedaran DSP tentang keperluan menghantar notifikasi kes-kes kanser. *Coding* dan *data entry* kesemua borang notifikasi yang diterima dijalankan secara berterusan sehingga Disember 2018. Sebanyak 5,300 kes kanser baru didaftarkan dalam sistem *CanReg5* sepanjang 2018 di KL dan Putrajaya. Sebanyak 3,328 kes didaftarkan melalui notifikasi pasif dari *data source provider* dan sebanyak 1,972 kes didaftarkan melalui pencarian aktif (**Rajah 3.97**). Pencarian aktif dilakukan untuk menyiapkan laporan kanser registri 2012 – 2016 yang dijangka siap pada akhir tahun 2019. Kes kanser baru yang didaftarkan pada tahun 2012 – 2016 adalah sebanyak 7,647, peningkatan sebanyak 27% berbanding jumlah kes kanser 2007 – 2011 (**Rajah 3.98**).

**Rajah 3.97: Bilangan 10 Kes Kanser Tertinggi Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.98: 10 Kes Kanser Tertinggi Berdasarkan Age-Standardized Incidence Rate Di WPKL&P, 2012 - 2016**




▪ **Data Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan**

Pada tahun 2018, jumlah kes yang diterima oleh JKWPKL&P adalah sebanyak 1,726 kes; PK Kepong (493), PK Cheras (298), PK Titiwangsa (497), PK Lembah Pantai (385) dan PKD Putrajaya (53). PKD Putrajaya mencatatkan peratusan kes lengkap dengan penyebab kematian yang disahkan tertinggi sebanyak 67.9% (36 kes), diikuti oleh PK Lembah Pantai, 43.6% (168 kes) (**Rajah 3.99** dan **Rajah 3.100**).

**Rajah 3.99: Data Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Dalam Proses Verifikasi Data Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.100: Pencapaian Data Verifikasi Kematian Yang Disahkan Mengikut ICD 10 Di WPKL&P, 2018**



### Program Kawalan Tembakau

#### ▪ Kadar Berjaya Berhenti Merokok Di Kuala Lumpur dan Putrajaya

**Jadual 3.101** menunjukkan perbandingan kadar berhenti merokok di klinik kesihatan, swasta dan hospital di KL dan Putrajaya bagi tahun 2016 – 2018.

**Jadual 3.101: Perbandingan Kadar Berhenti Merokok Di Klinik Kesihatan, Swasta Dan Hospital Di WPKL&P, 2018**

Indikator	Daftar 2018	2018	2017	2016
Kadar Berjaya Berhenti Merokok Di Klinik Kesihatan	1154	341/ 494 (69%)	245/512 (47.8%)	116/293 (40%)
Kadar Berjaya Berhenti Merokok di Hospital	HospPutrajaya: 78 Hosp Rehab: 17	HP: 24/30(80% ) HR: 2/5(40%)	22/65 (33.85%)	HP:33/3 5 (94.2%)
Kadar Berjaya Berhenti Merokok Di Fasiliti Swasta	Daftar: 352 (Kumulatif) Quitline: 158 (kumulatif)	42/135 (30.9%)	26/79(3 2.91)	Baru mula
Kadar Berjaya Berhenti Merokok di KL dan Putrajaya		409/664 (61.59%)	293/656 (44.66%)	149/328 (45.4%)


#### ▪ Pengeluaran Notis 32B

Sebanyak 1,891 notis 32B telah dikeluarkan JKWPKL&P pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 49% berbanding 1,268 notis pada tahun 2017 (**Jadual 3.102** dan **Rajah 3.103**). Operasi PPKHT 2004 melibatkan Operasi Sepadu Bersih DBKL, Operasi Fasiliti Kesihatan dan Operasi Khas.

**Jadual 3.102: Bilangan Pengeluaran Notis 32B, JKWPKL&P, 2018**



Pejabat Kesihatan	2016			2017			2018		
	Sasar	Capai	(%)	Sasar	Capai	(%)	Sasar	Capai	(%)
Lembah Pantai	753	376	49.3	696	151	21.7	663	191	28.8
Cheras	668	224	33.5	852	314	36.9	807	540	66.9
Kepong	870	319	36.7	825	229	27.8	858	542	63.17
Titivangsa	932	114	12.2	864	160	18.5	852	249	29.2
Putrajaya	696	139	20.0	849	414	48.8	885	369	41.7
<b>Jumlah</b>	<b>3919</b>	<b>1172</b>	<b>30.0</b>	<b>4086</b>	<b>1268</b>	<b>31.0</b>	<b>4065</b>	<b>1891</b>	<b>46.5</b>

**Rajah 3.103: Pencapaian Pengeluaran Notis 32B PPKHT 2004 Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 – 2018**



▪ **Blue Ribbon Campaign**

Kempen bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap pihak yang memberi sumbangan kepada inisiatif melahirkan persekitaran bebas asap rokok.



Pada tahun 2017, sebanyak 16 permohonan premis *Blue Ribbon* diterima dan hanya 6 premis layak dipilih untuk penganugerahan *Blue Ribbon* Kebangsaan.

Pada tahun 2018, permohonan pencalonan premis *Blue Ribbon* meningkat kepada 20 pencalonan dan sebanyak 8 premis layak diberi penganugerahan *Blue Ribbon* Kebangsaan.

**SE Asia Conference on Tobacco Control 2018**



SE Asia Conference on Tobacco Control 2018 telah diadakan pada 11 – 13 Mei 2018 di Putra World Trade Centre (PWTC) penglibatan NGO dan agensi kerajaan di dalam LA21 Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR).

▪ **Unit Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar (KPAS)**


Fungsi utama Unit KPAS adalah untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar yang komprehensif bagi mencegah morbiditi dan mortaliti serta meningkat kesihatan setiap pekerja JKWP&P dan masyarakat.

**Kesihatan Pekerjaan**

• **Imunisasi Hepatitis B Untuk Anggota**


Daripada jumlah kumulatif 5,223 anggota (2018), seramai 4,488 anggota telah tamat program imunisasi Hepatitis B. Bagi tahun 2018, jumlah anggota yang layak adalah seramai 1,315 orang. Seramai 409 anggota telah menjalani ujian saringan (Anti-HBs) dan 324 anggota telah mencapai tahap seroconversion iaitu, nilai titre Anti-HBs bersamaan dengan 10mIU/mL atau lebih (**Rajah 3.104**). Seramai 714 anggota belum selesai imunisasi dan disambung pada tahun 2019.

**Rajah 3.104: Pencapaian Keseluruhan Imunisasi Hepatitis B, JKWP&P, 2018**



**Kumpulan 1: Anggota yang tidak pernah menerima atau menerima imunisasi Hepatitis B tetapi tidak lengkap**

**Kumpulan 2: Anggota yang telah menerima imunisasi Hep B lengkap tetapi perlu menjalani saringan HBsAg.**



Bagi mencapai tahap seroconversion iaitu nilai titre Anti-HBs bersamaan dengan 10mIU/mL atau lebih, perlu melengkapinya dengan program imunisasi hepatitis B sekurang-kurangnya selama 18 bulan. Antara faktor penyumbang adalah kekangan masa, mengandung, cuti tanpa gaji, cuti sambung belajar (post-basik) dan kekurangan tenaga kerja bagi saringan terutamanya di hospital.

- **Saringan Tibi Di Kalangan Anggota Kesihatan Berisiko**

Saringan Tibi di kalangan anggota kesihatan berisiko di fasiliti kesihatan KKM telah mula dilaksanakan sejak tahun 2013. Tatacara saringan ialah melalui ujian *mantoux* untuk kali pertama, diikuti dengan X-ray dada setiap 2 tahun atau bila-bila masa sekiranya mengalami gejala. Bagi tahun 2018, seramai 31 orang (4.39%) anggota berisiko didapati positif ujian *mantoux* (>15mm) dan tiada penyakit tibi dikesan daripada saringan berkenaan. Namun, terdapat 2 anggota yang telah disahkan menghidap TB melalui penerimaan 2 notifikasi penyakit pekerjaan (Borang WEHU L1/L2) (**Rajah 3.105**).


**Rajah 3.105: Saringan Tibi Di kalangan Anggota Berisiko, JKWPKL&P, 2018**



• **Survelan Perubatan Anggota Vektor**

Bagi tahun 2018, 116 orang anggota Vektor di JKWPKL&P telah menjalani surveilan perubatan. Tiada anggota yang mengalami keracunan organofosfat atau terdedah kepada paras serum *Cholinesterase* yang abnormal. 18 anggota yang abnormal bagi keputusan audiometri dirujuk kepada pakar bagi pemeriksaan lebih lanjut dan tiada ujian abnormal bagi spirometri (Rajah 3.106 dan Jadual 3.107).

**Rajah 3.106: Liputan Survelan Perubatan Anggota Vektor, JKWPKL&P, 2018**



**Jadual 3.107: Liputan Survelan Perubatan Anggota Vektor Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	Jumlah Anggota	Jumlah Survelan Perubatan Bil. Anggota Yang Menjalani Ujian Serum Cholinesterase	Keputusan Cholinesterase		Keputusan Audiometri		Keputusan Ujian Spirometri	
			Normal	Abnormal	Normal	Abnormal	Normal	Abnormal
<b>Titivangsa</b>	28	28	28	0	10	15	0	0
<b>Lembah Pantai</b>	24	15	4	0	13	2	0	0
<b>Kepong</b>	25	24	24	0	23	1	24	0
<b>Cheras</b>	33	28	0	0	0	0	28	0
<b>Putrajaya</b>	21	21	21	0	5	0	20	0
<b>Jumlah</b>	<b>131</b>	<b>116</b>	<b>77</b>	<b>0</b>	<b>51</b>	<b>18</b>	<b>72</b>	<b>0</b>

- **Survelan Kecederaan Alatan Tajam**

Pada tahun 2018, 24 kes kecederaan tertusuk alatan tajam (NSI) telah dilaporkan di kemudahan-kemudahan JKWPKL&P, meningkat berbanding tahun 2017 (23 kes) (**Rajah 3.108** dan **Jadual 3.109**).

**Rajah 3.108: Kadar Insidens NSI di Kalangan Anggota Kesihatan KKM, JKWPKL&P, 2015 - 2018**

Kadar Insiden/1000 HCW	2015	2016	2017	2018
JAN-JUN	3.8	2.0	2.89	2.27
JULAI-DIS	0.9	1.6	1.86	2.7


**Jadual 3.109: Kadar Insidens NSI di Kalangan Anggota Kesehatan KKM  
Mengikut Fasiliti Kesehatan, JKWPKL&P, 2015 – 2018**

Fasiliti Kesehatan		Kadar Insiden (per 1000 petugas kesehatan)							
		Jan - Jun 2015	Jul - Dis 2015	Jan - Jun 2016	Jul - Dis 2016	Jan - Jun 2017	Jul - Dis 2017	Jan - Jun 2018	Jul - Dis 2018
Hospital	<b>0.8 (1 kes)</b>	1.6 (7 kes)	1.6 (7 kes)	1.0 (6 kes)	0.4 (2 kes)	3.2 (7 kes)	1.0 (6 kes)	5.4 (8 kes)	5.4 (8 kes)
	<b>Tiada kes</b>	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes	0.2 (1 kes)	0.4 (2 kes)	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes
<b>Pejabat Kesehatan (PK)</b>		1.0 (2 kes)	1.5 (3 kes)	Tiada kes	4.8 (3 kes)	4.8 (9 kes)	Tiada kes	2.8 (2 kes)	4.5 (5 kes)
<b>Pejabat Pergigian (PP)</b>		2.6 (5 kes)	Tiada kes	3.4 (2 kes)	4.0 (1 kes)	2.5 (2 kes)	Tiada kes	4.6 (1 kes)	Tiada kes
<b>Jumlah</b>		<b>3.8 (16 kes)</b>	<b>0.9 (4 kes)</b>	<b>2.0 (9 kes)</b>	<b>1.6 (10 kes)</b>	<b>2.89 (14 kes)</b>	<b>1.86 (9 kes)</b>	<b>2.27 (11 kes)</b>	<b>2.7 (13 kes)</b>

*\*Hospital Rehabilitasi Cheras mula beroperasi pada pertengahan tahun 2012*

Bagi tahun 2018, kadar insidens NSI paling tinggi dicatatkan di kalangan Pegawai Farmasi (23.5), manakala kadar insiden terendah adalah di kalangan Jururawat terlatih (3.2) (**Rajah 3.110**).


**Rajah 3.110: Bilangan Kes dan Kadar Insiden NSI Mengikut Kategori Perjawatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2018**



**• Program KOSPEN Plus di Tempat Kerja Peringkat JKWPKL&P 2018**

Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) Plus merupakan program intervensi bagi Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) kepada warga kerja dari agensi awam (luar KKM) dan swasta, berasaskan penyertaan dan pemerksaan warga kerja dalam pencegahan dan kawalan faktor risiko NCD. Pencapaian program ini bagi tahun 2018 adalah sebanyak 20 agensi di-*sensitized* (sasaran tahun 2018: 15 agensi di-*sensitized*) (**Rajah 3.111**).

**Rajah 3.111: Pencapaian Program KOSPEN Plus, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2018**




**Sensitized - Agensi yang bersetuju dan telah menerima program KOSPEN Plus**


• **KOSPEN Plus Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia**

Program KOSPEN PLUS di tempat kerja di JKWPKL&P merangkumi saringan kesihatan anggota di fasiliti kesihatan masing-masing, menggunakan Skop 5 iaitu Program Saringan Kesihatan. Bagi tahun 2018, seramai 7,158 anggota telah dikenalpasti (1,757 lelaki, 5,103 perempuan). Daripada jumlah tersebut, seramai 5,440 anggota telah disaring (76%); 1,305 (18%) anggota lelaki dan 4,140 (58%) anggota perempuan (**Rajah 3.112**). Seramai 100 orang (1.7%) anggota telah dikesan mempunyai risiko kesihatan seperti dirumuskan di **Rajah 3.113**, dan telah diambil tindakan selanjutnya.

**Rajah 3.112: Pecahan Saringan Kesihatan Anggota, JKWPKL&P, 2018**



**Rajah 3.113: Keputusan Program Saringan Kesihatan Skop 5, JKWPKL&P, 2018**



Skop lain yang terlibat adalah Skop 6, Program Saringan Minda Sihat melalui penggunaan borang DASS 21. Seramai 2,856 anggota telah disaring daripada 6,986 anggota, dan seramai 58 anggota telah dirujuk. (**Rajah 3.114**)

**Rajah 3.114: Keputusan Saringan DASS 21 Anggota, JKWPKL&P, 2018**



### Kesihatan Alam Sekitar

- **Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Depot Tahanan Sementara Imigresen (DTS)**

Terdapat 1 DTS di WPKL&P pada tahun 2018 iaitu di Imigresen Bukit Jalil. Hasil pemeriksaan persekitaran mendapati DTS tersebut memprolehi skor 60%. Skor adalah kurang memuaskan disebabkan oleh fasiliti berkenaan sedang dalam proses pengubahsuaian.

- **Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Pusat Jagaan Harian (PJH)**

Sepanjang tahun 2018, JKWPKL&P telah berjaya melakukan pemeriksaan terhadap Pusat Jagaan Harian (PJH) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah tersebut, kesemua 43 premis telah mencapai skor memuaskan (**Rajah 3.115**).

**Rajah 3.115: Pencapaian Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Pusat Jagaan Harian Berdaftar Dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Di WPKL&P, 2018**



- **Pemantauan Penyakit Berkaitan Jerebu**

Pemantauan penyakit-penyakit berkaitan jerebu dilaksanakan melalui 4 buah klinik sentinel iaitu KK Bandar Tun Razak, KK Batu, KK Putrajaya

Presint 9 dan KK Putrajaya Presint 18. **Rajah 3.116** menunjukkan jumlah penyakit akibat jerebu di WPKL&P pada tahun 2018 secara keseluruhan.

**Rajah 3.116: Bilangan Kes URTI, Asma dan Konjunktivitis di Klinik-Klinik Sentinel, JKWPKL&P, 2018**

Pemantauan Penyakit Berkaitan Jerebu			
Klinik Sentinel	Conjunctivitis	URTI	Asthma
KK Bandar Tun Razak	124	5,276	134
KK Batu	221	6,299	251
KK Putrajaya Presint 9	1,800	33,854	3,183
KK Putrajaya Presint 18	2,697	21,653	2,222
<b>JUMLAH</b>	<b>4,842</b>	<b>67,082</b>	<b>5,790</b>

## CAWANGAN KESIHATAN PRIMER


- **Unit Pelaksanaan Polisi Kesihatan Primer**

- **Rawatan Pesakit Luar**

Pada tahun 2018, terdapat 17 klinik kesihatan dan 28 Klinik 1Malaysia (K1M) menyediakan perkhidmatan pesakit luar di WPKL&P. Tahun 2018 telah mencatatkan sebanyak 2,312,664 kedatangan pesakit luar, meningkat berbanding tahun sebelumnya (**Rajah 3.117**). KK Kuala Lumpur, KK Putrajaya Presint 9, KK Jinjang dan KK Cheras telah mencatatkan kedatangan tahunan tertinggi (**Rajah 3.118**). Faktor penyumbang kepada peningkatan jumlah kedatangan pesakit luar adalah penambahan bilangan fasiliti kesihatan seperti KK Kuala Lumpur dan penambahan skop perkhidmatan di klinik kesihatan.


Perkhidmatan Kesihatan Primer diperkukuhkan dengan 18 orang Pakar Perubatan Keluarga yang ditempatkan di KK Putrajaya Presint 9, KK Kuala Lumpur, KK Tanglin, KK Petaling Bahagia, KK Jinjang, KK Batu, KK Sentul, KK Cheras, KK Cheras Baru, KK Sungai Besi, KK Kampung Pandan dan KK Setapak.

**Rajah 3.117: Jumlah Kedatangan Pesakit Luar Ke Fasiliti Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2010 – 2018**



*\*Jumlah tidak termasuk dengan kedatangan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak*

**Rajah 3.118: Jumlah Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Klinik Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**



**\*Jumlah tidak termasuk dengan kedatangan Klinik Kesihatan Ibu dan Ana**

- **Klinik Komuniti**

Klinik Komuniti (KKom) diperkenalkan melalui Pelan Transformasi dari K1M kepada KKom 2019. Daripada 28 K1M, 2 K1M telah ditukar kepada Klinik Kesihatan UTC, iaitu KK UTC Pudu Sentral dan KK UTC Keramat Mall pada Tahun 2018. K1M Raja Abdullah telah ditutup pada 31 Disember 2018. 25 K1M yang selebihnya telah ditransformasikan kepada Klinik Komuniti pada Tahun 2019.

- **Kajian QA Primer Tahun 2018 – Klinik Kawanku**

Kajian QA Klinik Kawanku 2018 telah dijalankan antara bulan Julai – September 2018. Sasaran adalah sekurang-kurangnya 90% pelanggan mendapat markah sekurang-kurangnya 80%. Hasil kajian mendapati PK Cheras dan PK Lembah Pantai tidak mencapai sasaran, merangkumi 7 daripada 17 klinik kesihatan. Faktor utama melibatkan masalah kemudahan fizikal bangunan, parkir serta kawasan persekitaran fasiliti (**Jadual 3.119** dan **Jadual 3.120**).

**Jadual 3.119: Pencapaian Kajian QA Klinik Kawanku Di Klinik Kesihatan, JKWP&P, 2018**

Bil	Daerah	Nama Klinik Kesihatan	Bil Responden	80-100 (%)	Status Kualiti	Daerah			
						bil > 80 markah	Numerator	Denominator	%
1	Cheras	Bandar Tun	101	70	Menurun	71	354	401	88
2		Sungai	100	86	Menurun	86			
3		Cheras	100	99	Meningk	99			

4		<b>Cheras</b>		100	98	Meningk	98			
5	<b>Kepong</b>	<b>Sentul</b>		112	84	Menurun	94	343	362	95
6		<b>Jinjang</b>		150	99	Meningk	149			
7		<b>Batu</b>		100	10	Meningk	100			
8	<b>Lembah Pantai</b>	<b>Tanglin</b>		130	79	Menurun	103	152	230	66
9		<b>Petaling Bahagia</b>		100	49	Menurun	49			
1	<b>Titivangs a</b>	<b>Setapak</b>		100	97	Meningk	97	544	599	91
1		<b>Dato</b>		100	87	Menurun	87			
1		<b>Kg</b>		99	79	Menurun	78			
1		<b>Kuala</b>		300	94	Meningk	282			
1	<b>Putrajaya</b>	<b>Presint 9</b>		110	10	Meningk	110	402	410	98
1		<b>Presint</b>		100	96	Menurun	96			
1		<b>Presint</b>		100	10	Meningk	100			
1		<b>Presint</b>		100	96	Menurun	96			
<b>JKWPKL&amp;P</b>				<b>200</b>			<b>179</b>	<b>17</b>	<b>20</b>	<b>9</b>

**Jadual 3.120: Pencapaian Kajian QA Klinik Kawanku Di Klinik Komuniti Terpilih, JKWPKL&P, 2018**

Klinik Komuniti	Markah 80 – 100%			Status Kuaaliti
	2016	2017	2018	
<b>KKom BATU MUDA</b>	78.6 %	89%	87%	Menurun
<b>KKom ALAM DAMAI</b>	99 %	99%	96%	Menurun
<b>KKom SERI ALAM</b>	99 %	99%	99%	Meningkat
<b>KKom PERKASA</b>	100 %	100%	96%	Menurun
<b>JKWPKL&amp;P</b>	94.2%	96.7%	94.5%	Menurun

• **Kajian QA Primer Tahun 2018 – Asma**

Kajian QA Asma telah dijalankan antara bulan Julai – September 2018 bagi memantau kewajaran pengurusan asma di fasiliti kesihatan primer. Sasaran kajian ini adalah sama atau melebihi pencapaian tahun sebelumnya (**Jadual 3.121**).

**Jadual 3.121: Pencapaian Kajian QA Asma Di Klinik Kesihatan, JKWP&P, 2018**

Bil	Daerah	Klinik Kesihatan	Bil Responden	2017	2018	Daerah			Status
				% 6/6	% 6/6	Numerat	or Denominator	%	
1	Cheras	Bandar Tun Razak	30	74.2	36.7	88	121	72.7	Menurun
2		Sungai Besi	30	96.8	73.3				Menurun
3		Cheras	31	90.3	96.8				Meningkat
4		Cheras Baru	30	0.0	83.3				Meningkat
5	Kepong	Sentul	31	46.7	29.0	52	97	53.6	Menurun
6		Jinjang	33	84.4	84.8				Meningkat
7		Batu	33	12.9	45.5				Meningkat
8	Lembah Pantai	Tanglin	50	94.9	94.0	63	80	78.8	Menurun
9		Petaling Bahagia	30	76.7	53.3				Menurun
10	Titivangsa	Setapak	30	24.2	86.7	119	165	72.1	Meningkat
11		Dato Keramat	31	0.0	93.5				Meningkat
12		Kg Pandan	73	94.3	65.8				Menurun
13		Kuala Lumpur	31	0.0	51.6				Meningkat
14	Putrajaya	Presint 9	42	51.2	83.3	76	147	51.7	Meningkat

15	<b>Presint 18</b>	45	42.4	46.7				Meningkat
16	<b>Presint 14</b>	30	9.5	13.3				Meningkat
17	<b>Presint 11</b>	30	71.9	53.3				Menurun
<b>JKWPKL&amp;P</b>		<b>610</b>	<b>57.6</b>	<b>65.2</b>	<b>398</b>	<b>610</b>	<b>65.2</b>	<b>Meningkat</b>

- **Masa Menunggu**

Sistem e-Masa yang memantau waktu menunggu pelanggan mula mendapat perkhidmatan kesihatan dan rawatan telah dilaksanakan di semua kemudahan KKM seluruh negara sejak tahun 2008. Bermula Julai 2014, sasaran yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya 70% pelanggan menunggu kurang daripada 90 minit, bermula daripada pendaftaran sehingga dirawat oleh doktor Pada Tahun 2018, terdapat peningkatan terhadap peratus pencapaian iaitu pada 89.5% (2017) ke 91% (**Jadual 3.122**).

**Jadual 3.122: Pencapaian Masa Menunggu Pelanggan Di Klinik Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**

Tahun	< 90 Minit	% Pencapaian	>90 Minit	% Pencapaian	Jumlah Responden
2015	200,667	66	105,586	34	306,253
2016	160,339	85	27,965	15	188,304
2017	451,636	89.5	52,827	10.5	504,463
2018	571,570	91.0	56,196	9.0	627,766

• **Pencapaian *Primary Health Care Team – Family Doctor Concept (FDC)***

Pada tahun 2014 dan 2015, KK Batu telah dipilih untuk menjalankan projek rintis *FDC*, diikuti KK Putrajaya Presint 18 (2016) dan KK Jinjang (2017). Bagi tahun 2018, sebanyak 2 buah klinik kesihatan telah dipantau di peringkat KKM iaitu KK Kuala Lumpur dan KK Cheras, manakala 5 buah klinik kesihatan dipantau di peringkat JKWPKL&P iaitu KK Sentul, KK Petaling Bahagia, KK Kg Pandan, KK Setapak dan KK Dato Keramat. Usaha ini akan berterusan sehingga semua klinik kesihatan di JKWPKL&P melaksanakan *FDC* (**Jadual 3.123**).

**Jadual 3.123: Bilangan Klinik Kesihatan Dengan Pasukan *Primary Health Care*, JKWPKL&P, 2014 – 2018**

Pejabat Kesihatan	2014-2015	2016	2017	2018
<b>Putrajaya</b>	-	KK PP 18	KK PP 18	KK PP 18
<b>Cheras</b>	-	-	-	KK Cheras
<b>Lembah Pantai</b>	-	-	-	KK Petaling Bahagia
<b>Titiwangsa</b>	-	-	-	KK Kuala Lumpur
	-	-	-	KK Setapak
	-	-	-	KK Kg Pandan
	-	-	-	KK Dato Keramat
<b>Kepong</b>	KK Batu	KK Batu	KK Batu	KK Batu
	-	-	KK Jinjang	KK Jinjang
	-	-	-	KK Sentul
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>10</b>

▪ **Unit Penjagaan Perubatan Dan Kesihatan Primer**  
**Khidmat Berhenti Merokok (KBM)**

Aktiviti Khidmat Berhenti Merokok dijalankan di 17 klinik kesihatan WPKL&P. Terdapat peningkatan kepada kadar berhenti merokok di kalangan pelanggan bagi tempoh kohort Jan – Jun 2018 (70%) dan sedikit menurun bagi tempoh kohort Julai – Disember 2018 (67.9%), namun masih melebihi sasaran 30% yang ditetapkan (**Jadual 3.124**).

**Jadual 3.124: Kadar Berhenti Merokok Bagi Pelanggan Khidmat Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan, JKWPKL&P, 2014 – 2018**


Pejabat Kesihatan	Jan – Jun 2018			Jul – Dis 2018		
	Jumlah Klien Ada <i>Quit Date</i>	Jumlah Klien Berhenti Berjaya Merokok	Kadar Berhenti Merokok (%)	Jumlah Klien Ada <i>Quit Date</i>	Jumlah Klien Berhenti Berjaya Merokok	Kadar Berhenti Merokok (%)
<b>Lembah Pantai</b>	40	30	75.0	44	33	75.0
<b>Titiwangsa</b>	110	78	70.9	84	56	66.7
<b>Kepong</b>	30	23	76.7	36	22	61.1
<b>Cheras</b>	51	32	62.7	38	25	65.8
<b>Putrajaya</b>	29	19	65.5	32	23	71.9
<b>WPKL&amp;P</b>	<b>260</b>	<b>182</b>	<b>70.0</b>	<b>234</b>	<b>159</b>	<b>67.9</b>

**Reten Latihan NCD**

Arahan KKM untuk menjadikan *Primary Care as Focus of NCD Agenda*, di mana perluasan aktiviti NCD dipertingkatkan di Kesihatan Primer telah bermula pada tahun 2016 berikutan peningkatan trend penyakit tidak berjangkit dan risikonya. Sasaran yang telah ditetapkan adalah 100% anggota Kesihatan Primer yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai

Farmasi, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih dan Jururawat Masyarakat diberi Latihan NCD secukupnya bagi tempoh kohort 2016 – 2018. Hasilnya, 100% anggota bagi semua kategori perjawatan (tempoh kohort 2016 – 2018) telah diberi Latihan NCD pada penghujung tahun 2018, kecuali Pegawai Farmasi (98.1%) (**Rajah 3.125**).

**Rajah 3.125: Pencapaian Anggota Klinik Kesihatan Mengikut Kategori Perjawatan (Kohort 2016 – 2018) Diberi Latihan NCD, JKWPKL&P, 2018**



### **Credentialing & Privileging (C&P) Program Kesihatan Primer**


C&P bagi program Perubatan telah dimulakan sejak 2001 (Surat Pekeliling KPK Bil. 1/2001 bertajuk *Garis Panduan Prosedur-Prosedur Dalam Sistem ‘Credentialing’ dan ‘Privileging’ Di KKM*), bertujuan untuk memberi pengiktirafan sewajarnya kepada anggota yang terlatih, mahir dan cekap dalam melaksanakan prosedur/ teknik baru yang tiada dalam latihan asas demi memastikan penjagaan kesihatan yang terbaik, mengelakkan komplikasi dan *medical error*. Setakat ini, prosedur yang telah melaksanakan C&P di JKWPKL&P adalah:

- Pegawai Perubatan – *Ultrasound Obstetrik Asas*
- Penolong Pegawai Perubatan – *Spirometry Test and Interpretation, Eye Examination using Fundus Camera*


- Jururawat Kesihatan – Pap Smear (JK yang tiada latihan kebidanan), Pengambilan Darah Kanak-kanak bawah 12 tahun, *Eye Examination using Fundus Camera, Spirometry Test and Interpretation*

Tiada penetapan sasaran dari KKM bagi setiap prosedur yang telah dicadangkan untuk C&P. Bilangan anggota yang telah menerima C&P mengikut kategori perjawatan seperti di **Rajah 3.126, Rajah 3.127, Rajah 3.128, Rajah 3.129, Rajah 3.130, Rajah 3.131 dan Rajah 3.132.**


**Rajah 3.126: Bilangan C&P: Ultrasound Obstetrik Asas Bagi Pegawai Perubatan Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 – 2018**




**Rajah 3.127: Bilangan C&P: Spirometry Test Bagi Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 – 2018**




**Rajah 3.128: Bilangan C&P: Eye Examination Using Fundus Camera Bagi Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 - 2018**




**Rajah 3.129: Bilangan C&P: Pap Smear Bagi Jururawat Kesihatan (Tiada Latihan Kebidanan) Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 - 2018**




**Rajah 3.130 : Bilangan C&P: Venepuncture Kanak-Kanak Bawah 12 Tahun Bagi Jururawat Kesihatan Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 - 2018**



**Rajah 3.131: Bilangan C&P: Spirometry Test Bagi Jururawat Kesihatan Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 - 2018**




**Rajah 3.132: Bilangan C&P: Eye Examination Using Fundus Camera Bagi Jururawat Kesihatan Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2016 – 2018**




**Pelaksanaan Tahap Kesakitan Sebagai Tanda Vital Ke-5 Dan Pengurusan Kesakitan Tahun 2018**

*Pain Free Hospital* Atau Program Bebas Kesakitan telah dilaksanakan di hospital sejak tahun 2008 (Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 2008: Pelaksanaan Tahap Kesakitan Sebagai Tanda Vital Ke-5 / *Pain As Fifth Vital Sign & Pain Management*). JKWPKL&P telah menubuhkan jawatankuasa di setiap pejabat kesihatan pada 15 November 2018 dan telah memulakan program tersebut di 5 buah klinik terlebih dahulu sebelum memperluaskan skop program ke semua fasiliti kesihatan primer, iaitu KK Putrajaya Presint 18, KK Kuala Lumpur, KK Tanglin, KK Jinjang dan KK Sungai Besi **Rajah 3.133, Rajah 3.134 dan Rajah 3.135).**


**Rajah 3.133: Liputan Skala Kesakitan Di Kalangan Pesakit Klinik Pengurusan Kesakitan, JKWPKL&P, Nov – Dis 2018**



**Rajah 3.134: Analgesik Yang Kerap Digunakan di Klinik Pengurusan Kesakitan, JKWPKL&P, 2016 – 2018**




**Rajah 3.135: Rujukan Selepas Rawatan Di Klinik Pengurusan Kesakitan, JKWPKL&P, Nov – Dis 2018**




### **Perkhidmatan Penjagaan Luka Di Fasiliti Kesihatan Primer Jkwpkl&P**

Program Penjagaan Luka adalah satu program sedia ada di klinik kesihatan. Bagi memastikan program ini menjadi lebih komprehensif dan sistematik menggunakan kaedah atau teknik terkini (walaupun terdapat limitasi dari aspek infrastruktur, peralatan dan kemahiran anggota), latihan sangkutan di Hospital Kuala Lumpur telah diadakan sejak 2008 sehingga kini. Penglibatan anggota dari semua klinik kesihatan amat menggalakkan. Pada tahun 2018, seramai 62 orang anggota kesihatan terdiri daripada Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan jururawat telah menjalani latihan sangkutan tersebut, dan seramai 124 orang anggota lagi telah dijadualkan untuk mengikuti latihan sangkutan itu pada tahun 2019 (**Rajah 3.136, Rajah 3.137 dan Rajah 3.138**).


**Rajah 3.136: Perbandingan Kes Penjagaan Luka dengan Conventional Dressing Dan Modern Wound Dressing di Fasiliti Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**



**Rajah 3.137: Liputan Kehadiran Pesakit Di Fasiliti Kesihatan Mengikut Kategori Jenis Luka, JKWPKL&P, 2018**



**Rajah 3.138: Outcome Penjagaan Luka Di Fasiliti Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**



### **Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan 10 (NBOS10)**

NBOS10 adalah inisiatif yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memberikan perkhidmatan secara komprehensif kepada pesara perkhidmatan awam (**Jadual 3.139**). Di bawah inisiatif ini, antara aktiviti yang dilaksanakan KKM adalah:

- Kaunter pendaftaran dengan Laluan Khas untuk pesara perkhidmatan awam (*R-Lane*)
- Saringan kesihatan di klinik kesihatan
- Pendidikan kesihatan melalui ceramah-ceramah kepada bakal pesara dan pesara perkhidmatan awam.
- Pencapaian NBOS10 mula dipantau pada Julai 2014

**Jadual 3.139: Perbandingan Bilangan Pelanggan Dan Pesara Yang Menggunakan R-Lane, JKWPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	Bil. KK Yang Melaksanakan Nbos10 Pesara	Bilangan Pelanggan Menggunakan R-Lane	Bilangan Pesara Menggunakan R-Lane	% Pesara Menggunakan R-Lane
Putrajaya	4	24,730	5,870	23.74
Cheras	4	10,802	993	9.10
Kepong	3	19,959	4,107	21
Lembah Pantai	2	7,958	5,470	68.74
Titivangsa	3	48,706	5,180	10.63
<b>JKWPKL&amp;P</b>	<b>16</b>	<b>112,155</b>	<b>21,620</b>	<b>19.27</b>

**Inisiatif Strategi lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7)**

NBOS 7 bertujuan memastikan keperluan asas bagi warga emas, ibu tunggal dan kanak-kanak miskin. Penjagaan kesihatan primer memastikan warga emas yang berada di institusi jagaan mendapat penjagaan kesihatan yang sewajarnya dengan menjalankan saringan dan intervensi kesihatan sekurang-kurangnya sekali semasa lawatan dilakukan di pusat jagaan warga emas tersebut (**Jadual 3.140**). PKD Putrajaya dan PK Titivangsa tidak terlibat dalam melaksanakan perkhidmatan ini.

**Jadual 3.140: Peratus Saringan Yang Dilakukan Di Institusi Warga Emas, JKWPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	Bil. Institusi		Bilangan We Berdaftar	Bilangan We Yang Disaring & Diberi Intervensi	Peratus We Yang Disaring & Diberi Intervensi
	Daftar dengan JKM	Tidak didaftar dengan JKM			

<b>Cheras</b>	1	0	140	140	100%
<b>Kepong</b>	5	0	155	147	94.80%
<b>Lembah Pantai</b>	2	1	117	102	87.17%
<b>JKWPKL &amp; P</b>	<b>8</b>	<b>1</b>	<b>412</b>	<b>376</b>	<b>91.26%</b>

### Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas

Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas mula diperkenalkan oleh KKM sebagai salah satu strategi dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Pelaksanaan program di bawah perkhidmatan kesihatan warga emas adalah berteraskan kepada Dasar Kesihatan Warga Emas Negara yang menekankan usaha untuk memastikan penuaan yang sihat, aktif dan produktif dengan memperkasakan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang menyokong penuaan sihat (**Jadual 3.141**).

**Jadual 3.141: Bilangan Warga Emas Yang Didaftarkan Dalam Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas, JKWPKL&P, 2018**

<b>Pejabat Kesihatan</b>	<b>Jumlah Populasi Warga Emas</b>	<b>Kumulatif Warga Emas Didaftarkan 2013-2018</b>	<b>% Warga Emas didaftarkan</b>
<b>PKD Putrajaya</b>	2,396	2,188	91.31%
<b>PK Cheras</b>	44,924	40,737	90.67%
<b>PK Kepong</b>	50,315	28,642	56.92%
<b>PK Lembah Pantai</b>	30,548	23,409	76.63
<b>PK Titiwangsa</b>	51,320	27,948	54.45%
<b>JKWPKL&amp;P</b>	<b>179,503</b>	<b>122,924</b>	<b>68.48%</b>


### **Kelab Warga Emas**

Sebanyak 7 Kelab Warga Emas telah ditubuhkan di fasiliti kesihatan JKWPKL&P bagi mempromosi kesihatan warga emas dan amalan hidup sihat dalam kalangan individu, keluarga dan masyarakat. Klinik kesihatan yang mempunyai kelab warga emas adalah KK Cheras , KK Cheras Baru, KK Bandar Tun Razak, KK Jinjang, KK Batu, KK Petaling Bahagia dan KK Putrajaya Presint 9. Aktiviti-aktiviti kelab warga emas di klinik kesihatan, termasuk senaman warga emas, saringan kesihatan, ceramah, lawatan ke rumah orang tua dan tempat rekreasi.


### **Perkhidmatan Kesihatan Remaja**

Program Kesihatan Remaja telah dimulakan pada tahun 1996 di bawah perkembangan skop Program Pembangunan Kesihatan Keluarga bertujuan bagi membangun dan memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan untuk golongan remaja selaras dengan matlamat, objektif dan strategi yang ditetapkan dalam Dasar Kesihatan Remaja Negara. Berdasarkan Reten PKR 202A bilangan morbidity yang dikesan di kalangan remaja semasa sarinagn dilakukan bagi tahun 2018 adalah tingkahlaku berisiko, iaitu sebanyak 1, 513 kes ( **Rajah 3.142 dan Rajah 3.143**)

**Rajah 3.142: Bilangan Morbiditi Dikesan Di Kalangan Remaja Bagi Program Kesihatan Remaja, JKWPKL&P, 2018**



**Rajah 3.143: Pecahan Tingkah Laku Berisiko Di Kalangan Remaja, JKWPKL&P, 2018**



### **Klinik ‘Best Practice’ Mesra Remaja dan Kelab Remaja**


Klinik ‘Best Practice’ Mesra Remaja telah diperkenalkan melalui inisiatif BPKK (Surat Pekeliling TKPK (KA) rujukan KKM-600-30/7/4 Jld 4(6) bertarikh 17 Februari 2018) bagi memperkukuhkan Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja di klinik-klinik kesihatan yang terpilih. Klinik-klinik ini akan menjalankan perkhidmatan kesihatan remaja berdasarkan kriteria klinik mesra remaja ‘Adolescent Friendly Clinic Characteristics’ yang dicadangkan oleh WHO.

Di JKWPKL&P, klinik kesihatan yang terlibat adalah KK Tanglin, KK Batu, KK Cheras dan KK Putrajaya Presint 18. Selain daripada menjalankan Klinik Remaja, klinik-klinik ini juga aktif menjalankan program kelab remaja. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah kesihatan, saringan kesihatan, khidmat berhenti merokok di sekolah, latihan sukarelawan remaja bagi saringan kesihatan dan aktiviti ‘role play’.

### **Saringan Pemeriksaan Kesihatan Kendiri ‘Self Monitoring’**

Saringan Pemeriksaan Kesihatan Kendiri ‘Self Monitoring’ diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran kesihatan dan pemeriksaan sendiri di kalangan individu. Ukuran lilitan abnormal, prehipertensi dan merokok mencatat risiko tertinggi yang dikesan melalui saringan pemeriksaan sendiri di JKWPKL&P pada tahun 2018 (**Rajah 3.144**).

**Rajah 3.144: Keputusan Saringan Pemeriksaan Kendiri Di Fasiliti Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**



▪ **Unit Infrastruktur, Sokongan Klinikal dan Sokongan Teknikal Perkhidmatan Konsesi *Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET)* – Syarikat *Quantum Medical Solution (QMS)***

Perkhidmatan ini telah bermula sejak tahun 2013 di JKWPKL&P. Ia merupakan perkhidmatan *‘planned preventive maintainance’* dan *‘corrective maintainance programme’* untuk aset perubatan sedia ada bagi fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah JKWPKL&P. Perkhidmatan ini juga membekalkan aset perubatan baru bagi fasiliti yang berada di dalam kontrak ini. Aset perubatan di bawah nilai RM2,000.00 akan dibekalkan secara *‘one off’* atau dikenali sebagai aset *‘purchased biomedical equipment’*, manakala aset bernilai lebih daripada RM2,000.00 akan dibekalkan secara sewa beli dalam tempoh 13 tahun, dikenali sebagai *‘new biomedical equipment’* (**Jadual 3.145**).


**Jadual 3.145: Bilangan Fasiliti Kesihatan Terlibat Dalam Program Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	Bil. Fasiliti Terlibat Dalam Program MEET
PKD Putrajaya	4
PK Cheras	13
PK Kepong	11
PK Lembah Pantai	13
PK Titiwangsa	16
JKWPKL&P	16

### **Sistem Teleprimary Care (TPC)**

Sistem TPC telah bermula pada bulan Ogos 2008 di 3 buah klinik iaitu KK Tanglin, KK Batu dan KK Jinjang. KK Putrajaya Presint 18 memulakan operasi sistem TPC pada bulan April 2015, manakala KK Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2017. Yang terkini, jumlah fasiliti kesihatan JKWPKL&P dengan sistem TPC adalah sebanyak 5 buah. **Rajah 3.146** menunjukkan perbandingan penggunaan *Careplan* tahun 2017 dan 2018. Klinik yang mempunyai sistem TPC ditetapkan agar menggunakan sistem ini sekurang-kurangnya 90% bagi memastikan rawatan pesakit dapat dilakukan secara optimum dan kaedah 'paperless' dapat dilaksanakan sepenuhnya.

**Rajah 3.146: Perbandingan Pencapaian Penggunaan Careplan TPC Mengikut Klinik Kesihatan Dengan TPC, JKWPKL&P, 2017 – 2018**



### 3.5 CAWANGAN KESIHATAN KELUARGA

Program Kesihatan Keluarga meliputi kesihatan ibu, kanak-kanak, remaja, pelajar sekolah dan wanita dewasa. Perkhidmatan kesihatan ibu dan anak dijalankan di klinik-klinik kesihatan ibu dan anak, Hospital Kuala Lumpur, hospital-hospital universiti dan hospital serta klinik swasta (**Jadual 3.147**).

- **Unit Kesihatan Ibu**

Perkhidmatan kesihatan ibu merangkumi perkhidmatan yang diberi ketika antenatal dan postnatal.


**Jadual 3.147: Fasiliti Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, JKWPKL&P, 2018**

Jenis KKIA	Kuala Lumpur	Putrajaya	Kuala Lumpur & Putrajaya
<b>KKIA (berasingan)</b>	7	0	<b>7</b>
<b>KKIA dalam Klinik Kesihatan</b>	10	4	<b>14</b>
<b>KKIA dalam Klinik 1Malaysia</b>	8	0	<b>8</b>
<b>KKIA dalam Pusat Transformasi Bandar (UTC)</b>	0	0	<b>0</b>


**Pemeriksaan Ibu Hamil di Fasiliti Kesihatan Awam dan Swasta**

**Rajah 3.148** menunjukkan liputan antenatal baru di fasiliti kesihatan di WPKL&P. Terdapat penurunan jumlah kes secara keseluruhan iaitu dari 72,573 kes (219.6%) pada tahun 2017 ke 52,613 kes (168.8%) pada tahun 2018. Penurunan ketara dapat dilihat di daerah Titiwangsa. **Rajah 3.149** menunjukkan jumlah kedatangan antenatal mengikut daerah. Sasaran purata kedatangan antenatal bagi setiap ibu mengandung ialah sebanyak 8 kali setiap kehamilan. Semua daerah mencapai sasaran dengan Putrajaya mencatat purata tertinggi. Titiwangsa pula mempunyai jumlah kedatangan antenatal tertinggi. 85.8% klien mendaftar antenatal mereka sebelum umur kandungan 12 minggu pada tahun 2018 (**Rajah 3.150**). Sasaran untuk indikator ini adalah 70%. Terdapat sedikit peningkatan pada tren peratus klien yang diperiksa oleh pegawai perubatan ketika pemeriksaan antenatal pertama (**Rajah 3.151**).


**Rajah 3.148: Liputan Antenatal Baru Mengikut Daerah Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.149: Jumlah Dan Purata Kedatangan Antenatal Ke Fasiliti Kesihatan Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.150: Tren Peratus Klien Yang Membuat Lawatan Antenatal Pertama Sebelum Umur Kandungan 12 Minggu (Sasaran >70%) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2018**



**Rajah 3.151: Tren Peratus Klien Yang Diperiksa Oleh Pegawai Perubatan Ketika Pemeriksaan Antenatal Pertama (Sasaran >80%) Di WPKL&P, 2018**



### Imunisasi Ibu Hamil


Setiap ibu hamil di fasiliti kesihatan KKM akan diberi vaksin ATT sama ada 2 dos untuk ibu primigravida atau dos *booster* untuk ibu multipara. Terdapat penurunan dalam liputan imunisasi ATT untuk semua agensi dan klinik kesihatan (**Jadual 3.152**), tetapi masih mencapai sasaran lebih 90% yang ditetapkan. **Rajah 3.153** menunjukkan PK Kepong tidak mencapai sasaran bagi kedua-kedua kategori.

**Jadual 3.152: Peratus Liputan Imunisasi ATT Antenatal Mengikut Daerah Di WPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	Semua Agensi (%)	Klinik Kerajaan (%)
<b>Kepong</b>	82.3	88.1
<b>Lembah Pantai</b>	103.6	91.7
<b>Titivangsa</b>	108.6	100.7

<b>Cheras</b>	109.9	95.7
<b>Putrajaya</b>	122.1	99
<b>JKWPKL&amp;P</b>	<b>102.5</b>	<b>95</b>


**Rajah 3.153: Tren Peratus Liputan Imunisasi ATT Dos 2 dan Dos Booster Di WPKL&P, 2018**




## Kelahiran

**Rajah 3.154** menunjukkan penurunan dalam kes kelahiran berdaftar di WPKL&P. Pada tahun 2018, terdapat 65 kes (0.28%) kelahiran tidak selamat, manakala selebihnya adalah kelahiran selamat. PK Kepong mencatat bilangan kelahiran tidak selamat paling tinggi sebanyak 41 kes (**Rajah 3.155**). Tindakan penambahbaikan seperti pengedaran risalah dan pendidikan kepada ibu dan komuniti sedang dijalankan bagi mengurangkan kes kelahiran tidak selamat di Kepong.

**Rajah 3.154: Tren Kelahiran Berdaftar Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.155: Pecahan Kelahiran Berdaftar Mengikut Pejabat Kesihatan, WPKL&P, 2013 – 2018**



**Lawatan Postnatal**

Pada tahun 2018, sebanyak 15,230 (71.6%) ibu telah dibuat lawatan postnatal dan 82.1% daripada ibu-ibu tersebut, lawatan postnatal dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali dalam masa 7 hari. Kebanyakan lawatan postnatal tidak dapat dilakukan adalah kerana kebanyakan ibu pulang ke kampung luar dari WPKL&P (**Jadual 3.156**).


**Jadual 3.156: Lawatan Postnatal Bagi Kelahiran Yang Dilaporkan Ke Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak, JKWPKL&P, 2013 – 2018**

Pejabat Kesihatan	Jumlah ibu postnatal dilapor	Ibu Postnatal Baru Yang Dibuat Postnatal Nursing		Postnatal Nursing Yang Dilakukan $\geq 2$ kali Dalam Masa 7 Hari	
		Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
<b>Kepong</b>	5,283	3,816	74.9	2,890	75.7
<b>Lembah Pantai</b>	3,320	2,242	67.9	1,981	88.4
<b>Titivangsa</b>	5,952	4,395	73.8	3,595	81.8
<b>Cheras</b>	3,790	2,914	76.9	2,417	82.9
<b>Putrajaya</b>	2,912	1,863	64	1,620	87
<b>JKWPKL &amp; P</b>	<b>21,257</b>	<b>15,230</b>	<b>71.6</b>	<b>12,503</b>	<b>82.1</b>


### Kematian Ibu

Tahun 2018 menunjukkan peningkatan pada kes kematian ibu di WPKL&P sebanyak 17 kes berbanding 7 kes pada tahun sebelumnya (**Rajah 3.157**). Ini menyebabkan kadar kematian ibu juga meningkat dengan mendadak. Pecahan kes kematian ibu ditunjukkan di dalam **Rajah 3.158**. Dapat dilihat kebanyakan kes kematian ibu adalah terdiri daripada warganegara asing dan boleh dielakkan (*preventable*).

**Rajah 3.157: Tren Kadar Kematian Ibu Setiap 100,000 Kelahiran Hidup Di WPKL&P, 2008 – 2018**



**Rajah 3.158: Pecahan Kes-Kes Kematian Ibu Di WPKL&P, 2018**




• **Unit Kesihatan Wanita Dewasa**

Perkhidmatan Kesihatan Wanita di KKIA merangkumi perkhidmatan seperti perancang keluarga, pemeriksaan klinikal payudara dan pemeriksaan *pap smear*.

## Perancang Keluarga


Pada tahun 2018, 2 indikator baru telah diperkenalkan oleh BPKK untuk perkhidmatan perancang keluarga iaitu indikator pengamal baru dan indikator pengamal aktif (**Rajah 3.159**). Sebelum ini, data yang dipantau adalah indikator pengamal baru dan semula.

**Rajah 3.159: Bilangan dan Peratus Liputan Perancang Keluarga Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.160** menunjukkan lebih ramai pelanggan berisiko yang dikesan berbanding 2 tahun sebelumnya tetapi peratus pelanggan berisiko yang menggunakan kaedah perancang keluarga kod 1 lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. **Jadual 3.161** menunjukkan pencapaian indikator pelanggan berisiko yang menggunakan Kod 1 secara berkesan selama 2 tahun. Didapati hanya 68.7% pelanggan yang mengamalkan kod 1 pada tahun 2016 berjaya mengamalkan kod 1 selama 2 tahun. Anggota kesihatan di klinik akan memperkukuhkan dan memberi kaunseling secara berterusan tentang kepentingan perancang keluarga kepada pelanggan-pelanggan berisiko.

**Rajah 3.160: Bilangan dan Pecahan Amalan Perancang Keluarga Bagi Pelanggan Berisiko di Fasiliti Kesihatan KKM Di WPKL&P, 2016 – 2018**




**Jadual 3.161: Pencapaian Ibu Berisiko Mengamal Perancang Keluarga Secara Efektif Selama 2 Tahun Kohort 2016 Di WPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan Daerah	Bil kes berisiko yang didaftarkan pada awal kohort 2016	Bil berjaya amal (Kod1) selama 2 tahun	Peratus berjaya amal (Sasaran $\geq 70\%$ )
<b>Cheras</b>	745	519	71.4
<b>Kepong</b>	885	538	62.6
<b>Lembah Pantai</b>	474	406	89.0
<b>Titiwangsa</b>	618	463	88.9
<b>Putrajaya</b>	1091	548	52.7
<b>JKWPKL &amp; P</b>	<b>3813</b>	<b>2474</b>	<b>68.7</b>


### Perkhidmatan Pra-Kehamilan

Perkhidmatan Pra-Kehamilan atau *Pre-Pregnancy Care (PPC)* adalah perkhidmatan untuk wanita dalam usia reproduktif bertujuan untuk memastikan mereka berada di dalam kesihatan yang optimum sebelum hamil. Pada tahun 2018, terdapat 11,221 kes baru yang didaftarkan untuk PPC dan kebanyakannya dari perkhidmatan KKIA berbanding dari Jabatan Pesakit Luar (OPD) (**Rajah 3.162** dan **Rajah 3.162**).

**Rajah 3.162: Liputan Kes Wanita Berisiko Berdaftar PPC Mengikut Daerah Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.163: Pecahan Kes Wanita Berisiko Berdaftar PPC Mengikut Entry Point Di WPKL&P, 2018**



### **Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP)**

PKP dilakukan untuk mengesan kanser payudara pada peringkat awal dan sasaran umur untuk program ini adalah kepada wanita berumur 20 tahun ke atas. **Rajah 3.164** menunjukkan liputan PKP pada tahun 2018 berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Langkah penambahbaikan seperti memberi sasaran kepada setiap anggota di klinik dan pendidikan kepada pelanggan telah mula dijalankan bagi meningkatkan liputan PKP.

**Rajah 3.164: Liputan Pemeriksaan Klinikal Payudara Di WPKL&P, 2014 – 2018**



**Program Saringan *Pap Smear***

KKM telah menetapkan untuk menjadikan wanita berumur 30 – 65 tahun sebagai kumpulan sasaran ujian saringan *pap smear*. Pada tahun 2018, liputan saringan *pap smear* di WPKL&P tidak mencapai sasaran yang ditetapkan (**Jadual 3.165**). Peratus *smear* yang tidak memuaskan dan *smear* ketiadaan sel endoservikal juga melebihi dari sasaran. Satu program khas ‘*Champion Pap Smear*’ akan dimulakan pada tahun 2019 bagi meningkatkan kualiti ujian saringan *pap smear* yang dijalankan di klinik.

**Jadual 3.165: Pencapaian Pengambilan Dan Keputusan *Pap Smear* Di WPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	Sasaran <i>Pap Smear</i> Di Semua Agensi (30-65 Tahun)	Pengambilan <i>Pap Smear</i> Semua Agensi		Peratus <i>Smear</i> Tidak Memuaskan (Sasaran <2.5%)	Peratus <i>Smear</i> Ketiadaan Sel Endoservikal (Sasaran
		Bil	%		


					<20%)
<b>Kepong</b>	11,987	4,020	33.5	6.0	45.1
<b>Lembah Pantai</b>	8,134	6,781	83.4	5.8	46.8
<b>Titivangsa</b>	16,675	11,306	67.8	5.8	35.9
<b>Cheras</b>	8,990	8,469	94.2	3.6	40.4
<b>Putrajaya</b>	2,305	2,158	93.6	4.0	21.9
<b>JKWPKL &amp; P</b>	<b>48,091</b>	<b>32,734</b>	<b>68.1</b>	<b>5.0</b>	<b>39.6</b>

- **Unit Kesihatan Kanak-kanak**


### **Kedatangan Bayi dan Kanak-Kanak Ke Fasiliti Kesihatan**

Tahun 2018 menunjukkan peningkatan kepada kedatangan kanak-kanak berumur 1 hingga bawah 5 tahun tetapi sedikit penurunan pada kedatangan bayi berumur bawah 1 tahun (**Rajah 3.166**). Anggota kesihatan di klinik telah diarahkan untuk memperkukuhkan lagi aktiviti *defaulter tracing*. Purata kedatangan bayi dan kanak-kanak untuk kedua-dua lingkungan umur menunjukkan sedikit peningkatan seperti dalam **Rajah 3.167**. Namun begitu, purata kedatangan bagi kanak-kanak berumur 1 – <5 tahun tidak mencapai sasaran purata 9 kali lawatan kerana ramai ibu bapa lebih selesa membawa anak mereka ke klinik swasta.

**Rajah 3.166: Trend Kedatangan Bayi dan Kanak-Kanak Berumur <5 Tahun di Fasiliti Kesihatan KKM Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.167: Purata Kedatangan Bayi dan Kanak-Kanak Berumur <5 Tahun di Fasiliti Kesihatan KKM Di WPKL&P, 2018**




### Imunisasi Bayi dan Kanak-Kanak

Untuk liputan imunisasi Hepatitis Dos 3, MMR Dos 2 dan DTaP/HiB/Polio Dos 3, semua daerah menunjukkan penurunan kecuali Putrajaya. Namun begitu secara keseluruhan, WPKL&P mencapai sasaran liputan imunisasi sekurang-kurangnya 95% (**Rajah 3.168**, **Rajah 3.169** dan **Rajah 3.170**).


**Rajah 3.168: Liputan Imunisasi Hepatitis B Dos 3 Di WPKL&P, 2018**



**Rajah 3.169: Liputan Imunisasi DTaP/HiB/Polio Dos 3 Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.170: Liputan Imunisasi MMR Dos 2 Di WPKL&P, 2018**




### Kematian Bayi dan Kanak-kanak

Kadar kematian bayi bawah 1 tahun menunjukkan peningkatan di Kuala Lumpur dan penurunan di Putrajaya (**Rajah 3.171**). Walaupun terdapat penurunan, daerah Putrajaya masih belum mencapai sasaran kadar kematian 5.1 untuk bayi bawah 1 tahun. Untuk kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun, kedua-dua Kuala Lumpur dan Putrajaya menunjukkan peningkatan (**Rajah 3.172**). Beberapa kursus dan latihan untuk anggota di klinik diadakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sekaligus mengurangkan kadar kematian bayi dan kanak-kanak.

**Rajah 3.171: Kadar Kematian Bayi Bawah 1 Tahun Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.172: Kadar Kematian Kanak-Kanak Bawah 5 Tahun Di WPKL&P, 2018**



**Kanak-Kanak Bekeperluan Khas**

Tahun 2018 menunjukkan sedikit penurunan dalam pengesanan kanak-kanak bekeperluan khas berbanding tahun 2017 (**Rajah 3.173**).


**Rajah 3.173: Pengesanan Kanak-Kanak Bekeperluan Khas Bawah 1 Tahun Di WPKL&P, 2018**




▪ **Unit Kesihatan Sekolah**

**Rajah 3.174** menunjukkan bilangan dan peratus murid sekolah yang diperiksa oleh jururawat dan pegawai perubatan. Antara masalah pemakanan dan morbiditi yang telah dikesan melalui pemeriksaan ditunjukkan di **Rajah 3.175**. Di antara 2,802 murid yang dikesan mempunyai masalah penglihatan, seramai 1,885 adalah murid Tahun 1, iaitu 7% daripada murid Tahun 1 yang diperiksa.

**Rajah 3.174: Bilangan dan Peratus Murid Sekolah Diperiksa oleh Jururawat dan Pegawai Perubatan Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.175: Peratus Status Pemakanan dan Morbiditi Yang Dikesan Di WPKL&P, 2018**




### Perkhidmatan Imunisasi

Liputan imunisasi untuk DT/MR (Tahun 1) dan ATT (Tingkatan 3) melebihi sasaran 95% yang ditetapkan (**Rajah 3.176**). Untuk imunisasi HPV pula, sasaran 100% tidak tercapai kerana terdapat ibu bapa yang menolak vaksin atas sebab ragu dengan keselamatan vaksin (**Rajah 3.177**)

**Rajah 3.176: Liputan Imunisasi DT/MR & ATT Di WPKL&P, 2018**




**Rajah 3.177: Liputan Imunisasi HPV Dos 1 &2 Di WPKL&P, 2018**




### Saringan Thalasemia

Saringan thalasemia untuk murid Tingkatan 4 telah mula dijalankan di Malaysia sejak tahun 2016. Pada tahun 2018, ianya telah dijadikan salah satu daripada indikator Pengarah Kesihatan Negeri (sasaran: 60% murid tingkatan 4 menjalani ujian saringan thalassemia). JKWPKL&P telah berjaya mencapai sasaran ini (**Rajah 3.178**). Hasil saringan menunjukkan 4% murid adalah pembawa thalaseemia dengan majoritinya adalah pembawa HbE (**Rajah 3.179**).

**Rajah 3.178: Peratus Liputan Saringan Thalasemia di Kalangan Murid Tingkatan 4 Di WPKL&P, 2018**



**3.179: Pecahan Diagnosis Akhir Saringan Thalasemia Murid tingkatan 4 Di WPKL&P, 2018**



**3.6 CAWANGAN PEMAKANAN**

**Situasi Pemakanan**

**Jadual 3.180: Pencapaian Program Cawangan Pemakanan Berdasarkan Kumpulan Sasar Di WPKL&P, 2018**

Bil	Indikator	Definisi	Pencapaian 2018	Sasaran 2018
<b>Status Pemakanan Kanak-kanak Bawah Lima Tahun</b>				
1	Peratus kanak-kanak kurang berat badan	Berat-untuk-umur <-2SD	0.7%	≤ 3.5%
2	Peratus kanak-kanak susut	BMI-untuk-umur <-2SD	0.9%	
1	Peratus pulih PPKZM	Peratus kanak-kanak yang meningkat berat badan	88.9%	55.0%
<b>Ibu Hamil</b>				
1	Peratus ibu hamil anemia	Peratus ibu hamil dengan Hb kurang 11g/dl	4.4%	≤ 7.2%
<b>Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil</b>				
1	Penyusuan susu	Peratus bayi berumur 6	74.3%	60.0%

	ibu secara eksklusif 6 bulan	bulan + 1 minggu yang menyusu susu ibu secara eksklusif		
<b>2</b>	Pengenalan amalan makanan pelengkap	Peratus bayi berumur 6 bulan yang mula makanan pepejal, separa-pepejal	99.7%	90.0%

### Program Cawangan Pemakanan 2018

- **Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Peringkat JKWPKL&P**

Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu disambut pada setiap 1-7 Ogos setiap tahun. Tema Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu 2019: “Penyusuan Ibu : Asas Kehidupan “.

Penyusuan Susu Ibu adalah asas kehidupan sihat berpanjangan untuk ibu dan bayi dalam keadaan dunia menghadapi kemelut ketidaksaksamaan, krisis dan kemiskinan. Tema pada tahun ini dipilih dengan harapan agar masyarakat memahami kepentingan penyusuan susu ibu dalam aspek pemakanan, kebolehdapatan makanan dan pengurangan kadar kemiskinan.

Penyusuan susu ibu dapat menghindarkan kelaparan dan ketidakseimbangan nutrisi dalam segala bentuk dan boleh memastikan kebolehdapatan makanan untuk bayi walaupun dalam keadaan krisis. Seperti negara-negara yang sedang dilanda krisis, penyusuan susu ibu adalah punca utama kepada kesihatan ibu dan bayi. Tanpa beban tambahan pendapatan keluarga, penyusuan susu ibu adalah kaedah pemakanan berkost rendah dan boleh menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan

- **Program Pengurusan Berat Badan *Trim N Fit***

**Rajah 3.181: Program Pengurusan Berat Badan *Trim N Fit*, JKWPKL&P, 2018**



**Sasaran:**  
Warga kerja dengan Indeks Jisim Tubuh melebihi 24.9kg/m<sup>2</sup>.

**Senarai Jabatan / Organisasi Menjalankan Program Pengurusan Berat Badan *Trim N Fit* 2018**

- Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD)
- Kumpulan Pesara Warga Emas

**Aktiviti *Trim N Fit* 2018**

Aktiviti bulanan

Runding Cara Pemakanan

Aktiviti harian

Kem Pemakanan

Saringan *Inbody* bulanan

- **Sambutan Bulan Pemakanan**

Sambutan Bulan Pemakanan disambut secara tahunan. Tema bagi tahun 2018 adalah "Hanya Satu Pilihan: Makan Sihat & Aktif Selalu".

Dijalankan pada 11 Ogos 2018, di Taman Botani Perdana. Pelbagai *booth* pemakanan mengikut tema dipamerkan. Sambutan ini turut dihadiri oleh komuniti KOSPEN WPKL&P yang menjalankan Program Pengurusan Berat Badan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), serta pengunjung Taman Botani Perdana. Antara aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan termasuk Larian Pemakanan, permainan tradisional, aktiviti penyusuan susu ibu, serta penyampaian anugerah dan pengiktirafan.

### 3.7 CAWANGAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Cawangan Pendidikan Kesihatan bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelaraskan dan menilai program pendidikan kesihatan sebagai program

khusus, di samping memberi sokongan teknikal dalam aspek pendidikan kesihatan untuk semua program kesihatan. Objektif utama cawangan ini adalah untuk memberi pengetahuan, mengubah sikap dan tingkahlaku sekaligus memberi kesedaran dan mengamalkan cara hidup sihat di kalangan individu, keluarga dan masyarakat melalui usaha-usaha seperti berikut :-

- Menyemai minat di kalangan masyarakat terhadap keutamaan dan kepentingan kesihatan dan cara hidup sihat.
- Meningkatkan kesedaran tentang langkah-langkah pencegahan penyakit dan memupuk sikap bertanggungjawab terhadap kesihatan individu.
- Memberi kesedaran tentang kemudahan kesihatan serta menggalakkan penggunaan kemudahan tersebut secara optimum
- Membentuk masyarakat yang beriltizam terhadap keutamaan kesihatan dan menyuburkan amalan cara hidup sihat
- Sebagai peneraju dalam program promosi kesihatan dengan menerbitkan pelbagai tajuk risalah, poster, pameran serta lain-lain bahan media mengikut keperluan semasa.

### **Program Cawangan Pendidikan Kesihatan Tahun 2018**

- **Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat JKWPKL&P**

Dengan tema *Universal Health Coverage: Everyone, Everywhere*, sambutan Hari Kesihatan Sedunia peringkat JKWKLP telah diadakan pada 7 April 2018.

- **Nafas Baru Bermula Ramadan**

Tema Kempen Nafas Baru Bermula Ramadan pada tahun ini ialah Ramadan: Hijrah Hidup Tanpa Rokok. Tema ini sangat bertepatan dengan usaha yang telah dan akan dijalankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya merokok kepada diri sendiri dan orang sekeliling. Ramadan adalah bulan terbaik untuk menghentikan tabiat merokok. Sambutan pada tahun ini diadakan di Foyer, JKWPKLP dengan membuka kaunter klinik berhenti merokok dan pameran rokok yang diadakan bermula dari 15 Mei – 14 Jun 2018.

- **Konvensyen HePiLi Peringkat Kebangsaan Tahun 2018**

Konvensyen HePiLi Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 24 – 27 Julai 2018, bertempat di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak. Sebanyak 16 buah negeri seluruh Malaysia telah berhimpun bagi pelaksanaan konvensyen ini. Seramai 1,600 orang peserta dan urusetia telah menjayakan pelaksanaan konvensyen ini. Ia merupakan satu program Doktor Muda yang melibatkan sekolah rendah dan menengah serta IPTA / IPTS. Sebanyak 7 kategori dipertandingkan iaitu:

- Projek Intervensi Pendidikan Kesihatan Rakan Sebaya
- Projek Bersama Komuniti
- Inovasi Bahan Bantu Mengajar
- Lompat Tali
- Senamrobik
- Tokoh Doktor Muda
- Sekolah Cemerlang Doktor Muda

- **Program *No Excuse Let's Move!***

Program ini bertemakan "Sihat Sepanjang Hayat" bertujuan bagi membolehkan pegawai dan kakitangan menjadi sihat, cergas dan produktif melalui pemupukan nilai, sikap, pengetahuan serta amalan kesihatan dan kecergasan dalam kehidupan sehari-hari ke arah rakyat yang sihat akan melahirkan negara maju. Sebanyak 12 aktiviti kecergasan telah dijalankan

secara bulanan di *foyer* JKWPKL&P, bermula pada Januari – Disember 2018, dikendalikan oleh promotor kecergasan JKWPKL&P.

- **Program Ujian Kecergasan – MyHeSS-test (*My Health Status Surveillance Test*)**

Program ujian kecergasan *MyHeSS-test* bagi tahun 2018 telah diadakan sebanyak 2 kali, iaitu pada 13 – 16 Mac dan 26 – 29 Mac 2019 di *foyer* JKWPKL&P bertujuan untuk menguji dan mengetahui tahap kecergasan individu melalui elemen kecergasan berdasarkan ujian yang dijalankan. Tahap kecergasan merangkumi aspek berkaitan fisiologi dan psikologi yang memberi individu perlindungan dari ancaman penyakit hipokinetik (kekurangan pergerakan) seperti penyakit jantung, obesiti dan pelbagai penyakit otot dan tulang. Program telah diselenggarakan oleh kumpulan promotor kecergasan JKWPKL&P.

- **Minggu Kesedaran Pendermaan Organ PKWPKL&Peringkat Kebangsaan**

JKWPKL&P dengan kerjasama Pusat Sumber Transplan Nasional telah menganjurkan program Kempen Jalanan Jom Bincang **#asalkanhijau** sempena sambutan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ Tahun 2018 yang telah dirasmikan oleh Y.B Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia pada 6 Oktober 2018 bertempat di ruang legar, stesen LRT Pasar Seni.

- **Pertandingan Kecergasan Peringkat JKWPKL&P**

KKM telah mengadakan Kempen Cara Hidup Sihat sejak tahun 1991 bagi menggalakkan masyarakat sentiasa aktif dan menjadikannya sebagai satu amalan sepanjang hayat, selain membantu KKM dalam menangani masalah NCD. Pelbagai program dan aktiviti Kempen Cara Hidup Sihat telah diadakan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan daerah dengan melibatkan

pelbagai peringkat umur di setiap *setting* termasuk tempat kerja, komuniti dan institusi pendidikan. Salah satu elemen dalam mempromosikan amalan cara hidup sihat adalah melalui platform aktiviti fizikal. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM telah melaksanakan Pertandingan Kecergasan Peringkat Kebangsaan 2018 bagi mengukuhkan lagi imej KKM sebagai peneraju budaya aktif dalam kalangan rakyat Malaysia. Pertandingan kecergasan tersebut terbahagi kepada:

- i. Karnival Sihat Milikku EXHAM'18 (Expo Cara Hidup Aktif Malaysia) peringkat Kebangsaan pada 20 – 22 Julai 2018, bertempat di hadapan Istana Kehakiman Putrajaya. Peserta terdiri daripada anggota kesihatan dan orang awam.
- ii. Pertandingan Kecergasan sempena Konvensyen HePiLi Kebangsaan Tahun 2018 pada 23 – 26 Julai 2018 di Kuala Lumpur. Peserta terdiri daripada pelajar Kelab Doktor Muda sekolah rendah dan menengah serta ahli PROSIS.

Susulan daripada penganjuran tersebut, JKWPKL&P telah menghantar wakil bagi setiap kategori yang akan dipertandingkan. Keputusan penuh seperti di **Jadual 9-2**.

**Jadual 3.182: Senarai Keputusan Pertandingan Kecergasan, JKWPKL&P, 2018**

Bil.	Kategori	Pemenang
1	<b>Senam Sihat (Sekolah Rendah)</b>	Johan: Kiaralicious (SK Kiara Mas)
		Naib Johan: Pixie Mixie Dance Group (SK Seri Permaisuri)
		Ketiga: The Prince & Five Angels (SK Bandar Baru Seri Petaling 2)

<b>2</b>	<b>Senam Sihat (Sekolah Menengah)</b>	Johan: FIT OD (SMK Orkid Desa)
		Naib Johan: LUCAS (SMK Convent Sentul)
		Ketiga: Titiwangsa Warriors Senior (SMK Puteri Titiwangsa)
<b>3</b>	<b>Senam Sihat (PROSIS)</b>	Johan: ASSIIC (Kolej Islam Antarabangsa)
		Naib Johan: UPNM Xanders (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)
		Ketiga: Tiada
<b>4</b>	<b>Senam Sihat (Terbuka KKM)</b>	Johan: Kepong Rangers (PKD Kepong)
		Naib Johan: Titiwangsa Warriors Cute (PKD Titiwangsa)
		Ketiga: Tiada
<b>5</b>	<b>Lompat Tali (Sekolah Rendah)</b>	Johan: Titiwangsa Warriors Junior Jumper (SK Kampung Baru)
		Naib Johan: Anggerik Jumpers (SK Seri Anggerik)
		Ketiga: ULTIMATE (SK Sentul Utama)
<b>6</b>	<b>Lompat Tali (Sekolah Menengah)</b>	Johan: Titiwangsa Warriors Senior Jumper (SMK Padang Tembak)
		Naib Johan: Orkid RJ (SMK Orkid Desa)
		Ketiga: X-1 (SMK Convent Sentul)
<b>7</b>	<b>Lompat Tali (PROSIS)</b>	Johan: UPNM Jumpers (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)
		Naib Johan: Tiada
		Ketiga: Tiada
<b>8</b>	<b>Fitballrobik (Tertutup KKM)</b>	Johan: Bad Boys Team (PKD Kepong)
		Naib Johan: Titiwangsa Warriors Sweet (PKD Titiwangsa)
		Ketiga: Tiada

## CAWANGAN KEJURUTERAAN KESIHATAN AWAM

### Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)

Pada tahun 2018, 2 buah loji rawatan air dengan 124 stesen pensampelan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipantau dengan pengambilan sejumlah 3,556 sampel air atau 99.7% daripada jumlah sasaran tahunan. Sampel-sampel air ini meliputi sampel untuk semua kategori seperti di **Jadual 3.183**. Aktiviti persampelan gagal mencapai sasaran disebabkan oleh faktor hujan lebat, kebocoran paip air dan tiada air semasa pengambilan sampel dijalankan.

**Jadual 3.183: Prestasi Persampelan Kualiti Air Minum Mengikut Kumpulan Ujian, JKWPKL&P, 2018**

Kumpulan	Cadangan	Pencapaian	% Pencapaian
<b>Kumpulan I - (Fizikal &amp; Bakteria)</b>	2,596	2,596	100.00%
<b>Kumpulan II - (Kimia)</b>	568	568	100.00%
<b>Kumpulan III - (Logam Berat)</b>	256	244	95.31%
<b>Kumpulan IV - (Pesticides)</b>	136	136	100.00%

Analisis oleh Jabatan Kimia Malaysia menunjukkan terdapat pelanggaran Aluminium 0.40%, pelanggaran baki klorin 0.08%, pelanggaran kekeruhan 0.04%. Bagi parameter kombinasi baki klorin dan E.Coli tiada pelanggaran. Pelanggaran parameter sepanjang tahun 2018 ditunjukkan dalam **Jadual 3.184**.

**Jadual 3.184: Pelanggaran Parameter Bagi Percontohan Air Bekalan Air Awam, JKWPKL&P, 2018**

Kumpulan	Jumlah	Sampel	Parameter
<b>Kumpulan</b>	2391	3	<i>Total Coliform</i>
		4	<i>Fluoride</i>
<b>Kumpulan</b>	506	2	<i>Alumnium Fluoride</i>
		3	<i>Ferum</i>
<b>II</b>		4	<i>Manganese</i>

<b>Kumpulan</b>	216	Tiada	Tiada
<b>Kumpulan</b>	128	Tiada	Tiada

Jadual 3.185 menunjukkan pencapaian QAP kualiti air terawat bagi tahun 2018 mengikut Pejabat Kesihatan dan DBKL. Tiada pelanggaran QAP bagi semua parameter yang ditetapkan.

**Jadual 3.185: Pencapaian Program Jaminan Kualiti (QAP) Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan, JKWPKL&P, 2018**

Pejabat Kesihatan	E.Coli & Baki	E.Coli (QAP<0.35%)	Kekeruhan	Baki Klorin	Aluminium (QAP <10.2%)
<b>Kepong</b>	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	1.17%
<b>Titiwangsa</b>	0.00%	0.00%	0.00%	0.25%	0.00%
<b>DBKL</b>	0.00%	0.00%	0.09%	0.09%	0.00%

### 3.7 CAWANGAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN

#### Pemantauan Aktiviti Program Penjaminan Mutu (QAP) Bagi Perkhidmatan Radiologi Kesihatan

- **Bilangan Pemeriksaan X-Ray**

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan terhadap bilangan pemeriksaan x-ray yang dijalankan di Pejabat Kesihatan seperti ditunjukkan di **Jadual 3.186**.

**Jadual 3.186: Bilangan Pemeriksaan X-Ray Di Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2014 – 2018**

Pejabat Kesihatan	Bilangan Pemeriksaan X-ray				
	2014	2015	2016	2017	2018**
Lembah Pantai	4,443	4,808	0*	0*	0*
Kepong	4,378	6,226	6,781	6,977	6447
Cheras	7,067	8,250	9,202	6,840	7589
Putrajaya	10,412	12,278	15,225	16,882	11094
Titiwangsa	-	-	-	16,269	28010
<b>Jumlah</b>	<b>26,300</b>	<b>31,562</b>	<b>31,208</b>	<b>46,968</b>	<b>53140</b>


*\*Mesin X-ray telah rosak dan semua pesakit dirujuk ke HKL (2016) dan KKKL (2017)*

*\*\* KKKL mula beroperasi pada April 2017*

• **Analisa Kadar Penolakan Filem X-Ray di Klinik Kesihatan**

Analisa kadar penolakan filem adalah salah satu aktiviti di bawah QAP yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK), KKM dan standard yang perlu dicapai tidak melebihi 2.5%. Pada tahun 2018, pencapaian bagi semua KK adalah seperti di Rajah 3.187.

**Rajah 3.187: Peratusan Analisa Kadar Penolakan Filem X-Ray Di Klinik Kesihatan, JKWPKL&P, 2014 – 2018**



Terdapat beberapa kriteria penilaian dan penambahbaikan yang mesti diikuti berdasarkan Audit Imej Kualiti bagi mematuhi perkhidmatan Radiologi di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (AKTA 304) bagi maksud Perubatan. Kriteria penilaian tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 3.188: Kriteria penambahbaikan berdasarkan Audit Imej Kualiti**

Bil	Kriteria Penilaian	Ulasan
1	Identifikasi Pesakit	ID Tidak Jelas
2	Penanda Anatomi	Lokasi Penanda Tidak sesuai
3	Teknik Pemposian	Tiada Kolimasi
4	Faktor dedahan	Lebihan dedahan (DAP)
5	Bilik Gelap dan Prosedur Pemprosesan	Lain-lain artifek

***\*Kesemua kriteria hendaklah dielakkan supaya tiada kesilapan yang dilakukan khasnya untuk kes medico-legal***

• **Premis Berlesen / Berdaftar**

Statistik premis yang berlesen / berdaftar di WPKL&P berdasarkan Rekod Sistem RADIA KKM bagi tahun 2014 – 2018 ditunjukkan dalam **Jadual 3.188**.

**Jadual 3.189: Bilangan Premis Berlesen / Berdaftar Di WPKL&P, 2014 – 2018**

Bil	Jenis Premis	Bilangan Premis				
		2014	2015	2016	2017	2018
1	Hospital/ Hospital Universiti/ ATM	28	28	28	32	49
2	Klinik Kesihatan/ Pengamal Perubatan Am (GP's)/ Radiologi	181	200	192	194	194
3	Klinik Pergigian	293	310	330	346	349
4	Jabatan/ Pusat Radioterapi	8	8	6	7	9
5	Jabatan/ Pusat Perubatan Nuklear	8	8	8	9	12
6	Klinik Haiwan	16	18	19	17	17
<b>Jumlah</b>		<b>534</b>	<b>570</b>	<b>583</b>	<b>605</b>	<b>630</b>


Terdapat peningkatan bilangan jenis radas penyinaran dan jenis bahan Radioaktif yang berlesen (premis swasta) dan berdaftar (premis kerajaan) antara tahun 2014 dan 2018 (**Jadual 3.189** dan **Rajah 3.190**).

**Jadual 3.190: Bilangan Jenis Radas Penyinaran dan Bahan Radioaktif Yang Berlesen Dan Berdaftar Di WPKL&P, 2014 – 2018**

Jenis Radas Penyinaran	2014	2018
X-ray Am/ Mudah Alih/ Veterinar	536	601
Pergigian (Intra Oral/OPG/Digital OPG)	759	940
Fluoroscopy/ C-Arm	156	170

<b>Angio/ Cath Lab</b>	54	55
<b>CT Scanner/ CT Simulator/ CBCT/ PET CT/ SPECT</b>	110	115
<b>Mammography</b>	65	72
<b>Lithotripter/ Bone Densitometer</b>	45	50
<b>Linear Accelerator/ OBI/ Tomoterapi</b>	22	25
<b>Simulator</b>	6	6
<b>Cyclotron</b>	1	2
<b>Bahan Radioaktif (Co-60/I-131/Tc-99/F-18)</b>	190	468

**Rajah 3.191: Bilangan Jenis Radas Penyinaran dan Bahan Radioaktif Yang Berlesen dan Berdaftar Di WPKL&P, 2018**



#### **4.0 BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA (BPF JKWPKL&P)**

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) bertanggungjawab ke atas pengurusan, perancangan dan pembangunan perkhidmatan farmasi di JKWPKL&P dalam memastikan ubat-ubatan adalah berkualiti dan mencukupi untuk keperluan semua fasiliti kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. BPF JKWPKL&P meliputi tiga cawangan utama iaitu Cawangan Pengurusan Farmasi, Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi.

##### **Fungsi bahagian perkhidmatan farmasi**

- Merancang dan menyelaraskan keperluan modal insan yang optima, termasuk latihan disamping membelanjakan peruntukan secara berhemah.
- Mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang mesra dan berhemah kepada pesakit melalui perkhidmatan yang terbaik dan profesional.
- Memastikan pengilangan, pengimportan, penjualan, pembekalan, pengendalian dan penggunaan ubat-ubatan, sediaan-sediaan farmaseutikal dan produk-produk kesihatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan mengikut Undang-Undang Farmasi yang dikuatkuasakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

### Piagam pelanggan bahagian perkhidmatan farmasi jkwpl&p

- Pendispensan ubat dalam tempoh masa **30** minit selepas preskripsi diterima di kaunter farmasi.
- Pengeluaran lesen/permit baru (racun jenis A, B, E, Permit NaOH dan Permit Psikotropik) yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh **7** hari bekerja.


## 4.1 CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI

Cawangan Pengurusan Farmasi bertanggungjawab memastikan dan melaksanakan pengurusan pentadbiran dari segi pembangunan infrastruktur, pengurusan aset, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, perkhidmatan sokongan dan pengurusan latihan dengan lebih berkesan dan berkualiti. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Cawangan Pengurusan Farmasi bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi pelaksanaan sistem kerja antaranya penyediaan fail meja, pengurusan fail dan surat menyurat, audit, pemeriksaan aset, pengurusan *International Organization for Standardization* (ISO) serta pelaksanaan kursus-kursus untuk meningkatkan kecekapan dan pengetahuan anggota farmasi.


### 4.1.1 SUMBER MANUSIA DAN MODAL INSAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) (TPKNF) dan dibantu oleh tiga orang Ketua Penolong Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi (A&P), Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) dan Cawangan Pengurusan Farmasi (PF). Secara keseluruhannya, perkhidmatan farmasi di JKWPKL&P terdiri daripada **305** orang Pegawai Farmasi dan **125** Penolong Pegawai Farmasi. Graf di bawah menunjukkan pecahan pegawai farmasi dan penolong pegawai farmasi mengikut gred.


**PENGISIAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MENGIKUT GRED DI HOSPITAL / PEJABAT KESIHATAN DAERAH / KLINIK KESIHATAN BAGI TAHUN 2018**



**PENGISIAN PEGAWAI FARMASI MENGIKUT GRED DI HOSPITAL / PEJABAT KESIHATAN DAERAH / KLINIK KESIHATAN BAGI TAHUN 2018**



**PENGISIAN PEGAWAI FARMASI DI BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI JKWPKL MENGIKUT CAWANGAN BAGI TAHUN 2018**



#### 4.1.2 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPD)

##### a. Peruntukan

Program Farmasi telah diperuntukkan sebanyak **RM23,335** dibawah aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

##### b. Kursus dalaman

Sepanjang tahun 2018, sebanyak **7** sesi latihan termasuk kursus, persidangan, bengkel dan pembelajaran berterusan telah diadakan.

##### c. Perbelanjaan

Perbelanjaan sebenar pengendalian kursus, persidangan dan bengkel bagi tahun 2018 ialah sebanyak **RM 23,274** atau **99.7%** daripada jumlah peruntukan latihan. (**Jadual A**)

##### d. Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)

Pencapaian CPD bagi Program Farmasi pada tahun 2018 adalah seperti di (**Jadual B**).

**Jadual A: Prestasi Perbelanjaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2013 sehingga 2018**

PERUNTUKAN LDP	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Jumlah peruntukan	RM 60,000	RM 70,000	RM 70,000	RM 70,000	RM 35,000	RM 23,335
Jumlah perbelanjaan	RM 59,340	RM 69,698	RM 70,000	RM 68,903. 42	RM 34, 878.64	RM 23,274
Peratus perbelanjaan	98.9%	99.6%	100%	98.4%	99.7%	99.7%

**Jadual B: Bilangan Pegawai Farmasi Mencapai Mata Minima (40 mata)**

<b>PENCAPAIAN PROGRAM CPD</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
<b>Fasiliti</b>	<b>Bil. Pegawai (%)</b>					
Bahagian Perkhidmatan Farmasi	55 (100%)	64 (100%)	64 (100%)	63 (100%)	58 (100%)	64 (100%)
Hospital	67 (100%)	99 (100%)	104 (100%)	93 (100%)	97 (100%)	94 (100%)
Pejabat Kesihatan Daerah & Klinik Kesihatan	120 (100%)	123 (100%)	118 (100%)	121 (100%)	146 (100%)	146 (100%)
Farmasi Logistik Kesihatan Awam	4 (100%)	4 (100%)	4 (100%)	2 (100%)	TIADA	TIADA

#### **4.1.3 PENCAPAIAN AKTIVITI PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) DAN KUALITI BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI JKWPKL&P BAGI TAHUN 2018**

##### **1) Persidangan farmasi jkwpkl&p ke-8 tahun 2018**

**Tarikh :** 16 – 18 Mac 2018

**Tempat :** A'Famosa Resort, Melaka

Sebanyak **13** kajian penyelidikan telah dipertandingkan dalam persembahan lisan (*oral presentation*). Kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PEMBENTANG</b>
1.	<i>Prescribing Pattern of Anticholinergics for the Treatment of Neurogenic Detrusor Overactivity in Hospital Rehabilitasi</i>	Najihah Mohd Shukri, Hospital Rehabilitasi Cheras

	<i>Cheras</i>	
2.	<b><i>Review of Pharmacist Intervention in Out-Patient Department<sup>2</sup></i></b>	<b>Nur Fatimah Ahmad, Hospital Putrajaya</b>
3.	<i>Safety Culture Perception among Pharmacy Staff in Government Hospital and Health Clinics in Putrajaya</i>	Nalina Darsini Panderengen, Hospital Putrajaya
4.	<i>Impact of Insulin Injection Technique Re-Education on Perception of Insulin Therapy among Urban-Dwelling Type 2 Diabetics in Kuala Lumpur and Putrajaya</i>	Hanisah binti Kamaruddin, Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14
5.	<i>A Survey on Diabetes Patient's Knowledge and Practices on Insulin Injection Techniques in Primary Healthcare</i>	Radhiatul Mardhiyah binti Ngajidin, Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9
6.	<b><i>Impact of Pharmacist's Re-education on Insulin Injection Site Lipohypertrophy among Type 2 Diabetics in Health Clinics in Kuala Lumpur and Putrajaya<sup>1</sup></i></b>	<b>Hanisah binti Kamaruddin, Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14</b>
7.	<i>Pain Belief and Adherence to Pain Medications in Patients with Neuropathic Pain in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Noor Hafizah binti Tajudin, Hospital Rehabilitasi Cheras
8.	<i>A Review of Prescribing Pattern of Long Term Oral Proton Pump Inhibitor in Hospital Putrajaya</i>	Saik Han Ling, Hospital Putrajaya
9.	<i>Factors Affecting Medication Adherence and Anticoagulation Control in Patients Taking Warfarin</i>	Hor Yee Yee, Hospital Putrajaya

10.	<i>Nurses' Knowledge, Attitude and Practices in the Preparation and Administration of Intravenous Medications in Putrajaya Hospital<sup>3</sup></i>	Izzah Syazwan Ismail, Hospital Putrajaya
11.	<i>Triple Whammy Occurrence and Effect on Renal Function in a Malaysian Tertiary Centre</i>	Lee Chai Ling, Hospital Putrajaya
12.	<i>An Evaluation on Venous Thromboembolism (VTE) Prophylaxis in Hospital Putrajaya</i>	Sharifah Shafawati binti Syed Mohd Hamdan, Hospital Putrajaya
13.	<i>Identification Factors Affecting International Normalized Ration (INR) in Atrial Fibrillation Patient in Hospital Putrajaya</i>	Sugendiren Segeran, Hospital Putrajaya

\*1-Johan, 2-Naib Johan, 3-Ketiga bagi kategori persembahan lisan



Gambar: Pemenang Persembahan Lisan (Dari kiri: Ketiga, Naib

## 2) Persidangan R&D farmasi kebangsaan

**Tarikh** : 9 – 11 Julai 2018

**Tempat** : Hotel Royale Chulan, Seremban, Negeri Sembilan

Sebanyak **8** kajian penyelidikan telah dipertandingkan dalam persembahan lisan (*oral presentation*) dan **2** kajian penyelidikan dipertandingkan dalam kategori poster. Kajian tersebut adalah seperti berikut:

### Persembahan Lisan

BIL.	TAJUK	PEMBENTANG
1.	<i>Impact of Insulin Injection Technique Re-Education on Perception of Insulin Therapy among Urban-Dwelling Type 2 Diabetes Mellitus Patients in Health Clinics in Kuala Lumpur</i>	Selvakumari a/p Selvadurai
2.	<b>Impact of Pharmacist's Re-education on Insulin Injection Site Lipohypertrophy among Type 2 Diabetics in Primary Healthcare *</b>	<b>Ching Min Wei,</b> <b>Hospital Putrajaya</b>
3.	<i>Pain Belief and Adherence to Pain Medications in Patients with Neuropathic Pain in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Noor Hafizah binti Tajudin, Hospital Rehabilitasi Cheras
4.	<i>A Review of Long Term Oral Proton Pump Inhibitor (PPI) Use in a Tertiary Hospital</i>	Shamini Kanakarathnam, Hospital Putrajaya
5.	<i>Factors Affecting Medication Adherence and Anticoagulation Control in Patients Taking Warfarin</i>	Asilah binti Che Ayub, Hospital Putrajaya
6.	<i>Nurses' Knowledge, Attitude and Practices in the Preparation and Administration of Intravenous Medications in Putrajaya Hospital</i>	Izzah Syazwan Ismail, Hospital Putrajaya
7.	<i>Effectiveness of Smoking Cessation Interventions in Primary Healthcare</i>	Nor Haizan binti Ibrahim @ Ghazali, Klinik Kesihatan Kuala Lumpur

8.	<i>A Review on the Use of Oral N-Acetylcysteine (NAC) in Preventing Contrast Induced Nephropathy (CIN)</i>	Teng Sook Yee, Hospital Putrajaya
----	--	-----------------------------------

\*Johan bagi kategori persembahan lisan

**Persembahan Poster**

BIL.	TAJUK	PEMBENTANG
1.	<i>Qualitative Exploration of Factors for Medication Adherence among Subsidized and Self-Paying Patients in Malaysia</i>	Hamiza Aziz, Hospital Putrajaya
2.	<i>Retrospective Audit on Carbapenem and Cephalosporin Antibiotics Usage in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Syazzana binti Dzul kifli, Hospital Rehabilitasi Cheras

**Gambar: Pemenang Johan dalam Persidangan R&D Farmasi Kebangsaan Tahun 2018**



### 3) Persidangan kebangsaan kali pertama pusat perubatan akademik

**Tarikh** : 1 & 2 November 2018

**Tempat** : Kementerian Pengajian Tinggi Putrajaya

#### **Tajuk Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK):**

Penambahbaikan Proses Kerja Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP)

#### **Ketua Kumpulan:**

Siti Juwahir binti Jumi

#### **Ahli Kumpulan:**

Lee Yun Shiang, Asilah Che Ayub, Teng Sook Yee, Shangeetha a/p Selarajoo, Izzah Syahmina Anuar

Projek ini telah memenangi **Naib Johan** dalam Pertandingan Projek Penambahbaikan Kualiti & Inovasi 2018 (Kategori Oral).

**Gambar: Naib Johan dalam Pertandingan Projek Penambahbaikan Kualiti & Inovasi 2018 (Kategori Oral)**



#### 4) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya *Research Day 2018*

**Tarikh** : **3 Oktober 2018**

**Tempat** : **Auditorium, Hospital Putrajaya**

Sebanyak **16** projek R&D telah mengambil bahagian dalam kategori poster.

Kajian tersebut adalah:

BIL.	TAJUK	PEMBENTANG
1.	<i>Review of Pharmacists Interventions at the Out-patient Department</i>	Nabilah binti Mohd Shohaimie, Hospital Putrajaya
2.	<i>Safety Culture Perception among Pharmacy Staff in Tertiary Hospital and Health Clinics in Putrajaya</i>	Norumizah Sidek, Hospital Putrajaya
3.	<i>A Review of Long-Term Oral Proton Pump Inhibitor (PPI) Use in a Tertiary Hospital</i>	Aainaa Dalila binti Abd Razak, Hospital Putrajaya
4.	<i>Factors Affecting Medication Adherence and Anticoagulation Control in Patients Taking Warfarin</i>	Fahmishukran Amir bin Arshad, Hospital Putrajaya
5.	<i>Nurses' Knowledge, Attitude and Practices in the Preparation and Administration of Intravenous Medications in Putrajaya Hospital</i>	Farah Faridah Jamaludin, Hospital Putrajaya
6.	<i>Triple Whammy Occurrence and Effect on Renal Function in Hospital Putrajaya</i>	Izzah Syahmina bt Anuar, Hospital Putrajaya

7.	<i>An Evaluation on Venous Thromboembolism (VTE) Prophylaxis in Hospital Putrajaya</i>	Shangeetha Selarajoo, Hospital Putrajaya
8.	<i>Identification Factors Affecting International Normalized Ration (INR) in Atrial Fibrillation</i>	Sugendiren Segeran, Hospital Putrajaya
9.	<i>A Review on the Use of Oral N-Acetylcysteine (NAC) in Preventing Contrast Induced Nephropathy (CIN)</i>	Haifak Mat Said, Hospital Putrajaya
10.	<i>Prevalence of Verbal Order Medications in Medical Wards, Hospital Putrajaya</i>	Siti Juwahir binti Jumi, Hospital Putrajaya
11.	<i>Audit on the Usage of Antiepileptic Drug in the Inpatient Setting of Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Dashini a/p Jaganathan, Hospital Rehabilitasi Cheras
12.	<i>Retrospective Study on Subcutaneous Anticoagulant Usage in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Noor Hafizah binti Tajudin, Hospital Rehabilitasi Cheras
13.	<i>Incidence Rate of Adverse Drug Reaction in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Ong Poo Ling, Hospital Rehabilitasi Cheras
14.	<i>An Audit on the Usage of Oral Medications in the Treatment of Spasticity in a Rehabilitation Hospital</i>	Wong Shieh Teng, Hospital Rehabilitasi Cheras
15.	<i>Audit on the Usage of Gabapentin and Pregabalin for the Management of Neuropathic Pain in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>	Najihah binti Mohamad Shukri, Hospital Rehabilitasi Cheras
16.	<i>Audit on the Usage of Botulinum Toxin Type A (BTX) in Hospital Rehabilitasi</i>	Chong Yook Foong, Hospital Rehabilitasi

	<i>Cheras</i>	Cheras
--	---------------	--------

#### 4.1.4 STATUS PELAKSANAAN KAJIAN PENYELIDIKAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JKWPKL&P BAGI TAHUN 2018

Peringkat Kajian	Bilangan
Penyediaan <i>Proposal</i>	4
Analisa Data	9
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>

#### Senarai kajian penyelidikan 2018:

BIL	INSTITUSI	TAJUK PENYELIDIKAN	TARIKH MULA	STATUS
1.	JK RVD MTAC	<i>HIV-Related Stigma and Discrimination: A Study among Pharmacists Working in Health Clinics under Kuala Lumpur &amp; Putrajaya Health Department</i>	1/3/2018	Analisa Data
2.	Hospital Putrajaya	<i>Comparison of Gemfibrozil and Fenofibrate in Patients with Dyslipidemia in Hospital Putrajaya</i>	30/1/2018	Analisa Data
3.	Hospital Putrajaya	<i>Evaluation of the Outcome of Pharmacists' Insulin</i>	30/3/2018	Analisa Data

		<i>Injection Education among Type 2 Diabetes Patients in Hospital Putrajaya</i>		
4.	Hospital Putrajaya	<i>The Effect of Cholecalciferol on Vitamin D Level among Hypovitaminosis D Patients in Hospital Putrajaya</i>	30/3/2018	Analisa Data
5.	Hospital Putrajaya	<i>The Outcome of Pharmacists' Recommendations in Pediatric Patients</i>	30/3/2018	Analisa Data
6.	Hospital Putrajaya	<i>Cost Comparison between Centralised Pharmacy Preparation versus Standard Dispensing of Intravenous Benzylpenicillin in the Pediatric Ward</i>	30/3/2018	Analisa Data
7.	Hospital Putrajaya	<i>Cost Comparison between Centralised Pharmacy Preparation versus Standard Dispensing of Intravenous Benzylpenicillin in the Pediatric Ward</i>	30/3/2018	Analisa Data
8.	Hospital Putrajaya	<i>Adherence to changes in Medication Regime during Ramadan among Diabetes Patients in</i>	30/3/2018	Analisa Data

		<i>Putrajaya Hospital</i>		
9.	Hospital Putrajaya	<i>Impact of Pharmacists' Pharmacokinetic Recommendations on Patient Outcomes</i>	30/3/2018	Analisa Data
10.	Hospital Putrajaya	<i>Antibiotic Utilization among In-Patients in Putrajaya Hospital: A 3 Years' Analysis</i>	30/3/2018	Analisa Data
11.	Hospital Putrajaya	<i>Assessment of Knowledge of High Alert Medication (HAM's) among Pharmacists and Nurses in Hospital Putrajaya (HPJ)</i>	28/8/2018	Penyediaan Proposal
12.	BPF JKWPKL&P	<i>A Cross Sectional Study on Management of Medication at Household Setting among Population in Kuala Lumpur and Putrajaya</i>	23/11/2018	Penyediaan Proposal
13.	Hospital Rehabilitasi Cheras	<i>A Prospective, Observational Study on Predictive Factors for Spasticity Management and their Effects on Motor Recovery and Functional Outcomes in Rehabilitation Patient with Oral Baclofen</i>	15/7/2018	Penyediaan Proposal
14.	Hospital Rehabilitasi	<i>Statin Therapy among Ischemic Stroke Patients</i>	8/2/2018	Penyediaan Proposal

i Cheras	<i>in Hospital Rehabilitasi Cheras</i>		
----------	--	--	--

\* JK RVD MTAC – Jawatankuasa Retro-Viral Disease (RVD) Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)

### Penerbitan kajian penyelidikan 2018

BIL	TAJUK	MAKLUMAT PENERBITAN
1.	<i>Research on safe use of medicine (RESUME): A survey on the knowledge and perception of Health Department of Federal Territory Kuala Lumpur &amp; Putrajaya (HDFTKL&amp;P) staff towards unregistered products in Malaysia</i>	<i>Technical Report 2018 Federal Territory of Kuala Lumpur &amp; Putrajaya Health Department, Ministry of Health Malaysia (ISBN: 978-967-16589-0-1)</i>
2.	<i>The effect of multiple inspection activities towards sales of unregistered Product</i>	<i>Technical Report 2018 Federal Territory of Kuala Lumpur &amp; Putrajaya Health Department, Ministry of Health Malaysia (ISBN: 978-967-16589-0-1)</i>
3.	<i>A Survey on Diabetes Patients' Knowledge and Practices on Insulin Injection Techniques in Primary Healthcare</i>	<i>Technical Report 2018 Federal Territory of Kuala Lumpur &amp; Putrajaya Health Department, Ministry of Health Malaysia (ISBN: 978-967-16589-0-1)</i>
	Kajian Sarjana: Penilaian Semula Pengaruh Kos Ubat dalam Model Kepercayaan Kesihatan terhadap Kepatuhan	Aziz H, Hatah E, Makmor-Bakry M, Islahudin F, Hamdi NA, Wan IM. <b>A comparison of medication adherence between subsidized and self-paying patients in</b>

Ubat		<p><b>Malaysia.</b> <i>Malaysian family physician: the official journal of the Academy of Family Physicians of Malaysia.</i> 2018;13(2):2.</p> <p>Aziz H, Hatah E, Makmor-Bakry M, Islahudin F, Hamdi NA, Wan IM. <b>Qualitative exploration of the modifiable factors for medication adherence among subsidised and self-paying patients in Malaysia.</b> <i>BMC health services research.</i> 2018 Dec;18(1):605.</p>
------	--	---

## 4.2 CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

### 4.2.1 AKTIVITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi (A&P) secara umumnya merancang, menyelia dan memantau Perkhidmatan Farmasi di semua fasiliti kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) yang merangkumi **2** buah hospital dan **17** buah klinik kesihatan di bawah **5** buah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Fungsi Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi:

- i. Merancang, menyelaras serta memperkembang perkhidmatan farmasi berkaitan aspek klinikal dan teknikal, logistik farmaseutikal, perolehan serta agihan peruntukan ubat, bukan ubat, vaksin dan reagen.

- ii. Merancang dan menyelaraskan amalan dan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal bagi memastikan farmakoterapi pesakit selamat, berkesan serta mencapai kesan terapeutik optimum di fasiliti hospital dan kesihatan.
- iii. Pemantauan kualiti perkhidmatan farmasi dengan menjalankan Audit Dalaman Amalan Farmasi (ADAF), memantau aktiviti Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*), program *Quality Assurance (QAP)* dan Piagam Pelanggan serta menggalakkan penglibatan dalam program-program peningkatan kualiti lain yang dijalankan di peringkat negeri dan KKM.
- iv. Pemantauan isu-isu berkaitan komponen farmasi dalam aplikasi sistem *Information and Communications Technologies (ICT)* dan pelaksanaan *Pharmacy Information System/Clinic Pharmacy System (PhIS/CPS)* serta pembangunan infrastruktur di semua fasiliti farmasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.
- v. Menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan penggunaan ubat yang berkualiti dan pendidikan tentang penggunaan ubat-ubatan secara rasional.
- vi. Memberi pendidikan kepada orang awam mengenai cara penggunaan ubat berkualiti supaya kefahaman dan pengetahuan mengenai ubat-ubatan ditingkatkan untuk menggalakkan kepatuhan dan hasil rawatan yang baik.
- vii. Menyedia akses dan maklumat ubat-ubatan yang tepat, tidak berat sebelah dan relevan untuk disebarkan kepada orang awam melalui sebaran risalah, laman web dan media massa.
- viii. Pemantauan latihan dan aktiviti berkaitan keselamatan pengubatan dan pelaporan kesan yang tidak diingini ubat (*adverse drug reaction*).
- ix. Menyelaraskan dan memantau aktiviti serta audit berkaitan Pengurusan Rangkaian Sejuk (*cold chain*) di fasiliti JKWP&P.
- x. Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan aktiviti Tambah Nilai Farmasi/*Value Added Services (VAS)* dan menjalankan aktiviti-aktiviti

kualiti seperti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan *Quality Assurance (QA)*.


Cawangan ini juga terlibat dalam lawatan penyeliaan secara berkala ke hospital dan klinik kesihatan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti serta tadbir urus yang baik bagi sektor farmaseutikal tempatan melalui amalan *Good Governance for Medicine (GGM)*. Selain itu, pemantauan dan khidmat latihan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti kajian dan penyelidikan berkaitan Perkhidmatan Farmasi di peringkat negeri dan juga kementerian.

#### **4.2.2 PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT LUAR**

Aktiviti utama yang dijalankan di kaunter farmasi pesakit luar hospital dan klinik kesihatan adalah mendispen ubat. Semua preskripsi yang diterima akan disemak dan disaring terlebih dahulu sebelum pengisian ubat dilakukan. Preskripsi yang siap diisi akan disemak silang oleh anggota yang mendispen ubat kepada pelanggan. Terdapat juga fasiliti seperti Hospital Putrajaya, Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, KK Putrajaya Presint 11, KK Putrajaya Presint 18 dan Klinik Kesihatan Cheras yang melaksanakan *Centralised Quality Dispensing Control (CQDC)* sebagai langkah/proses tambahan dalam memastikan pengisian ubat dilakukan secara tepat berdasarkan preskripsi yang sah dan betul. Proses semak silang adalah penting bagi mengelakkan berlakunya masalah kesilapan pengubatan.

Sistem Panggilan Bernombor atau *Queue Management System (QMS)* juga diwujudkan di semua hospital dan kebanyakan klinik kesihatan untuk memudahkan urusan pendispensan ubat kepada pesakit selaras dengan Piagam Pelanggan Farmasi iaitu sekurang-kurangnya **95%** daripada bilangan preskripsi ubat yang diterima didispen dalam tempoh masa **30 minit**.

Graf berikut menunjukkan purata pencapaian masa menunggu yang dicapai oleh semua fasiliti JKWPKL&P sepanjang tahun 2018.



**Petunjuk**

■ Tercapai Sepenuhnya    
 ■ Tercapai    
 ■ Tidak Tercapai

PK – Pejabat Kesihatan, HPJ – Hospital Putrajaya, HRC – Hospital Rehabilitasi Cheras, PJ – Klinik Kesihatan Putrajaya Presint, KKC – Klinik Kesihatan Cheras, KKCB – Klinik Kesihatan Cheras Baru, KBTR – Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak, KKSB – Klinik Kesihatan Sungai Besi, KKSK – Klinik Kesihatan Setapak, KKKP – Klinik Kesihatan Kampung Pandan, KKDK – Klinik Kesihatan Dato Keramat, KKKL – Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, KKJ – Klinik Kesihatan Jinjang, KKB – Klinik Kesihatan Batu, KKS – Klinik Kesihatan Sentul, KKT – Klinik Kesihatan Tanglin, KKPB – Klinik Kesihatan Petaling Bahagia


**4.2.3 PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI / VALUE ADDED SERVICES (VAS)**




Semua Unit Farmasi di Hospital dan Klinik kesihatan di bawah JKWPKL&P menawarkan perkhidmatan VAS. Antara perkhidmatan VAS yang dijalankan adalah pembekalan Ubat Melalui Pos (UMP), Sistem Temujanji seperti Telefon/SMS dan Ambil, Kaunter Pandu Lalu (*drive-thru*) dan Letak dan Ambil (*Park & Take*).

Pada tahun 2016, perkhidmatan VAS merupakan salah satu KPI bagi Yang Berhormat Menteri Kesihatan tetapi telah digugurkan pada tahun 2017. Namun perkhidmatan ini diteruskan supaya pesakit mendapat manfaatnya.


**Graf 1: Graf menunjukkan bilangan preskripsi yang menggunakan perkhidmatan VAS mnegikut bulan bagi tahun 2018.**



**Graf 2: Graf menunjukkan pencapaian VAS mengikut fasiliti bagi tahun 2018**



**Graf 3: Graf menunjukkan pecahan peratusan VAS mengikut Fasiliti di JKWPKL&P pada tahun 2018**




#### 4.2.4 PERKHIDMATAN KAUNSELING UBAT

Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan diberikan kepada pesakit terutama pesakit dengan penyakit kronik, pesakit yang dibekalkan dengan ubat yang banyak, pesakit yang perlu mempelajari teknik-teknik pengambilan ubat yang betul seperti penggunaan ubat titis, pen insulin, ubat sedut serta pesakit yang mengalami masalah komplians terhadap ubat. Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan adalah perlu dalam memastikan pesakit memahami indikasi ubat, kesan sampingan dan cara pengambilan ubat-ubatan.


HPJ – Hospital Putrajaya, HRC – Hospital Rehabilitasi Cheras, KK – Klinik Kesihatan, KKP – Klinik Kesihatan Presint

**Graf 4: Graf menunjukkan pencapaian bilangan kaunseling individu bagi 2018 mengikut fasiliti.**



HPJ – Hospital Putrajaya, HRC – Hospital Rehabilitasi Cheras, KK – Klinik Kesihatan, KKP – Klinik Kesihatan Presint

**Graf 5: Graf menunjukkan pencapaian bilangan kaunseling kumpulan bagi 2018 mengikut fasiliti.**



**Jadual 1: Jadual menunjukkan pencapaian sasaran minima bilangan kaunseling individu bagi Unit Farmasi Pesakit Dalam bagi 2018.**

Hospital	Bil. Kaunseling Individu (Jan-Dis)	Sasaran Minima (Jan-Dis)	Pencapaian (%)
Putrajaya	<b>7524</b>	<b>4800</b>	<b>157</b>
Rehabilitasi Cheras	<b>781</b>	<b>480</b>	<b>163</b>

**4.2.5 PERKHIDMATAN MEDICATION THERAPY ADHERENCE CLINIC (MTAC)**

*Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)* merupakan perkhidmatan penjagaan ambulatori yang ditawarkan oleh pegawai farmasi terlatih kepada pesakit di hospital ataupun klinik kesihatan. Perkhidmatan ini mula diperkenalkan pada tahun 2004 dan merupakan salah satu perkhidmatan yang menonjolkan profesion pegawai farmasi sektor awam.

Perkhidmatan *MTAC* berperanan dalam meningkatkan pemahaman pesakit terhadap ubat-ubatan yang diambil selain meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat

Perkhidmatan ini juga melibatkan kolaborasi di antara Pegawai Farmasi dan Pegawai Perubatan di fasiliti dalam menekankan aspek penjagaan farmaseutikal kepada pesakit. Melalui perkhidmatan ini, Pegawai Farmasi berperanan dengan menjalankan pemantauan terapi ubat- ubatan dan pemberian maklumat kepada pesakit dengan meningkatkan pemahaman pesakit tentang rawatan farmakoterapi dan memberikan motivasi agar pesakit mempunyai persepsi yang positif tentang penyakit dan rawatan yang diterima. Perkhidmatan ini juga melibatkan rundingan secara klinikal, dan pengubahan dos bagi sesetengah ubat seperti insulin dan warfarin.

**MTAC yang ditawarkan di fasiliti JKWPKL&P adalah seperti berikut:**

Fasiliti		(Diabetes)	DMTAC (Respiratory)	RMTAC (Retroviral)	RVD MTAC (Rheumatoid)	RAMTAC (Psychiatric)	PSY MTAC	MTAC Geriatric	Stroke MTAC	Cessation	Smoking
Hospital	Hospital Putrajaya	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■
	Hospital Rehabilitasi	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■

	Cheras							
PK	KK Tanglin							
Lembah Pantai	KK Petaling Bahagia							
PK Kepong	KK Batu							
	KK Jinjang							
	KK Sentul							
PK Cheras	KK Bandar Tun Razak							
	KK Cheras							
	KK Cheras Baru							
	KK Sungai Besi							
PK Titiwangsa	KK Dato Keramat							
	KK Kampung Pandan							
	KK Kuala Lumpur							
	KK Setapak							
PK Putrajaya	KK Putrajaya Presint 9							
	KK Putrajaya Presint 18							
	KK Putrajaya Presint 11							

KK  
Putrajaya  
Presint 14

PK – Pejabat Kesihatan, KK – Klinik Kesihatan

 Ditawarkan

 Tidak ditawarkan



Selain itu, Program Perkhidmatan Farmasi KKM turut mengiktiraf fasiliti dan preseptor di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya sebagai pusat latihan sangkutan beberapa jenis *MTAC* untuk melatih Pegawai Farmasi bukan sahaja dari fasiliti JKWPKL&P malahan juga dari Jabatan Kesihatan Negeri lain.

Preseptor	Pusat Latihan Sangkutan	Jenis <i>MTAC</i>
Dr Navin Kumar A/L Loganadan	Hospital Putrajaya	<i>Diabetes Mellitus</i>
Nurul Zaidah Binti Badarudin	Hospital Putrajaya	<i>Warfarin</i>
Noornazli Zahirah Binti Abdullah	Hospital Putrajaya	<i>Rheumatoid Arthritis</i>
Yap Lih Shin	Klinik Kesihatan Jinjang	<i>Respiratory</i>

#### 4.2.6 PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT DALAM

Pembekalan ubat kepada pesakit dalam dilakukan menggunakan *Unit Dose System (UDS)* dan *Unit of Use (UoU)*. Kesemua **6** wad di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) menggunakan *UDS* manakala **14** wad daripada **18** wad di Hospital Putrajaya (HPJ) menggunakan *UDS* manakala selebihnya

menggunakan *UoU*. Selain itu, Unit Farmasi Pesakit Dalam turut menawarkan perkhidmatan pendispensan ubat bagi kes-kes discaj di mana bekalan ubat dan kaunseling diberikan di wad sebelum pesakit discaj




(*bedside dispensing*). *Program Patient's Own Medicines (POMs)* turut dilaksanakan di wad HPJ (**11** wad) dan HRC (**6** wad) dan pengurusan *POMs* yang berkesan dapat mengoptimalkan penggunaan ubat, mengelakkan kesilapan pengubatan dan mengelakkan pembaziran ubat-ubatan.

#### 4.2.7 PERKHIDMATAN MAKLUMAT UBAT - *DRUG INFORMATION SERVICES (DIS)*


Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P turut menyediakan perkhidmatan Maklumat Ubat di semua hospital dan klinik kesihatan. Unit ini berfungsi untuk menjawab segala persoalan mengenai ubat dan racun sama ada yang diaju oleh golongan profesional kesihatan ataupun orang awam berdasarkan *Evidence Based Medicine (EBM)*. Perkhidmatan maklumat ubat disediakan di semua fasiliti serta dilengkapi dengan kemudahan *MIMS Gateway, Micromedex* dan buku-buku rujukan lain.

Selain itu, unit ini juga berfungsi untuk melaporkan Kesan Kemudaratan Advers (*Adverse Drug Reaction*) dan memantau insiden *Advers Event Following Immunizations (AEFI)* secara aktif di JKWPKL&P. Peningkatan pelaporan *ADR* juga didapati meningkat setiap tahun sebanyak **28% (517)** pada tahun 2016 kepada **656** pada 2017 dan seterusnya meningkat sebanyak **48%** kepada **978** pada 2018.

**Graf 6: Graf menunjukkan bilangan pertanyaan yang diterima dan dijawab oleh unit *DIS* mengikut fasiliti bagi 2016-2018.**



**Graf 7: Graf menunjukkan bilangan kes ADR yang dilaporkan mengikut fasiliti bagi 2016-2018.**




PK – Pejabat Kesihatan, HPJ – Hospital Putrajaya, HRC – Hospital Rehabilitasi Cheras, PJ – Klinik Kesihatan Putrajaya Presint, KKC – Klinik Kesihatan Cheras, KKCB – Klinik Kesihatan Cheras Baru, KBTR – Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak, KKSB – Klinik Kesihatan Sungai Besi, KKSK – Klinik Kesihatan Setapak, KKKP – Klinik Kesihatan Kampung Pandan, KKDK – Klinik Kesihatan Dato Keramat, KKKL – Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, KKJ – Klinik Kesihatan Jinjang, KKB – Klinik Kesihatan Batu, KKS – Klinik Kesihatan Sentul, KKT – Klinik Kesihatan Tanglin, KKPB – Klinik Kesihatan Petaling Bahagia

#### **4.2.8 AKTIVITI PEROLEHAN DAN BEKALAN.**


Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P bertanggungjawab dalam memantau perbelanjaan ubat, bukan ubat, vaksin dan *reagent* bagi semua hospital dan PKD di bawah seliaannya. Pada tahun 2018, nilai perolehan ubat-ubatan seluruh JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya adalah sebanyak **RM54,958,884.13** iaitu **99.95%** daripada peruntukan yang diterima.

Secara keseluruhan, peruntukan yang diterima hospital bagi ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen adalah sebanyak **RM39,304,970.78** meningkat **1.07%** berbanding tahun 2017 (**Rajah 1**). Manakala peruntukan yang diterima kesihatan awam bagi ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen adalah sebanyak **RM46,224,730.62** meningkat **13.69%** berbanding tahun 2017 (**Rajah 2**).

**Rajah 1: Perbandingan Peruntukan bagi Hospital tahun 2015-2018**



**Rajah 2: Perbandingan Peruntukan bagi Kesihatan Awam tahun 2015-2018**



**4.2.9 PROGRAM RAWATAN TERAPI GANTIAN METHADONE (RTG)**


Bilangan pesakit berdaftar dan bilangan pesakit aktif meningkat berbanding 2017. Klinik Kesihatan Kuala Lumpur mempunyai bilangan pesakit aktif paling ramai dengan **201** orang. Graf berikut merupakan pecahan fasiliti yang menawarkan program RTG:

*Ijadual menyenaraikan fasiliti yang menawarkan program rtg methadone*


Klinik Kesihatan	AADK	Klinik Swasta
KK Batu	Sungai Besi	Klinik Dr Mahmud (Kg Pandan)
KK Jinjang	San Peng	
KK Sentul	Kerinchi	Klinik Dr Mahmud (Selayang)
KK Cheras		
KK Petaling Bahagia		
KK Tanglin		
KK Setapak		
KK Kuala Lumpur		
KK Presint 9		

Bilangan pesakit berdaftar dalam program RTG Methadone pada tahun 2018 meningkat sebanyak 12.5% berbanding tahun 2017. Bilangan pesakit berdaftar yang aktif pula meningkat sebanyak 9.1% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.

**Graf 8: Graf menunjukkan peratus pecahan fasiliti yang menawarkan program RTG Methadone pada tahun 2018.**



**Graf 9: Graf menunjukkan perbandingan pesakit berdaftar dan aktif bagi tahun 2016 hingga 2018.**



**4.2.10 PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KEY PERFORMANCE INDICATOR) (KPI)**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN KPI 2018	RUMUSAN PENCAPAIAN			
		JAN-MAC	JAN-JUN	JAN-SEPT	JAN-DIS
Bilangan sesi aktiviti bersama komuniti yang dijalankan melalui kolaborasi dengan duta	40 sesi	4/40 (10%)	8/40 (20%)	34/40 (85%)	60/40 (150%)

Kenali Ubat Anda.					
Peratus preskripsi didispens dalam tempoh <b>30 minit.</b>	95% Preskripsi	432,685/ 458,028 (94.47%)	805,527/ 843,072 (95.55%)	1,237,039 / 1,284,119 (96.33%)	1,660,532 / 1,715,251 (96.81%)
Peratus fasiliti KKM mencapai simpanan stok ubat yang optima dalam <b>julat 1- 3</b>	90% fasiliti	7/7 (100%)	7/7 (100%)	7/7 (100%)	7/7 (100%)
Bilangan aktiviti pendidikan & kesedaran pengguna yang dilaksanakan	110 aktiviti	34/110 (30.9%)	71/110 (64.5%)	127/110 (115%)	175/110 (159%)

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN KPI 2018	RUMUSAN PENCAPAIAN			
		JAN-MAC	JAN-JUN	JAN-SEPT	JAN-DIS
Peratus fasiliti farmasi yang menawarkan perkhidmatan <i>Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)</i>	Hospital Berpakar Major	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)
	Institusi Khas	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)
	Klinik Kesihatan (≥ 3 PF)	16/16 (100%)	16/16 (100%)	16/16 (100%)	16/16 (100%)
Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh audit dalam amalan farmasi (ADAF) (dalam tempoh dua tahun)	100% fasiliti diaudit dalam tempoh 2 tahun (Jumlah fasiliti: 19 Jumlah sasaran: 8)	0/8 (0.0%)	6/8 (75.0%)	8/8 (100.0%)	8/8 (100.0%)

#### 4.2.11 PENGGUNAAN UBAT BERKUALITI



Penggunaan Ubat Secara Berkualiti merupakan salah satu komponen penting dalam Dasar Ubat Nasional (DUNAS). Komponen ini menekankan peranan utama

ahli farmasi serta pengamal perubatan dalam menyumbang kepada tahap penjagaan kesihatan yang berkualiti, selamat dan berkesan. Di samping itu, pendidikan kepada orang awam untuk menggalakkan kepatuhan kepada ubat-ubatan perlu dilaksanakan secara berterusan dan sistematik.

Aktiviti Penggunaan Ubat Secara Berkualiti terus berkembang dari semasa ke semasa. Dari pendidikan maklumat ubat di kaunter semasa menerima bekalan ubat atau aktiviti kaunseling, kini telah diperluaskan kepada orang awam melalui kempen dan program kesedaran. Aktiviti kempen dimulakan dengan pelancaran kempen Kenali Ubat Anda di Melaka pada 29 Jun 2007 dan pendekatan ketika itu lebih kepada kempen kesedaran tentang penggunaan ubat secara rasional. Mekanisme yang digunakan adalah pegawai farmasi berjumpa masyarakat untuk menyampaikan maklumat berkaitan ubat-ubatan.

Bermula tahun 2012, Program Perkhidmatan Farmasi KKM telah memperkembang program ini melalui pendekatan baru dengan memperkenalkan Program Duta Prihatin Masyarakat sebagai satu program *community empowerment* dalam penggunaan ubat secara berkualiti. Mekanisme yang digunakan adalah pegawai farmasi bersama-sama Duta Kenali Ubat Anda menyampaikan maklumat kepada masyarakat setempat, melalui sistem mentor-mentee supaya penyampaian adalah lebih efektif dan menyeluruh.

**Jadual 3: Pencapaian Bilangan Duta yang Dilatih dan Aktiviti yang telah dijalankan dari 2012 hingga 2018.**

Tahun	Bilangan Duta Kenali Ubat Anda yang Telah Dilatih	Bilangan Aktiviti Bersama-sama Duta Kenali Ubat Anda	Bilangan Aktiviti Kenali Ubat Anda
2012	9	2	-
2013	6	2	75
2014	5	3	91
2015	10	5	95
2016	10	17	127
2017	8	44	131
2018	10	60	175
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>	<b>133</b>	<b>694</b>

**Gambar: Mesyuarat Teknikal bersama Duta Kenali Ubat Anda Bil. 2/2018 dan Lawatan Duta ke Klinik Kesihatan Kuala Lumpur pada 2 November 2018**



**Gambar: Bengkel Training of Trainers Duta Kenali Ubat Anda Zon Tengah pada 13 hingga 15 Ogos 2018 di Guest Hotel & Spa, Port Dickson**



**Gambar: Antara Aktiviti Kenali Ubat Anda Sepanjang 2018**

#### 4.3 CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) merupakan salah satu daripada tiga cawangan yang terletak di bawah BPF JKWPKL&P. CPF berperanan untuk memantau dan memastikan semua produk selamat, berkesan dan berkualiti, berpandukan akta-akta dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan seperti berikut:

- i. **Akta Racun 1952** (Disemak 1989) dan peraturannya
- ii. **Akta Jualan Dadah 1952** (Disemak) 1989 dan peraturannya
- iii. **Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956** (Disemak 1983)
- iv. **Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1952** (Disemak 1989) dan peraturannya
- v. **Akta Dadah Berbahaya 1952** (Disemak 1980) dan peraturannya

Skop pemantauan CPF merangkumi produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik di pasaran. Selain itu, CPF juga bertanggungjawab ke atas aktiviti pelesenan dan kawalan terhadap pengilangan, penjualan dan pembekalan ubat-ubatan racun berjadual serta bahan kimia terkawal. Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna terjamin, CPF menjalankan tugas yang diamanahkan melalui **4** seksyen yang diwujudkan iaitu:

1. Seksyen Pelesenan
2. Seksyen Perisikan & Operasi
3. Seksyen Perundangan
4. Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

#### 4.3.1 KUALITI

Dari aspek pencapaian dan sasaran kualiti tahun 2018, kualiti sasaran dan pencapaian CPF diukur melalui **3** kayu ukur iaitu *Key Performance Indicator (KPI)*, *Quality Assurance Program (QAP)*, dan *Outcome Based Budgeting (OBB)*. Bagi tahun 2018 semua sasaran KPI dan QAP berjaya mencapai piawai yang ditetapkan.

##### 4.3.1.1 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

KPI dinilai melalui 5 kayu ukur dan melibatkan tindakan kesemua seksyen. Semua KPI berjaya mencapai piawai dengan kecemerlangan **4** dari **5** KPI mencatat **100%**.

INDIKATOR		PIAWAI (%)	PENCAPAIAN 2018				
			JAN-MAC	APR-JUN	JUL-SEPT	OKT-DIS	JUMLAH
KPI 1	Peratus pengeluaran lesen/permit	90	100% (137/137)	100% (68/68)	100% (70/70)	100% (58/58)	100% (333/333)

	baru yang dikeluarkan dibawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja		137)	8)	0)		
KPI 2	Peratus serbuan yang Berjaya diambil tindakan penguatkuasaan daripada jumlah serbuan yang dijalankan	98	100% (31/31)	100% (27/27)	100% (79/79)	100% (16/16)	100% (153/153)
KPI 3	Peratus kes yang berjaya dalam perbicaraan mahkamah daripada jumlah kes yang didakwa di mahkamah	95	100% (40/40)	95% (28/29)	100% (148/148)	100% (21/21)	99.28% (137/138)
KPI 4	Peratus Kertas Siasatan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya	90	100% (32/32)	100% (38/38)	100% (19/19)	96.2% (40/40)	100% (129/129)

	(TPR) selepas menerima Laporan Analisa dalam tempoh 1 bulan						
KPI 5	Peratus iklan ubat-ubatan di dalam media cetak yang dipantau mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan	90	100% (3/3)	100% (1/1)	100% (9/9)	100% (1/1)	100% (14/14)

**Jadual 1: Pencapaian KPI bagi tahun 2018**

#### 4.3.1.2 *Quality Assurance Program (QAP)*

Keberkesanan aktiviti penguatkuasa yang dijalankan amat dititikberatkan. Oleh itu, QAP bukan sahaja mengukur kuantiti yang berjaya dilaksanakan, tetapi telah memasukkan elemen masa untuk memastikan tugas yang diarahkan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

QAP diukur melalui 4 indikator dan melibatkan tindakan Seksyen Perisikan & Operasi, Seksyen Siasatan dan Perundangan, dan Seksyen Pelesenan.

Jadual 2 menunjukkan pencapaian QAP bagi tahun 2018. CPF berjaya mencapai semua piawaian yang ditetapkan dengan **2** daripada **4** indikator QAP mencatat **100%**.

KETERANGAN INDIKATOR	PIAW AI (%)	PENCAPAIAN 2018					JUMLA H
		JAN- MAC	APR- JUN	JUL- SEP	OKT- DIS		
QA P 4 Pengesahan Aduan yang berkaitan dengan pelanggaran Akta Farmasi dilakukan dan diberi maklum balas dalam tempoh dua minggu	100	100% (8/8)	100% (29/29)	100% (20/20)	100% (18/18)	100% (75/75)	
QA P 5 Aktiviti Perisikan diakhiri dengan Arahan Serbuan dalam tempoh dua bulan	95	100% (2/2)	100% (4/4)	100% (5/5)	100% (4/4)	100% (15/15)	
QA P 6 Kertas Siasatan diselesaikan dalam tempoh 4 bulan	85	100% (32/32)	94/7% (36/38)	100% (19/19)	100% (40/40)	98.45% (127/129)	
QA P 7 Tindakan Susulan diambil dalam tempoh 3 bulan selepas Pemeriksaan dijalankan	98	100% (43/43)	100% (140/140)	100% (119/119)	96.2% (51/53)	99.4% (353/355)	

**Jadual 2: Pencapaian QAP bagi tahun 2018**

#### 4.3.1.3 Outcome-based Budgeting (OBB)

OBB diukur melalui 2 *outcome* dan 10 *output*. Bagi tahun 2018, semua *outcome* tercapai dan **9 daripada 10 output** juga mencapai sasaran yang ditetapkan. Jadual 3 dan 4 menunjukkan pencapaian OBB bagi tahun 2018.

KETERANGAN KPI	WAJARAN (%)	JENIS UKURAN	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
PEMATUHAN KEPADA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH PENGUATKUASA FARMASI				
Peratus iklan ubat-ubatan di semua media cetak yang disaring mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan	50	Peratus	85	<b>100%</b> <b>(22/22)</b>
Peratus premis berlesen yang diperiksa dan didapati mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan	50	Peratus	90	<b>100%</b> <b>(403/403)</b>
PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN FARMASI YANG BERKESAN DAN EFISIEN				
Peratus lesen/permit/kebenaran yang dikeluarkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan	50	Peratus	90	<b>100%</b> <b>(861/861)</b>
Peratus kertas siasatan berjaya diselesaikan dalam tempoh ditetapkan	50	Peratus	85	<b>99%</b> <b>(132/134)</b>

**Jadual 3: Outcome-based Budgeting (OBB) – Outcome**

<b>OUTPUT</b>	<b>WAJARAN (%)</b>	<b>JENIS UKURAN</b>	<b>SASARAN</b>	<b>PENCAPAIAN (%)</b>
<b>PEMERIKSAAN PREMIS DIJALANKAN</b>				
Pemeriksaan ke atas premis berdaftar (termasuk pemeriksaan ulangan)	20	Bilangan	280	<b>287 (102.5%)</b>
Pemeriksaan ke atas premis berlesen (termasuk pemeriksaan ulangan)	30	Bilangan	458	<b>576 (125.76%)</b>
Pemeriksaan ke atas premis selain daripada premis berlesen/ berdaftar yang menjual ubat dan barangan kosmetik	30	Bilangan	550	<b>573 (104.18%)</b>
Pemeriksaan Untuk Lesen PBKD (pengimport dan pemborong)	10	Bilangan	50	<b>29 (58%)</b>
Pemeriksaan Khas bagi pengimport/ pengedar bahan prekursor	10	Bilangan	10	<b>10 (100%)</b>
<b>PENGELUARAN LESEN/PERMIT DI BAWAH AKTA RACUN 1952</b>				
Lesen Racun Jenis A, B, E Permit NaOH, Permit Bahan Psikotropik, Permit Bahan Psikotropik (Buprenorphine & Methadone) yang dikeluarkan	100	Bilangan	520	<b>861 (165.58%)</b>
<b>PEMONITORAN DAN TINDAKAN KE ATAS IKLAN PERUBATAN</b>				
Iklan perubatan yang disaring ke atas semua media	50	Bilangan	600	<b>797 (132.83%)</b>
Siasatan kes kesalahan iklan perubatan	50	Bilangan	10	<b>11 (110%)</b>

<b>SERBUAN YANG DIJALANKAN</b>				
Serbuan berjaya untuk diambil tindakan penguatkuasaan	100	Bilangan	125	<b>153 (122.4%)</b>
<b>SIASATAN YANG DISELESAIKAN</b>				
Kertas siasatan yang diselesaikan	100	Bilangan	120	160 (133.33%)
<b>PENDAKWAAN KES DI MAHKAMAH</b>				
Kehadiran ke mahkamah untuk pendakwaan kes	100	Bilangan	200	453 (226.5%)
<b>AKTIVITI KESEDARAN BAGI MENINGKATKAN PENGETAHUAN STAKEHOLDERS MENGENAI KAWALAN UNDANG-UNDANG BAGI PENJUALAN UBAT-UBATAN</b>				
Aktiviti ceramah kepada stakeholders	30	Bilangan	5	<b>7 (140%)</b>
Aktiviti dialog dengan stakeholders	40	Bilangan	3	<b>3 (100%)</b>
Aktiviti pameran kepada stakeholders	10	Bilangan	1	<b>3 (300%)</b>
Sesi rundingcara bersama-sama stakeholders	10	Bilangan	40	<b>54 (135%)</b>
Penceramah jemputan oleh agensi lain	10	Bilangan	5	<b>9 (180%)</b>
<b>PEMERIKSA</b>				
<b>PEMERIKSAAN KHAS KE ATAS BAHAN TERKAWAL</b>				
Pemeriksaan khas ke atas bahan terkawal farmaseutikal	50	Bilangan	5	<b>5 (100%)</b>

Pemeriksaan khas ke atas bahan psikotropik	50	Bilangan	12	<b>12 (100%)</b>
PEMONITORAN DAN TINDAKAN KE ATAS LAMAN WEB MENJUAL PRODUK/RACUN YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG DIKUATKUASAKAN				
Penyediaan laporan profiling daripada inteligens siber yang dijalankan	40	Bilangan	25	<b>25 (100%)</b>
Bilangan rampasan digital yang dijalankan	40	Bilangan	10	<b>13 (130%)</b>
PERSAMPELAN DARI PASARAN BAGI TUJUAN PENGUATKUASAAN				
Persampelan intelligens yang mengandungi bahan kimia terlarang	25	Bilangan	35	<b>37 (105.71%)</b>
Persampelan intelligens yang mengandungi elemen terlarang	25	Bilangan	60	<b>61 (101.67%)</b>

**Jadual 4: Outcome-based Budgeting (OBB) – Output**

Bagi indikator output **1** iaitu pemeriksaan premis dijalankan, pemeriksaan lesen PBKD (import dan borong), hanya **29** pemeriksaan dijalankan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu **50** kerana hanya **29** arahan pemeriksaan diterima daripada senarai Bahagian Farmasi Regulatori Negara (NPRA). Sehubungan dengan itu, semua pemeriksaan PBKD yang diarahkan telah berjaya diselesaikan.

#### 4.3.2 PROGRAM / AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Tarikh	Program/Aktiviti
6 - 8 Mac 2018	Kursus Penguatkuasaan: Teknik dan Perancangan Intipan, Serbuan dan Pengurusan Kes
3 Mei 2018	Dialog Bersama Pengamal Perubatan di Institut

	Sosial Malaysia
17 – 31 Mei 2018	Audit Dalaman Standard Operation Procedure
17 Oktober 2018	Dialog Bersama Badan Pengamal Perubatan dan Komplementari
30 November 2018	Persediaan MyPortfolio

#### 4.3.3 PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DISERTAI

<b>Tarikh</b>	<b>Program/Aktiviti</b>
29 Mac 2018	Sesi Temu Ramah berkaitan HALAL, MESTI dan BEST
18 April 2018	Audit dalaman MS ISO 9001:2015
16 Oktober 2018	Ceramah Jemputan Hospital Kuala Lumpur
18 Oktober 2018	Pameran sempena Hari Farmasi Sedunia PK Titiwangsa
20 – 21 Oktober 2018	World Pharmacist Day
22 November 2018	Ceramah Kerjaya Pegawai Farmasi (Penguatkuasa) UKM

## 5.0 BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) adalah bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan makanan dalam melindungi orang awam terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan. Setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturannya serta Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2013.

### FUNGSI BAHAGIAN

Untuk memastikan sistem kawalan makanan untuk semua makanan yang dipasarkan termasuk produk untuk di eksport efektif, maka BKMM berfungsi dalam beberapa perkara seperti berikut iaitu:

- i. Menentukan agar penyediaan, penjualan dan penyimpanan semua bahan makanan adalah selamat dan bersih.
- ii. Menentukan supaya semua bahan makanan yang dijual adalah:
  - a) Bebas daripada pencemaran dan penambahan aditif makanan yang tidak diperlukan dan penipuan.
  - b) Mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
  - c) Dilabel dan diiklan dengan tidak mengelirukan dan memberikan gambaran sebenar mengenai kandungan makanan tersebut.
- iii. Menentukan supaya kandungan semua bahan makanan yang diimport ke negara ini adalah selamat dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.
- iv. Menentukan konsainman makanan yang dieksport oleh negara ini mematuhi perundangan yang dikehendaki oleh negara-negara pengimport.

- v. Menentukan orang ramai menerima maklumat yang mencukupi mengenai aspek keselamatan.

**Seksyen-seksyen di bawah bahagian keselamatan dan kualiti makanan**

Terdapat empat (4) seksyen dan satu (1) unit di bawah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan iaitu:

- Seksyen Pematuhan Domestik
- Seksyen Surveillance, Pelesenan dan BeSS)
- Seksyen Kawalan Eksport dan Industri Domestik
- Seksyen Perancangan Strategik, Pensijilan dan Institusi
- Unit Pengurusan

**Jadual 5.1: Pencapaian Piagam Pelanggan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Tahun 2018**

Bil	Janji	Menepati Tempoh Masa/Standard		Tidak Menepati Masa/Standard Piagam		Jumlah Perkhidmatan
		Piagam Pelanggan		Piagam Pelanggan		
		Jumlah Menepati Standard	% Menepati Standard	Jumlah Tidak Menepati Standard	% Tidak Menepati Standard	
1.	Sijil Kesihatan dikeluarkan setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi daripada Syarikat yang memohon dalam masa :					
	- 3 hari bekerja (sekiranya produk mempunyai sijil HACCP	1717	100%	0	0%	1717

	dari Kementerian Kesihatan).					
	- 19 hari bekerja (sekiranya produk tiada sijil HACCP).	180	100%	0	0%	180
2.	Sijil Jualan Bebas dikeluarkan kepada Syarikat yang memohon dalam masa 24 jam setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi.	715	100%	0	0	715

## 5.1 SEKSYEN PEMATUHAN DOMESTIK


### Pemeriksaan premis makanan

Pada tahun 2018 sebanyak **4,272** pemeriksaan premis telah dijalankan. Premis makanan yang diperiksa adalah kantin sekolah, dapur asrama sekolah, kantin hospital, dapur hospital, kafeteria di IPTA/IPTS, medan selera di Hentian Rehat dan Rawat(R&R), kafeteria di bangunan premis kerajaan, penjaja, kilang dan lain-lain premis (gerai dan restoran).

**Jadual 5.2: Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Makanan 2016 – 2018**

Perkara	Tahun		
	2016	2017	2018
Jumlah pemeriksaan premis makanan	4140	4135	4272
Jumlah penutupan premis makanan	115	101	144


**Rajah 5.3: Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Makanan Tahun 2016 – 2018**



### **Pensampelan makanan**

Bagi aktiviti pensampelan makanan, sebanyak **1732** sampel makanan telah diambil pada tahun 2018. Sampel makanan mengikut parameter serta kadar pelanggaran adalah ditunjukkan dalam **Rajah 5.4**.

**Rajah 5.4: Trend Pensampelan Tahun 2016 – 2018**



**Jadual 5.5: Jumlah Sampel Makanan serta Jumlah Pelanggaran Tahun 2016 - 2018**

Perkara	Tahun		
	2016	2017	2018
Jumlah Sampel	1838	1533	1732
Jumlah Pelanggaran	13	10	94


**Aduan makanan**

Sebanyak **261** aduan diterima pada tahun 2018. Jenis aduan yang paling banyak diterima ialah berkenaan premis iaitu 156 aduan. Manakala sebanyak 105 aduan telah diterima berkenaan untuk pelbagai faktor yang dapat dilihat melalui jadual di bawah.


**Jadual 5.6: Trend Aduan Tahun 2016 - 2018**

Jenis Aduan	Tahun		
	2016	2017	2018
Aduan Premis	111	112	156
Aduan Produk	100	91	105

**Rajah 5.7: Trend Aduan Tahun 2016 – 2018**



**Carta 5.8: Jenis-Jenis Aduan Yang Telah Selesai Mengikut Kategori**



## 5.2 SEKSYEN SURVEILAN, PELESENAN DAN BeSS

### Aktiviti Pensampelan Surveilan

Pada tahun 2018, terdapat beberapa aktiviti pensampelan surveilan makanan dijalankan berdasarkan isu-isu semasa. Hal ini adalah penting bagi memastikan makanan terbabit yang dijual di pasaran domestik adalah selamat untuk dimakan. Secara keseluruhan, sebanyak tiga (3) aktiviti surveilan telah dijalankan. Antara aktiviti pengawasan makanan yang telah dijalankan adalah:

**Jadual 5.9: Aktiviti-Aktiviti Pensampelan Surveilan Pada Tahun 2018**

Jenis Surveilan	Bilangan	
	Parameter Analisis	Bil. Sampel
Surveilan Terancang ST 02/2018: Pengawasan Tahap Kehadiran Mikroorganisma Patogenik Dan Antimicrobial Resistance (AMR) Di Dalam Ikan Dan Daging Segar Di Pasaran Tempatan	E. coli Salmonella	33
Surveilan Aktif 2/2018: Pengawasan Tahap Osmolariti Dalam Minuman Isotonik Di Pasaran Tempatan	Osmolariti	40
Kajian Penentuan Kualiti Madu di Pasaran Tempatan Sepanjang Tempoh Penyimpanan	Hydroxymethylfurfural (HMF) Chloramphenicol (CAP)	8

### Pengiktirafan BeSS 2018

Bagi mengiktiraf premis-premis yang menjual makanan sedia dimakan yang mematuhi peraturan satu Pengiktirafan juga dikeluarkan iaitu Pengiktirafan Bersih, Selamat & Sihat (BeSS).

**Jadual 5.10: Data bilangan premis yang telah diberi pensijilan dan pengiktirafan di Kuala Lumpur dan Putrajaya tahun 2018**

Bil	Perkara	Bil Pensijilan / Pengiktirafan
1	Bersih, Selamat & Sihat (BeSS)	165

**Gambar 5.11: Aktiviti Pengiktirafan BeSS**

Gambar	Perkara
	<p>Aktiviti Pengiktirafan BeSS bersama pihak Pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP)</p>
	<p>Aktiviti Pengiktirafan BeSS bersama pihak Food Truck</p>

Gambar	Perkara
	<p>Aktiviti Pengiktirafan BeSS bersama pihak Menara Kuala Lumpur</p>
	<p>Aktiviti Pengiktirafan BeSS bersama pihak Restoran Rebung</p>

### 5.3 SEKSYEN KAWALAN EKSPORT DAN INDUSTRI DOMESTIK


Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan turut melaksanakan kawalan rasmi dalam rantaian bekalan eskport bagi memastikan eskport makanan adalah selamat dan mematuhi keperluan keselamatan makanan negara pengimport.

Terdapat dua jenis sijil yang dikeluarkan iaitu Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas. Proses pengeluaran sijil-sijil ini adalah tertakluk kepada prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Tujuan sijil – sijil ini dikeluarkan adalah untuk membantu pihak industri makanan yang hendak mengeksport produk mereka ke luar negara bagi mengelakkan produk tersebut ditahan di pelabuhan atau di pintu masuk negara pengimport dan juga memenuhi keperluan atau kehendak negara – negara pengimport.

**Jadual 5.12: Jumlah Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Bagi Tahun 2016 - 2018**

Jenis Sijil	Tahun		
	2016	2017	2018
Sijil Kesihatan	503	608	809
Sijil Penjualan Bebas	388	205	388

**Rajah 5.13: Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Bagi Tahun 2016 - 2018**



### **Pendaftaran *myfood tag***

Pendaftaran ini adalah sebagai satu mekanisma kawalan keselamatan makanan di sepanjang rantai. Selain itu, pendaftaran ini juga adalah sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada premis makanan yang memenuhi kriteria keselamatan makanan di sepanjang peringkat rantai makanan berdasarkan aktiviti pengendalian makanan secara spesifik. Premis makanan yang memenuhi kriteria ditetapkan berdasarkan garis panduan ini akan diberikan nombor Pendaftaran *MyFood Tag*.

**Jadual 5.14: Jumlah yang lulus Pendaftaran *MyFood Tag* mengikut Kategori bagi Tahun 2018**

Kategori	Tahun
	2018
<b>Premis Pemprosesan Makanan</b>	<b>4</b>
<b>Kenderaan Pengangkutan</b>	<b>64</b>

### 5.3.3 PENSIJILAN *TRUST MYCATERING*

Pensijilan ini diwujudkan bagi mengiktiraf pengusaha catering makanan yang menyumbang kepada perkembangan industry makanan negara serta mewujudkan persaingan sihat untuk industry catering makanan dalam menghasilkan makanan yang selamat. Permohonan untuk mendapatkan pensijilan ini adalah terbuka kepada semua jenis pengusaha catering makanan skala kecil, sederhana serta mass catering.

**Jadual 5.15: Jumlah pengusaha yang telah mendapat Pensijilan *Trust MyCatering* bagi Tahun 2018**

Kategori Catering	Tahun
	2018
<b>Kecil &amp; Sederhana</b>	<b>2</b>
<b>Mass Catering</b>	<b>2</b>

## 5.4 SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK, PENSIJILAN DAN INSTITUSI

### Program pemeriksaan sendiri (kendiri)

Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) di kantin dan dapur asrama sekolah bertujuan meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan

makanan yang disediakan di kantin dan dapur asrama sekolah. Pihak kontraktor dan pengusaha kantin perlu menjalankan pemeriksaan berdasarkan senarai semak pada setiap hari. Menerusi pemeriksaan ini tahap risiko berlakunya kejadian keracunan makanan akan dapat diturunkan.

Bagi meningkatkan pemahaman konsep premis bersih dan makanan selamat ini, beberapa siri bengkel pemantapan KENDIRI telah dijalankan seperti **Jadual 5.16** kepada Guru-Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) bagi kategori Sekolah Rendah dan Menengah, Penyelia Asrama, Pengusaha Kantin, Pengusaha Dapur Asrama, Kontraktor serta Pembantu Pengurusan Murid (PPM) Dapur Pra-Sekolah.

**Jadual 5.16: Bilangan Siri Bengkel Pemantapan KENDIRI**

Bil	Perkara	Tarikh
1	Bengkel Asas Keselamatan Makanan Dan Pengenalan Program KENDIRI Kepada Pengusaha Kantin	10.3.2018
2	Bengkel Asas Keselamatan Makanan Dan Pengenalan Program KENDIRI Kepada GPK HEM	14.3.2018
3	Bengkel Asas Keselamatan Makanan Dan Pengenalan Program KENDIRI Kepada Penyelia Asrama	29.3.2018
4	Akujanji Keselamatan Makanan Oleh Pengusaha Kantin	18.12.2018

#### **Skuad Germ Buster Sekolah**

Skuad Germ Buster telah ditubuhkan bagi memberi pemahaman berkenaan asas makanan selamat dan bersih serta faktor-faktor kejadian keracunan makanan kepada para pelajar sekolah. Di dalam program Skuad Germ Buster ini, para pelajar telah didedahkan dengan menggunakan pendekatan mudah iaitu dengan menggunakan konsep “Lihat, Hidu dan Rasa” dalam memilih makanan. Selain taklimat tips keselamatan makanan, pelbagai aktiviti interaktif juga turut dijalankan.

Skuad ini telah bekerjasama dengan bahagian dan unit-unit dalam kompenan kesihatan. Ini bagi memantapkan lagi pengisian yang dijalankan di sekolah. Antara bahagian yang terlibat adalah, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Pergigian, Bahagian Farmasi, Unit Pendidikan Kesihatan, Unit Vektor dan Unit Pemakanan.

**Jadual 5.17: Siri Jelajah Skwad Germ Buster di Sekolah-Sekolah terpilih**

<b>Bil</b>	<b>Pejabat Kesihatan</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>
1	Pejabat Kesihatan Lembah Pantai	SK Bangsar	9.3.2018
2		SK Convent Bukit Nanas 2	28.3.2018
3		SJKT Appar	11.4.2018
4		SK Brickfields (2)	16.4.2018
5		SJKC Chung Kwok	25.4.2018
6	Pejabat Kesihatan Kepong	SK St. Mary	29.3.2018
7		SJKC Chi Man	4.7.2018
8		SJKT Thamboosamy Pillay	5.7.2018
9		SK Kepong Baru	28.8.2018
10		SK Seri Perak	12.9.2018
11	Pejabat Kesihatan Titiwangsa	SK Wangsa Maju Seksyen 2	7.2.2018
12		SJKT Kg Pandan	20.2.2018
13		SK Wangsa Jaya	8.3.2018
14		SMK Puteri Wilayah	15.3.2018
15		SJKC Mun Yee	2.4.2018
16	Pejabat Kesihatan Cheras	SJKT Jalan San Peng	14.2.2018
17		SK Desa Petaling	27.2.2018
18		SK (P) Pudu 1 & 2	26.3.2018
19		SK Bukit Jalil	27.3.2018
20		SJKC Lai Meng	10.4.2018

**Gambar 5.18: Sekitar Aktiviti Skwad Germ Buster**




### **Program latihan pengendali makanan (lpm)**

Program latihan pengendali makanan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua pengendali makanan dalam aspek kebersihan dan keselamatan makanan, kebersihan diri dan premis makanan yang bersih dan seterusnya mengurangkan kejadian keracunan makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga 2018, terdapat **21** Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) telah diiktiraf dan sebanyak **25,475** pengendali makanan telah dilatih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**Jadual 5.19: Bilangan Pengendali Makanan yang dilatih Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2016 – 2018**

Perkara	Tahun		
	2016	2017	2018
Jumlah Pengendali Makanan yang telah dilatih	19,487	20,615	25,475

**Rajah 5.20: Bilangan Pengendali Makanan yang dilatih Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2015 – 2017**




**Pensijilan program jaminan keselamatan makanan (PJKM)**

Semua premis yang terlibat didalam pengilangan makanan wajib mempunyai Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) sebagaimana dinyatakan didalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan mengeluarkan tiga (3) jenis pensijilan PJKM iaitu Persijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), *Good Manufacturing Practice (GMP)* dan *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*.

**Jadual 5.21: Data bilangan premis yang telah diberi pensijilan dan pengiktirafan di Kuala Lumpur dan Putrajaya tahun 2018**

Bil	Perkara	Bil Pensijilan / Pengiktirafan
1	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)	99
2	<i>Good Manufacturing Practices (GMP)</i>	17
3	<i>Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)</i>	13

**Carta 5.22: Aktiviti Verifikasi kilang pada tahun 2018**



Aktiviti ini merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan pada tahun 2018. Sasaran yang ditetapkan adalah 3 verifikasi / Pegawai Teknologi Makanan di Pejabat Kesihatan (PK).

### **Bengkel dokumentasi manual prosedur bagi program jaminan keselamatan makanan (pjkm)**

Pada 25 Jun 2018, Bengkel Dokumentasi Manual Prosedur Bagi Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) telah diadakan bagi membimbing pengusaha yang terlibat dalam aktiviti pengilangan makanan untuk membangunkan dokumentasi dan manual prosedur sepertimana yang ditetapkan di dalam Pensijilan “Makanan Selamat Tanggungjawab Industri” (MeSTI).

### **Program promosi dan pendidikan keselamatan makanan**

Pelbagai aktiviti promosi keselamatan makanan dijalankan bagi memberikan maklumat dan pengetahuan kepada orang ramai serta pihak industri makanan bagi meningkatkan tahap keselamatan makanan Negara melalui kerjasama interagensi/promosi/advokasi/fasiliti kerajaan untuk mengelakkan kejadian penyakit bawaan air dan makanan

Perancangannya adalah dengan melaksanakan Program Promosi Keselamatan Makanan Secara “Out Reach” Kepada Kumpulan Sasaran Industri/Pengusaha Makanan/Konsumer di mana ianya akan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan makanan sebagai satu keutamaan dan meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran mengenai Food Safety First (FSF). Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

Contoh bahan promosi (pamphlet dan rollup keselamatan makanan) yang diletakkan di pasaraya untuk maklumat pengunjung.

### **Majlis promosi keselamatan makanan sempena bulan ramadhan kepada petugas-petugas penyediaan bubur lambuk di masjid jamek kampung baru.**

Bahagian keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menganjurkan Program Promosi Keselamatan Makanan sempena Bulan Ramadan Kepada Petugas-petugas Bubur Lambuk di Masjid Jamek Kampung Baru pada 21 Mei 2018 / 5 Ramadan 1439H.

Majlis ini dirasmikan oleh Dr. Zainudin bin Abdul Wahab, Pengarah Kesihatan Negeri, JKWP&P yang turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Jamek Kampung Baru, Dato' Idris Shaari bin Mat Aris serta Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah

**Gambar 5.24: Majlis pelancaran dijalankan di ruang foyer Masjid Jamek Kampung Baru**







**Gambar 5.25: Dr. Zainudin bin Abdul Wahab, Pengarah Kesihatan Negeri, JKWPKL&P turut bersama dalam persediaan memasak bubur lambuk**







**Gambar 5.26: Aktiviti Promosi dan Pameran Keselamatan Makanan Peringkat Kebangsaan**

Bil	Nama Program
1	<p>Himpunan Usahawan Bumiputera - 30-31 Mac 2018 - Arena Axiata Bukit Jalil</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div>
2	<p>Selangor International Business Summit 2018 - 8-9 September 2018 - MITEC</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div>

**Gambar 5.27: Promosi dan Pameran Keselamatan Makanan Bersama Agensi Luar**

Bil	Nama Program	Bil	Nama Program
1	Kenduri 1 Wilayah Parlimen Bandar Tun Razak	2	Kenduri 1 Wilayah Parlimen Lembah Pantai
			
3	Kenduri 1 Wilayah Parlimen Setiawangsa	4	Mini Karnival Kesihatan – PUSPANITA KKLW
			

**Gambar 5.28: Aktiviti Promosi dan Pameran Keselamatan Makanan Bersama Pihak Jabatan / Pejabat Kesihatan / Agensi Kesihatan / Komuniti**

Bil	Nama Program	Bil	Nama Program
1	Hari Farmasi Sedunia Peringkat PK Titiwangsa Klinik Kesihatan KL	2	Projek Rintis Pensijilan GMP Bagi Premis Dapur Asrama SBP
			
3	Taklimat Keracunan Makanan SK Setapak	4	Gotong-royong Perdana Peringkat JKWPKL&P 2018 PK Kepong
			

**Gambar 5.29: Aktiviti Promosi dan Pameran Keselamatan Makanan Bersama Pihak Jabatan / Pejabat Kesihatan / Agensi Kesihatan / Komuniti**

Bil	Nama Program	Bil	Nama Program
5	OSH Safety Day 2018 Institut Kanser Negara	6	Pelancaran Nafas Baru Ramadan PK Kepong
			

## 5.5 UNIT PENGURUSAN

### **Program khas: majlis anugerah keselamatan dan kualiti makanan 2018 peringkat wpkl&putrajaya**

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) telah mengadakan Majlis Anugerah Keselamatan dan Kualiti Makanan 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bertujuan memberikan pengiktirafan kepada pengusaha makanan yang berjaya mengurus dengan cemerlang aspek kebersihan dan keselamatan makanan bersama amalan pemakanan sihat di premis masing-masing.

### Objektif utama majlis

Di Majlis yang berbahagia ini, Jabatan Kesihatan memberi penghargaan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam memberi sumbangan bermakna dalam skop keselamatan dan kualiti makanan, iaitu :

- Pensijilan MeSTI – Makanan Selamat Tanggungjawab Industri atau MeSTI untuk para industri makanan;
- Penghargaan kepada pengusaha katering makanan yang berjaya mendapat pensijilan Trust MyCatering;
- Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat atau BeSS kepada premis outlet makanan termasuk kepada usahawan food truck.
- Penghargaan kepada Petugas Keselamatan dan Kualiti Makanan semasa Temasya Kuala Lumpur 2017 atas sumbangan yang telah dicurahkan. Khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Stadium Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan.
- Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kualiti Makanan Cemerlang 2018 yang diberikan kepada Pejabat Kesihatan yang telah berjaya menguruskan aktiviti keselamatan makanan dengan cemerlang dan efektif.

Anugerah dari pelbagai kategori pertandingan telah disampaikan oleh YBhg. Dr. Zainudin Bin Abdul Wahab, Pengarah Kesihatan Negeri, JKWPKL&P yang juga merasmikan majlis ini dengan penuh gemilang. Turut hadir pada majlis ini ialah En. Leong Siew Hong, Pengarah Perancangan, Pembangunan Dasar dan Standard Codex, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia mewakili Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga En. Sazali bin Harun, Timbalan Pengarah Kesihatan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), JKWPKL&P.

## **Pengiktirafan dan pensijilan “makanan selamat tanggungjawab industri” (MESTI)**

Skim Pensijilan “Makanan Selamat Tanggungjawab Industri” (MeSTI) adalah satu program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) yang minima bagi mengawal operasi pemprosesan dalam sesebuah premis pengilangan makanan.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, sebanyak tujuh (7) buah premis pengilangan makanan telah berjaya mendapat pensijilan MeSTI bagi tahun 2018 ini.

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat/Premis</b>
1.	HNR Global Sdn Bhd
2.	Iras Selera Sdn Bhd
3.	NowIsNext Sdn Bhd
4.	Al-Hilal Food Processing Sdn Bhd
5.	Hong Thye Health Food Sdn Bhd
6.	Pacific Sun Enterprise Sdn Bhd
7.	Melon Master Sdn Bhd

## **Penghargaan kepada pengusaha katering pilot projek *Trust MyCatering***

Pensijilan Trust MyCatering ini merupakan pensijilan baru yang diwujudkan bagi mengiktiraf syarikat catering makanan dalam menyumbang kepada perkembangan industri makanan negara serta mewujudkan persaingan sihat untuk industri katering makanan menghasilkan makanan yang selamat.

Untuk peringkat permulaan ini, sebanyak empat (4) pengusaha katering makanan layak mendapat pensijilan ini.

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat/Premis</b>	<b>Nama Wakil</b>
1.	Pepondok Food Services	Azuddin Bin Abdullah
2.	Azrah Enterprise	Siti Azra Binti Mohd Nor
3.	Dapur Nurani Enterprise	Siti Zuhairatun Binti Mohd
4.	Big Onion Food Caterer Sdn. Bhd.	Muhammad Rafi Bin Mat Nasir

Pengiktirafan Bersih Selamat Sihat (Bersih) adalah satu pengiktirafan yang diberikan kepada pengusaha premis makanan bagi menggalakkan penyediaan makanan yang selamat dan sihat. Secara umumnya terdapat empat kriteria utama yang perlu dipatuhi oleh pengusaha premis makanan bagi mendapat pengiktirafan ini iaitu:

- Mengekalkan premis yang bersih
- Menyediakan makanan yang selamat
- Menyediakan makanan yang sihat dan
- Menyediakan makanan dalam Saiz hidangan yang betul mengikut keperluan individu

**Jadual 5.30: Senarai Pencapaian KPI Pengarah Kesihatan Negeri 2018.  
Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan**

Bil	Indikator	National Standard Reference	Applied Standard For State	Numerator / Number	Denominator	Current Performance	Ulasan
1	Peratus produk makanan yang dipantau mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.	≥ 95%	≥ 95%	60	63	95%	Tercapai
2	Bilangan premis pengilangan makanan berdaftar dalam Sistem FoSIM Domestik mendapat pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MESTI)	≥1565	27	34	Tiada	34 (126%)	Tercapai

3	Bilangan premis outlet makanan yang mendapat pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat" (BeSS).	3200	157	165	Tiada	165 (105%)	Tercapai
4	Peratus premis outlet makanan berdaftar diperiksa yang didapati bersih	≥ 85%	≥ 85%	324	354	91.5%	Tercapai
5	Peratus sekolah di bawah KPM yang berlaku episod keracunan makanan	≤ 1.60%	≤ 1.60%	10	329	3.04 %	Tidak tercapai
6	Peratus verifikasi kilang makanan berdasarkan sasaran yang ditetapkan	≥ 85%	≥ 85%	406	384	106%	Tercapai

## 6.0 BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (BKP JKWPKL&P) ditubuhkan pada 1 Januari 2001. Bahagian ini berada di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P). BKP JKWPKL&P diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) yang beribu pejabat di Tingkat 2, Bangunan Cahaya Suria sebelum berpindah ke Pejabat Pentadbiran, Kompleks Kesihatan Wilayah Persekutuan, Jalan Cenderasari pada 16 Mac 2006.

Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya merupakan Pusat Tanggungjawab Perkhidmatan Pergigian seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang terdiri dari 5 Pejabat Kesihatan Pergigian (PKP) dengan jumlah keluasan 291.52 km persegi bagi seramai 1,796,200 orang penduduk (**Jadual 6.0**).

**Jadual 6.0 : Keluasan Kawasan dan Jumlah Penduduk di Kuala Lumpur dan Putrajaya Tahun 2018**

Wilayah Persekutuan	PKP	Kawasan Parlimen	Keluasan (km)	Jumlah Keluasan	Jumlah Penduduk
Kuala Lumpur	Lembah Pantai	Lembah	21.36	242.21	1,796,200
		Seputeh	21.17		
		Bukit	15.95		
	Kepong	Kepong	11.73		
		Segambut	50.97		
		Batu	20.93		
	Titiwangsa	Titiwangsa	14.41		
		Wangsa	15.96		
		Setiawangsa	16.94		
	Cheras	Cheras	14.47		

		Bandar Tun	38.32		
Putrajaya	Putrajaya	Putrajaya	49.31	49.31	91,900

**\*Sumber data: Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Perangkaan WPKL&P**

## 6.1 PENGURUSAN SUMBER

### Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2018, BKP JKWPKL&P telah menerima sebanyak **RM52,213,218.55**. Peruntukan kewangan untuk BKP JKWPKL&P adalah melalui sumber berikut:

**Jadual 6.1 : Peruntukan dan Perbelanjaan 2018**

Aktiviti	Kod Objek	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	% Perbelanjaan
030100 (Pengurusan)	10000/ 20000	2,293,740. 00	2,293,740. 00	2,293,740.00	100%
030200 (Pergigian Primer)	10000/ 20000	37,834,800 .00	37,834,800 .00	37,744,635.28	99.76%
030300 (Masyarakat)	10000/ 20000	2,286,100. 00	2,286,100. 00	2,254,950.84	98.63%
030400 (Kepakaran)	10000/ 20000	8,856,709. 00	8,856,709. 00	8,856,709.0	100%
080600 (Perkhidmata)	10000/ 20000	113,928.44	83,748.70	83,748.70	100%

n Sokongan Klinik)					
<b>Sumber Peruntukan Pembangunan</b>					
00105 (Latihan)	20000	26,000.00	25,996.00	25,996.00	100%
00600 (Ubahsuai, Naik Taraf & Pembaikan)	20000	214,451.00	211,758.85	211,758.85	100%
01100 (Peralatan dan Kenderaan)	42000	450,331.00	450,331.00	442,943.44	98.36%
<b>Sumber Peruntukan Mengurus</b>					
Dasar Sedia Ada	50000	0.00	0.00	0.00	0.00
Bekalan Aset	50000	0.00	0.00	0.00	0.00
Rehab	50000	0.00	0.00	0.00	0.00
Sektor Strategik	121101	0.00	0.00	0.00	0.00
Pemantapan Program Pengurusan	120100	0.00	0.00	0.00	0.00
022501 (NBOS)	42000	170,000.00	170,000.00	169,992.87	99.99%
<b>Jumlah</b>		<b>52,246,059.44</b>	<b>52,213,218.55</b>	<b>52,084,474.98</b>	<b>99.75%</b>

BKP JKWPKL&P tidak menerima peruntukan bagi Dasar Sedia Ada semenjak tahun 2016 kerana Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) yang dikendalikan oleh *Quantum Medical Solutions Sdn Bhd* (QMS) telah mula dilaksanakan pada 16 Januari 2015 dan penyenggaraan / pembaikan aset pergigian diambil alih pihak konsesi.

Secara keseluruhan, BKP JKWPKL&P telah membelanjakan 99.57% (RM 52,084,474.98 berbaki sebanyak RM128,743.57) dari peruntukan yang diterima. Ia masih belum mencapai Sasaran Kerja Tahunan TPKN(G) yang ditetapkan (100%) dan boleh ditambahbaik untuk tahun-tahun akan datang.

#### **Pengurusan sumber manusia**

Personel Pergigian di BKP JKWPKL&P terdiri daripada Pakar Pergigian, Pegawai Pergigian, Auksiliari & Paramedik Pergigian (Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Kesihatan) dan Kumpulan Sokongan (Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan). Sehingga 31 Disember 2018, terdapat 913 perjawatan untuk BKP JKWPKL&P dan sebanyak 833 (91.24%) pengisian perjawatan telah diisi **(Jadual 6.2)**.

**Jadual 6.2 : Perjawatan BKP JKWPKL&P Mengikut Kategori (Sehingga 31 Disember 2018)**

<b>Bil</b>	<b>Kategori Kumpulan Jawatan</b>	<b>Bil. Perjawatan</b>	<b>Pengisian</b>	<b>Kosong</b>
1	Pengurusan Tertinggi (JUSA)	7	5	2
2	Profesional & Pengurusan	223	206	17
3	Paramedik & Auksiliari	437	415	22
4	Sokongan & Gunasama	246	207	39
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>913</b>	<b>833</b>	<b>80</b>

Mulai tahun 2017 terdapat pelantikan secara kontrak bagi jawatan Pegawai Pergigian Gred UG41 yang diberi tempoh kontrak selama tiga (3) tahun. Pelantikan jawatan ini tidak melibatkan sebarang penambahan jawatan baru tetapi hanya melibatkan penambahan jumlah pengisian (*body*) sahaja.

Sejak tahun 2017, terdapat peningkatan dalam pengisian Personel Pergigian yang diterima melalui kaedah pindah butiran / tukar ganti (*trade off*) dari jenis jawatan lain sama ada dalam bahagian ini sendiri atau dari negeri-negeri lain. Ini menunjukkan tetap ada perkembangan jumlah perjawatan dan pengisian personel pergigian walaupun permohonan jawatan baru masih belum boleh dimohon atau diluluskan dari peringkat atasan.

Kementerian telah meneliti dan bersetuju menyelaraskan semula jawatan dan aktiviti di bawah Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM). Penyelarasan semula ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat JDPKP bil.4 Tahun 2017 yang mana telah menetapkan fungsi-fungsi bagi setiap aktiviti dalam Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehubungan itu, negeri telah mencadangkan penyelarasan semula jawatan di setiap fasiliti dengan mengambil kira keperluan berdasarkan *Outfit* Perjawatan yang dikeluarkan oleh Program Kesihatan Pergigian KKM. *Outfit* Perjawatan ini adalah sebagai garis panduan (*guidelines*) bagi menyemak keperluan tenaga kerja berdasarkan jumlah kedatangan pesakit, bilangan kerusi pergigian, jenis fasiliti (KK Besar hingga KK5) serta perkhidmatan yang disediakan di sesebuah fasiliti selain perkhidmatan pergigian primer. Penyelarasan semula ini juga melibatkan arahan yang telah dikeluarkan dimana tiada lagi Penempatan Secara Pentadbiran (*pinjam post*) boleh dibuat.

## 6.2 CAWANGAN DASAR PERANCANGAN STRATEGIK DAN KESIHATAN PERGIGIAN

### Epidemiologi dan penyelidikan kesihatan pergigian

Selain dari memberikan perkhidmatan rawatan, pencegahan dan promosi kesihatan pergigian, bahagian ini juga menjalankan projek penyelidikan *Health System Research (HSR)* dengan tujuan penambahbaikan perkhidmatan.

**Jadual 6.3 : WPKL/Putrajaya - Status Projek HSR Tahun 2013 – 2018**

No	Indicator	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1	Number of active research projects per year (New/ On-going/ Completed)	1	15	13	14	10	14
2	Presentation Oral/Poster	0	0	2	3	3	16
3	Publication	0	0	0	1	3	3

**Jadual 6.4 : Status Projek HSR Tahun 2018**

No	Indicators	Target		Responsibility
		National	State	
1	Number of active research projects per year	3	14 (Completed/ New/ On-going) • 7 completed	HSR Advisory Committee

			<ul style="list-style-type: none"> <li>• 7 ongoing</li> </ul> <p>* 10 case studies are not included as active research projects</p>	
<b>2</b>	<i>Presentation Oral/Poster</i>	3	17	<i>HSR Advisory Committee</i>
<b>3</b>	<i>Publication</i>	1	<p>3</p> <p>2 in <i>Annals of Dentistry University of Malaya</i> 2018</p> <p>1 in <i>Malaysian Journal of Public Health Medicine (Supplement 2)</i> 2018</p>	<i>HSR Advisory Committee</i>

## KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN


### Perkhidmatan kepakaran bedah mulut dan maksilofasial

Klinik Pakar Bedah Mulut yang terletak di aras G Hospital Putrajaya mula beroperasi pada 1 September 2001, namun masa itu komponen pergigian tidak terdapat di dalam sistem THIS (*Total Hospital Information System*). Pakar Pergigian Bedah Mulut telah ditempatkan untuk membangun dan melengkapkan klinik dan Sistem HIS Pergigian . *Trial run* sistem telah di buat dan pada tahun 2002 mula menerima pesakit sepenuhnya. Bedah Mulut merupakan salah satu perkhidmatan kepakaran dalam Perkhidmatan Kesihatan Pergigian. Jabatan Bedah Mulut Hospital Putrajaya yang beroperasi sebagai *hospital-based* klinik merupakan pusat rujukan kes trauma dan bukan trauma yang melibatkan bahagian maksilofasial dan mulut.

### Statistik

Kedatangan pesakit luar Klinik Bedah Mulut menunjukkan peningkatan untuk 5 tahun kebelakangan. Pada 2014 sehingga 2016 menunjukkan peningkatan ketara manakala pada 2017 dan 2018 bilangan pesakit yang hadir di klinik bedah mulut mencapai bilangan yang hampir setara.

**Rajah 6.5 : Kedatangan Pesakit Dalam & Luar ke Klinik Bedah Mulut Tahun 2014–2018**



**Jadual 6.6 : Kedatangan ke Klinik Pakar Bedah Mulut Mengikut Umur Tahun 2014–2018**

Umur (Tahun)	2014	2015	2016	2017	2018
0-1	27	55	96	99	125
1-4	132	104	109	180	214
5-6	91	79	52	77	108
7-12	106	101	97	129	193
13-17	167	205	254	285	233
18-29	1643	1755	1971	2253	2101

30-59	2042	2326	2589	3034	3039
60 keatas	456	504	443	552	572
<b>Jumlah</b>	<b>4664</b>	<b>5129</b>	<b>5611</b>	<b>6609</b>	<b>6585</b>


Kumpulan pesakit berusia dalam lingkungan 30 sehingga 59 tahun adalah yang terbanyak dirawat di klinik pakar bedah mulut Hospital Putrajaya.

**Jadual 6.7 : Bilangan Prosedur / Ujian (Tertinggi) Bagi Tahun 2014-2018**

Bil	Prosedur / Ujian	Pencapaian					
		2014	2015	2016	2017	2017	2018
1	Pembedahan <i>Dentoalveolar/ MOS</i>	675	711	664	901	901	824
2	Trauma						
	i. Rawatan kecederaan tulang	148	127	146	103	103	89
	ii. Rawatan kecederaan tisu lembut & rawatan kecederaan gigi	165	122	150	517	517	602
3	Restoratif / Preventif	807	659	593	571	571	611
4	Pengambilan Radiograf Luar Mulut ( <i>Conebeam</i> )	870	1078	1223	1413	1413	1357

**Jadual 6.7** menunjukkan prosedur pembedahan kecil masih merupakan prosedur tertinggi klinik ini. Prosedur preventif dan restoratif menunjukkan penurunan selaras dengan polisi jabatan untuk mengutamakan rawatan bedah mulut dan juga memandangkan Klinik Pergigian KP18 telah beroperasi yang menawarkan rawatan restoratif dan periodontik. Tidak banyak perbezaan bagi rawatan trauma dan kecederaan tisu lembut, Prosedur Pengambilan Radiograf Luar Mulut meningkat dari tahun ke tahun kerana kes-kes rujukan yang diterima dari klinik-klinik Pergigian yang berhampiran (Kerajaan & Swasta).

**Rajah 6.8: Bilangan Rawatan Pembedahan Di Bawah Pembiusan Am Tahun 2014–2018**



**Rajah 6.8** menunjukkan pada tahun 2018 jumlah rawatan di bawah pembiusan am menurun sebanyak 12% berbanding dengan tahun sebelumnya, Jadual rawatan Pembedahan di bawah pembiusan am dilakukan setiap hari Selasa setiap minggu dan hari Sabtu minggu ke 4 setiap bulan, Ada juga ada kes kecemasan yang memerlukan rawatan dibuat dengan segera, tanpa mengikut jadual yang ditetapkan.

### **Perkhidmatan kepakaran ortodontik**

Ortodontik adalah cabang sains pergigian yang menitikberatkan pertumbuhan muka, perkembangan gigi dan oklusi, serta diagnosis, pintasan dan rawatan maloklusi.

Perkhidmatan kepakaran ortodontik boleh didapati di lima (5) klinik pergigian iaitu di KP Cahaya Suria, KP Bangsar, KP Dato Keramat, KP Presint 18 Putrajaya dan KP Kuala Lumpur. Unit Ortodontik di KP Kuala Lumpur mula beroperasi pada bulan Ogos 2017.

Aktiviti utama (skop) perkhidmatan kepakaran ortodontik adalah memberi perkhidmatan perundingan kepada pesakit yang dirujuk dan rawatan kepada yang didapati memerlukan. Rujukan diterima dari seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan dari sekitar Negeri Selangor. Rujukan kes dalam rawatan aktif diterima dari seluruh negara kerana pesakit belajar di Universiti/Kolej di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Bagi rujukan baru, hanya pesakit yang mempunyai Indeks Keperluan Rawatan Ortodontik yang tinggi iaitu IOTN 4 dan 5 diterima untuk rawatan. Sebahagian pesakit yang mempunyai IOTN 3 diterima kerana faktor lokal (*local factors*). Keutamaan diberikan kepada pesakit yang memerlukan rawatan pintasan, modifikasi tumbesaran tulang rahang dan kes-kes kecederaan. Pesakit lain dimasukkan dalam senarai menunggu.

### **Statistik**

Klinik Pergigian Kuala Lumpur mula beroperasi pada bulan Ogos 2017 dan mempunyai senarai menunggu seramai 30 orang berbanding 14 orang pada tahun 2017. Ini disebabkan Pakar Ortodontik telah cuti bersalin diikuti dengan cuti tanpa gaji selama 2 tahun mulai 26 Februari 2018 dan belum ada pengganti.

Senarai menunggu di KP Dato Keramat meningkat kepada 439 berbanding 403 pada tahun 2017. Ini disebabkan Pakar Ortodontik dari Dato Keramat mempunyai beban kerja kes aktif yang banyak kerana terpaksa merawat kes aktif sediaada di KPKL.

**Jadual 6.9 : Senarai Menunggu Rawatan Ortodontik Sehingga Tahun 2018**

Unit Ortodontik	Bilangan Pakar	Senarai Menunggu	
		2017	2018
KP Cahaya Suria	4 (1 warta)	679	366
KP Bangsar	2 (1 warta)	437	574
KP Dato' Keramat	2	403	439
KP Putrajaya Presint 18	1	194	144
KP Kuala Lumpur	1	14	30

Senarai menunggu di KP Bangsar meningkat kepada 574 berbanding 437 pada tahun 2017 kerana Pakar Klinikal hanya bertugas selama 3 bulan dan telah meletak jawatan pada hujung bulan Mac 2018. Selain itu, rujukan kes aktif yang tinggi dari negeri lain menyebabkan kes dari senarai menunggu tidak dapat dimulakan rawatan.

Terdapat penurunan senarai menunggu bagi KP Cahaya Suria kerana terdapat pertambahan sumber manusia dengan kehadiran Pakar Pergigian Klinikal (ortodontik) yang sedang menjalankan proses pewartaan. Kehadiran Pakar Pergigian Klinikal (ortodontik) telah membantu dalam rawatan pesakit dan secara langsung mengurangkan senarai menunggu.

Bagi KP Putrajaya Presint 18 terdapat penurunan senarai menunggu kepada 144 orang berbanding 194 orang pada tahun 2017.

**Jadual 6.10 : Bilangan Pesakit Rujukan Tahun 2014–2018**

Tahun	Klinik				
	KPCS	KP D. Keramat	KP Bangsar	KP Presint 18 Putrajaya	KPKL
<b>2014</b>	536	202	206	0	0
<b>2015</b>	510	212	133	98	0
<b>2016</b>	454	114	112	456	0
<b>2017</b>	166	313	268	372	66
<b>2018</b>	284	254	154	339	69


Perkhidmatan Pergigian Ortodontik sebagai perkhidmatan sekunder bergantung kepada rujukan pesakit dari perkhidmatan primer.

Terdapat peningkatan sebanyak 71% pesakit dirujuk ke KP Cahaya Suria kerana klinik telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2018 selepas perpindahan ke UTC Pudu Sentral pada bulan November 2017. Terdapat penurunan pesakit dirujuk ke KP Dato Keramat (19%) dan KP Bangsar (42%) berbanding tahun 2017 kerana ramai pesakit dirujuk semula ke KPCS.

Mengenai isu rujukan, strategi dan cadangan adalah;

1. Memberi penekanan kepada Pegawai Pergigian serta Jururawat Pergigian untuk mengenalpasti kes-kes yang memerlukan rawatan pintasan dan rawatan modifikasi tumbesaran tulang rahang semasa membuat saringan pesakit di sekolah-sekolah.
2. Merujuk kes tersebut di atas bertepatan masa.

**Rajah 6.11 : Kedatangan Pesakit ke Unit Ortodontik WPKL Tahun 2014–2018**



Secara keseluruhan jumlah kedatangan pesakit telah bertambah sebanyak 15% dalam tahun 2018 (22,762) berbanding dengan tahun 2017 (19,823). Ini disebabkan pertambahan pesakit ulangan sebanyak 24%.


**Jadual 6.12 : Kedatangan Pesakit Mengikut Umur Tahun 2014–2018**

Kategori Pesakit	Bilangan Pesakit Baru					Bilangan Pesakit Ulangan				
	2014	2015	2016	2017	2018	2014	2015	2016	2017	2018
<6 tahun	2	1	0	0	0	0	0	1	0	0
7-12 tahun	208	213	265	275	257	334	434	447	400	498
13-17 tahun	1861	1660	1792	2106	1825	4209	4635	4703	4507	5149
18-29 tahun	2461	2697	2760	3293	3096	7797	8614	8413	8852	11438
30-59 tahun	45	54	78	106	117	133	142	185	284	382

>18 tahun	2506	2751	2838	3399	3213	7930	875 6	8598	9136	11820
<b>Jumlah</b>	4577	4625	4895	5780	5295	1247 3	138 26	1374 9	1404 3	17467


Mengikut kategori umur pesakit, kedatangan paling ramai adalah dari kategori 18-29 tahun diikuti kategori 13-17 tahun. Pesakit dari kategori umur 18-29 tahun paling ramai kerana terpaksa menunggu giliran sebelum mendapat rawatan dan jangkamasa rawatan yang lama iaitu 2-5 tahun.

**Rajah 6.13 :Bilangan Pesakit Mengikut Jenis Maloklusi Dalam Tahun 2014–2018**



Mengikut jenis maloklusi, pesakit paling ramai dari Class II Div 1 dan paling sedikit dari Class II Div 2. Pesakit yang mempunyai maloklusi Class II boleh diberi rawatan modifikasi tumbesaran tulang rahang menggunakan aplians fungsi jika dirujuk bertepatan masa (*timely referral*), iaitu 10-12 tahun bagi kanak-kanak perempuan dan 12-14 tahun bagi kanak-kanak lelaki.

Rajah 6.14 : Beban Kerja Pakar di Unit Ortodontik Tahun 2016 – 2018



#### a. Perundingan 1

Beban kerja Perundingan 1 meningkat 71% di KP Cahaya Suria dan 55% di KP Kuala Lumpur berbanding 2017 kerana jumlah rujukan yang meningkat.

Terdapat penurunan 27% di KP Bangsar dan 2% di KP Dato Keramat berbanding tahun 2017 kerana jumlah rujukan yang menurun. Ini disebabkan ramai pesakit dirujuk ke KP Cahaya Suria setelah ia beroperasi sepenuhnya selepas perpindahan ke UTC Pudu Sentral pada bulan November 2017.

Bagi KP Putrajaya Presint 18 pula, terdapat penurunan sebanyak 9% berbanding tahun 2017 kerana jumlah rujukan yang menurun.

**b. Jumlah Perundingan 2**

Beban kerja bagi Perundingan 2 meningkat sebanyak 45% di KP Putrajaya Presint 18 dan 26% di KP Bangsar berbanding tahun 2017. Terdapat penurunan 9% di KP Cahaya Suria dan 4% di KP Dato Keramat berbanding tahun 2017. Ini disebabkan kes aktif sedia ada dari tahun 2016 dan 2017 sudah ramai dan tidak mampu untuk mengambil lebih ramai pesakit untuk Perundingan 2.

**c. Apliance Tetap**

Secara keseluruhan bilangan Apliance Tetap yang dipasang meningkat pada tahun 2018 berbanding 2017. Ini disebabkan peningkatan sebanyak 84% di KP Dato Keramat, 48% di KP Bangsar, 36% di KP Kuala Lumpur dan 33% di KP Putrajaya Presint 18. Terdapat penurunan sebanyak 1% bagi KP Cahaya Suria berbanding tahun 2017.

**d. Tamat Rawatan Aktif**

Secara keseluruhan bilangan pesakit tamat rawatan aktif meningkat pada tahun 2018 berbanding 2017. Ini disebabkan peningkatan sebanyak 23% di KP Cahaya Suria, 30% di KP Bangsar, 22% di KP Kuala Lumpur dan 103% di KP Putrajaya Presint 18. Terdapat penurunan sebanyak 31% di KP Dato Keramat berbanding tahun 2017.

**Unit kepakaran periodontik**

Unit Kepakaran Periodontik WP Kuala Lumpur & Putrajaya terdiri daripada Unit Periodontik yang bertempat di empat(4) lokasi iaitu:


**Jadual 6.15 : Senarai Lokasi Unit Pakar Periodontik**

Bil	Lokasi Unit	Beroperasi Sejak
1.	Unit Pakar Periodontik, KP Cahaya Suria (KPCS)	1987
2.	Unit Pakar Periodontik, KP Cheras	April 2013
3.	Unit Pakar Periodontik, Presint 18 Putrajaya	Ogos 2015
4.	Unit Pakar Periodontik, KP Kuala Lumpur (KPKL)	Mei 2017


**Statistik**

Graf di atas menunjukkan kedatangan pesakit ke Unit Pakar Periodontik WP Kuala Lumpur & Putrajaya selama 5 tahun. Secara keseluruhannya, jumlah kedatangan pesakit semakin meningkat dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun terdapat penurunan kedatangan pesakit sebanyak 13.4% pada tahun 2017. Ini adalah disebabkan proses perpindahan Klinik Pergigian Cahaya Suria ke bangunan UTC Puduraya pada tahun tersebut.

**Rajah 6.16 : Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Unit Periodontik WPKL & P Tahun 2014–2018**



**Rajah 6.17: Bilangan Kes Perundingan dan Penskaleran / Pendebridmen Subgingiva Tahun 2014–2018**



Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan di dalam ketiga-tiga prosedur perundingan, penskaleran dan pendebridmen subgingiva. Terdapat sedikit penurunan pada 2017 di dalam ketegori kes perundingan dan penskaleran sebagaimana ditunjukkan dalam **Rajah 6.17**.


**Jadual 6.18 : Pembedahan Yang Dijalankan Bagi Tahun 2014–2018**

Jenis Pembedahan	2014	2015	2016	2017	2018
Flap	106	122	118	114	140
Gingivektomi	58	75	70	144	79
Graft	45	39	33	42	72
Implan	37	23	46	30	39
Terapi Regenerasi	13	17	25	16	52
Frenektomi	33	31	23	39	19
Amputasi/Hemiseksi	7	12	7	7	1

Peninggian Korona	9	6	12	18	18
<b>JUMLAH</b>	<b>308</b>	<b>325</b>	<b>334</b>	<b>410</b>	<b>420</b>

**Jadual 6.18** di atas menunjukkan taburan pembedahan yang dijalankan di Unit Pakar Periodontik WPKL&P. Pembedahan yang dilakukan di Unit Pakar Periodontik adalah mengikut indikasi kes, kesedaran dan persetujuan daripada pesakit itu sendiri.


**Rajah 6.19: Bilangan Kes Fasa Pengekalan dan Kes Selesai Tahun 2014–2018**




**Rajah 6.19** di atas menunjukkan peningkatan bilangan kes fasa pengekalan dan kes selesai. Ini selari dengan pertambahan pesakit yang dirawat dari tahun ke setahun di Unit Pakar Periodontik WPKL&P.

Berdasarkan graf-graf di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan bilangan pesakit dari tahun ke setahun sekaligus lebih banyak prosedur rawatan diberikan kepada pesakit. Ini menggambarkan beban kerja pakar periodontik semakin bertambah, dengan limitasi yang sedia ada. Graf di bawah menunjukkan beban kerja pakar di setiap unit :


**Rajah 6.20: Beban Kerja Pakar di Unit Periodontik Tahun 2014 – 2018, mengikut unit : Kedatangan Pesakit**



**Rajah 6.21 : Beban Kerja Pakar di Unit Periodontik Tahun 2014 – 2018, mengikut unit : Kes Nonsurgikal: Perundingan, Penskaleran Dan Pendebridmen Subgingival**



**Rajah 6.22: Beban Kerja Pakar di Unit Periodontik Tahun 2014 – 2018, mengikut unit: Kes Pembedahan**



### Unit kepakaran pergigian restoratif


Kepakaran Pergigian Restoratif adalah antara perkhidmatan kepakaran pergigian yang muda di dalam KKM. Ditubuhkan selewat tahun 2004 bermula dengan hanya seorang pakar, kini telah berkembang dengan pesatnya seiring dengan kepentingan perkhidmatan. Bilangan tujuh orang pakar dikekalkan di WPKL dan Putrajaya seperti tahun sebelumnya. Jumlah terkini bilangan Pakar Pergigian Restoratif di dalam KKM adalah seramai 34 orang. Selain daripada itu terdapat 4 orang sedang menjalani tempoh pewartaan dan 4 orang lagi dijangka menyertai kepakaran pada tahun 2019.

### Statistik

Kedatangan baru untuk 2018 menunjukkan peningkatan daripada tahun sebelumnya walaupun pada kadar sederhana. Ini kerana unit pakar di KPKL telah mampu beroperasi sepenuhnya. Walaupun unit pakar di KPCS (sementara) turut beroperasi bermula penghujung Januari 2018, namun pakar daripada KPKL yang juga menjalankan tugas Ketua Pakar Negeri hanya mampu datang untuk memberi rawatan sebanyak dua kali seminggu

iaitu Khamis dan Jumaat sekiranya tiada tugas rasmi lain. Ini berlanjutan sehingga penghujung Oktober apabila Dr Roshima Mohd Sharif, Pakar Perunding Pergigian Restoratif Gred Khas C menerima kenaikan pangkat dan dipindahkan daripada Melaka ke Unit Pakar Pergigian Restoratif, KPCS (sementara).

**Rajah 6.23: Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan ke Klinik Pakar Restoratif Tahun 2013–2018**



Seiring dengan kedatangan baru, kedatangan ulangan turut meningkat. Data menunjukkan bagaimana rawatan kepakaran ini memerlukan temujanji yang kerap bagi satu-satu jenis rawatan dan faktor ini turut meghadkan jumlah kedatangan baru yang mampu diterima dalam satu tahun.

**Jadual 6.24 : Rawatan Endodontik, Korona dan Jambatan Yang Dijalankan dan Kes Selesai Tahun 2013–2018**

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
<b>Endodontik</b>	457	563	478	514	439	599
<b>Korona</b>	356	345	364	418	314	401

<b>Jambatan</b>	132	191	222	488	196	171
<b>Kes Selesai</b>	337	624	598	918	825	990

Data jenis-jenis rawatan yang telah diberikan dan bilangan kes selesai dalam tahun 2018 di atas turut menunjukkan peningkatan. Seperti mana yang sedia maklum, kepakaran mengamalkan proses saringan pesakit - *Restorative Dental Index of Treatment Need (RDITN)* - di mana sepatutnya kes yang skor indeks kompleksiti 3 akan diterima untuk rujukan. Kepakaran sedia membantu pegawai pergigian di dalam memberi rawatan skor indeks 2 atau pun menerima rujukan tersebut sekiranya ada keperluan dan tiada kengkangan.

Kepakaran turut ambil maklum akan situasi terkini di mana masalah peruntukan merupakan kengkangan utama di peringkat perkhidmatan pergigian primer di dalam memberi rawatan skor indeks 1 dan 2. Walau bagaimanapun, kesemua perkhidmatan secara amnya menerima peruntukan yang berpada. Pesakit luar harus diberi maklumat mengenai masih ramai pesakit skor indeks 3 yang masih menunggu giliran untuk menerima rawatan di kesemua unit pakar di seluruh negara dan kumpulan ini akan diberikan keutamaan. Ini adalah dengan harapan supaya mereka terutamanya skor indeks 1 faham akan situasi sebenar dan boleh berusaha mencari alternatif lain bagi mendapatkan rawatan.

### **Unit kepakaran pergigian keperluan khas**

Perkhidmatan pergigian yang ditawarkan adalah untuk golongan keperluan khas yang berumur 16 tahun dan ke atas, yang mempunyai kesihatan mulut yang terjejas akibat daripada masalah kurang upaya atau masalah kesihatan. Klinik hanya menerima *'in-house referral'* sahaja.

Pesakit keperluan khas adalah yang seperti berikut :


- a) Ketidakupayaan intelektual atau pertumbuhan pada tahap sederhana atau teruk eg, Down's Syndrome, Autism Spectrum Disorder, Intellectual Disability.
- b) Ketidakupayaan fizikal yang menghadkan pergerakan harian eg, Cerebral Palsy, lumpuh disebabkan trauma, strok, amputi.
- c) Masalah perubatan kompleks eg, masalah pendarahan, warga emas yang menghidap pelbagai penyakit dan polifarmasi, rawatan untuk individu yang telah menjalankan rawatan radioterapi di bahagian kepala dan leher.
- d) Ketidakupayaan dari segi psikologi dan psikiatri yang memberi impak kepada kebersihan mulut eg, *depression, acquired brain injury*.

Perkhidmatan pergigian yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- a) Konsultansi dan pemeriksaan pergigian
- b) *Behaviour management*
- c) Terapi pencegahan topikal
- d) *Scaling, prophylaxis*
- e) Rawatan restorasi – amalgam, tampalan sewarna, *dressing*
- f) Cabutan gigi biasa dan surgikal
- g) Pembuatan gigi palsu
- h) Pembuatan splint
- i) Rawatan paliatif
- j) *Oral toileting*
- k) *Soft Tissue Injury*
- l) *Ward Rounds* – kecemasan (pendarahan, *TMJ dislocation*), *immobile patients*

## Statistik

**Rajah 6.25: Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan dari Tahun 2015 – 2018 ke Klinik Pakar Pergigian Keperluan Khas**



## PERKEMBANGAN PROFESSION KESIHATAN PERGIGIAN

Merancang, melaksana, mengurus dan memantau perkembangan profession Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dalam bentuk latihan dan mengkoordinasi hala tuju laluan kerjaya untuk memperkasakan anggota kesihatan pergigian yang berkebolehan dan berkompentensi seperti berikut:

1. Menyelia dan memantau pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan selaras Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSA) melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan kepada semua anggota pergigian.
2. Menyelia dan memantau penyediaan pelaporan dan pemantauan secara berkala.
3. Menyelia dan memantau perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan inisiatif perkembangan profesion Pegawai Pergigian.
4. Menyelia dan memantau penyelarasan pembangunan profesion Pegawai Pergigian dan Auksiliari Pergigian melalui latihan dan pembelajaran berterusan.
5. Tugas-tugas lain:

- i. Menyelaras penempatan / *attachment* klinikal pelajar ijazah doktor pergigian.
- ii. Menyelaras penempatan / *attachment* pelajar kesihatan awam pergigian.
- iii. Menyelaras lawatan sambil belajar pelajar pergigian ke Klinik-Klinik Pergigian di WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

**Keputusan data**

**Jadual 6.26 : Latihan Dalam Perkhidmatan Bagi Tahun 2019**

Pencapaian	Tahun 2019			
	2017	2018	Sasaran	Pencapaian
<b>1. Memantau pencapaian latihan anggota</b>				
a) Kumpulan JUSA	100%	100% (N=6)	100% (N=6)	
b) Kumpulan P & P	98.08%	98.14% (317/323)	N=323	
c) Kumpulan Sokongan	97.18%	95.67% (597/624)	N=624	
<b>2. Memantau status perbelanjaan latihan untuk dilapor semasa Mesyuarat Kewangan</b>				
a) Jumlah Peruntukan	RM48000	RM26000	RM26000	
b) Jumlah Perbelanjaan	RM47918 (97.15%)	RM25996 (RM4 ditarik)	100%	
<b>3. Memastikan 100% anggota Pergigian telah menjalani latihan 7 hari setahun</b>				
Jumlah Kehadiran	75.8%	96.53%	100%	

		(920/953)		
<b>Memastikan laporan perbelanjaan LDP dihantar ke Unit Latihan, JKWPKL dan Program Kesihatan Pergigian KKM pada 15 hb setiap bulan</b>				
	100%	100%		
	(12 laporan)	(12 laporan)	100%	


**Jadual 6.27: Mempertingkatkan Perkembangan Sumber Manusia Kesihatan Pergigian**

Pencapaian			Tahun 2019	
	2017	2018	Sasaran	Pencapaian
<b>1. Pendidikan Pasca Ijazah Pergigian</b>				
- CBBP dengan atau tanpa HLP dan CBTG	5	4	19 permohonan	3
<b>2. Latihan Pasca Asas Pergigian (Pos Basik)</b>				
- Juruteknologi dan Juruterapi Pergigian	3 JP Periodontik	1 JP Orthodontik		
<b>3. Advanced Competency Programme (ACP)</b>				
- Pakar	-	1 Pakar (Periodontik)	1 Pakar (Restoratif)	

### Trending / Status

Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi anggota pergigian dengan menyediakan latihan yang bersesuaian di mana latihan tersebut bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi mata CPD 7 hari dan ke atas tetapi yang yang paling utama adalah untuk menambahbaik perkhidmatan kesihatan pergigian.

**Rajah 6.28: WPKL/Putrajaya - Laporan Pencapaian Kehadiran Latihan Tahun 2015 – 2018**



### KUALITI KESIHATAN PERGIGIAN

#### MS ISO 9001:2015

MS ISO 9001:2015 merupakan *standard* terkini ISO yang memperkenalkan 'Pemikiran Berdasarkan Risiko' dan 'Fokus terhadap Pelanggan' ke dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Skop SPK juga merangkumi konteks luaran dan dalaman serta keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan. Pada tahun 2018, 20 daripada 20 buah klinik pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah berjaya disijilkan dengan MS ISO 9001:2015.

Bil	Tahun	Jenis Audit
1	15-16 Dis 2004	<i>Certification</i> (Pensijilan) Pejabat TPK(G) Dan KP Bangsar
2	23-25 Nov 2005	<i>Surveillance</i> (Pemantauan) <i>Extension of Scope &amp; Multisite</i>
3	18-19 Dis 2006	<i>Surveillance 2</i> (Pemantauan)
4	26-29 Nov 2007	<i>Re-Certification</i> (Pensijilan Semula)
5	11-12 Dis 2008	<i>Surveillance</i>
6	27-30 Okt 2009	<i>Surveillance 2</i> (Pemantauan) <i>Extension of Scope: Restorative Services</i>
7	6-8 Okt 2010	<i>Re-Certification</i> (Pensijilan Semula) Versi 9001:2008
8	15-17 Nov 2011	<i>Surveillance</i> (Pemantauan)
9	20-22 Nov 2012	<i>Surveillance 2</i> (Pemantauan)
10	29-31 Okt 2013	<i>Re-Certification</i> (Persijilan Semula) Versi 9001:2008
11	4-5 Nov 2014	<i>Surveillance</i> (Pemantauan)
12	3-4 Nov 2015	<i>Surveillance 2</i> (Pemantauan)
13	30 Nov-2 Dis 2016	<i>Re-Certification</i> (Persijilan Semula) Versi 9001:2008
14	9-11 Okt 2017	<i>Surveillance &amp; Upgrading Version</i> MS ISO 9001:2015
15	24-26 Sept 2018	<i>Surveillance 2 &amp; Extension of Scope &amp; Multisite: KP Puspanitapuri</i>

**Jadual 6.29: Sejarah Audit Pensijilan ISO 9001:2000 hingga 9001: 2015 dan Senarai Fasiliti yang Mendapat Pensijilan MS ISO 9001:2015 Tahun 2018**

## Laporan audit dalaman 2018

### Skop audit dalaman

1. Meliputi semua aktiviti pengurusan Program Kesihatan Pergigian dan Penyampaian Perkhidmatan dan melibatkan semua Pejabat Kesihatan Pergigian, Klinik Pergigian Primer dan Unit Keperawatan Pergigian dibawah JKWPKL&P termasuk Pejabat TPKN(G).
2. Perluasan skop audit merangkumi Klinik Pergigian Kuala Lumpur dan Klinik Pergigian PUSPANITAPURI.
3. Skop audit juga berpandukan versi terkini MS ISO 9001:2015 dimana menggunakan 10 klausa baru

### Pelaksanaan audit


1. Audit Dalaman 2018 telah dijalankan selama 9 hari dalam tempoh 26 Jun 2018 sehingga 6 Julai 2018. (Rujuk Jadual Lawatan Audit Dalaman 2018 – **Lampiran 1**)
2. Pasukan Audit Dalaman 2018 terdiri daripada 23 orang Juruaudit Dalaman termasuk beberapa auditor yang baru dilantik. (Senarai nama Pasukan Audit Dalam 2018 – **Lampiran 2**)
3. Proses pengauditan telah dilaksanakan secara *cross-auditing* bagi memastikan penemuan yang diperolehi adalah telus.
4. Lawatan pasukan audit Dalaman pada 2018 telah menemui sebanyak 141 minor NCR (*Non-Conformity Report*) dan 58 OFI (*Opportunity For Improvement*) berbanding dengan penemuan audit 2017 iaitu sebanyak 125 minor NCR dan 34 OFI. Didapati terdapat peningkatan bilangan NCR dan OFI kerana terdapat pertambahan klinik yang diaudit dan juruaudit yang semakin berpengalaman dan lebih pengetahuan tentang cara pengauditan terutama aspek pelaksanaan pelan risiko.

**Jadual 6.30: Rumusan penemuan Audit Dalaman mengikut KLAUSA 2018**

<b>Klausa</b>	<b>Tajuk</b>	<b>NCR</b>	<b>OFI</b>	<b>Jumlah</b>
<b>6</b>	<b>PERANCANGAN</b>			
<b>6.1</b>	Tindakan Untuk Menangani Risiko dan Peluang	0	1	<b>1</b>
<b>7</b>	<b>SOKONGAN</b>			
<b>7.1.5.1</b>	Sumber Pemantauan dan Pengukuran	2	0	<b>2</b>
<b>7.1.4</b>	Persekitaran untuk operasi proses	14	4	<b>18</b>
<b>7.1.6</b>	Pengetahuan dalam Organisasi	2	3	<b>5</b>
<b>7.2</b>	Kompeten	4	0	<b>4</b>
<b>7.3</b>	Kesedaran	0	6	<b>6</b>
<b>7.4</b>	Komunikasi	0	1	<b>1</b>
<b>7.5.2</b>	Mewujud dan mengemaskini	12	1	<b>13</b>
<b>7.5.3</b>	Kawalan maklumat didokumenkan	0	3	<b>3</b>
<b>8</b>	<b>OPERASI</b>			
<b>8.2.1</b>	Komunikasi Pelanggan	0	9	<b>9</b>
<b>8.2.2</b>	Menentukan Keperluan yang berkaitan keatas Produk dan Perkhidmatan	21	1	<b>22</b>
<b>8.2.3</b>	Samakan terhadap Keperluan yang berkaitan keatas Produk dan Perkhidmatan	22	5	<b>27</b>
<b>8.2.4</b>	Perubahan Terhadap Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan	3	0	<b>3</b>

<b>8.5.1</b>	Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan	44	9	<b>53</b>
<b>8.5.2</b>	Identifikasi dan Kemudahkesanan	4	4	<b>8</b>
<b>8.5.3</b>	Hartamilik pelanggan atau pembekal luaran	0	1	<b>1</b>
<b>8.5.4</b>	Pemeliharaan	0	3	<b>3</b>
<b>8.5.5</b>	Aktiviti Selepas Penghantaran	8	0	<b>8</b>
<b>8.6</b>	Pelepasan Produk dan Perkhidmatan	4	3	<b>7</b>
<b>8.7</b>	Kawalan Output Yang tidak Akur	1	3	<b>4</b>
<b>10</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN</b>			
<b>10.2</b>	Ketidakkakuran dan tindakan pembetulan	0	1	<b>1</b>
<b>Jumlah</b>		<b>141</b>	<b>58</b>	<b>199</b>

**Rajah 6.31: Analisa Penemuan Audit Dalaman 2018**



Daripada rajah diatas, didapati penemuan audit paling banyak pada klausa berikut:

1. Klausa 8.5.1 – 53.3% (Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan)
2. Klausa 8.2.3 – 27.15% (Semakan terhadap Keperluan yang berkaitan keatas Produk dan Perkhidmatan)
3. Klausa 8.2.2 – 22.12% (Menentukan Keperluan yang berkaitan keatas Produk dan Perkhidmatan)
4. Klausa 7.1.4 – 18.10 % (Persekitaran untuk operasi proses)
5. Klausa 7.5.2 – 13.7% (Mewujud dan mengemaskini)

### **Audit susulan 2018**

Audit susulan telah dilaksanakan dari 11 sehingga 31 Oktober 2018. Walaupun audit susulan tidak diwajibkan, tetapi ianya perlu dilaksanakan dimana auditee diberikan tempoh masa sekurang-murangnya 3 bulan untuk memastikan tindakan pembetulan dan tindakan penambahbaikan yang diambil adalah berkesan dan tidak berulang.

**Jadual 6.32: Ringkasan Penemuan Audit Dalaman 2018**

Bil	Zon	Status Penemuan		Status Tidak Tutup Selepas Susulan	
		NCR	OFI	NCR	OFI
1	Pejabat	4	2		
2	Putrajaya	20	6		
3	Lembah Pantai	38	18		
4	Titiwangsa	41	18		
5	Cheras	19	5	2	

6	Kepong	19	9	2	1
JUMLAH KESELURUHAN		<b>141</b>	<b>58</b>	<b>4</b>	<b>1</b>

### Rumusan audit dalaman 2018

1. Peningkatan dalam penemuan audit untuk NCR dan OFI semasa audit dalaman dijalankan adalah disebabkan perubahan skop audit versi baru dan auditor semakin teliti semasa pengauditan dijalankan bagi memastikan MS ISO 9001:2015 versi terbaru dipatuhi.
2. Tindakan susulan masih lagi dilaksanakan bagi menilai keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil dan dilaksanakan dalam tempoh 2 ke 3 bulan. Ini adalah untuk memastikan ketakakuran yang dikenal pasti tidak berulang di masa hadapan.
3. Ketua Unit bersama anggota perlu mengenalpasti punca pada setiap masalah dan penemuan bagi memastikan kelemahan dapat diatasi dan masalah yang sama berulang.
4. Akauntabiliti serta komitmen anggota perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan kepatuhan terhadap prosedur yang telah ditetapkan dipraktikkan dengan sebaiknya.
5. Pengetahuan tentang Pelan risiko dan pelaksanaannya perlu dimantapkan lagi memandangkan masih kurang kefahaman terhadap kemungkinan risiko yang boleh berlaku di klinik masing-masing.
6. Pihak klinik juga perlu memastikan ketakakuran yang telah berlaku ditempat lain tidak berlaku dilokasi masing-masing dengan mengikuti panduan dan prosedur yang telah disediakan.

### Laporan *Quality Assurance* (QA)

Program Kepastian Kualiti (QAP) bagi perkhidmatan kesihatan pergigian diperkenalkan bagi mencapai, mengekalkan dan mempertingkatkan kualiti

kesihatan pergigian secara berterusan dan seterusnya menjamin pencapaian yang optimum bagi pesakit, keluarga, dan masyarakat.

**Jadual 6.33: Status Projek Quality Assurance (QA) 2018**

Bilangan Projek Tahun 2017 Yang Dibawa Ke Tahun 2018	Bilangan Projek Dihadirkan/Dimulakan Pada 2018	Bilangan Projek Selesai Sehingga Jan - Dis 2018	Selesai, Status Sehingga Dis 2018 (Disambung Atau Digugurkan)
3 Projek	1 Projek	0 Projek	2 Projek Gugur 7 Projek Sambung

**Jadual 6.34: Senarai Projek Quality Assurance (QA) 2018**

Bil	Senarai Projek	Klinik	Tahun Mula Projek	Status
1	<i>Increasing The Percentage of Toddlers For Fluoride Varnish Review At KP Setapak</i>	KP Setapak	2015	Tindakan Pemulihan Dan Penilaian Semula
2	<i>Improving Referral Rates of Interceptive Orthodontic Cases</i>	KP Dato Keramat	2013	Selesai (Langkah Penambahbaikan)
3	<i>To Improve The Treatability of Tooth by Root Canal Treatment Among Patients in KP Batu</i>	Zon Kepong	2017	Pengumpulan Data

<b>4</b>	<i>To Improve Reporting of Anterior Teeth Injury Cases Among Primary School Children in Lembah Pantai</i>	Zon Lembah Pantai	2016	Penilaian Semula Kitaran 2
<b>5</b>	<i>To Improve The Percentage of Patients Receiving Dentures Within 3 Months in Cheras Government Dental Clinic</i>	Zon Cheras	2018	Projek Baru
<b>6</b>	<i>To Increase The Percentage of Repeated Patients Come For Pre-orthodontic Assessment Visits in Putrajaya</i>	Zon Putrajaya	2017	Disambung
<b>7</b>	<i>To Increase Percentage of Attendance of Toddlers for Every Review Visit of Fluoride Varnish (FV) Application At KP Putrajaya Presint</i>	Zon Putrajaya	2016	Digugurkan
<b>8</b>	<i>To Reduce The Percentage of Post-Extraction Complication in Dental Clinic in Zon Kepong</i>	Zon Kepong	2016	Digugurkan
<b>9</b>	<i>To Reduce The Percentage of Inappropriate Referrals of Endodontic Cases to Restorative Specialist Clinic</i>	Zon Kepong	2015	Selesai 2017 (Penulisan Laporan)
<b>10</b>	<i>To Reduce High Percentage of Repeated Patients for Pre-orthodontic Assessment Visit in Putrajaya</i>	Zon Putrajaya	2017	Pengumpulan Data

**Jadual 6.35: Pelan Tindakan Projek *Quality Assurance* (QA) 2019**

<b>Bil</b>	<b>Senarai Projek</b>	<b>Klinik</b>	<b>Tahun Mula Projek</b>	<b>Status</b>
1	<i>Increasing The Percentage of Toddlers For Fluoride Varnish Review at KP Setapak</i>	KP Setapak	2015	Tindakan Pemulihan Dan Penilaian Semula
2	<i>To Improve The Treatability of Tooth by Root Canal Treatment Among Patient in KP Batu</i>	Zon Kepong	2017	Pengumpulan Data
3	<i>To Improve Reporting of Anterior Teeth Injury Cases Among Primary School Children in Lembah Pantai</i>	Zon Lembah Pantai	2016	Penilaian Semula Kitaran 2
4	<i>To Reduce High Percentage of Repeated Patients Come for Pre-orthodontic Assessment Visits in Putrajaya</i>	Zon Putrajaya	2017	Disambung
5	<i>To Reduce High Percentage of Repeated Patients for Pre-orthodontic Assessment Visit in Putrajaya</i>	Zon Putrajaya	2017	Pengumpulan Data
6	<i>To Increase The Percentage of Patients Receiving Dentures Within 3 Months in Cheras Government Dental Clinic</i>	Zon Cheras	2018	Projek Baru

7	<i>New Project</i>	KP Dato Keramat/ Titiwangsa	2019	Projek Baru
8	<i>New Project</i>	KP Jinjang/ Kepong	2019	Projek Baru

**Jadual 6.36 : Tindakan *Quality Assurance* (QA) 2019**

<b>Bil</b>	<b>Kursus</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Tarikh</b>
1	Kursus TOT for QA Peringkat JKWPKL&P	PP, JP, JT, PPP	Mei 2019
2	Mini Konvensyen QA Peringkat JKWPKL&P 2019	1 Kali Setiap 2 Tahun	20 Mac 2019
3	Penulisan Manuskrip Bagi Jemputan Sumbangan Artikel Untuk Penerbitan Dalam Jurnal E-Q Bulletin Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Projek QA Yang Telah Selesai	KP Jinjang ( <i>To reduce the percentage of inappropriate referrals of endodontic cases to Restorative Specialist Clinic</i> )  KP Dato' Keramat ( <i>Improving referral rates of interceptive orthodontic cases</i> )	2019
4	Hari Kualiti Dan Kajiselidik 2019	Projek QA On-going	September 2019
5	Mesyuarat Jawatankuasa QA Peringkat JKWPKL&P	2x Setahun	Januari, Julai

6	Mesyuarat Jawatankuasa QA Peringkat BKP JKWPKL&P	4x Setahun	Setiap Suku Tahun
7	Projek QA	Sekurang-kurangnya 1 Projek Setiap Zon	2019

Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P dapat menghasilkan beberapa projek QA mewakili setiap zon. Ini adalah penemuan yang sangat memberangsangkan dan seharusnya diteruskan.

### Program inovasi

Inovasi didefinisikan sebagai kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik samada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Hasil cetusan idea yang inovatif dalam mana-mana aspek kerja dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Mutu organisasi akan bertambah efisien, efektif dan produktif selari dengan sasaran dan matlamat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Bagi tahun 2018 Bengkel Inovasi telah diadakan pada 13 September 2018 bertempat di Bilik Seminar Klinik Kesihatan Jinjang. Peserta terdiri dari Pegawai Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Kesihatan seramai 20 orang.

**Jadual 6.37 : Senarai Projek Inovasi Mengikut Klinik Pergigian Dan Status**

Zon	Tajuk Projek Inovasi	Status Projek
Kepong	<i>Extra Hand</i>	Penambahbaikan

Titiwangsa	<i>SMART IWR DRYER</i> (KP D Keramat)  <i>FLEXI DRYER</i> (KP Ke-Bandar)	Penambahbaikan <i>prototype</i> sedia ada sedang dijalankan
Cheras	<i>Rubber Wire Protector</i>	<i>Prototype</i> sedia ada
Putrajaya	<i>e-Scraper</i>	Membina <i>prototype</i>

Klinik dan Zon sedang mempersiapkan projek masing-masing dan menyasarkan dapat menyertai Mini Konvensyen Inovasi Peringkat JKWPKL & P dan seterusnya layak ke Peringkat Kebangsaan tahun 2019. Adalah diharapkan anggota, klinik dan zon yang berjaya dalam sesuatu pertandingan mendapat pengiktirafan agar anggota di dalam organisasi tersebut lebih bersemangat dalam mencetuskan idea inovasi mereka.

### **Kumpulan inovatif dan kreatif (kik)**

Inovasi merupakan suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan. Dalam konteks sektor awam, sesuatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada keadaan sedia ada boleh dikategorikan sebagai inovasi. Kreativiti ialah kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baharu serta unik dalam menyelesaikan masalah dan menambah baik keperluan semasa. Dalam konteks sektor awam, keupayaan berfikir secara kritis dan analitikal amatlah diperlukan bagi menterjemahkan idea kepada inisiatif bitara yang memberi manfaat kepada rakyat dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan. Salah satu pendekatan dalam memperkasakan inovasi dalam sektor awam adalah melalui pelaksanaan KIK secara komprehensif.

Penambahbaikan ini sejajar dengan fokus Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RM Ke-11), iaitu pertumbuhan berpaksikan rakyat dan meletakkan inovasi

sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi melalui penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan yang akan meningkatkan produktiviti melalui inovasi perusahaan dan inovasi sosial. Selaras dengan ini, KIK memberi penekanan kepada keberkesanan perkhidmatan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan bermatlamatkan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan KIK mampu memberi impak positif kepada prestasi penyampaian perkhidmatan sektor awam. Keberkesanan pelaksanaan KIK memerlukan mekanisme pemantauan yang efektif bagi mencapai objektif pelaksanaan KIK yang dihasratkan. Kerangka Pembudayaan dan Perneriksaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu KIK.

### **Aktiviti dan pencapaian**

#### **1. Kursus Pengenalan Horizon Baharu KIK**

Kursus ini telah diadakan di INTAN pada 9 hingga 11 April 2018 dan bertujuan untuk memperkenalkan konsep Horizon Baharu dalam KIK. Kursus yang sangat bermanfaat ini telah disertai oleh 14 anggota pergigian JKWPKL&P yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan KIK dari setiap zon.

#### **2. Kursus Persediaan Projek untuk Konvensyen 2019**

Kursus ini telah diadakan di Hospital Rehabilitasi Cheras pada 9 hingga 10 Oktober 2018 dan bertujuan untuk menyediakan projek-projek KIK yang akan menyertai Konvensyen pada tahun 2019. Kursus yang disertai oleh 30 orang anggota pergigian seluruh WPKL dan Putrajaya ini turut menjemput penceramah berpengalaman iaitu Puan Noor Diana dari Kementerian Kesenian. Kursus yang dijalankan ini berjaya menghasilkan beberapa kumpulan dan projek berpotensi untuk diperkembangkan pada tahun 2019.

### 3. Hari Kualiti 2018

Sebanyak 3 buah projek KIK dipertandingkan dalam Hari Kualiti JKWPKL&P pada 30hb September 2018 di Cheras. Projek-projek yang tersebut adalah seperti di bawah :

**Jadual 6.37: Projek-projek KIK yang Dipertandingkan dalam Hari Kualiti JKWPKL&P**

<b>Nama Projek</b>	<b>Nama Kumpulan</b>	<b>Fasiliti</b>	<b>Tarikh Mula &amp; Tamat</b>	<b>Kategori</b>	<b>Pencapaian Pada Hari Q WPKL&amp;P</b>
Cheras <i>Denture Tracking Data System</i> (DTDS)	SMART-D	Klinik Pergigian Cheras	1 Jan 2018 - 31 Dis 2018	Penyampaian perkhidmatan/ penciptaan	Tempat pertama
MOMi	DManC	Klinik Pergigian Setapak	9 Mei 2018 - Semasa	Penyampaian perkhidmatan/ penciptaan	Tempat kedua
PORT-on	Putra Senyum	Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9	2 Julai 2018 - Semasa	Penyampaian perkhidmatan/ penciptaan	Tempat ketiga

### **Aduan dan maklum balas**

Pengurusan Aduan dikendalikan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) KKM. SISPA KKM adalah saluran dalam talian untuk menguruskan maklum balas seperti aduan, penghargaan, pertanyaan serta cadangan daripada orang awam berkenaan KKM.


Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu (SPAB) adalah merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari semasa ke semasa yang telah dimudah cara oleh teknologi terkini. SPAB merupakan kesinambungan daripada Sistem *Integrated* Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) yang telah dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) pada penghujung tahun 2007 dan mula digunapakai oleh beberapa Agensi Kerajaan sejak tahun 2009.

Setelah mendapat respon yang positif daripada Agensi Kerajaan yang menggunakan Sistem iSPAAA dan permintaan terhadap Sistem iSPAAA oleh Agensi-agensi Kerajaan telah bertambah, BPA telah berkolaborasi bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan MAMPU untuk menambah baik Sistem iSPAAA dan dijenamakan semula sebagai SPAB serta diperluaskan penggunaannya kepada Meja Bantuan Teknikal selain daripada Pengurusan Aduan. SPAB dapat mempercepatkan dan memudahkan proses penyampaian Maklum Balas kepada Agensi Kerajaan kerana ianya boleh dicapai oleh Pengguna pada bila-bila masa sekiranya terdapat capaian internet.


Sebanyak 49 maklum balas yang diterima di Peringkat Bahagian Kesihatan Pergigian JKWP&P pada tahun 2017 iaitu 31 Aduan dari Pelanggan Luaran, 1 aduan Pelanggan Dalaman, 15 Penghargaan dan 1 Pertanyaan dan 1 Cadangan.

**Pencapaian**


**Rajah 6.38 : Jumlah Aduan/ Maklum Balas yang Diterima di Bagi Tahun 2013 – 2018**



**Rajah 6.39: Perbandingan Jumlah Aduan/Maklumbalas Yang Di Terima Di Peringkat Negeri 2015 – 2018**




**Rajah 6.40: Bilangan Aduan Dan Maklumbalas Yang Diterima Mengikut PKPD 2018**



**Rajah 6.41: Jumlah Aduan dan Maklum Balas yang Diterima Mengikut Klinik 2018**

\*\*1 aduan KP Tanglin tidak berasas



## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

### Kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta

Unit Penguatkuasaan Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya mempunyai tanggungjawab untuk:

- a) Mengesahkan permohonan dan mengesyorkan klinik pergigian swasta untuk pendaftaran di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586);
- b) Memastikan bahawa pemeriksaan pra dan pasca pendaftaran klinik pergigian swasta dilakukan;
- c) Menjalankan pemantauan terhadap klinik pergigian swasta bagi memastikan bahawa peruntukan pelbagai Akta di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi oleh semua pengamal pergigian di semua klinik pergigian swasta;
- d) Menyiasat aduan terhadap klinik pergigian swasta dan pengamal pergigian; dan
- e) Menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan berkaitan dengan amalan pergigian di WPKL dan Putrajaya.

Peraturan dan fungsi di atas adalah selaras dengan:

- i. Akta Pergigian 1971
- ii. Akta Pergigian 2018
- iii. Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)
- iv. Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006

Pengkompunan kesalahan di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Swasta 1998 (Akta 586) telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2017. Ini adalah di bawah Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Pengkompunan Kesalahan) 2017. Ini di mana klinik pergigian swasta yang tidak mematuhi peraturan akan dikenakan kompaun dengan keizinan Pendakwa Raya selaras dengan Akta 586 dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006.

Pegawai Penguatkuasa bertanggungjawab terhadap tugas dan fungsi Unit

Penguatkuasaan negeri serta pendaftaran klinik di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Manakala Pegawai Penguatkuasa Pemantau membantu Pegawai Penguatkuasa dalam membuat lawatan pemantauan tahunan terhadap klinik pergigian swasta yang dikenalpasti bagi tahun semasa. Jika terdapat sebarang ketidakakuran maka pegawai pemantau perlu melaporkan kepada pegawai penguatkuasa bagi tindakan penguatkuasaan.

### **Pendaftaran Klinik Pergigian Swasta**


Pada tahun 2018, sebanyak 41 buah klinik pergigian swasta memohon untuk didaftarkan dan 30 buah klinik (73.2%) daripada permohonan itu telah diluluskan dan mendapat Perakuan Pendaftaran Klinik (COR – *Certificate Of Registration*) Status klinik pergigian swasta di negeri ini selama 6 tahun berturut-turut adalah seperti di Jadual 2. Bilangan klinik pergigian swasta yang berdaftar menjelang akhir tahun 2018 sebanyak **378 buah klinik**.

**Jadual 6.42: Bilangan Klinik Pergigian Swasta yang berdaftar Tahun 2013-2018**

Bil	Butiran	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1	Bilangan klinik yang berdaftar (pada 1 Jan) tahun semasa	293	296	321	315	333	343
2	Bilangan klinik yang memohon untuk pendaftaran	21	18	22	34	42	41
3	Bilangan permohonan yang diluluskan	11	21	14	23	28	48

4	Bilangan klinik yang telah ditarik balik/dibatalkan Pendaftaran(tutup/lupus)	8	9	0	18	18	13
5	Bilangan klinik yang berdaftar (pada 31 Disember) tahun semasa	296	321	315	333	343	378

**Rajah 6.43: Bilangan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar Tahun 2013 hingga 2017**




**Jadual 6.44: Bilangan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar di WPKL & Putrajaya Tahun 2018**

Bil.	Zon	Bilangan Klinik	Peratus(%)
1.	Lembah Pantai	143	37.8
2.	Titivangsa	83	21.9

3.	Cheras	82	21.7
4.	Kepong	65	17.2
5.	Putrajaya	5	1.32
<b>Jumlah</b>		<b>378</b>	<b>100</b>

Melihat kepada pengagihan Klinik Pergigian Swasta ini di dalam Jadual 3, peratusan bilangan klinik pergigian swasta yang berdaftar mengikut zon yang paling tinggi adalah di zon Lembah Pantai iaitu sebanyak 37.8%. Manakala yang paling rendah adalah di zon Putrajaya dimana hanya 1.3% sahaja klinik pergigian swasta yang berdaftar bagi tahun 2018. Boleh dilihat dari graf Rajah 2, hampir semua daerah menunjukkan peningkatan dalam pendaftaran klinik pergigian swasta.

**Rajah 6.45: Bilangan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar Mengikut Daerah**



### Pemeriksaan Klinik Pergigian Swasta

Pemeriksaan klinik pergigian swasta merangkumi pra dan pasca pendaftaran, pengawasan serta verifikasi dan pemeriksaan pemantauan. Bagi pemeriksaan pra dan pasca pendaftaran, semua klinik pergigian swasta perlu mematuhi senarai semak yang telah ditetapkan. Pada tahun 2018, pemeriksaan pemantauan Klinik Pergigian Swasta telah dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) dan

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN). Sejumlah 40% klinik pergigian swasta yang dikenalpasti dari jumlah keseluruhan klinik pergigian swasta yang berdaftar di WPKL&P perlu diperiksa 100% bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan. Pemeriksaan pemantauan klinik pergigian swasta yang berdaftar juga dijalankan bagi memastikan bahawa *standard* dikekalkan dan mematuhi semua akta-akta yang berkaitan.

**Jadual 6.46: Bilangan Pemeriksaan Dijalankan**

Negeri	Bil Klinik yang Mendaftar	Pemeriksaan			
		Pra Pendaftaran	Pasca Pendaftaran	Pemantauan	
				Bilangan	Peratusan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	343	44	46	165/343 (1 Jan )	48.1%

**Jadual 6.47: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PKN dan TPKN 2018**


Negeri	Indikator	KPI	Bilangan klinik yang dikenal pasti	Pemantauan yang telah dijalankan	Peratusan yang dicapai
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur &	Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke	100 %	165	165	100%

Putrajaya	atas klinik pergigian swasta				
-----------	------------------------------------	--	--	--	--

### Aduan Klinik Pergigian Swasta

Aduan merangkumi aduan terhadap klinik pergigian swasta yang berdaftar dan tidak berdaftar. Aduan yang diterima akan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya. Pada tahun 2018, terdapat 21 aduan yang terdiri daripada 3 klinik pergigian berdaftar dan selebihnya tidak berdaftar. Dua kes telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dimana serbuan telah dijalankan dan dikenakan tindakan undang-undang. Jadual 7 menunjukkan penurunan dalam aduan klinik pergigian swasta berdaftar dan terdapatnya peningkatan dalam aduan klinik pergigian tidak berdaftar. Antara sebab peningkatan aduan tidak berdaftar adalah disebabkan meningkatnya penggunaan media sosial dan aplikasi telefon bimbit di kalangan remaja yang menjalankan aktiviti pergigian haram “fakebraces”. Manakala penurunan dalam aduan klinik pergigian berdaftar menunjukkan bahawa mutu perkhidmatan pergigian swasta yang semakin meningkat.

**Rajah 6.48: Bilangan Aduan Klinik Pergigian Swasta**



## KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kementerian Kesihatan Malaysia bersama klinik kesihatan, klinik pergigian dan hospital memainkan peranan yang amat **penting** dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh. Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berasaskan kepada keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Seksyen 16 yang mana menekankan beberapa perkara penting berkaitan dengan Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang wajib dilaksanakan oleh majikan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan memandangkan kakitangan klinik/hospital sentiasa berdepan dengan pelbagai bahaya pekerjaan.

Sehubungan dengan itu dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini dapat memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjaannya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

### Organisasi

- Semua organisasi berkewajipan dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang - orang yang bekerja di tempat tersebut.
- Semua organisasi perlu mematuhi Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 dimana perlu memaklumkan sebarang kemalangan, kejadian bahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan kepada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) yang terdekat.
- Setiap organisasi yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja perlu menubuhkan satu Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di tempat kerja masing-masing

**Aktiviti**

**Jadual 6.49: Aktiviti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 2018**

Bil	Aktiviti	Tempat	Tarikh	Bilangan peserta
1	Bengkel Audit keselamatan	Bilik Seminar, KKKL	10-11/7/2018	36 orang
2	Audit Keselamatan di Fasiilti JKWPKL&P	Klinik Pergigian JKWPKL	27/8-7/9/2018	19 buah klinik

**Laporan kes kemalangan dan kesihatan pekerja 2018**

**1. Kemalangan di tempat kerja**

- Sebanyak tiga(3) kes kemalangan di tempat kerja dilaporkan sepanjang Januari-Disember 2018 yang melibatkan anggota kesihatan.
- Dua kemalangan ini melibatkan kemalangan kenderaan sewaktu menuju ke tempat kerja. Manakala satu(1) kemalangan sewaktu menuruni tangga di klinik.
- Terdapat tiga(3) kes kekerasan ke atas anggota KKM yang melibatkan Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pegawai Pergigian.

**2. Tercucuk peralatan tajam**


- Sebanyak Enam belas(16) kes tercucuk peralatan tajam telah dilaporkan sepanjang tahun 2018 yang mana sembilan (9) kes adalah melibatkan Pegawai Pergigian yang baru bertugas kurang setahun, tiga(3) kes melibatkan Pembantu Perawatan Kesihatan dan tiga(3) kes melibatkan Pembantu Pembedahan Pergigian serta satu(1) kes melibatkan Pakar Pergigian (**Rajah 6.50**)

- Terdapat satu (1) kes berulang yang melibatkan Pegawai Pergigian yang sama pada bulan yang sama.
- Jenis-jenis peralatan tajam yang digunakan terdiri daripada *hypodermic needle, elevator, probe, bur* dan *scaler tip*.
- Kemalangan tercucuk peralatan tajam berlaku semasa anggota mengendalikan jarum suntikan, semasa cabutan gigi menggunakan *elevator*, semasa menjalankan rawatan *endodontic*, sewaktu penggunaan skaler dan sewaktu mencuci peralatan tajam.


### 3. Langkah-langkah yang diambil

- a) Risiko tercucuk peralatan tajam telah dimasukkan sebagai salah satu risiko dalam Pelan Tindakan Risiko bagi klinik-klinik pergigian supaya anggota lebih berhati-hati dan mengambil tindakan pencegahan awal terhadap risiko tersebut semasa mengendalikan peralatan tajam.
- b) Pihak klinik juga telah disarankan untuk mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan taklimat/kursus/CDE dihadiri oleh anggota bagi meningkatkan kefahaman dalam pengendalian peralatan tajam. **(Rujuk Lampiran Kursus/ Taklimat/ CDE)**
- c) Pemantauan berkala perlu dilaksanakan dari masa ke semasa oleh Ketua Unit atau Penyelia bagi memastikan anggota-anggota sentiasa mengikut garis panduan dalam menjalankan tugas.

**Rajah 6.50: Bilangan Kes Tertusuk Peralatan Tajam 2018 Mengikut Kategori**



**Rajah 6.51: Perbandingan Bilangan Kes Tertusuk Peralatan Tajam Mengikut Tahun**



### Laporan audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan 2018


Audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah satu sistem pengurusan yang proaktif untuk membolehkan sesuatu organisasi menilai tatacara amalan dan tahap keselamatan dan kesihatan sesebuah organisasi. Ini adalah kerana pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik boleh memberikan faedah kepada semua anggota yang terlibat mahupun kepada para pesakit yang mendapatkan khidmat di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

Audit amalan klinikal terhadap fasiliti pergigian bertujuan mengenalpasti risiko serta meningkatkan dan memperbaiki amalan klinikal pergigian. Audit tersebut akan memastikan setiap fasiliti yang akan diaudit mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP).

Oleh itu, audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan dijalankan setiap tahun bagi memastikan setiap fasiliti yang terlibat sentiasa mengekalkan tahap amalan klinikal pergigian yang terbaik.

Pada tahun 2018, audit telah dijalankan pada 27/8/2018 hingga 7/9/2018 ke atas 61 fasiliti daripada 139 fasiliti yang sediada. Kesemua fasiliti didapati patuh dan mendapat markah 80% ke atas. Taburan markah mengikut daerah adalah seperti di dalam rajah 3.

**Rajah 6.52: Rumusan Jumlah Skor Audit Mengikut Daerah Bagi Tahun 2018**



### Laporan Imunisasi Hepatitis B

Imunisasi Hepatitis B adalah penting bagi memastikan pekerja kesihatan terlindung dari penyakit berjangkit. Oleh itu, program ini adalah untuk memastikan kesemua anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berisiko untuk mendapat jangkitan ini adalah dilindungi


dengan pemberian imunisasi Hepatitis B.

Strategi program ini adalah seperti berikut;

- Memberikan imunisasi Hepatitis B kepada anggota KKM yang belum pernah mendapat imunisasi atau yang telah mendapat imunisasi tetapi tidak lengkap.
- Menentukan status seroconversion bagi anggota KKM yang telah mendapat imunisasi yang lengkap.
- Memberikan imunisasi ulangan kepada anggota KKM yang telah mendapat seroconversion selepas mendapat imunisasi yang lengkap dalam kitaran pertama.
- Memastikan anggota KKM yang tidak mencapai seroconversion setelah melalui dua kitaran imunisasi yang lengkap untuk mendapatkan khidmat kaunseling atau pengurusan pekerjaan.
- Merujuk anggota KKM yang telah dikenalpasti mempunyai status HbsAg positif kepada pakar perubatan yang berkenaan untuk tujuan rawatan dan pengurusan lanjut.

Program ini adalah dibawah Unit Kesihatan Pekerjaan , Cawangan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS), Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Pemantauan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P dilakukan secara bulanan dan berterusan bagi memastikan semua anggota kesihatan pergigian mendapat perlindungan sewajarnya. Berikut adalah laporan imunisasi di kalangan anggota kesihatan pergigian bagi tahun 2018.


**Rajah 6.53: Peratusan Tamat Program Imunisasi Mengikut Klinik Bagi Tahun 2018**



### Laporan Saringan Tibi

Tibi adalah satu penyakit berjangkit yang juga berisiko kepada anggota kesihatan pergigian. Oleh itu satu saringan dilakukan bagi kesemua anggota kesihatan pergigian yang terdedah kepada penyakit berjangkit ini. Program ini turut di bawah Unit Kesihatan Pekerjaan, Cawangan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS), Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Pemantauan dilakukan secara berterusan bagi memastikan anggota kesihatan pergigian mendapat perlindungan sewajarnya.


**Rajah 6.54: Peratusan Tamat Program Saringan Tibi Mengikut Klinik Bagi Tahun 2018**



### Laporan Pemeriksaan Kesihatan

Pemeriksaan kesihatan bagi setiap anggota kesihatan Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P perlu dijalankan setiap tahun. Pemantauan berterusan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan tahap kesihatan yang optimum bagi setiap anggota kesihatan pergigian. Berikut adalah peratusan pemeriksaan kesihatan bagi setiap klinik bagi tahun 2018.

**Rajah 6.55: Peratusan Pemeriksaan Kesihatan Mengikut Klinik Bagi Tahun 2018**



### 6.3 CAWANGAN PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

#### *Dedicated Promotion Team*

Program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan pergigian individu/masyarakat melalui penyampaian perkhidmatan pencegahan yang merangkumi pendedahan tentang penjagaan dan pencegahan masalah pergigian kepada warga Malaysia. Diterajui oleh *Dedicated Promotion Team*, (DPT) fokus penyampaian maklumat kepada golongan sasaran memberikan impak yang lebih berkesan terutamanya kepada ibu mengandung, kanak-kanak, murid-murid sekolah dan orang dewasa.

DPT Kesihatan Pergigian mula ditubuhkan pada 15 Februari 2017 dengan Zon Lembah Pantai sebagai pilot. Sebelum itu, kursus memberi ceramah secara berkesan telah diadakan pada 6 Februari 2017 untuk memberi tunjuk ajar kaedah memberi ceramah bagi golongan sasaran yang berbeza.

Seterusnya diikuti penubuhan “DPT” oleh empat (4) zon yang lain iaitu Zon Titiwangsa, Zon Kepong, Zon Cheras dan Zon Putrajaya. Setiap zon telah membangunkan pasukan masing-masing agar memudahkan pembahagian dan pelaksanaan tugas.

### Aktiviti Program

Aktiviti program yang dilaksanakan oleh *Dedicated Promotion Team* adalah mengikut modul yang telah disediakan, berbeza mengikut golongan sasaran. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :-

**Jadual 6.56: Aktiviti Program**

Aktiviti	Penerangan Aktiviti
Ceramah	Pameran serta pemeriksaan ataupun rawatan pergigian akan dilaksanakan bagi setiap program yang dilakukan oleh <i>DPT</i> . Persembahan boneka, bercerita dan role play juga diadakan bagi mempelbagaikan lagi teknik penyampaian info kesihatan pergigian lebih menarik.
Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)	Prasekolah/TADIKA dan sekolah rendah
Tugasan klinikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan pergigian</li> <li>• Saringan kanser mulut / merokok</li> <li>• Intervensi merokok</li> </ul>
Aktiviti kolaborasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doktor Muda</li> <li>• Program Germ Buster</li> <li>• Khidmat Masyarakat,</li> <li>• Kolaborasi Oral dan Agama</li> </ul>

	<p>(KOA)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Young Adult</li> <li>• Kolaborasi bersama agensi kerajaan seperti Polis, Bomba, JPJ dan sebagainya</li> <li>• Program bersama IPG</li> <li>• Program ceramah semasa mesyuarat PIBG</li> <li>• Program Ikon Gigi</li> </ul>
Program peningkatan kualiti	<p>Memberi latihan kepada kumpulan sasaran seperti Guru Kesihatan di sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaji selidik</li> <li>• Memberi CDE kepada staf di klinik</li> </ul>

### Perkhidmatan Yang Disediakan

Fungsi utama unit ini adalah untuk merancang, mengurus melaksana, menyelaraskan dan menilai program pendidikan dan promosi kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. Sejalan dengan itu, perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan adalah seperti berikut.

1. Perancangan, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian program pendidikan dan promosi kesihatan.
2. Pengurusan kempen-kempen seperti kempen jom heboh, Sambutan Hari Khas kesihatan dan Program Khas
3. Penerbitan, pinjaman dan pengedaran bahan-bahan promosi/ pendidikan kesihatan.
4. Pengurusan program promosi/ pendidikan kesihatan melalui media massa.
5. Pembentukan program latihan dalam bidang promosi/ pendidikan kesihatan

6. Penyelidikan dalam bidang promosi kesihatan
7. Khidmat runding dalam bidang promosi kesihatan.

**Jadual 6.57: Kumpulan “Dedicated Promotion Team” Kesihatan Pergigian WP Kuala Lumpur & Putrajaya Mengikut Zon**

Zon	Bilangan Pegawai dan Juruterapi Pergigian	Bilangan Pasukan
Lembah Pantai	9 Pegawai Pergigian 6 Juruterapi Pergigian	4
Titiwangsa	6 Pegawai Pergigian 4 Juruterapi Pergigian	4
Kepong	9 Pegawai Pergigian 4 Juruterapi Pergigian	3
Putrajaya	5 Pegawai Pergigian 2 Juruterapi Pergigian	2
Cheras	4 Pegawai Pergigian 2 Juruterapi Pergigian	1

**Jadual 6.58: Pencapaian Program DPT 2018**

Program	Pencapaian	
	Dijalankan	Pemeriksaan
Klinik Pergigian Mesra Promosi	1(KP Tanglin)	888
Kembara Kebajikan	2	250
KOA(Islam/Buddha/Hindu/Kristian)	19	1265
Ikon Gigi	12	-

IPG	3	229
Kolaborasi Bersama Agensi Lain	91	3319
Germ Buster	18	2458
Young Adults	13	1476
Doktor Muda	23	787
Program KOTAK	Sudah mencapai 3 kali intervensi	1282

**Jadual 6.59: Masalah Yang Dihadapi oleh “Dedicated Team” Promosi Kesihatan Pergigian WP Kuala Lumpur & Putrajaya Mengikut Zon**

Masalah	Keterangan
<b>Masa</b>	Agak sukar bergerak tepat pada masa kerana kekurangan kenderaan, akibatnya program “DPT” lewat dimulakan.
	Pegawai “DPT” tidak dapat membuat semua aktiviti promosi serentak (memberi ceramah dan LMG) bagi liputan tadika dan taska secara keseluruhan atas sebab keterbatasan waktu, ahli yang terlibat dan jumlah tadika/taska yang banyak.
<b>Staf</b>	Ahli “DPT” yang dilantik dikalangan Juruterapi Pergigian menyebabkan perjalanan Program Pasukan Pergigian Bergerak terganggu.
	Kekurangan Juruterapi dan Pegawai Pergigian menyebabkan anggota masih perlu melakukan pesakit luar dan membuat rawatan di sekolah.
<b>Pengangkutan</b>	Apabila “DPT” diarah membuat rawatan klinikal di sekolah, pasukan “DPT” akan bergerak dengan kereta pegawai.

Untuk makluman, kerusi pergigian, stool dan lampu tidak muat untuk dibawa, terutamanya jika 2 set peralatan diperlukan.

### **Program Institut Pendidikan Guru (IPG)**

Guru merupakan agen penyampai utama maklumat yang berkaitan dengan kesihatan yang unggul bagi setiap individu. Kedudukan guru yang boleh berhubung terus dengan masyarakat setempat memudahkan maklumat yang disampaikan serta diterima oleh masyarakat. Oleh itu, wajarlah kiranya maklumat berkaitan kesihatan pergigian disampaikan kepada guru pelatih yang akan ditempatkan di sekolah untuk menerima maklumat tentang kesihatan pergigian melalui satu program khas. Penyerapan komponen kesihatan pergigian ini ke dalam sukatan mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah berjaya dalam persetujuan antara Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Kesihatan Pergigian pada tahun 1989. Justeru melalui persetujuan tersebut program kesihatan pergigian perlu dilaksanakan melalui penganjuran Kursus Kesihatan Pergigian.

Lantaran daripada itu, Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah bersetuju agar program kesihatan pergigian dilaksanakan di 3 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Kuala Lumpur. Program dijalankan sebelum guru pelatih menjalani *Intership* Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu pada semester 5 dan 7.

### **Aktiviti Program**

1. Pendidikan Kesihatan Pergigian
2. Pemeriksaan Kesihatan Pergigian
3. Pameran
4. Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)

5. Bengkel Rancangan Pelajaran Harian

Bil	Ipg	Anjuran			Maklumat Guru Pelatih					**Aktiviti- Aktiviti Yang Dijalankan	Personel Pergigian Terlibat	
		PJK	HEP	Lain-Lain	Program	Semester	*Enrolmen	Bilangan	Peratus		Pakar/ Pegawai Pergigian Kesihatan Awam	Pegawai Pergigian
1	IPG Kampus Bahasa Melayu		√		PIS MP	3 dan 6	105	105	100	Pemeriksaan Pergigian. Ceramah Pameran LMG Ujian Pre- Test dan Post-Test	Dr Slti Zuriana bt Mohd Zamzuri	Dr Aini Norhaida Othman
2	IPG Kampus Bahasa Antarab angsa		√		PIS MP	7	43	42	97.6	Ceramah Pemeriksaan mulut Pameran LMG Pembentan gan RPH Ujian Pre- Test dan Post-Test	Dr Siti Zuriana Bt Mohd Zamzuri	Dr Nurul Amalina Binti Othman

3	Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas, Cheras Kuala Lumpur	√	26 - 27 Sept 2018	PIS MP	8	81	81	100	- Pemeriksaan -Ceramah -Pameran - Pertandingan -Micro Teaching -Koir -Raja dan Ratu Gigi -Ujian Pre-Test dan Post-Test	Dr Azura Binti Abdullah	Dr Sakura Bt Hashim
				KPLI							

**Jadual 6.60: Laporan Pelaksanaan Aktiviti di IPG Tahun 2018**

### **Program Promosi Kesihatan Pergigian**

#### **Program Wilayah Senyum**

Program ini telah diadakan di Muzium Negara pada 1 Februari 2018 yang lalu. Buat julung kalinya pada tahun ini Program Wilayah Senyum diadakan di Muzium Negara untuk memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai penjagaan kesihatan pergigian dengan tema "*Preserving Your Smile - Fun Exploring Day With Adiwira*". Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

- Pemeriksaan Pergigian secara percuma
- Penyampaian bercerita "NANA DAN MAKANAN MANIS"

- Persembahan boneka "TIGA SAHABAT BAIK"
- Pameran Kesihatan Pergigian
- Ceramah Kesihatan Pergigian
- Persembahan LMG (Latihan Memberus Gigi) berirama
- Persembahan Dental Buskers

**Aktiviti 6.61: Pemeriksaan gigi diadakan di dalam klinik pergigian bergerak oleh pegawai pergigian yang bertugas**



**Aktiviti 6.62: Wawancara oleh pihak media kepada salah seorang kakitangan klinik pergigian yang menjayakan program pameran**



### **Program Germ Buster**

Program Germ Buster ini telah diadakan di SK Wangsa Jaya dan SMK Puteri Wilayah pada 8/3/2018 dan 15/3/2018 yang lalu. Germ Buster merupakan satu inisiatif pelaksanaan aktiviti promosi yang diwujudkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM bagi menangani isu kebersihan dan keselamatan makanan khususnya keracunan makanan di peringkat sekolah dan komuniti.

Program ini bermula pada tahun 2007 dengan *tagline* “Tanpa Kuman, Makanan Selamat” dan kemudian pada tahun 2010 *tagline* “Lihat, Hidu dan Rasa” diguna untuk menggantikan *tagline* sebelum ini kerana lebih mudah dipraktikkan. Pegawai Teknologi Makanan (Skuad germ buster) telah menjemput Dedicated Promotion Team Pergigian Zon Titiwangsa untuk turut sama menyampaikan ilmu kesihatan pergigian kepada para pelajar di sekolah ketika sesi Program Germ Buster. Turut serta adalah pihak kesihatan, farmasi & sains pemakanan.

**Aktiviti 6.63: Pegawai pergigian sedang memberi penerangan mengenai kesihatan pergigian kepada para pelajar**



**Aktiviti 6.64: Permainan diadakan untuk menarik minat para pelajar dalam menyampaikan mesej pergigian**



### **Konvensyen HEPILI 2018**

Konvensyen HEPILI ini telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa kampus Gombak pada 26 Julai 2018 yang lalu. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya julung kali menjadi tuan rumah Konvensyen Health Promotion in Learning Institution (HePiLi) peringkat

Kebangsaan yang telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Gombak pada 24-26 Julai 2018.

Seramai 1300 orang pelajar dari Kelab Dr Muda Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah serta Institusi Pengajian Tinggi yang mewakili 16 buah negeri di seluruh Malaysia telah memperlihatkan kecemerlangan mereka dan bertanding dalam 7 kategori yang telah dipertandingkan. Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang terlibat. Majlis Penutup telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Haji Dzulkefly Bin Ahmad di Auditorium Utama, UIA. Sekalung penghargaan diucapkan juga kepada Dedicated Promotion Team JKWPKL & P juga kerana telah turut sama berhempas pulas memerah keringat menjadi urusetia pertandingan dan konvensyen serta memastikan setiap kategori pertandingan berjalan lancar.

**Aktiviti 6.65: Booth pameran oleh pasukan Doktor Muda**



**Aktiviti 6.66: Panel Juri yang mengadili pertandingan di Konvensyen HEPILI**



### **Konvensyen Ikon Gigi Peringkat Kebangsaan 2018**

Bertempat di Dewan Sri Tunjong Kota Bharu, telah diadakan Konvensyen Ikon Gigi Peringkat Kebangsaan pada 12 Ogos 2018 yang lalu. Konvensyen Ikon Gigi Peringkat Kebangsaan 2018 telah diadakan pada 11 - 12 Ogos

2018. Tujuan konvensyen tersebut adalah untuk berkongsi pengalaman aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh para Ikon Gigi seluruh Malaysia.

Bahagian Kesihatan Pergigian WP Kuala Lumpur & Putrajaya dengan bangganya mengucapkan terima kasih buat Ikon gigi WPKL Dr Radzniwan Rashid, Pakar Perubatan Keluarga Universiti Sains Islam Malaysia yang telah mendapat tempat pertama di dalam pertandingan poster bertajuk "Projek Mendidik Sambil Beramal".

Program Ikon Gigi (iGG) merupakan satu inisiatif promosi kesihatan pergigian di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang dilaksanakan dengan tujuan memperkasa wakil komuniti dalam kalangan masyarakat yang digelar Ikon Gigi atau iGG. Mereka bertindak menyampaikan maklumat amalan kesihatan pergigian dan diterjemah kepada ahli komuniti di sekelilingnya supaya dapat disampaikan kepada masyarakat dengan lebih meluas. Secara tidak langsung, adalah diharapkan aktiviti ini akan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan dan amalan kesihatan pergigian dikalangan masyarakat.

**Aktiviti 6.67: Gambar kenangan ketua fasilitator IGG setiap zon bersama penyelaras IGG dan TPKN(G) WPKL Dr Chia selepas menjuarai pertandingan poster**



**Aktiviti 6.68: Barisan ketua fasilitator zon di WPKL bersama penyelaras fasilitator IGG WPKL**



### **Minggu Promosi Kesihatan Pergigian Kebangsaan (PKPK) 2018**

Bertempat di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jalan Raja Laut, telah diadakan Minggu Promosi Kesihatan Pergigian Kebangsaan (PKPK) anjuran Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia telah dilancarkan pada 2 September 2018 oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefli Ahmad.

Minggu PKPK ini akan terus dilaksanakan secara tahunan pada setiap minggu ketiga bulan Julai, bermula pada tahun ini. Tema Minggu PKPK pada tahun ini ialah “Kesihatan Gusi Tanggungjawab Bersama”. Tema ini dipilih selaras dengan penemuan *National Oral Health Survey for Adults* (NOHSA) 2010 di mana kajian mendapati masalah penyakit periodontik (gusi berdarah) di kalangan orang dewasa meningkat sehingga 94%.

Pelbagai aktiviti promosi dan pencegahan penyakit gusi akan terus dijalankan sepanjang minggu ini di setiap negeri. Diharapkan inisiatif yang dilaksanakan ini dapat memberi impak yang besar dengan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat, khususnya kesihatan oral.

**Aktiviti 6.69: Perasmian Minggu Promosi Kesihatan Pergigian Kebangsaan (PKPK) 2018 oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Haji Dzulkefly bin Ahmad. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham bin Abdullah**

**Aktiviti 6.70: Timbalan Pengarah Kesihatan Pergigian (TPKNG) Jabatan Kesihatan Pergigian WPKL, Dr Chia Jit Chie bersama Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Kesihatan Pergigian KKM, Dr Leslie**



### **Program Kesihatan Pergigian Kolaborasi Oral Bersama Badan Agama (KOA)**

Bertempat di *Buddhist Institute Sunday Dhamma School* di Wisma Dharma Chakra, telah diadakan Program Kesihatan Pergigian, iaiti Kolaborasi Antara Badan Agama (KOA) pada 23 September 2018 yang lalu.

Ramai rakyat Malaysia mengalami penyakit pergigian dan kebanyakan penyakit pergigian ini adalah penyakit yang disebabkan oleh gaya hidup yang boleh dicegah apabila masyarakat diberikan pengetahuan untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Lantaran itu, salah satu strategi bagi mengurangkan beban penyakit pergigian di kalangan rakyat Malaysia adalah dengan mendidik mereka tentang amalan kesihatan pergigian dari aspek keagamaan melalui institusi agama seluruh negara. Kumpulan sasaran adalah golongan masyarakat yang mengunjungi rumah ibadah seperti masjid/ surau, gereja, tokong dan kuil.

**Aktiviti 6.71: Kehadiran pengunjung membawa ahli keluarga masing-masing ke program KOA**



**Penjagaan kesihatan pergigian masyarakat**

**Program Pemflouridaan Bekalan Air Awam**

Pemflouridaan bekalan air awam adalah aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan gigi. Pemflouridaan bekalan air awam di paras 0.4 – 0.6 ppm merupakan aktiviti pencegahan primer yang sangat berkesan bagi mencegah kejadian karies atau kerosakan gigi. Ianya telah diterima sebagai salah satu polisi kerajaan bermula pada tahun 1972. Semenjak itu, program tersebut telah diperluaskan kepada seluruh penduduk. Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelbagai Pihak Berkuasa Air telah bekerjasama bagi menjayakan program pemflouridaan ini.

**Jadual 6.72: Paras fluorida di Pusat Retikulasi Tahun 2018**

Lokasi	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		Putrajaya
	Loji Bukit Nenas	Loji Wangsa Maju	Loji Sungai Semenyih
Kapasiti (mid)	45	145	120
<i>Output Capacity</i>	45.45	130.59	146.3

(mid)			
Jumlah penduduk terima bekalan air berflorida	1,836,700		89,800
Jumlah bacaan	48	48	48

**Jadual 6.73: Rekod Bacaan Air Berfluorida pada Tahun 2018**

Lokasi Loji	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur				Putrajaya	
	Loji Bukit Nenas		Loji Wangsa Maju		Loji Sungai Semenyih	
Rekod Bacaan	Bil Bacaan	%	Bil Bacaan	%	Bil Bacaan	%
0.4-0.6ppm	48	100	48	100	48	100
<0.4ppm	0	0	0	0	0	0
>0.6ppm	0	0	0	0	0	0

Mulai 1 Januari 2016, pihak Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P dibenarkan mengambil bacaan sampel air dari tiga (3) loji berikut iaitu Loji Wangsa Maju, Bukit Nenas dan Sungai Semenyih, juga pengambilan sampel air dari lokasi retikulasi yang dikenalpasti dengan kerjasama dari Bahagian Kejuruteraan Jabatan Kesihatan WPKL&P.

Pihak Pegawai Persekitaran Daerah dan Jabatan Kesihatan Alam Sekitar, DBKL telah membantu Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P untuk mengambil sampel air tersebut.

Pegawai Pergigian Daerah Putrajaya dan Titiwangsa telah bekerjasama dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing, manakala Pegawai Pergigian Daerah Lembah Pantai bekerjasama dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menetapkan jadual pengambilan

sampel air sekali seminggu dan pengenalpastian lokasi retikulasi yang telah dikenalpasti oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum (KAMM).

Bagi setiap loji telah ditetapkan hanya satu lokasi retikulasi representatif sahaja yang perlu diambil bacaan fluorida. Sampel diambil sekurang-kurangnya empat (4) kali sebulan di lokasi retikulasi dan empat (4) kali sebulan di Loji Rawatan Air (LRA) seperti di **Jadual 6.74**.

**6.74: Senarai Lokasi Retikulasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya**

Loji	Bil	Lokasi Retikulasi	Klinik Pergigian yang bertanggungjawab	Kekerapan Pengambilan Bacaan		Bacaan Setiap Loji dan Lokasi
				Loji	Lokasi Retikulasi	
Loji Bukit Nenas	1	Jalan Galloway (Jalan Hang Isap), WPKL	Klinik Pergigian Cahaya Suria	4x sebulan	4x sebulan	96
Loji Wangsa Maju	1	Seksyen 5, Wangsa Maju, WPKL	Klinik Pergigian Setapak	4x sebulan	4x sebulan	96
Loji Sg Semenyih	1	Putrajaya Presint 9, WP Putrajaya	Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9	4x sebulan	4x sebulan	96

**Jadual 6.75: Aktiviti Latihan 2018 dan Perancangan Latihan 2019**

Daerah / Zon	Tarikh	Nama Kursus / Seminar	Jumlah Peserta	Telah diadakan pada 2018	Rancangan 2019
WPKL&P	Julai	Taklimat Penggunaan dan Penjagaan <i>Pocket Colorimeter</i>	40 PP, JP, PPP, PK	X	√
WPKL&P	Julai	Seminar Pemfluoridaan Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL & Putrajaya	40 PP, JP, PPP, PK	X	√
WPKL&P	Jun	Lawatan sambil belajar ke Loji Rawatan Air Sg. Selangor, Fasa 2, Bukit Badong, Kuala Selangor	40 PP, JP, PPP, PK, 2 Pemandu	√	√
WPKL&P	Jun	Sesi Dialog Pemantauan Paras Fluorida di Loji Air Sg. Selangor, Fasa 2, Bukit Badong, Kuala Selangor	40 PP, JP, PPP, PK, 2 Pemandu	√	√

Bagi tahun 2018, Seminar Pemfluoridaan dan Taklimat Penggunaan dan Penyelenggaraan *Pocket Colorimeter* tidak dapat dijalankan atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Lawatan sambal belajar ke loji serta sesi dialog bersama pihak loji diadakan bagi mendapat penjelasan dan maklumat yang

berkaitan dengan pemfluoridaan. Seminar dan taklimat tersebut dirancang akan dijalankan tahun 2019.

Bagi tahun 2018, pemantauan paras fluorida yang diambil bacaan daripada tiga buah pusat retikulasi, kesemua bacaan menepati paras piawaian yang ditetapkan iaitu 0.4 – 0.6 ppm. Ini menepati *Key Performance Indicator* (KPI) ke 18 iaitu “Peratus penduduk yang menerima bekalan air berfluorida” dengan sasaran sama atau melebihi 75%. WPKL&P telah mencapai sasaran KPI tersebut dengan pencapaian 100% bagi tahun 2018. Bagi pemantauan *National Indicator Approach* (NIA) Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P, “Peratus tidak mencapai level optimal di pusat retikulasi” juga menepati sasaran yang ditetapkan iaitu  $\leq 25\%$  bagi ‘level < 0.4 ppm’ dan  $\leq 7\%$  bagi ‘level > 0.6 ppm’. Kesemua bacaan yang diambil mencapai level optimal yang ditetapkan (0.4 – 0.6 ppm).

### **Program Sealan Fisur**

Salah satu program pencegahan klinikal adalah rawatan Sealan Fisur (FS). Sealan Fisur didefinisikan sebagai bahan pergigian yang diletakkan ke dalam pit dan fisur gigi untuk pencegahan kejadian karies. Program Sealan Fisur bermula sebagai projek rintis (*Pilot Project*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1987-1988. Seterusnya dilaksanakan di negeri-negeri lain. Program ini dilancarkan secara rasmi pada tahun 1999 dengan pengeluaran 366 garis panduan. Garis panduan terkini telah dikeluarkan pada tahun 2003. Pelaksanaan program telah mula dijalankan di tadika dan sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya selepas projek rintis hingga kini. Pemilihan murid-murid adalah yang memenuhi beberapa kriteria yang digariskan. Jika program ini dilaksanakan dengan berkesan, *outcome* dapat dilihat dengan penurunan kejadian karies walaupun beberapa faktor lain juga memainkan peranan.

**Jadual 6.76: Keperluan Rawatan dan Bilangan Sealan Fisur dibuat dalam kalangan Murid Sekolah Rendah Tahun 1-6, 2018**

Tahun	Bilangan Murid			Bilangan Gigi	
	Subjek	Perlu FS	Dapat FS	Perlu FS	Dapat FS
1	26127	455	446	672	658
2	24573	832	814	1192	1168
3	24574	702	670	1003	961
4	23485	594	559	842	808
5	22705	463	448	701	682
6	21890	444	433	690	673
KKI	1867	6	6	10	10
<b>JUMLAH</b>	<b>145221</b>	<b>3496</b>	<b>3376</b>	<b>5110</b>	<b>4960</b>

Sebanyak 4960 dari 5110 bilangan gigi yang memerlukan Sealan Fisur telah diberi Sealan Fisur (97.5%). Keperluan sealan fisur adalah paling tinggi bagi murid tahun 2 dan 3.


**Jadual 6.77: Bilangan Gigi yang Memerlukan Rawatan dan Bilangan Sealan Fisur dibuat di kalangan Murid Sekolah Rendah Tahun 1-6, 2013-2018**

Tahun	Bilangan Murid			Bilangan Gigi		
	Perlu FS	Dapat FS		Perlu FS	Dapat FS	
	n	n	%	n	n	%
2013	3833	3833	100	5861	5861	100
2014	2852	2852	100	4021	4021	100
2015	3405	3244	95.3	4871	4606	94.6
2016	3958	3953	99.9	5728	5710	99.7

2017	2875	2808	97.7	4197	4093	97.5
2018	3496	3376	96.6	5110	4960	97.1


Seramai 96.6% murid yang memerlukan Sealan Fisur mendapat rawatan Sealan Fisur. Kekurangan adalah kerana tidak mendapat kebenaran rawatan daripada ibu bapa.

**Rajah 6.78: Bilangan Sealan Fisur dibuat dalam kalangan Murid Sekolah Rendah Mengikut Klinik pada Tahun 2018**



Semua gigi (5110 batang gigi) yang memenuhi kriteria untuk diberi sealan fisur. Klinik Pergigian Jinjang mencapai bilangan paling tinggi bilangan sealan fisur yang diperlukan iaitu sebanyak 548. Sebanyak 526 sealan fisur sahaja dibuat di Klinik Pergigian Jinjang berbanding 548 yang perlu dibuat kerana tiada kebenaran rawatan.

**Rajah 6.79: Perbandingan Karies Oklusal Dan Sealan Fisur dibuat Dari Tahun 2013-2018**



Pendekatan rawatan sealan fisur telah berjaya mengakibatkan *trend* penurunan kejadian oklusal karies dari tahun 2013 hingga 2017. Namun terdapat sedikit peningkatan dalam kejadian karies oklusal pada tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 82 batang gigi.

**Jadual 6.80: Tren Karies Gigi Di Kalangan Murid Sekolah Rendah Tahun 6, 2013-2018**

Tahun	Bil Gigi Mempunyai Karies (* D + F ) (Termasuk Semua Gigi)	Bilangan Gigi Dengan Oklusal Karies ( D + F )				Peratus Karies Gigi Hadapan	
		Semua Jenis (** Kelas I&II )		Kelas I Sahaja			
		N	N1	%	N2	%	N-N1
2013	7249	6598	91.0	5712	78.8	651	8.98
2014	5580	5181	92.8	4767	85.4	399	7.15
2015	5376	4921	91.5	4622	86.0	455	8.46
2016	5075	4651	91.6	4507	88.8	424	8.35
2017	4706	4546	96.6	4252	90.4	160	3.39
2018	4788	4376	91.4	4037	84.3	412	8.60

\* D: gigi yang terdapat karies

F: gigi yang ditampal

\*\* Class I: karies yang melibatkan hanya permukaan oklusal pada gigi belakang

Class II: karies yang melibatkan permukaan gigi lain atau permukaan oklusal gigi belakang

Secara keseluruhan terdapat penurunan jumlah karies pada tahun 2017 dari 5075 (Tahun 2016) kepada 4706 (Tahun 2017) di mana 96.6% adalah karies bahagian oklusal sebanyak 4546. Namun terdapat sedikit peningkatan jumlah karies pada tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 82 batang gigi.

Terdapat juga penurunan bagi karies gigi hadapan yang mencatat bilangan 160 (Tahun 2017) dan peratusan (3.39%) yang terendah tahun ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya (dari tahun 2013-2017). Manakala bagi tahun 2018, peratus karies gigi hadapan meningkat kepada 8.60% dengan bilangan sebanyak 412 berbanding tahun sebelumnya.

### **Program *Primary Prevention & Early Detection Of Oral Potentially Malignant Disorders And Oral Cancers***

Program Pencegahan dan Pengesanan Awal Pra-kanser dan Kanser Mulut telah dijalankan berdasarkan kepada Protokol *Primary Prevention and Early Detection of Oral Precancer and Cancer* yang telah dikeluarkan pada tahun 2002. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini adalah saringan pemeriksaan mulut untuk semua orang dewasa warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas, aktiviti promosi kesihatan pergigian dan rujukan pesakit yang mempunyai lesi mulut kepada Klinik Pakar Bedah / Patologi Mulut. Pada dasarnya program ini dilaksanakan mensasarkan kumpulan sasaran seperti kaum India dan Orang Asli di Malaysia Timur. Kaedah saringan komuniti berisiko tinggi dijalankan di kampung atau estet yang dikenal pasti, manakala kaedah *opportunistic screening* dilakukan di klinik pergigian. Namun bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, kaedah yang dilaksanakan ialah *opportunistic screening*.

Pada tahun 2018, Program Kesihatan Pergigian, KKM telah mengeluarkan garis panduan *Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancers* bagi memberi panduan meningkatkan

tahap kesedaran dalam mengurangkan dan menghentikan tabiat risiko serta pengesanan awal kanser mulut.


**Jadual 6.81: Laporan Am Aktiviti 2018**

Daerah	Jumlah pesakit $\geq$ 20 tahun yang disaring		Jumlah pesakit disaring dengan tabiat berisiko tinggi		Pesakit dengan tabiat berisiko tinggi						Jumlah Pesakit disaring yang ada lesi mulut		Pesakit dengan lesi mulut			
	2		3		4		5		6		7		8		9	
1	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti
PKP Cheras	774	30	771	30	20	1	1	0	0	0	10	0	8	0	6	0
PKP Kepong	401	6	401	6	42	0	5	0	0	0	4	0	4	0	1	0
PKP Lembah Pantai	794	129	786	129	282	10	0	0	0	0	27	0	20	0	11	0
PKP Putrajaya	784	53	771	53	117	3	0	0	0	0	18	0	16	0	11	0
PKP Titiwangsa	866	62	845	62	109	0	4	0	1	0	40	0	28	0	16	0
<b>JUMLAH</b>	<b>3619</b>	<b>280</b>	<b>3574</b>	<b>280</b>	<b>570</b>	<b>14</b>	<b>10</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>99</b>	<b>0</b>	<b>76</b>	<b>0</b>	<b>45</b>	<b>0</b>


### Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2018

Kempen Minggu Kesedaran Kanser Mulut telah diadakan pada 11/11/2018 - 17/11/2018 di semua klinik pergigian di WPKL & Putrajaya. Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut bagi tahun 2018 telah diadakan di Taman Perdana Botani Kuala Lumpur. Aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah larian sejauh 5 KM, Walkathon, senamrobik, booth pameran dan aktiviti “Education, Awareness & Empower”, Cili Padi Challenge, pemeriksaan gigi, pertandingan mewarna, pertandingan Instavideo dan Photobooth. Minggu Kesedaran Kanser Mulut ini dijalankan di seluruh Klinik Pergigian dengan aktiviti seperti pameran, ceramah, saringan mulut, demonstrasi pemeriksaan mulut sendiri (*Mouth, self Examination, MSE*).

**Rajah 6.82: Laporan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2017, 2018**



**Rajah 6.83: Laporan Aktiviti Kesihatan Pergigian Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2018**



**Jadual 6.84: Aktiviti Saringan dan Promosi Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2018**

Bil	Tempat diadakan (Klinik Pergigian)	Aktiviti Saringan Mulut				Aktiviti Pendidikan Kesihatan			Aktiviti Promosi (Bilangan Diadakan)	Aktiviti Nasihat / Kaunseling		
		Jumlah disaring	Jumlah dengan risk habit**	Jumlah ada lesi pra kanser/kanser mulut	Jumlah dirujuk*	Ceramah						
						Berkumpulan		Individu				
						Bil diadakan	Bil peserta				Bil diadakan	
1	Cheras	523	30	0	0	15	367	0	0	15	5	30
2	Cheras Baru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	Bandar Tun Razak	118	25	0	0	5	259	25	0	5	0	25

4	Cahaya Suria	419	36	0	0	10	328	36	0	1	5	36
5	Bangsar	312	20	2	2	13	292	281	0	2	5	20
6	Petaling Bahagia	231	19	0	0	10	231	0	0	1	5	168
7	Tanglin	270	15	0	0	10	270	131	0	1	0	5
8	UTC Pudu Sentral	28	28	0	0	3	22	28	0	0	7	28
9	Kuala Lumpur	535	23	0	0	7	209	535	0	5	5	535
10	Dato Keramat	170	3	0	0	5	248	23	5	5	5	3
11	Setapak	214	20	0	0	5	333	0	0	1	5	20
12	Kg Pandan	137	13	2	1	9	89	13	0	5	10	13
13	PULAPOL	87	12	0	0	5	106	12	5	5	5	36
14	Jinjang	100	22	0	0	8	220	22	1	1	1	22
15	Batu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Sentul	189	22	0	0	5	67	27	0	5	0	27
17	UTC Mini Sentul	260	28	3	1	5	55	28	0	0	10	28
18	Putrajaya Presint 9	188	27	0	7	4	54	78	0	5	5	78
19	Putrajaya Presint 18	413	20	0	0	1	15	15	0	1	5	15
20	Puspanita	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>4194</b>	<b>363</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>120</b>	<b>3165</b>	<b>1254</b>	<b>11</b>	<b>58</b>	<b>78</b>	<b>1089</b>

Pada Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2018, didapati jumlah disaring meningkat daripada 3958 pada tahun 2017 kepada 4194 pada tahun 2018. Manakala jumlah dengan tabiat berisiko pada tahun 2018 adalah seramai 363, seramai 11 orang dirujuk kepada Klinik Pakar Bedah Mulut.

**Aktiviti / Latihan**

**Jadual 6.85: Aktiviti dan Latihan**

<b>Aktiviti / Kursus</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Trainer</b>	<b>Sasaran 2019</b>
TOT for Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancer	35 Pegawai Pergigian	2 Mei 2018	Dr Fadzira Maarof dari Hospital Putrajaya	April 2019
Minggu Kesedaran Kanser Mulut	Kolaborasi KKM & OCRCC,UM	-	-	November 2019

**Program Khidmat Masyarakat**

Program Khidmat Masyarakat adalah kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan untuk meringankan bebanan, memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti yang melibatkan Promosi Kesihatan Pergigian & Pemeriksaan Pergigian di tempat – tempat terpilih seperti :

1. Dewan Orang Ramai
2. Masjid/ Tokong/ Kuil/ Gereja
3. TADIKA
4. Rumah Kebajikan
5. Agensi – Agensi Badan Kerajaan Dan Bukan Badan Kerajaan
6. Program Perumahan Rakyat

## Pencapaian

Penglibatan BKP JKWPKL&P dalam khidmat masyarakat lain adalah bergantung kepada jempunan daripada program-program lain di JKWPKL&P. Khidmat masyarakat tersebut termasuk Germ Buster anjuran Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan JKWPKL&P. iWant Sihat hanya dijalankan bagi setiap 2 tahun sekali dan tiada anjuran dari Unit Pendidikan Kesihatan JKWPKL&P bagi tahun 2018. Sementara itu, Program Young Adult semakin meningkat dengan usaha Dedicated Promotion Team JKWPKL&P.

Jumlah program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018 seperti berikut:


- a. Sebanyak 200 program khidmat masyarakat telah dijalankan anjuran dari Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP) Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dan anjuran atau jempunan dari Agensi Luar.
- b. Sebanyak 7 program PPR telah dijalankan sepanjang tahun 2018
- c. Sebanyak 16 program Germ Buster dijalankan kolaborasi bersama Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan JKWPKL&P.
- d. Sebanyak 14 program Young Adult dijalankan.
- e. Sebanyak 35 Program Doktor Muda telah dijalankan.

**Jadual 6.86: Pencapaian Program Khidmat Masyarakat Mengikut Klinik 2018.**

Klinik Pergigian	Khidmat Masyarakat	PPR	Germ Buster	Kem iWANT	Young Adult	Doktor Muda
<b>Zon Lembah Pantai</b>						
KP Bangsar	9	0	2	0	2	2
KP Cahaya Suria	17	0	2	0	1	2


<b>KP Petaling Bahagia</b>	15	1	1	0	2	2
<b>KP Tanglin</b>	4	0	1	0	2	0
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>6</b>
<b>Zon Kepong</b>						
<b>KP Jinjang</b>	4	1	1	0	0	1
<b>KP Sentul</b>	17	1	5	0	3	5
<b>KP Batu</b>	10	1	1	0	1	3
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>9</b>
<b>Zon Titiwangsa</b>						
<b>KP Dato' Keramat</b>	17	1	0	0	1	1
<b>KP Setapak</b>	17	0	1	0	0	1
<b>KP Kg Pandan</b>	4	2	1	0	2	1
<b>KP Kuala Lumpur</b>	14	0	0	0	0	0
<b>KP PULAPOL</b>	1	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>53</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>3</b>
<b>Zon Cheras</b>						
<b>KP Cheras</b>	6	0	0	0	0	0
<b>KP Bandar Tun Razak</b>	6	0	0	0	0	2
<b>KP Cheras Baru</b>	12	0	1	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>
<b>Zon Putrajaya</b>						
<b>Presint 9</b>	25	0	0	0	0	10
<b>Presint 18</b>	22	0	0	0	0	1
<b>Jumlah</b>	<b>47</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>15</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>200</b>	<b>7</b>	<b>16</b>	<b>0</b>	<b>14</b>	<b>35</b>

**Rajah 6.87: Bilangan Program Khidmat Masyarakat Dijalankan Sepanjang Tahun 2018**



Bilangan ini adalah lebih banyak berbanding tahun 2017 di mana pada tahun tersebut hanya sebanyak 172 khidmat masyarakat telah dijalankan manakala pada tahun 2016 dan 2015 adalah 105 dan 90 program dijalankan.


**Rajah 6.88: Bilangan Program Khidmat Masyarakat Dijalankan dari Tahun 2015 hingga Tahun 2018**



Penambahan Khidmat Masyarakat yang telah berjaya dijalankan pada tahun 2018 adalah disebabkan Bahagian Kesihatan Pergigian WPKL &

Putrajaya aktif berkolaborasi dengan program kebangsaan yang melibatkan kerjasama agensi luar seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Pembangunan Wanita, Media sosial seperti TV3, RTM dan radio FM WPKL, Institut Pengajian Tinggi, badan korporat dan lain- lain. Disamping itu, penyelarasan penubuhan Dedicated Promotion Team di setiap zon di bawah WPKL&Putrajaya menjadi tunggak utama kejayaan pelaksanaan program khidmat masyarakat tersebut.

**Rajah 6.89: Trend Pencapaian Program Khidmat Masyarakat 2015 – 2018 Mengikut Aktiviti**



Rajah di atas jelas menunjukkan bahawa bilangan peserta mengikuti ceramah pergigian, saringan kanser mulut, bilangan anggota yang terlibat meningkat daripada tahun sebelumnya.

## PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN PRIMER

### Program Kesihatan Pergigian Toddler

Program Penjagaan Awal Kesihatan Pergigian Kanak- kanak adalah lanjutan dari program ibu mengandung dan sasaran adalah ibubapa/penjaga kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan ke bawah yang diperiksa di bawah perkhidmatan kesihatan kanak- kanak Kementerian Kesihatan (KKM). Penjagaan kesihatan pergigian untuk toddler telah mula dijalankan secara

sistematik selepas pelancaran Guidelines Early Childhood Oral Healthcare pada tahun 2008. Bermula tahun 2009, peratus kedatangan baru toddler di klinik kesihatan (KKIA) menjadi salah satu indikator baru dalam *State Specific Approach (SSA)*.

Aktiviti Kesihatan Pergigian Toddler dijalankan adalah seperti aktiviti penggalakkan dan pencegahan yang dijalankan di:

1. Klinik Pergigian (KP)
2. Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA)
3. Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)
4. Program Khidmat Masyarakat
5. Program Si Cilikku Sihat

Seminar yang dianjurkan untuk Program Kesihatan Pergigian Toddler adalah:

1. Seminar Kesihatan Pergigian Toddler untuk Juruterapi Pergigian
2. Seminar Kesihatan Pergigian untuk guru-guru TASKA

**Jadual 6.90: Bilangan TASKA dan Enrolmen Tahun 2018**

Jenis TASKA	Bil TASKA	Enrolmen
<b>Kerajaan</b>	1	30
<b>Swasta</b>	74	1928
<b>PERMATA</b>	51	2371
<b>JUMLAH</b>	<b>206</b>	<b>4329</b>


### Rasional

Kedatangan baru *toddler* di Klinik Pergigian diberi pemeriksaan pergigian adalah rendah jika berbanding dengan kedatangan baru toddler di Klinik Kesihatan. Kadar karies yang tinggi dan tidak dirawat di kalangan kanak-

kanak 6 tahun ke bawah mengikut penemuan NOHPS 2005 disebabkan oleh kekurangan kesedaran dan penjagaan kesihatan mulut pada peringkat toddler, 4.3% kanak-kanak mempunyai gigi yang sihat (MBK) dan purata dmft = 10.2.


**Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Toddler**

**Rajah 6.91: Peratus Kanak-kanak diperiksa di TASKA Tahun 2014-2018**



Dari Rajah 54, dapat dilihat peratus kanak-kanak diperiksa menurun dari tahun 2015 hingga 2016, kemudian meningkat pada tahun 2017 sebanyak 93.53% dan 2018 iaitu 96.3%.


**Rajah 6.92: Peratus Kanak-Kanak Mulut Bebas Karies di TASKA Tahun 2014-2018**



Peratus kanak-kanak Mulut Bebas Karies (MBK) meningkat dari 75.3% pada tahun 2015 ke 76.6% pada tahun 2016 dan terus meningkat ke 83.11% pada tahun 2017. Ini adalah satu peningkatan yang baik


memandangkan bilangan TASKA juga meningkat. Namun begitu, ianya kembali menurun kepada 75.4% pada tahun 2018.

**Rajah 6.93: Peratus Kanak-kanak yang perlu Flouride Varnish (FV) diberi FV di TASKA Tahun 2014 – 2018**




Terdapat penurunan peratus kanak-kanak yang memerlukan FV dari tahun 2016 ke tahun 2017, iaitu dari 94% kepada 86.9%. Penurunan bilangan kanak-kanak yang diberi FV pada tahun 2017 adalah disebabkan fokus diberikan kepada 10 orang kanak-kanak bagi setiap Juruterapi Pergigian bagi memastikan bilangan kanak-kanak yang mendapat 4 sapuan lengkap dalam tempoh 2 tahun meningkat. Peningkatan semula sapuan FV pada tahun 2018 iaitu sebanyak 11.2%.

**Rajah 6.94: Bilangan Kanak-kanak diperiksa di KKIA Tahun 2014-2018**




Terdapat penurunan bilangan dari tahun 2017 ke 2018, adalah disebabkan kekurangan Juruterapi Pergigian dan peningkatan jumlah kedatangan kanak-kanak di KKIA. Ianya perlu diperbaiki dengan meningkatkan kekerapan lawatan Juruterapi Pergigian ke KKIA telah memberi kesan yang positif.

**Rajah 6.95: Peratus Kanak-kanak Mulut Bebas Karies di KKIA Tahun 2014-2018**



Terdapat penurunan peratus Mulut Bebas Karies bagi kanak-kanak di KKIA yang konsisten iaitu dari 2014 iaitu 93% kepada 80.4% pada tahun 2017. Ini mungkin disebabkan kurangnya pendedahan terhadap kesihatan pergigian di kalangan ibu bapa. Namun begitu, sedikit peningkatan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 1% disebabkan faktor program anticipatory guidance yang telah dijalankan agar kesedaran penjaga (carers) di taska tentang penjagaan kesihatan mulut toddler dapat diterapkan.

**Rajah 6.96: Peratus Kanak-kanak yang perlu Flouride Varnish (FV) diberi FV di KKIA Tahun 2014-2018**



Terdapat peningkatan peratus kanak-kanak yang memerlukan *Flouride Varnish* di KKIA iaitu sebanyak 99.50% pada 2018 berbanding 99.14% pada tahun 2017.

### **Program Kesihatan Pergigian Pra Sekolah**

Program penjagaan kesihatan pergigian bagi kanak-kanak pra sekolah telah dilancarkan pada tahun 1984 bagi tadika. Program ini menggunakan pendekatan yang mesra dan penyayang di mana Jururawat Pergigian memperkenalkan rawatan pergigian tidak invasif kepada kanak-kanak melalui inisiatif promosi dan pencegahan. Ini termasuklah sesi memberus gigi, pertunjukan boneka, role play dan lain-lain aktiviti yang menarik.

Bagi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWP&P), tahap kesihatan yang baik bagi pelajar sekolah rendah telah memberi peluang kepada perkhidmatan Incremental and Comprehensive Oral Health Programme dipanjangkan kepada kanak-kanak pra sekolah dan tadika. Pada tahun 2018, seramai 19808 (enrolmen 19,822) orang kanak-kanak pra sekolah daripada 491 buah pra sekolah dan tadika kerajaan telah diperiksa dan seramai 19251 orang telah dirawat. Terdapat peningkatan berbanding tahun 2017 di mana seramai 19204 (enrolmen

19,477) orang daripada 482 buah pra sekolah dan tadika kerajaan telah diperiksa dan seramai 4466 orang telah dirawat.


**Jadual 6.97: Bilangan Pra sekolah & Tadika Kerajaan dan Swasta di WPKL, Enrolmen dan Liputan Tahun 2017 & 2018**

Jenis	Kerajaan (Pra Sekolah dan Tadika Kerajaan)		Tadika Swasta	
	2017	2018	2017	2018
<b>Tahun</b>				
<b>Bilangan</b>	482	491	96	93
<b>Enrolmen</b>	19,447	19822	6796	6622
<b>Liputan (%)</b>	98.8	100	92%	93.55

Indikator bagi program pra sekolah bagi Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P adalah Latihan Memberus Gigi (LMG) Berkala dengan sasaran sebanyak 90% bagi setiap pra sekolah dan tadika kerajaan.

**Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Pra Sekolah**


**Rajah 6.98: Peratus Murid Pra Sekolah dan Tadika Kerajaan Yang Menerima LMG Tahun 2017 dan 2018**



**Rajah 6.98** menunjukkan Latihan Memberus Gigi (LMG) telah dijalankan sepanjang Januari - Disember 2018. Sasaran 90% yang ditetapkan untuk tahun 2018 telah tercapai, semua klinik pergigian adalah sebanyak 100%.

Terdapat peningkatan yang ketara berbanding tahun 2018. Kerjasama dan kolaborasi dengan guru-guru tadika perlu diteruskan bagi memastikan wujudnya kesedaran tentang kepentingan aktiviti LMG di kalangan mereka.

**Rajah 6.99: Peratus Murid Pra Sekolah Tidak Perlu Rawatan (TPR) Tahun 2013- 2018**



**Rajah 6.99** menunjukkan peratus Tidak Perlu Rawatan (TPR) bagi murid-murid pra sekolah dan tadika bagi tahun 2013-2018. Terdapat sedikit penurunan peratus Murid Tidak Perlu Rawatan (TPR) berbanding tahun 2018 tetapi meningkat berbanding tahun 2016 dan sebelumnya.

### **Program Kesihatan Pergigian Sekolah**

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian disampaikan kepada pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah melalui Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah berpandukan pendekatan Incremental Dental Care. Perkhidmatan ini disampaikan melalui perkhidmatan Klinik Pergigian Statik dan Pasukan Pergigian Bergerak kepada semua pelajar dari Tahun 1 hingga ke Tingkatan 5.

## Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Sekolah


1. Pencegahan dan Promosi Kesihatan Pergigian:
  - a. Penyampaian ceramah atau pendidikan kesihatan pergigian (PKP) kepada semua pelajar yang memfokuskan kepada aspek kebersihan mulut.
  - b. Nasihat amalan pemakanan khususnya amalan pengambilan gula, pemeriksaan mulut dan gigi berkala.
  - c. Mengadakan pameran kesihatan pergigian, kempen dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti anjuran sekolah sihat di kantin sekolah dan persekitaran yang sihat dan selamat yang mencegah pelajar sekolah dari mengalami kecederaan pada gigi dan mulut.
  - d. Menggalakkan kerjasama dengan pihak sekolah untuk memastikan persekitaran sekolah adalah kondusif supaya pelajar dapat mengamalkan gaya hidup yang baik/sihat untuk penjagaan kesihatan mulut.
  - e. Aplikasi sealan fisur kepada gigi kekal yang dikenalpasti berisiko untuk mengalami kerosakan
  - f. Aplikasi fluoride varnish akan diberi kepada pelajar sekolah rendah yang mempunyai indikasi yang tertentu.
2. Aktiviti Klinikal
  - a. Pemeriksaan gigi/mulut dan diagnosa.
  - b. Rawatan yang disampaikan merangkumi rawatan tampalan, cabutan gigi dan pembersihan gigi. Rawatan hanya disampaikan kepada pelajar yang telah mendapat kebenaran untuk rawatan daripada ibubapa atau penjaga.

**Jadual 6.100: Pencapaian Program Sekolah Rendah & Menengah Di Bawah Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P Tahun 2013-2017**

Perkara	Kategori	2013	2014	2015	2016	2017	2018
<b>Bilangan</b>	SR	210	210	210	212	212	212
	SM	107	108	109	109	110	111
<b>Enrolmen</b>	SR	138238	138694	139095	143175	142067	145333
	SM	107410	104559	101008	98371	97244	92950
<b>Kedatangan Baru</b>	SR	138184	138544	138808	141595	141897	145221
	SM	107062	104066	99145	97837	94604	91882
<b>% Liputan Pelajar</b>	SR	98.9	98.8	99.8	99.5	96.9	99.9
	SM	98.2	98.0	98.2	99.5	94.3	98.9
<b>% TPR</b>	SR	73.6	73.2	72.4	68.8	69.0	69.3
	SM	91.8	89.7	88.1	85.0	83.9	83.3
<b>X+M/100</b>	Pelajar 12 Tahun	1.00	0.80	0.83	1.93	1.74	1.02
	Pelajar 16 Tahun	3.71	3.27	4.07	7.98	8.72	4.52
<b>DMFX</b>	Pelajar 12 Tahun	0.33	0.26	0.25	0.24	0.23	0.23
	Pelajar 16 Tahun	0.56	0.52	0.52	0.49	0.51	0.52
<b>% MBG</b>	SR	99.6	94.8	91.9	87.2	88.3	88.0
	SM	98.4	92.8	92.2	83.4	86.7	85.7
<b>Perokok Semasa</b>	SR	NIL	NIL	NIL	33	5	0
	SM	NIL	NIL	NIL	3189	2309	2107


Secara keseluruhannya, pencapaian tahun 2018 adalah baik. Peratus pelajar yang tidak memerlukan rawatan dan peratus pelajar yang bebas gingivitis menurun sedikit. Tahun 2018 merupakan tahun kelima pelaksanaan GIS. Peratus Mulut Bebas Gingivitis (MBG) di kalangan pelajar sekolah perlu dipantau secara berterusan. Selain itu, X+M di kalangan pelajar sekolah rendah (SR) dan sekolah menengah (SM) terdapat penurunan pada tahun 2018. Indeks kehilangan gigi kekal tetapi perlu dipantau dari semasa ke semasa. Program KOTAK menunjukkan keberkesanan yang baik dari segi penurunan murid merokok di sekolah rendah dan sekolah menengah.

**Jadual 6.101: Peratus Liputan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah 2013 – 2018**




Liputan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pada tahun 2018 adalah 100%.

**Jadual 6.102: Peratus Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Menerima Rawatan Tahun 2013 - 2018**



Terdapat peningkatan peratus pelajar yang menerima rawatan di kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di WPKL & P iaitu 99.9% bagi sekolah menengah dan 98.9% bagi sekolah rendah.


**Rajah 6.103: Bil Perokok Semasa bagi Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Tahun 2016 - 2018**



Bilangan perokok semasa pada tahun 2018 bagi WPKL & P menurun dari 2309 pada tahun 2017 kepada 2107. Kesemua zon mampu mengesan perokok disekolah. Bilangan perokok mengikut zon adalah Zon Lembah Pantai (571), Zon Titiwangsa (667), Zon Kepong (204), Zon Cheras (376) dan Zon Putrajaya (289). Bagi sekolah rendah, tiada perokok dikesan di

kalangan murid sekolah rendah. Ini amat meragukan. Juruterapi harus diberi latihan semula untuk meningkatkan kemahiran untuk saringan yang lebih berkesan.

**Rajah 6.104: Bil Bukan Perokok dan Perokok Pasif bagi Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Tahun 2016 – 2018**



Kadar murid bebas dari merokok adalah 72.14% bagi murid sekolah rendah dan 66.47% bagi murid sekolah menengah. Peratus murid yang terdedah dengan asap rokok (perokok pasif) adalah 27.86% bagi murid sekolah rendah dan 30.71% bagi murid sekolah menengah. Usaha untuk membentasi kejadian perokok pasif perlu ditingkatkan.

### **Program Kesihatan Pergigian Ibu Mengandung**


Semasa mengandung, perubahan paras hormon boleh mempengaruhi tabiat, emosi dan kesihatan ibu. Pada peringkat awal, lazimnya ibu mengalami loya dan muntah-muntah yang boleh menyebabkan pembersihan gigi kurang berkesan. Plak, iaitu selaput yang mengandungi bakteria akan sentiasa melekat di permukaan gigi. Plak yang tidak dibersihkan dengan baik akan mendedahkan ibu kepada masalah pergigian iaitu kerosakan gigi (karies gigi) dan penyakit gusi.

Masalah pergigian yang dihadapi oleh ibu juga boleh menjejaskan kesihatan anak dalam kandungan. Anak yang dilahirkan mungkin berkurangan berat badan dan tidak cukup bulan. Ibu juga harus makan secara sihat kerana gigi anak mula terbentuk semasa minggu ke 5 hingga minggu ke 6 kehamilan. Oleh itu, ibu perlu menjaga kesihatan supaya tidak mengalami masalah pergigian sepanjang tempoh kehamilan dan anak yang dilahirkan sihat.


Matlamat utama program ibu mengandung adalah untuk memberi pengetahuan kesihatan pergigian kepada ibu sebagai agen perubahan kesihatan pergigian di persekitaran rumah dengan mengubah tingkahlaku dalam kalangan ahli keluarga. Mereka diberi rawatan pergigian secara percuma. Ibu mengandung yang mendapat rawatan di klinik kesihatan akan dirujuk ke klinik pergigian kerajaan terdekat bagi sesi promosi kesihatan pergigian, pemeriksaan dan rawatan pergigian. Temujanji lanjut akan ditetapkan jika perlu.

### Pencapaian BKP JKWPKL & Putrajaya


**Rajah 6.105: Peratus Liputan Ibu Mengandung Januari – Disember 2017/2018 BKPJKWPKL&P mengikut klinik**




Rajah 6.106: Peratus Liputan Ibu Mengandung Januari-Disember 2017/2018 BKP JKWPKL&P mengikut zon



Rajah 6.107: Peratus Liputan Ibu Mengandung diberi ceramah Januari-Disember 2017/2018 BKP JKWPKL&P mengikut klinik



**Rajah 6.108: Peratus Liputan Ibu Mengandung diberi ceramah Januari-Disember 2017/2018 BKP JKWPKL&P mengikut zon**



### Program Kesihatan Pergigian Golongan Keperluan Khas

Pemeriksaan, rawatan pergigian, aktiviti Pendidikan Kesihatan Pergigian (PKP) disampaikan kepada golongan ini sama ada di sekolah atau di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Mulai tahun 2013, lawatan di PDK mula dipertingkatkan di bawah program NBOS 7. Pada tahun 2018, terdapat sejumlah 105 buah fasiliti kerajaan yang diliputi oleh Bahagian Kesihatan Pergigian.


**Jadual 6.109: Jumlah Institusi Golongan Keperluan Khas (GKK) Kerajaan 2018**

Jenis Institusi	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah		Sekolah Rendah Dengan Kelas Pra sekolah	PDK	Jumlah
	Dengan Kelas Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	Dengan Kelas Pendidikan Khas	Pendidikan Khas			
Lembah Pantai	8	2	8	-	3	5	26

<b>Titiwangsa</b>	9	-	6	1	3	3	22
<b>Kepong</b>	14	-	8	-	5	1	28
<b>Cheras</b>	7	1	5	-	1	1	15
<b>Putrajaya</b>	4	-	4	-	4	2	14
<b>Jumlah</b>	42	3	31	1	16	12	105


**Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian GKK**

**Rajah 6.110: Kedatangan Baru Murid Kelas Intervensi Awal Tahun 2014 - 2018**



Terdapat pertambahan sebanyak 23.6% enrolmen murid pra sekolah dalam masa 2 tahun (Tahun 2014-2015). Kedatangan baru juga meningkat sebanyak 41.7% sepanjang tahun 2014 hingga tahun 2015. Hampir semua menjalani pemeriksaan pergigian pada tahun 2016. Terdapat penurunan sebanyak 28.8% kedatangan baru dari tahun 2015 hingga tahun 2017. Pada tahun 2018, peratus murid kelas Intervensi Awal diperiksa meningkat iaitu sebanyak 96.1%. Manakala bagi tahun 2017, hanya 92.96% murid kelas Intervensi Awal diperiksa.

**Rajah 6.111: Peratus TPR dan Kes Selesai Murid Kelas Intervensi Awal Tahun 2014-2018**



Peratus Tidak Perlu Rawatan (TPR) dalam kalangan kanak-kanak pra-sekolah adalah memuaskan dan meningkat sedikit pada tahun 2017 iaitu 87.9% berbanding 77.6% bagi tahun 2016. Kes selesai pada tahun 2017 adalah 86.4%, sedikit menurun berbanding tahun 2016 sebanyak 6.1%. Manakala bagi tahun 2018, peratus kes selesai meningkat iaitu 90.0%. Ini adalah kerana kedatangan murid meningkat sedikit pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

**Jadual 6.112: Enrolmen, Kedatangan Baru & Peratus Liputan GKK Sekolah Rendah & Menengah Tahun 2014- 2018**


Sekolah	Perkara	2014	2015	2016	2017	2018
<b>Rendah</b>	Enrolmen	1721	1615	1716	1857	1616
	Kedatangan Baru	1594	1559	1635	1772	1546
	% Liputan	92.6	96.5	95.2%	95.4%	95.7%
<b>Menengah</b>	Enrolmen	1525	1467	1433	1669	1570

Kedatangan Baru	1476	1401	1363	1560	1477
% Liputan	96.8%	95.5%	95.1%	93.5%	94.1%

Enrolmen murid sekolah rendah meningkat pada tahun 2017 tetapi pada tahun 2018 menurun sebanyak 13%. Begitu juga enrolmen murid sekolah menengah terdapat peningkatan pada tahun 2017 dan pada tahun 2018 menurun sebanyak 5.9%. Liputan murid sekolah rendah adalah lebih kurang sama dari tahun 2013 hingga tahun 2018 tetapi liputan sekolah menengah sedikit menurun berbanding tahun 2016.

**Rajah 6.113: Peratus Tidak Perlu Rawatan (TPR) dan Peratus Bebas Karies (BK) bagi GKK**

**Sek Rendah (SR) & Menengah (SM) Tahun 2014 – 2018**



Taraf kesihatan mulut dalam kalangan murid GKK ini dari sudut peratus TPR tiada perubahan ketara dalam tempoh 5 tahun. Bagaimanapun, ianya agak tinggi iaitu melebihi 75% untuk kedua-dua murid SR dan SM. Walaubagaimanapun, pada tahun 2017 dan 2018 terdapat penurunan sedikit bagi TPR kedua-dua kategori sekolah rendah dan menengah.

Untuk bebas karies, sekolah rendah berlaku peningkatan dari tahun 2014 hingga tahun 2016 tetapi pada tahun 2017 dan 2018 peratus bebas karies adalah lebih kurang sama. Bagi bebas karies sekolah menengah tiada perubahan ketara sepanjang tempoh 5 tahun (2014-2018).

**Jadual 6.114: Enrolmen, Kedatangan Baru, Peratus Liputan dan Peratus Kes Selesai GKK di Semua PDK Tahun 2014- 2018**

Perkara	2014	2015	2016	2017	2018
<b>Enrolmen</b>	359	370	398	431	386
<b>Kedatangan Baru</b>	265	304	310	355	307
<b>% Liputan</b>	73.8	82.2	77.9	82.4	78.3
<b>% Kes Selesai</b>	64.2	68.4	66.6	66.7	79.5

Enrolmen dan kedatangan baru pelatih PDK tahun ini menurun daripada tahun 2017 kerana terdapat pelatih PDK tidak datang ke PDK semasa lawatan pergigian dijalankan. Peratus liputan juga menurun berbanding tahun 2017. Walaubagaimanapun, peratus kes selesai meningkat pada tahun 2018 iaitu 79.5%.


### **Program Kesihatan Pergigian Warga Emas**

Penyampaian Perkhidmatan Pergigian Warga Emas terus dimantapkan dari tahun ke tahun. Perkhidmatan pada kumpulan ini disampaikan sama ada di klinik atau di institusi bawah program NBOS. Dalam masa lima tahun, pencapaian meningkat sama ada daripada sudut kedatangan baru dan jumlah kedatangan. Setiap klinik sentiasa berusaha untuk mencapai

sasaran perkhidmatan yang dikhususkan untuk Warga Emas. Penyaringan kesihatan mulut, rawatan dan aktiviti PKP semuanya dijalankan di klinik pergigian dan Institusi Warga Emas.

### Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Warga Emas


Rajah 6.115: Kedatangan Warga Emas Tahun 2014 - 2018



Terdapat seramai 24287 Warga Emas yang mendapat pemeriksaan dan rawatan pergigian pada tahun 2018 meningkat berbanding tahun 2017. Jumlah pesakit ulangan menurun pada tahun ini berbanding tahun 2017.

Dalam tempoh 5 tahun, kedatangan baru Warga Emas meningkat sebanyak 34.0%. Manakala penurunan kedatangan ulangan Warga Emas adalah sebanyak 19.9% bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017.

**Rajah 6.116: Jumlah Pesakit Baru Warga Emas Mengikut Umur Jan -  
Dis 2018 (PG 214)**




Majoriti Warga Emas yang mendapat perkhidmatan kesihatan pergigian adalah dalam kalangan mereka yang berumur 61-64 tahun. Manakala, Warga Emas berumur 60 tahun adalah paling kurang mendapat perkhidmatan kesihatan pergigian.

**Jadual 6.117: Kedatangan Warga Emas & Kes Selesai Mengikut Zon  
2018 (PG 207)**

Zon	Kedatangan			Kes Selesai	
	Baru	Ulangan	Jumlah	n	%
<b>Lembah Pantai</b>	8500	7536	16036	2324	27.3
<b>Titiwangsa</b>	4605	4936	9541	962	20.9
<b>Kepong</b>	5086	6192	11278	699	13.7
<b>Cheras</b>	4596	5223	9819	1514	32.9
<b>Putrajaya</b>	1500	1584	3084	408	27.2
<b>Jumlah</b>	<b>24287</b>	<b>25471</b>	<b>49758</b>	<b>5907</b>	<b>24.3</b>

Jumlah kedatangan Warga Emas adalah paling tinggi di Zon Lembah Pantai seramai 16036 orang. Didapati semua zon tidak mencapai sasaran kes selesai iaitu 35%. Peratus kes selesai paling tinggi adalah di Zon Cheras iaitu sebanyak 32.9%.

**Rajah 6.118: Perbandingan Peratus Kes Selesai Warga Emas Antara Zon 2018**



Tiada zon yang mencapai sasaran peratus kes selesai Warga Emas yang ditetapkan iaitu 35%. Didapati Zon Cheras mencapai kes selesai Warga Emas yang tertinggi pada tahun 2018 iaitu 32.9%. Zon Cheras mempraktikkan temujanji diberi pada kes warga emas sehingga kes selesai. Kes Warga Emas juga diberi keutamaan semasa perkhidmatan pesakit luar dan rawatan stat telah dibuat jika masa mengizinkan. PPYM juga mengingatkan supaya Pembantu Pembedahan Pergigian tidak lupa untuk merekod kes selesai bagi semua Warga Emas.

**Jadual 6.119: Pencapaian Perkhidmatan Pergigian Warga Emas Di Institusi / Pusat Komuniti / Persatuan 2018**

Zon	Nama Institusi	Jumlah penghuni	Baru	Kes Selesai	
				n	%
Lembah Pantai	1. Rumah Orang Tua Wesley	11	9	1	11.1
	2. Rumah Charis	15	13	8	61.5
	3. Darul Sakinah	15	15	10	66.7
	4. King George V	30	30	5	16.7
Titiwangsa	5. Pusat Warga Tua NASCOM	22	7	3	42.9
	6. Sevoy Nursing Home Setapak	25	25	13	52.0

	Indah				
	7. Sevoy Nursing Home Desa Melawati	23	23	18	78.2
<b>Kepong</b>	8. Rumah WE Taman Wahyu	32	9	1	11.1
	9. Pusat Jagaan Harian WE	50	45	27	60.0
<b>Cheras</b>	10. Pusat Jagaan Kebajikan Tirana	24	24	10	41.7

Terdapat 10 buah Institusi Warga Emas yang telah diliputi pada tahun 2018. Semua institusi ini dilawat lebih daripada sekali. Walaupun peratus kes selesai agak tinggi, masih banyak rawatan perlu yang tidak diselesaikan. Faktor ini mungkin disebabkan keperluan gigi palsu yang tinggi, jumlah lawatan yang terhad dan sikap Warga Emas sendiri yang kurang berminat untuk merawat gigi mereka.


### **PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR**

Perkhidmatan Pesakit Luar adalah bertujuan memastikan taraf kesihatan yang optimum dapat dicapai dalam kalangan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Rawatan disediakan berdasarkan permintaan pesakit dan beroperasi setiap hari dibawah JKPWPKL dan Putrajaya.


### **Penemuan**

Jumlah kedatangan pesakit baru 2013 hingga 2015 namun ianya menurun pada 2016 disebabkan factor perpindahan Klinik Pergigian Cahaya Suria ke UTC Pudu Sentral (Sementara) tetapi jumlah tersebut meningkat semula pada tahun 2017 hingga 2018.

**Rajah 6.120: Jumlah kedatangan pesakit baru 2013 hingga 2015**




**Rajah 6.121: Jumlah Pesakit Luar Tahun 2017 dan 2018**



Terdapat pertambahan pesakit luar kategori orang dewasa iaitu pertambahan sebanyak 98,464 dari tahun 2017 ke 2018. Ini menunjukkan bahawa kesedaran penduduk terhadap penjagaan kesihatan pergigian telah meningkat.

**Rajah 6.122: Jumlah Kedatangan Pesakit Mengikut Klinik**



Graf di atas menunjukkan jumlah kedatangan pesakit mengikut klinik. Didapati klinik yang mencapai kedatangan pesakit luar yang tinggi adalah dari KP Jinjang dengan mencapai jumlah kedatangan pesakit sebanyak 32593, diikuti KPKL seramai 32488 dan seterusnya KP Presint 18 seramai 32347. Diharapkan tahun 2019 semua klinik dapat meningkatkan kedatangan pesakit luar bagi menunjukkan kesedaran masyarakat akan kepentingan kesihatan pergigian.

**Jadual 6.123: KPI Pesakit Luar Jan-Dis 2018**

KRA	KPI	Sasaran 2019	Sasaran Negeri 2019 (%)	N	D	Pencapaian 2018 (%)
perkhidmatan kesihatan	Peratus klinik pergigian (KP) dengan Pegawai Pergigian yang tetap dan sepenuh masa 3	≥ 80%	100	20	20	100

	bulan					
	Peratus klinik pergigian yang ada Pegawai Pergigian yang tetap dan sepenuh masa dengan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥ 74%	100	20	20	100
	Bil. klinik pergigian dengan > 2 orang Pegawai Pergigian yang tetap dan sepenuh masa yang memberi perkhidmatan pesakit luar setiap hari	Tambah 30 klinik pergigian kumulatif 529	100	20	20	100
<b>Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan</b>	Peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 30 minit	≥ 86%	≥ 86%	181769	302309	60.1
	Peratus pesakit temujanji mendapat rawatan dalam masa 30 minit	≥ 92%	≥ 92%	60490	67016	90.3

Peratus Pesakit Luar yang mendapat rawatan dalam tempoh 30 minit tidak mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan iaitu pencapaian 60.1% sedangkan sasaran KPI ialah 86.0%.

**Jadual 6.124: KPI Dentur Jan-Dis 2018**

<b>KRA</b>	<b>KPI</b>	<b>Sasaran 2019</b>	<b>Sasaran Negeri 2019 (%)</b>	<b>N</b>	<b>D</b>	<b>Pencapaian 2018 (%)</b>
<b>Pemberian Perkhidmatan Dentur</b>	Peratus klinik pergigian dengan senarai menunggu dentur yang melebihi 3 bulan	≤ 8%	≤ 8%	3	18	16.7
	Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan	≥ 64%	≥ 64%	2669	3914	68.2
	Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥ 50%	≥ 50%	840	2230	37.7
<b>Indeks Kepuasan Pelanggan</b>	Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan / rawatan yang diterima	≥ 95%	≥ 95%	1898	1959	96.9

Peratus Klinik Pergigian dengan senarai menunggu dentur 3 bulan mencapai sasaran KPI pencapaian 16.7% dan sasaran yang ditetapkan ialah  $\leq 8\%$ . Sementara peratus umur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu dengan pencapaian 37.7% tidak mencapai sasaran KPI. Sasaran KPI yang ditetapkan ialah  $\geq 50$ .

#### 6.4 CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN PEMBANGUNAN DAN PERKEBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

Projek-projek pembangunan yang dikendalikan dan dipantau oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan

Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya terbahagi kepada:

- i. Projek RMK
- ii. Bukan RMK
- iii. Projek BP00600
- iv. Pembaikan kecil dan penyelenggaraan klinik

#### Projek RMK

Jadual 6.125: Projek RMK

Bil	Nama Projek	Status
a.	<b>Klinik Kesihatan (Jenis 2) Taman Batu Muda Kuala Lumpur</b> - 5 Kerusi (1 Perio, 4 Primer)	Kemajuan Kerja Fizikal (sehingga 15 Disember 2018) Jadual asal: 56.00% Jadual semasa: 71.00% Kemajuan sebenar: 64.00% Cepat/Lewat: 7.00% (Cepat) Varians: 7.00%

		Awal/Lewat: 0 hari (Ikut Jadual)
b.	<p><b>Pusat Pakar (Non Hospital) / KK Presint 6</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Klinik Kesihatan (Jenis 3) dan Pusat Pakar Pergigian, Presint 6 , Putrajaya</li> <li>- Asal: 18 kerusi (6 Ortodontik, 5 Periodontik, 5 Restoratif &amp; 2 <i>Public Health</i>)</li> <li>- Status Pusat Pakar ditukar kepada Klinik Pakar Pergigian dengan 8 kerusi (2018)</li> </ul>	<p>Status Pusat Pakar Pergigian ditukar kepada Klinik Pakar Pergigian (pengurangan skop) selepas mesyuarat Pra Makmal Pengurusan Nilai Bagi Projek Klinik Kesihatan Jenis 3 Dan Pusat Pakar Pergigian Presint 6, Putrajaya dengan pihak EPU, Jabatan Perdana Menteri pada 26.9.18 (kerana kos melebihi peruntukan yang ditetapkan).</p>

**Projek Bukan RMK**

**Jadual 6.126: Projek Bukan RMK**

Bil	Nama Projek	Status
a.	<p><b>Projek KP Dato' Keramat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kos pembinaan semula akan ditanggung oleh syarikat Conlay Construction Sdn Bhd. Sebanyak RM1,500,000.00</li> <li>- Kos tambahan (peralatan dan kelengkapan dalaman) akan ditanggung oleh KKM dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).</li> </ul>	<p>Semakan semula RDI oleh Bahagian Perancangan melibatkan CCSB, <i>end-user</i>, JKWPKL&amp;P, Bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan telah diadakan pada 1&amp;2 Ogos 2018 di 3mana beberapa pindaan kepada <i>lay-out</i> plan telah disarankan oleh Bahagian Perancangan KKM.</p> <p>Pihak pemaju telah</p>

Bil	Nama Projek	Status
		kemukakan pindaan kos (terdapat penambahan kos) selepas perbincangan RDI & Bahagian Pembangunan KKM akan dapatkan kepastian terkini dari pemaju sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha KKM dan seterusnya kepada MOF
b.	<p><b>Projek KP Cahaya Suria</b></p> <p><b>Relocation</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyusuli kemajuan projek KP Cahaya Suria di Pudu Sentral siap dan beroperasi sementara.</li> <li>- Bangunan asal siap dijangka dalam tempoh 5 tahun dari selesainya bangunan lama dirobohkan.</li> <li>- Memohon Jabatan Kesihatan WPKL membayar khidmat jagaan di KPCS sementara</li> </ul> <p><b>Redevelopment</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan Pelan Lantai / MBOR KPCS untuk projek <i>Redevelopment</i> Bangunan Cahaya Suria (Penjenamaan semula kepada Pusat Pakar Pergigian WPKL)</li> </ul>	<p>Klinik mula beroperasi di fasiliti sementara mulai 2 .1.18</p> <p>Projek naiktaraf menggunakan peruntukan khas di bawah BP6 (RM102,451.00) telah dijalankan</p> <p>Penyediaan Pelan Lantai dan MBOR bersama Program Kesihatan Pergigian telah dijalankan</p>
	<p><b>KP Bangsar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek KK Bangsar secara <i>Land</i></li> </ul>	Masih di peringkat

Bil	Nama Projek	Status
	<p><i>Swap</i> di antara Tanah Kerajaan persekutuan seluas 40 ekar di Jalan Bangsar Kuala Bangsar oleh Syarikat Setia Federal Hill Sdn Bhd</p>	Kejuruteraan KKM
	<p><b>KP Cochrane</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Merupakan cadangan Projek Pembangunan Mini Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar, Klinik Kesihatan Jenis 2 dan PKD di Lot 1246, Jalan Cochrane, KL</li> <li>- Telah dipersetujui oleh jemaah menteri pada tahun 2013 untuk dilaksanakan secara <i>Land Swap</i> dan perolehan dilaksanakan melalui kaedah Request for Proposal (RFP).</li> <li>- Tanah yang terlibat adalah milik Kementerian Sumber Asli dan KKM</li> <li>- Keluasan tanah lebih kurang 4 ekar yang akan dibangunkan untuk dikongsi bersama Kementerian Sumber Asli dan KKM manakala 8 ekar adalah milik syarikat yang berjaya.</li> </ul>	Masih di peringkat perancangan KKM

**Projek BP00600**

**Jadual 6.127 : Projek BP00600**

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>No Waran &amp; Tarikh Waran</b>	<b>Status</b>
1.	Kerja-kerja tambahan di Klinik Pergigian Cahaya Suria (sementara) UTC Pudu Sentral.	91000304 (24.5.18)	Kerja-kerja telah 100% siap dijalankan.
2.	Kerja-kerja naiktaraf Klinik Pergigian Putrajaya Presint 18.	91000296 (7.8.18)	Kerja disiapkan pada 22/11/2018.
3.	Kerja-kerja naiktaraf bilik sucihama, bilik rekod, bilik komputer, serta pemasangan ekzos di Klinik Pergigian Tanglin.	91000383	Kerja-kerja telah 100% siap dijalankan pada 15/11/2018.
4.	Kerja-kerja naiktaraf ruang menunggu, kaunter dan pejabat bilik 29 di KP Putrajaya Presint 9.	91000383	Kerja disiapkan pada 16/11/2018.
5.	Kerja-kerja naiktaraf Klinik Pergigian UTC Sentul (projek dibatalkan dan digantikan dengan kerja-kerja pembaikan kecil di Unit Kewangan dan Pentadbiran, Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P.	91000383	Kerja-kerja telah 100% siap dijalankan.
6.	Kerja-kerja pembaikan di Klinik Pergigian Bangsar serta lain lain kerja yang berkaitan.	91000442	Kerja-kerja telah 100% siap dijalankan.
7.	Kerja-kerja pembaikan sistem penghawa dingin dan janakuasa tunggu sedia di Klinik Pergigian Cahaya Suria serta kerja-kerja	91000442	Kerja diambil alih oleh Unit Kejuruteraan JKWPKL&P.

Bil	Nama Projek	No Waran & Tarikh Waran	Status
	yang berkaitan.		

**Pembaikan Kecil Dan Penyelenggaraan Klinik**

**Jadual 6.128: Pembaikan Kecil Dan Penyelenggaraan Klinik**

Bil	Pembekal	Lokasi	Aktiviti	Amaun (RM)
1	Kaja Teguh Enterprise	KP Dato Keramat	030299	750.00
2	Merdang Trading	KP Bdr Tun Razak	030299	3,500.00
3	Desa Pelangi	KP Kg Pandan	030299	500.00
4	Perniagaan Affrizal	PEJ. TPKN(G)	030299	1,441.60
5	Sri Sejati Enterprise	KP Tanglin	030299	980.00
6	Maju Tanding	KP Kuala Lumpur	030299	5,300.00
7	Desa Pelangi	KP Setapak	030299	1,900.00
8	Berkat Mulia	KP Cheras Baru	030299	5,000.00
9	Desa Pelangi	KP Setapak	030299	1,400.00
10	Berkat Mulia	KP Petaling Bahagia	030299	500.00
11	Luzima Enterprise	KP Cheras Baru	030299	2,150.00
12	Medan Teguh	KP Bangsar	030299	1,440.00
13	Fazda Cekap	KP PULAPOL	030299	19,961.60
14	As Bina	KP Cahaya Suria	030299	750.00

15	TA Engineering	KP Setapak	030299	900.00
16	Desa Pelangi	PEJ. TPKN (G) - Stor	030299	1,420.00
17	Fitray Abl Enterprise	PEJ. TPKN (G)	030299	2,760.00
<b>JUMLAH :</b>				<b>50,653.20</b>


### Pengurusan Fasiliti


Penjagaan kesihatan pergigian kepada masyarakat diberikan melalui pelbagai jenis fasiliti pergigian yang terletak di klinik kesihatan, hospital, sekolah rendah dan sekolah menengah serta klinik pergigian stand-alone. Penjagaan kesihatan pergigian kepada murid sekolah dan masyarakat turut diberikan melalui Klinik Pergigian Bergerak dan Pasukan Pergigian Bergerak.

### Taburan Fasiliti Pergigian

Pada tahun 2018, terdapat 101 fasiliti pergigian yang dilengkapi dengan 358 unit pergigian di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berbanding dengan 362 unit pergigian pada tahun 2017 (**Rajah 6.129 dan Rajah 6.130**).

**Rajah 6.129: Perbandingan Bilangan Fasiliti Tahun 2016 – 2018**




**Rajah 6.130: Perbandingan Bilangan Unit Pergigian Tahun 2016 – 2018**

**Jadual 6.131: Fasiliti dan Unit Pergigian Mengikut Zon Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Tahun 2018**

Jenis Fasiliti	Lembah Pantai		Kepong		Titiwangsa		Cheras		Putrajaya	
	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Pergigian	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Pergigian	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Pergigian	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Pergigian	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Pergigian
Klinik Pergigian <i>Stand-alone</i>	2	31	1	4	2	6	0	0	0	0
Klinik Pergigian Sekolah Rendah	20	21	11	12	15	17	7	7	0	0
Klinik Pergigian	3	3	1	1	2	2	3	3	0	0

Sekolah Menengah											
Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan	2	10	2	11	3	21	3	17	2	14	
Klinik Pergigian UTC	1	1	1	2	0	0	0	0	0	0	
Klinik Pergigian di Hospital	0	0	0	0	0	0	1	2*	1	4	
Klinik Pergigian di Institusi Lain	1	1	0	0	0	0	0	0	2	2	
Klinik Pergigian Bergerak	0	0	1	2	1	2	0	0	0	0	
Pasukan Pergigian Bergerak (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah)	1	38	2	33	2	39	1	29	1	17	
Pasukan Pergigian Bergerak Pra sekolah	1	1	1	1	3	3	1	1	0	0	
Pasukan Pergigian Bergerak GKK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>	<b>106</b>	<b>20</b>	<b>66</b>	<b>28</b>	<b>90</b>	<b>16</b>	<b>59</b>	<b>6</b>	<b>37</b>	


\*Termasuk 1 mudah-alih

**Rajah 6.132: Jumlah Fasiliti Pergigian & Unit Pergigian Mengikut Zon Tahun 2018**



Zon Lembah Pantai mempunyai jumlah fasiliti tertinggi iaitu 31 buah diikuti dengan 28 buah fasiliti pergigian di Titiwangsa, 20 buah fasiliti pergigian di Kepong, 16 buah fasiliti pergigian di Cheras and 6 buah fasiliti pergigian di Putrajaya (Rujuk Rajah 3).


**Rajah 6.133: Bilangan Fasiliti Pergigian Mengikut Jenis dan Zon Tahun 2018 (Bahagian 1)**



Terdapat 12 buah klinik pergigian utama yang terletak di klinik kesihatan dan 5 buah klinik pergigian stand-alone yang memberikan perkhidmatan pergigian kepada pesakit luar setiap hari. Zon Lembah Pantai mempunyai


bilangan KPS yang tertinggi iaitu 23 buah (20 KPS Rendah & 3 KPS Menengah) (rujuk Rajah 4).

**Rajah 6.134: Bilangan Fasiliti Pergigian Mengikut Jenis dan Zon Tahun 2018 (Bahagian 2)**




Zon Titiwangsa mempunyai bilangan PPB tertinggi iaitu 5. (2 PPB Sekolah & 3 PPB Prasekolah) (Rujuk Rajah 5)

**Rajah 6.135: Bilangan Unit Pergigian Mengikut Jenis Jenis Fasiliti dan Zon Tahun 2018 (Bahagian 1)**



**Rajah 6.136: Bilangan Unit Pergigian Mengikut Jenis Jenis Fasiliti dan Zon Tahun 2018 (Bahagian 2)**



## PERKHIDMATAN SOKONGAN LUAR

Perkhidmatan sokongan luar berperanan untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Projek Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Klinik bagi Pembekalan & Penyelenggaraan Peralatan Perubatan (Biomedical Equipment Maintenance Services-BEMS) & Bukan Perubatan (untuk skop perkhidmatan Facility Engineering Maintenance Services (FEMS), Cleansing Services (CLS) dan Clinical Waste Management Services (CCWMS) di Klinik-klinik Pergigian di bawah JKWPKL&P bagi memastikan pelaksanaan projek di bawah syarikat konsesi/ kontraktor yang dilantik mengikut keperluan yang ditetapkan seperti mana di dalam dokumen kontrak perjanjian.

### **Menyelaras dan Memantau Pelaksanaan Projek Penswastaan bagi Pembekalan & Penyelenggaraan Peralatan Perubatan (*Biomedical Equipment Maintenance Services-BEMS*)**

- i. Menyediakan maklum balas berkaitan pelaksanaan projek apabila perlu.
- ii. Menghadiri/menyertai mesyuarat bersama agensi mengikut keperluan projek.
- iii. Menyertai aktiviti lawatan pemantauan audit teknikal projek ke fasiliti kesihatan pergigian yang dikenalpasti.

- iv. Menganggotai Jawatankuasa-jawatankuasa projek mengikut keperluan projek.
- v. Menyediakan dan mengemaskini status pelaksanaan projek.
- vi. Mengurus mesyuarat dan perbincangan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek.

Pemantauan penyelenggaraan dan pembekalan peralatan biomedical di klinik- klinik dilakukan oleh Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd. Medical Equipment Enhancement Tenure (QMS MEET). BKP JKWPKL&P akan memastikan pihak QMS Sdn. Bhd:

- i. Menyediakan laporan bulanan dan dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan.
- ii. Menjalankan penyelenggaraan mengikut jadual.
- iii. Membaiki peralatan yang rosak (penalty dikenakan jika tidak dibaiki mengikut kontrak yang ditetapkan).
- iv. Mengganti peralatan mengikut jadual.
- v. Mengemaskini senarai peralatan sebelum peralatan dihantar ke klinik pergigian.

Pada tahun 2018, terdapat tujuh (7) fasiliti tambahan di bawah SA7 iaitu KP Kuala Lumpur, KP Putrajaya Presint 18, KP Cheras, KP UTC Pudu Sentral, KP Mini UTC Sentul, KP Puspanitapuri dan KP SK Batu Muda menjadikan semua klinik pergigian di W.P Kuala Lumpur diselenggara oleh QMS.

Menyelaras dan memantau pelaksanaan Projek Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) untuk Skop Perkhidmatan FEMS, CWMS dan CLMS

- i. Menyediakan maklum balas berkaitan pelaksanaan projek apabila perlu.
- ii. Menghadiri / menyertai mesyuarat bersama agensi mengikut keperluan projek.
- iii. Menyertai aktiviti lawatan pemantauan audit teknikal projek ke fasiliti kesihatan pergigian yang dikenalpasti.

- iv. Menganggotai Jawatankuasa-jawatankuasa projek mengikut keperluan projek.
- v. Menyediakan dan mengemaskini status pelaksanaan projek.

Peratus penyelenggaraan dilaksanakan mengikut kontrak (sedia ada: 2015-2018) di klinik-klinik terlibat iaitu KP Jinjang, KP Sentul, KP Tanglin, KP Cheras, KP Putrajaya P9. Peluasan PSK mulai 2017 iaitu KP Putrajaya P18 (CWM & FEMS) dan Perkhidmatan Pergigian KPKL (CLS & CWMS sahaja).

Pencapaian prestasi Perkhidmatan Pesakit Luar bagi tahun 2018 mencapai sasaran iaitu 100%.

### **TEKNOLOGI KESIHATAN PERGIGIAN**

Teknologi Kesihatan Pergigian menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan perolehan ubat-ubatan dan teknologi kesihatan pergigian untuk Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P bagi memastikan pembekalan ubat-ubatan yang selamat, berkesan, kos efektif dan berdasarkan keperluan semasa.

Teknologi Kesihatan Pergigian menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan perolehan ubat-ubatan seperti:

- i. Menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan ubat-ubatan.
- ii. Memantau dan menyelaras aduan dari end user berkaitan produk pergigian diambil tindakan.
- iii. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkaitan pengurusan ubat-ubatan seperti kontrak ubat, perolehan ubat dan pengurusan stor ubat.

Selain itu, Teknologi Kesihatan Pergigian juga terlibat dalam menyelaras aktiviti berkaitan teknologi kesihatan pergigian iaitu:

- i. Membantu menguruskan penilaian teknologi pergigian (peralatan/ bahan/ prosedur) yang baru atau sedia ada.

- ii. Membantu menyediakan garis panduan penggunaan teknologi (peralatan/ bahan/ prosedur) dalam perkhidmatan pergigian apabila perlu.
- iii. Membantu mengkaji perkembangan teknologi semasa agar ia bersesuaian dengan rawatan kepada pesakit (Horizon Scanning).
- iv. Membantu menguruskan pertanyaan dan aduan berkaitan teknologi pergigian (peralatan/ bahan/ prosedur)

## **PENGURUSAN MAKLUMAT KESIHATAN PERGIGIAN 2018**

### **SISTEM eKL, OHCIS & TPC-OHCIS**

#### **SISTEM eKL**

Projek eKL dilaksanakan di bawah Bahagian Pengurusan Maklumat (IMD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebagai sebahagian daripada projek e-kerajaan. Sistem eKL merupakan satu aplikasi untuk pendaftaran dan menghantar peringatan tarikh temujanji melalui SMS (Short Text Messages) untuk pesakit-pesakit yang menghadiri klinik-klinik pergigian di bawah KKM di Lembah Klang. Terdapat 4 buah klinik pergigian yang sedang menggunakan sistem eKL di WPKL sejak 2009 iaitu:

- i. Klinik Pergigian Cahaya Suria
- ii. Klinik Pergigian Bangsar
- iii. Klinik Pergigian Tanglin
- iv. Klinik Pergigian Jinjang

#### **OHCIS**

OHCIS merujuk kepada Oral Health Clinical Information System yang terdiri daripada sistem aplikasi, perisian, perkakasan, peralatan dan sistem rangkaian di lokasi pelaksanaan. Aplikasi OHCIS lebih menyeluruh berbanding eKL di mana merangkumi pendaftaran, rawatan, makmal dan bayaran. Dengan adanya sistem OHCIS pengendalian pesakit adalah lebih

sistematik (paperless). Bagi Bahagian Kesihatan Pergigian JKWP&P, projek OHCIS telah dilaksanakan 2 buah klinik iaitu:

- i. Klinik Pergigian Putrajaya Presint 18 (mulai tahun 2015)
- ii. Klinik Pergigian Kuala Lumpur (mulai April 2017)

### **TPC-OHCIS**

Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS) adalah sistem Rekod Perubatan Elektronik yang digunakan sebagai sistem operasi harian dan secara real-time di fasiliti kesihatan primer Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini bermaksud, di fasiliti kesihatan yang dilengkapi dengan sistem TPC-OHCIS, ia mengambil alih fungsi sistem klinikal lain yang digunakan untuk tujuan data-entry.

Salah satu inisiatif e-Health KKM bagi transformasi ICT adalah mengintegrasikan dan menambah baik dua sistem Rekod Perubatan Elektronik yang digunakan secara berasingan di fasiliti penjagaan primer iaitu sistem Teleprimary Care (TPC) yang digunakan di klinik kesihatan dan Oral Health Clinical Information System (OHCIS) yang digunakan di klinik pergigian. Sistem bersepadu Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS) telah dirintis di klinik kesihatan dan pergigian di daerah Seremban bermula pertengahan tahun 2017. Sistem ini dibangunkan menggunakan teknologi tempatan iaitu secara kolaborasi dengan MIMOS Berhad dan merupakan harta intelek KKM bersama MIMOS.

Sistem TPC-OHCIS menggantikan sistem legasi TPC yang telah digunakan sejak 2005 dan sistem legasi OHCIS yang telah digunakan sejak 2009. Dengan menggabungkan kedua-dua sistem ini menjadi satu, penjagaan kesihatan pelanggan menjadi lebih efisien dan ada continuity of care. Rekod Kesihatan Pelanggan adalah menjangkau penjagaan prenatal sehingga warga emas. (Womb to tomb).

Sistem TPC-OHCIS adalah sistem web-based dengan pangkalan data yang berpusat. Ia mempunyai kapasiti untuk beroperasi secara online, offline

dan outreach mode (bagi Pasukan Kesihatan Sekolah dan Pasukan Klinik Bergerak). Ia juga mempunyai portal Self-Monitoring untuk kegunaan pelanggan tertentu.

Dengan adanya pangkalan data berpusat, setiap pelanggan cuma perlu didaftarkan satu kali sahaja ke dalam sistem dan rekod perubahan pelanggan boleh diakses oleh semua fasiliti kesihatan yang menggunakan sistem TPC-OHCIS, bagi menjamin penjagaan kesihatan yang berterusan.

Dibina bagi menyokong 'structured data', sistem ini mempunyai keupayaan untuk menjana reten dan laporan yang diperlukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sistem ini juga dihubungkan secara integrasi dengan sistem-sistem sokongan klinikal di fasiliti kesihatan seperti Lab Information System (LIS), Pharmacy Information System (PhIS) dan Computerised Radiography (CR). Sistem lain yang ada integrasi dengan TPC-OHCIS adalah eGL, eNotifikasi, SIMKA, MyHIX dan MyHDW.

Kerja-kerja dan pembekalan perkakasan OHCIS telah dilaksanakan pada tahun 2017 dan 2018. Sistem ini melibatkan 2 buah klinik OHCIS dan 3 buah klinik eKL akan melalui proses migrasi ke TPC-OHCIS fasa I iaitu:

- Klinik Pergigian Bangsar
- Klinik Pergigian Tanglin
- Klinik Pergigian Jinjang
- Klinik Pergigian Putrajaya Presint 18
- Klinik Pergigian Kuala Lumpur

## SEKALUNG BUDI

## SENARAI NAMA PESARA.

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS	TARIKH BERSARA
1	DR. ASMIATI BINTI ARBI	PEGAWAI PERUBATAN PAKAR GRED KHAS C	HOSPITAL PUTRAJAYA	6/11/2018
2	DR. SALMAH BINTI OTHMAN	PEGAWAI PERUBATAN PAKAR GRED KHAS C	HOSPITAL PUTRAJAYA	10/1/2018
3	NORAINI BINTI HASHIM	JURURAWAT GRED U42	HOSPITAL PUTRAJAYA	2/9/2018
4	NOORAINEE BINTI ROMLI	JURURAWAT GRED U36	HOSPITAL PUTRAJAYA	7/4/2018
5	MARIATI BINTI ALIAS	JURURAWAT GRED U36	HOSPITAL PUTRAJAYA	17/6/2018
6	AISAH BINTI BIRAN	JURURAWAT GRED U36	HOSPITAL PUTRAJAYA	27/1/2018
7	GHANI BIN MD YASIN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (REKOD PERUBATAN) GRED N32	HOSPITAL PUTRAJAYA	3/5/2018
8	SITI RAF'AH BINTI HAMZAH	JURURAWAT GRED U32 (KUP)	HOSPITAL PUTRAJAYA	4/6/2018
9	SORNA LATHA A/P KUNCHI RAMA	JURURAWAT GRED U32 (KUP)	HOSPITAL PUTRAJAYA	14/6/2018
10	AMANAH BINTI NAI'MAT	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	HOSPITAL PUTRAJAYA	2/9/2018

11	HAIRONI BINTI ISMAIL	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (FISIOTERAPI) GRED U48	HOSPITAL PUTRAJAYA	24/8/2018
12	NORLIN BINTI LAZIM	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (REKOD PERUBATAN) GRED N32	HOSPITAL PUTRAJAYA	31/5/2018
13	ROHAYAH BINTI TALIKUN	JURURAWAT GRED U42	HOSPITAL PUTRAJAYA	1/3/2018
14	DR. SARINAH BINTI BASRO	PEGAWAI PERUBATAN PAKAR GRED KHAS C	HOSPITAL PUTRAJAYA	1/2/2018
15	DR. MAHANI BINTI MOHD TAMRIN	PEGAWAI PERUBATAN PAKAR GRED UD56	HOSPITAL PUTRAJAYA	3/5/2018
16	HAPIPAH BINTI PATONG	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	HOSPITAL PUTRAJAYA	1/8/2018
17	MAIMUNAH BT IBRAHIM	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	HOSPITAL REHABILITAS I	13/5/2018
18	SITI EMBUN BINTI SALIM	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U12 (KUP)	HOSPITAL REHABILITAS I CHERAS	30/9/2018
19	RAIHA BINTI YAAKUB	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	HOSPITAL REHABILITAS I CHERAS	1/8/2018
20	ROHAIDAH BINTI ALIAS	PEMBANTU TADBIR GRED N26	PKD PUTRAJAYA	16/4/2018
21	SACHITHANAN THAM A/L K.MURUGESU	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U22	PKD PUTRAJAYA	9/6/2018

22	DR. ABDUL FATTAH BIN MOHD SHUKRI	PEGAWAI PERUBATAN GRED UD54	PKD PUTRAJAYA	21/11/2018
23	AHMAD BIN ADU	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	PKD PUTRAJAYA	1/1/2018
24	LEE SAU FOONG	PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U36	PKD LEMBAH PANTAI	22/4/2018
25	SITI HABSAH BINTI KASSIM	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22 (KUP)	PKD LEMBAH PANTAI	24/1/2018
26	BALACHANDRAN A/L RENGASAMY	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U12(KUP)	PKD LEMBAH PANTAI	29/7/2018
27	ZAINON BINTI OMAR	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U24 (TBK)	PKD LEMBAH PANTAI (KKIA TAMAN SERI SENTOSA)	17/7/2018
28	ZAINON BINTI SAHAK	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	PKD LEMBAH PANTAI (KKIA HANG TUAH)	19/10/2018
29	NORITA BINTI HARON	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U24 (TBK)	PKD LEMBAH PANTAI (KKIA TAMAN PANTAI INDAH)	28/2/2018
30	SITI FATIMAH BINTI SABLII	JURURAWAT GRED U32	PKD LEMBAH PANTAI (KK TANGLIN)	30/7/2018
31	AIDA BINTI ABDUL RAUF	JURURAWAT GRED U42	PKD LEMBAH PANTAI	1/2/2018
32	NORSILA BINTI HUSAIN	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U24	PKD CHERAS	21/2/2018

33	SALBIAH BINTI YOUB AHMAD	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U24 (KUP)	PKD CHERAS	5/7/2018
34	SA'DIAH BINTI ARIFFIN	JURURAWAT MASYARAKAT GRED U24 (KUP)	PKD CHERAS (KK BANDAR TUN RAZAK)	1/8/2018
35	NORVENI BINTI ABDULLAH	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11	PKD KEPONG	19/6/2018
36	ABU BAKAR BIN MOHD YUSOP	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U16	PKD KEPONG	2/2/2018
37	ABDUL AZIZ BIN DARUS	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U24	PKD KEPONG	1/3/2018
38	NORHAYATI BINTI BASIRON	PEMBANTU TADBIR GRED N17	PKD TITIWANGSA	18/8/2018
39	ROKIAH BINTI MUDA	PEMBANTU TADBIR GRED N19	PKD TITIWANGSA (KKKL)	8/11/2018
40	MOHAMED AZUDIN BIN ABD AZIZ	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U36	PKD TITIWANGSA	15/12/201 8
41	CHANG ING HUAR	PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U32 (KUP)	PKD TITIWANGSA (KK SETAPAK)	27/3/2018
42	ROBEAH TUN ADAUYAH BINTI AHMAD	JURURAWAT GRED U32 (KUP)	PKD TITIWANGSA (KKKL)	24/3/2018
43	SALASIAH BINTI SHARIDIN	JURURAWAT GRED U32	PKD TITIWANGSA	2/7/2018

44	ZAINAL BIN ABD RAHMAN	PEGAWAI SAINS KAJI SERANGGA GRED C52	BHG KESIHATAN AWAM JKWPKL&P	7/1/2018
45	MARIATON BNTI OMAR	PENOLONG AKAUNTAN GRED W36	UNIT KEWANGAN, JKWPKL&P	1/3/2018
46	HAMIDAH BT ALI	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22 (KUP)	UNIT LATIHAN, JKWPKL&P	23/4/2018
47	ROHAYA BINTI MOHD NOOR	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22 (KUP)	BHG PERUBATAN, JKWPKL&P	22/5/2018
48	TAKRIP BIN SHAKUR	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22 (KUP)	UNIT KEWANGAN, JKWPKL&P	28/5/2018
49	KHATIMAH BINTI SAFAR	JURURAWAT U32	BHG PERUBATAN, JKWPKL&P	19/7/2018
50	PARAMASWARI A/P KRISHNAN	JURURAWAT GRED U42 (M)	BHG PERUBATAN, JKWPKL&P	27/7/2018
51	DR ZAINUDIN BIN ABDUL WAHAB	PENGARAH KESIHATAN NEGERI, PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KESIHATAN AWAM GRED KHAS C	PENGARAH KESIHATAN NEGERI, JKWPKL & P	4/12/2018
52	VETHAMBAL A/P NARAYANAN	PEMBANTU OPERASI GRED N14	BAHAGIAN KESIHATAN AWAM	10/4/2018
53	DR. AHMAD SHARIFUDDIN BIN MOHD ASARI	PAKAR PERGIGIAN PERIODONTIK GRED KHAS A	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	28/8/2018

54	DR. HIDAYAH BINTI SALIM	PEGAWAI PERGIGIAN GRED U54	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	2/12/2018
55	CHIAM SEOW SIEW	JURUTERAPI PERGIGIAN GRED U36	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	31/3/2018
56	ZAINURI BINTI MAT ZAKARIA	JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U36	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	20/11/2018
57	AZIZAH BINTI MOHD ROSDI	JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U36	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	17/10/2018
58	MANORENGET HAM A/P SUPERIAMUNI AN	JURUTEKNOLOGI PERUBATAN GRED U32	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	10/6/2018
59	ROSIAH BINTI AZIZ	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U14	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	12/10/2018
60	LIM SIEW IM	JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U36	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	20/11/2018
61	DR. HANIZAH BINTI MOHD BAKI @ MAHMUD	PEGAWAI PERGIGIAN GRED UD54	BHG PERGIGIAN, JKWPKL	2/1/2018
62	NORAZLINDA BINTI ELIAS	JURURAWAT GRED U36	UNIT CDC	2/7/2018

# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2018.



## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2018.



# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2018.



# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2018



